

**PELAKSANAAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT
DI BADAN AMIL ZAKAT DAERAH (BAZDA) KERINCI
INDONESIA**

YUSUF ABDULLAH

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PELAKSANAAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT
DI BADAN AMIL ZAKAT DAERAH (BAZDA)
KERINCI INDONESIA**

YUSUF ABDULLAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN
ISLAM (SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

ABSTRAK

Masyarakat Islam mempunyaitanggungjawab yang besarterhadap zakat kerana zakat merupakan salahsatu daripadakun Islam. Kajian ini menghuraikan tentang pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Kerinci. Penyelidikan ini dilakukan dengan tujuan menjelaskan konsep kutipan dan agihan zakat dalam Islam, menganalisis kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci, menganalisis pengurusan kutipan zakat di BAZDA Kerinci menurut pandangan pembayar zakat dan pandangan penerima zakat. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah temubual dan soal selidik. Data temubual diperolehi melalui temubual bersama BAZDA Kerinci, manakala data soal selidik diperolehi melalui pengedaran soal selidik kepada penerima dan pembayar zakat di BAZDA Kerinci. Hasil daripada penyelidikan ini mendapati bahawa sistem pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci adalah bagus. Ini dapat dibuktikan dengan meningkatnya jumlah kutipan zakat dari setahun kesetahun. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa pandangan pembayar dan penerima zakat terhadap pengurusan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci adalah memuaskan.

ABSTRACT

Islamic community has a great responsibility to zakat (charity) because zakat is one of the pillars of Islam. This research explained about the collection and the contribution of zakat in Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Kerinci. It was carried out with the purpose of explaining the concept of zakat collection and distribution in Islam, analyzing the collection and distribution of zakat in BAZDA Kerinci, analyzing the management of zakat collection in BAZDA Kerinci based on the view of zakat payers and zakat recipients. The methods used in this study were interviews and questionnaires. The interview data was obtained by having the interview with BAZDA Kerinci, meanwhile questionnaire data was obtained through the contribution of questionnaires to zakat payers and zakat recipients at BAZDA Kerinci. The results of this research found that the implementation of the systems of collection and distribution of zakat in BAZDA Kerinci is good. This can be proven by the increasing number of zakat (charity) collections from year to year. The finding of this research is also shown that the view of zakat's payers and zakat recipients towards the management of zakat collection and distribution in BAZDA Kerinci is satisfied.

PENGHARGAAN

Syukur *al-hamdulillah* penulis panjatkan kepada Allah swt kerana limpahan rahmat dan kesempatan yang diberikannya, penulis dapat menyelesaikan disertasi ini dengan baik sebagaimana yang dicadangkan. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad s.a.w. yang telah membawa manusia dari alam jahiliah ke alam yang ilmiah yang kita rasakan saat ini. Penulis mengucapkan banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu penulis selama menjalankan penyelidikan untuk menyelesaikan kajian ini. Bantuan dan pertolongan yang mereka berikan adalah sangat berharga sehingga disertasi ini dapat diselesaikan.

Terima kasih tak terhingga di sampaikan kepada Dr. Patmawati Haji Ibrahim yang sangat mengambil berat tentang penyeliaan. Ia memberikan pelbagai nasihat, kritikan, saranan yang begitu bererti. Ianya memperkaya pencapaian mahupun metodologi, khazanah penulisan tesis ini. Semoga segala bentuk bantuan beliau, sama ada yang berbentuk idea, masa dan tenaga yang telah disumbangkan akan mendapat balasan terpuji dari Allah swt. Selanjutnya terima kasih di ucapkan kepada Dr. Nor Aini binti Ali selaku Ketua Jabatan Syariah Dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ucapan terima kasih juga di sampaikan kepada semua pihak pengurus BAZDA Kerinci, terutama kepada Bapak Drs. H. Basrial Syah selaku pengetua BAZDA Kerinci yang banyak membantu dalam menjalankan kajian ini. Selanjutnya kepada pengetua MAN Sebukar, pengetua MTsN Semerah dan pengetua MAN 3 Pendung Talang Genting yang telah memberikan kerjasama yang baik kepada penulis.

Tidak lupa kepada rakan-rakan penulis antaranya yang telah banyak membantu, Ahmad Zuhdi, Muhammad Faizin, Nasrun Sa'i, Azhari Baharudin, Nurhayati, Rizki Takriyanti dan kakanda Hamimah yang selalu berkongsi idea dan pandangan yang membina dalam memantapkan disertasi ini. Kemudian juga kepada Martinus Ibrahim dan Yusuf Fahrullazi yang telah banyak membantu penulis selama

proses penyelidikan dijalankan, hanya doa yang mampu penulis panjatkan kehadirat Allah Robbi Izza'ti bagi membalas jasa-jasa dan pergorbanan kalian.

Penghargaan khas dipersembahkan kepada kedua-dua orang tua saya tercinta ayahanda Abdullah bin Yusuf dan Ibunda Siti Ramlah binti Idris atas segala pengorbanan yang telah dicurahkannya. Dedikasi, cinta dan doa yang mereka berikan amat berharga dalam menghantarkan saya kepada kejayaan ini. Kepada Saudara-saudaraku Syafriadi, Afriyanti, Rosmiati dan kakanda Yunus Ismail dan M, Salim H. Usman serta pona'an-pona'an ku yang tersayang. Gelak, canda dan senyuman kecil kalian membuat hidupku semakin berwarna. Untuk orang yang kuhormati nenek Hj. Normawati.

Akhir kata, sekali lagi secara peribadi saya sampaikan terima kasih banyak kepada semua pihak yang tidak dapat disebutkan namanya satu persatu. Semua kebaikan yang telah mereka berikan, semoga Allah swt membendasnya. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Kuala Lumpur, Februari 2015

Yusuf Abdullah

Dusun Baru Tanjung Tanah
Kec. Danau Kerinci,
Kab. Kerinci, Jambi-Indonesia
Email:ayusuf41@yahoo.co.id

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xviii
PANDUAN TRANSLITERASI	xxii

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	7
1.8 Kajian Lepas	8
1.9 Metodologi Kajian	22
1.9.1 Metode Pengumpulan Data	22
1.9.1.1 Data Sekunder	22
1.9.1.2 Data Primer	24
1.9.2 Metode Analisis Data	28
1.8.2.1 Skala Pengukuran	28
1.8.2.2 Teknik Analisis Data	28
1.10 Pembahagian Bab	31

BAB II **KONSEP ZAKAT**

2.1 Pengenalan	33
2.2 Pengertian Zakat	34
2.3 Hukum Dan Persyariatan Zakat	36
2.3.1 Hukum Enggan Mengeluarkan Zakat	38
2.3.2 Hikmah Persyariatan Zakat	38
2.4 Pelaksanaan Kutipan Zakat	
2.4.1. Syarat Wajip Zakat	42
2.4.1.1 Syarat Wajip Keatas Pengeluar	42
2.4.1.2 Syarat Wajip Keatas Harta	45
2.4.2 Sumber Zakat	
2.4.2.1 Zakat Fitrah	51
2.4.2.2 Zakat Harta	52
2.5 Agihan Zakat	
2.5.1 Golongan Penerima Zakat	62
2.5.1.1 Al-Fukara (Fakir)	63
2.5.1.2 Al-Masakin (Miskin)	64
2.5.1.3 Amil (Pengurus)	65
2.5.1.4 Muallaf (Masuk Islam)	66
2.5.1.5 Riqab (Hamba)	67
2.5.1.6 Gharimin (Berhutang)	67
2.5.1.7 Fisabilillah (Pada Jalan Allah)	68
2.5.1.8 Ibnushabil (Musafir)	69
2.6 Kesimpulan	70

BAB III **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ZAKAT DI BAZDA-KERINCI**

3.1 Pengenalan Institusi Zakat di Indonesia	71
3.2 Sejarah BAZDA (BadanAmil Zakat Daerah) Kerinci	75
3.2.1 Visi, Misi dan Moto BAZDA	76
3.2.2 Dasar Hukum	76

3.2.3	Asas Pengurusan Dan Sifat BAZDA	77
3.2.3.1	Asas Pengurusan	77
3.2.3.2	Sifat BAZDA	79
3.2.4	Fungsi Dan Aktiviti Zakat BAZDA	
3.2.4.1	Fungsi	81
3.2.4.2	Aktiviti Kerja BAZDA	82
3.2.5	Kemudahan Perkhidmatan Pusat Zakat BAZDA	86
3.2.6	Organisasi Pentadbiran	87
3.3	Sistem Kutipan Dan Agihan Zakat Di BAZDA Kerinci	
3.3.1	Kaedah Kutipan Zakat Di BAZDA	89
3.3.1.1	Cara Kutipan Terus Melalui BAZDA	89
3.3.1.2	Pungutan Melelalui Unit Pengumpul Zakat	90
3.3.1.3	Perkhidmatan Perbankan	91
3.3.2.	Sumber Pungutan Zakat Di BAZDA Kerinci	
3.3.2.1	Zakat Pendapatan	92
3.3.2.2	Dana Infak Dan Sedekah	93
3.4	Agihan Zakat Di BAZDA	
3.4.1	Kaedah Dan Program Agihan Zakat Di BAZDA Kerinci	96
3.4.1.1	Konsumtif Tradisional	96
3.4.1.2	Konsumtif Kreatif	97
3.4.1.3	Produktif Konvensional	97
3.4.1.4	Produktif Kreatif	98
3.4.2	Perincian Dan Tata cara Agihan Zakat Di BAZDA	98
3.4.3	Terma Syarat Yang Diperuntukkan Bagi Calon Penerima Zakat	99
3.4.4	Proses Pengagihan Dana Zakat BAZDA	100
3.5	Masalah Dan Cabaran	100
3.6	Lokasi Kajian	
3.6.1	Asal Usul Kerinci	103
3.6.2	Letak Dan Keadaan Geografis	104
3.6.3	Sosial Dan Budaya	108
3.6.4	Penduduk	110
3.7	Kesimpulan	115

BAB IV

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan	117
4.2 Kutipan Zakat BAZDA Kerinci	118
4.2.1 Zakat pendapatan	118
4.2.2 Dana Infak Dan Sedekah	118
4.3 Analisis Kutipan Zakat BAZDA Kerinci	119
4.3.1 Jumlah Kutipan Zakat BAZDA Kerinci	119
4.3.2 Jumlah Kutipan Keseluruhan	120
4.3.3 Jumlah Zakat Mengikut Cara Bayar	122
4.3.3.1 Perincian Kutipan Zakat Mengikut Unit Zakat	123
4.3.3.2 Perincian Kutipan Zakat Mengikut Bank	125
4.3.3.3 Perincian Kutipan Zakat Terus Melalui BAZDA	126
Kerinci	
4.3.4 JumlahKutipan Zakat Mengikut Sektor	127
4.4 AnalisisAgihan Zakat	
4.4.1 Analisis Jumlah Agihan Mengikut Asnaf	128
4.4.1.1 Perincian Agihan Zakat Mengikut Asnaf Fakir	128
Miskin	
4.4.1.2 Perincian Agihan Zakat Mengikut Asnaf Amil	139
4.4.1.3 Perincian Agihan Zakat Mengikut Asnaf Muallaf	141
4.4.1.4 Perincian Agihan Zakat Mengikut Asnaf Gharimin	142
4.4.1.5 Perincian Agihan Zakat Mengikut Asnaf	143
Fisabilillah	
4.4.1.6 Perincian Agihan Zakat Mengikut Asnaf Ibnu	147
shabil	
4.4.2 Analisis Jumlah Agihan Zakat Keseluruhan Mengikut	148
Asnaf	
4.4.3 Agihan Zakat mengikut Program	149
4.4.3.1 Perincian Agihan Zakat Bagi Program Ekonomi	150
4.4.3.2 Perincian Agihan Zakat Bagi Program Sosial	151
4.4.3.3 Perincian Agihan Zakat Bagi Program Pendidikan	152
4.4.3.4 Perincian Agihan Zakat Bagi Program	152

Pembangunan Insan	
4.4.4 Analisis Jumlah Agihan Zakat Keseluruhan	153
4.4.5 Analisis Jumlah Lebihan Agihan Zakat	157
4.5 Analisis soal selidik (Muzakki)	
4.5.1 Latar Belakang Responden	157
4.5.2 Faktor Yang Mempengaruhi Responden Membayar Zakat	166
4.5.2.1 Persepsi Responden Terhadap Bayaran Zakat	166
4.5.2.2 Persepsi Responden Terhadap Perkhidmatan	171
BAZDA	
4.5.3 Faktor Yang Berkaitan Dengan Promosi	176
4.5.3.1 Pengetahuan Pembayar Terhadap Promosi	176
4.5.3.2 Penerimaan Responden Terhadap Promosi	185
4.5.4 Masalah Yang Dihadapi Responden	187
4.5.5 Saran Dan Usulan Responden	191
4.6 Analisis soal selidik (Penerima Zakat)	194
4.6.1 Latar Belakang Responden	194
4.6.2 Persepsi Responden Terhadap BAZDA	
4.6.2.1 Penerimaan Zakat	206
4.6.2.2 Perkhidmatan BAZDA	210
4.6.3 Faktor Yang Berkaitan Dengan Promosi	
4.6.3.1 Pengetahuan Penerima Zakat Terhadap Promosi	215
4.6.3.2 Penerimaan Penerima Zakat Terhadap Promosi	224
4.6.4 Masalah Yang Dihadapi Responden	226
4.6.5 Saran Dan Usulan Responden	233
4.7 Kesimpulan	235
 BIBLIOGRAFI	253
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Jadual	2.1	: Kiraan Zakat Lembu Dan Kerbau	55
Jadual	2.2	: Kiraan Zakat Kambing	55
Jadual	3.1	: Pembahagian Kecamatan Di Kabupaten Kerinci	105
Jadual	3.2	: Pembahagian Kecamatan Desa Di Kabupaten Kerinci	106
Jadual	3.3	: Luas Kawasan Kabupaten Kerinci	106
Jadual	3.4	: Penggunaan Lahan Di Kabupaten Kerinci	108
Jadual	3.5	: Nama-Nama Datuk Bandar Di Kabupaten Kerinci	109
Jadual	3.6	: Jumlah Penduduk Di Kabupaten Kerinci	111
Jadual	3.7	: Jumlah Sekolah Dan Bilangan Murid	113
Jadual	3.8	: Jumlah Kelengkapan Kesihatan di Kabupaten Kerinci	114
Jadual	3.9	: Laju Pertumbuhan Ekonomi Kabupaten Kerinci	115
Jadual	4.1	: Jumlah Kutipan Zakat BAZDA Tahun 2008-2012	119
Jadual	4.2	: Jumlah Kutipan Keseluruhan Bagi Tahun 2008-2012	120
Jadual	4.3	: Jumlah Zakat Mengikut Cara Bayar	122
Jadual	4.4	: Perincian Kutipan Zakat Mengikut Unit Zakat	123
Jadual	4.5	: Perincian Kutipan Zakat Melalui Ejen Bank	125
Jadual	4.6	: Perincian Kutipan Zakat Melalui BAZDA Kerinci	126
Jadual	4.7	: Jumlah Kutipan Zakat Mengikut Sektor	127
Jadual	4.8	: Perincian Agihan Zakat Mengikut Asnaf Fakir Miskin	129
Jadual	4.9	: Bantuan Pinjaman Modal Usaha Mikro	130
Jadual	4.10	: Bantuan Pinjaman Usaha Tani	131
Jadual	4.11	: Bantuan Bibit Kambing	132
Jadual	4.12	: Bantuan Peralatan Usaha	133
Jadual	4.13	: Bantuan Bibit Lembu	133
Jadual	4.14	: Bantuan Kesihatan Ternakan	134
Jadual	4.15	: Bantuan Lembu Perah (Tenusu)	135
Jadual	4.16	: Bantuan Keperluan Asas Menjelang Hari Raya	136
Jadual	4.17	: Bantuan Bagi Program Khitan Beramai-Ramai	136

Jadual	4.18 : Bantuan Bencana Alam	137
Jadual	4.19 : Bantuan Rumah Tidak Layak Huni	138
Jadual	4.20 : Bantuan Perubatan Keluarga Miskin	138
Jadual	4.21 : Bantuan Kesihatan OKU	139
Jadual	4.22 : Perincian Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil	140
Jadual	4.23 : Perincian Agihan Zakat Bagi Asnaf Muallaf	141
Jadual	4.24 : Jumlah Penerima Bantuan Muallaf	141
Jadual	4.25 : Perincian Agihan Zakat Bagi Asnaf Gharimin	142
Jadual	4.26 : Jumlah Penerima Bantuan Asnaf Gharimin	142
Jadual	4.27 : Perincian Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah	143
Jadual	4.28 : Jumlah Penerima Bantuan Beasiswa	144
Jadual	4.29 : Jumlah Penerima Bantuan Pelajar Tahfiz	145
Jadual	4.30 : Jumlah Penerima Bantuan Qori Dan Qoriah	146
Jadual	4.31 : Jumlah Penerima Bantuan Guru Diniyyah TPSQ	146
Jadual	4.32 : Perincian Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnu shabil	147
Jadual	4.33 : Jumlah Penerima Bantuan Orang Terlantar	147
Jadual	4.34 : Jumlah Agihan Zakat Mengikut Asnaf	148
Jadual	4.35 : Agihan Zakat Mengikut Program	149
Jadual	4.36 : Jumlah Agihan Bagi Program ekonomi	150
Jadual	4.37 : Jumlah Agihan zakat Bagi Program Sosial	151
Jadual	4.38 : Jumlah Agihan Zakat Bagi Program Pendidikan	152
Jadual	4.39 : Jumlah Agihan Zakat Bagi Program Pembangunan Insan	152
Jadual	4.40 : Jumlah Agihan zakat Keseluruhan	153
Jadual	4.41: Jumlah Penerima Agihan Zakat Mengikut Asnaf	154
Jadual	4.42 : Jumlah Bilangan Asnaf Mengikut Daerah	155
Jadual	4.43 : Taburan Responden Mengikut Jantina	158
Jadual	4.44 : Taburan Responden Mengikut Umur	158
Jadual	4.45 : Taburan Responden Mengikut Pendidikan	159
Jadual	4.46 : Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	160
Jadual	4.47: Taburan Responden Mengikut Perkahwinan	161
Jadual	4.48 : Taburan Responden Mengikut Alamat	162
Jadual	4.49: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan	162

Jadual	4.50 : Taburan Responden Mengikut Perbelanjaan Bulanan	163
Jadual	4.51 : Taburan Responden Mengikut Jenis Zakat	164
Jadual	4.52 : Taburan Responden Mengikut Lama Membayar Zakat	166
Jadual	4.53 : Tahap Keyakinan Responden Terhadap Agihan Zakat	166
Jadual	4.54 : Kaedah Bayaran Zakat Di BAZDA	167
Jadual	4.55 : Promosi BAZDA	168
Jadual	4.56 : Jarak Tempat Tinggal Muzakki Terhadap BAZDA	170
Jadual	4.57 : Zakat Cepat Di Agihkan	170
Jadual	4.58 : Pegawai Yang Bertugas Di BAZDA Sudi Membantu	171
Jadual	4.59 : Pegawai Yang Bertugas Memeliki Pengetahuan	172
Jadual	4.60 : Pegawai Bersedia Memberikan Maklumat	173
Jadual	4.61 : Pegawai Yang Bertugas Menepati Masa	174
Jadual	4.62 : Pegawai Yang Bertugas Mudah Di Hubungi	175
Jadual	4.63 : Mengetahui Promosi Zakat Oleh BAZDA	176
Jadual	4.64 : Tertarik Dengan Promosi BAZDA Kerinci	177
Jadual	4.65 : Jenis Promosi Yang Menarik Minat Responden	177
Jadual	4.66 : Jenis Promosi Yang Dilakukan Oleh BAZDA	179
Jadual	4.67 : Promosi Yang Menarik Minat Muzakki	182
Jadual	4.68 : Promosi BAZDA Mencukupi	183
Jadual	4.69 : Alasan Responden Menyatakan Pilihan	184
Jadual	4.70 : Responden Mengunjungi BAZDA Setelah Promosi	185
Jadual	4.71 : Responden Berminat Mengetahui Maklumat	185
Jadual	4.72 : Responden Mengabarkan Kepada Orang Lain	186
Jadual	4.73 : Borang Zakat Mudah Diperolehi	187
Jadual	4.74 : Pegawai Menjalankan Tugas Dengan Efektif	188
Jadual	4.75 : Aduan Responden Kepada BAZDA	189
Jadual	4.76 : Tindak Balas Aduan Kepada BAZDA	189
Jadual	4.77 : Menyelesaikan Aduan Dengan Efektif	190
Jadual	4.78 : Masalah Lain Yang dihadapi Responden	191
Jadual	4.79 : Saran Dan Usulan Responden	192
Jadual	4.80 : Taburan Responden Mengikut Jantina	194
Jadual	4.81 : Taburan Responden Mengikut Umur	194

Jadual	4.82 : Taburan Responden Mengikut Pendidikan	195
Jadual	4.83 : Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	196
Jadual	4.84 : Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan	197
Jadual	4.85 : Taburan Responden Mengikut Alamat Tinggal	197
Jadual	4.86 : Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan	198
Jadual	4.87 : Taburan Responden Mengikut Perbelanjaan Bulanan	199
Jadual	4.88 : Taburan Responden Mengikut Jumlah Tanggungan	199
Jadual	4.89 : Jenis Zakat Yang Di Terima Responden	200
Jadual	4.90 : Taburan Responden Mengikut Lama Menerima Zakat	201
Jadual	4.91 : Taburan Responden Mengikut Bantuan Zakat	202
Jadual	4.92 : Taburan Responden Mengikut Asnaf	203
Jadual	4.93 : Jenis Bantuan Zakat Yang Diterima	203
Jadual	4.94 : Jangka Masa Responden Menerima Zakat	204
Jadual	4.95 : Butiran Zakat Yang Diterima	205
Jadual	4.96 : Bantuan Lain Selain BAZDA	205
Jadual	4.97 : Bantuan Zakat Dapat Membantu Responden	206
Jadual	4.98 : Bantuan Zakat Sampai Kepada Asnaf Yang Lain	207
Jadual	4.99 : Bantuan Zakat Cepat Dan Tepat	208
Jadual	4.100 : Maklumat Mengenai Zakat	209
Jadual	4.101 : Pegawai Yang Bertugas Sudi Membantu	210
Jadual	4.102 : Pegawai Yang Bertugas Memiliki Pengetahuan	211
Jadual	4.103 : Pegawai Bersedia Memberikan Maklumat Bila Diminta	212
Jadual	4.104 : Pegawai Yang Bertugas Menepati Masa	213
Jadual	4.105 : Pegawai Yang Bertugas Mudah Di Hubungi	214
Jadual	4.106 : Mengetahui Promosi BAZDA	215
Jadual	4.107 : Promosi Agihan Zakat Sampai	216
Jadual	4.108 : Promosi Zakat Menarik Minat Responden	216
Jadual	4.109 : Jenis Promosi Yang Menarik Minat Responden	217
Jadual	4.110 : Promosi Yang Dilakukan Oleh BAZDA	218
Jadual	4.111 : Promosi Yang Menarik Minat Responden	220
Jadual	4.112 : Promosi BAZDA Mencukupi	222

Jadual	4.113 : Alasan Responden Menyatakan Pilihan	223
Jadual	4.114 :Responden Mengunjungi BAZDA Setelah Promosi	224
Jadual	4.115 :Responden Berminat Mengetahui Maklumat	224
Jadual	4.116 :Responden Mengabarkan Kepada Orang Lain	225
Jadual	4.117 :Borang Zakat Mudah Di perolehi	226
Jadual	4.118 :Borang Agihan Zakat Mudah di Pahami	227
Jadual	4.119 :Amil Menjalankan Tugas Agihan Dengan Efektif	228
Jadual	4.120 :Tempoh Membuat Permohonan Mudah Dan Cepat	228
Jadual	4.121 :Tempoh Mendapatkan Kelulusan Agihan	229
Jadual	4.122 : Aduan Kepada BAZDA	230
Jadual	4.123 : Tindak Balas Terhadap Aduan Yang Di Buat	231
Jadual	4.124 :Menyelesaikan Aduan Dengan Efektif	232
Jadual	4.125 :Masalah Lain Yang Dihadapi Responden	233
Jadual	4.126 :Saran Dan Usulan Responden	234

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 : Carta Alir Prosedur Persampelan Wilayah Dan Kelompok Satu Tingkat	27
Rajah 3.1 : Carta Organisasi Pentadbiran Zakat BAZDA Kerinci	88
Rajah 3.2 : Carta Alir Proses Pengagihan Dana Zakat Oleh BAZDA Kerinci	100
Rajah 3.3 : Jumlah Penduduk Mengikut Kecamatan	112
Rajah 3.4 : Jumlah Murid Dan Ruang kelas	113
Rajah 4.1 : Kutipan Zakat Pendapatan	120
Rajah 4.2 : Kutipan Keseluruhan Selain Zakat 2008-2012	121
Rajah 4.3 : Jumlah Zakat Mengikut Cara Bayar	123
Rajah 4.4 : Carta Aliran Jumlah Zakat Mengikut Cara Bayar	123
Rajah 4.5 : Jumlah Kutipan Zakat Melalui Unit Pengumpul Zakat	125
Rajah 4.6 : Jumlah Kutipan Zakat Melalui Ejen Bank	126
Rajah 4.7 : Jumlah Bayaran Terus Melalui BAZDA	125
Rajah 4.8 : Agihan Zakat Mengikut Asnaf	149
Rajah 4.9 : Agihan Zakat Mengikut Program	150

Rajah 4.10 : Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat	154
Rajah 4.11 : Bilangan Keseluruhan Mengikut Asnaf	155
Rajah 4.12 : Bilangan Keseluruhan Asnaf mengikut Daerah	157
Rajah 4.13 : Bilangan Responden Mengikut Jantina	158
Rajah 4.14 : Bilangan Responden Mengikut Umur	159
Rajah 4.15 : Bilangan Responden Mengikut Pendidikan	160
Rajah 4.16 : Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan	160
Rajah 4.17 : Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan	161
Rajah 4.18 : Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan	163
Rajah 4.19 : Bilangan Responden Mengikut Jantina	164
Rajah 4.20: Bilangan Responden Mengikut Jenis Zakat Yang Dibayar	165
Rajah 4.21 : Bilangan Responden Mengikut Keyakinan Terhadap Agihan	167
	168
Rajah 4.22 : Kaedah Pembayaran Zakat Di BAZDA	
Rajah 4.23 : Promosi BAZDA Sampai Kepada Responden	169
Rajah 4.24 : Penyaluran Dana Zakat Kepada Asnaf	170
Rajah 4.25 : Pegawai Yang Bertugas Memeliki Pengetahuan	172
Rajah 4.26: Petugas Bersedia Memberikan Maklumat Bila Diminta	173
Rajah 4.27 : Petugas bertugas Mudah Di Hubungi	175
Rajah 4.28 : Mengetahui Promosi Zakat BAZDA	176
Rajah 4.29 : Promosi Yang Menarik Minat Responden	178
Rajah 4.30 : Minat Responden Mengetahui Maklumat	186
Rajah 4.31 : Responden Mengabarkan Kepada Orang Lain	187
Rajah 4.32 : Masalah Lain Yang Di Hadapi Responden	191
Rajah 4.33 : Taburan Responden Mengikut jantina	194
Rajah 4.34 : Bilangan Responden Mengikut Umur	195
Rajah 4.35 : Bilangan Responen Mengikut Pendidikan	196
Rajah 4.36 : Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan	196
Rajah 4.37 : Bilangan Responden Mengikut Jumlah Tanggungan	200
Rajah 4.38 : Jenis Zakat Yang Di Terima Responden	200
Rajah 4.39 : Lama Menerima Zakat	201
Rajah 4.40 : Jumlah Penerima Zakat Dalam Tiap Keluarga	202
Rajah 4.41 : Bilangan Responden Menerima Zakat Mengikut Asnaf	203

Rajah 4.42 : Bantuan Lain Selain BAZDA	206
Rajah 4.43 : Pegawai Memiliki Kepakaran Terhadap Tugas	211
Rajah 4.44 : Petugas Bersedia Memberikan Maklumat Bila Diminta	212
Rajah 4.45 : Petugas Mudah Di Hubungi	214
Rajah 4.46: Mengetahui Promosi Zakat BAZDA	215
Rajah 4.47 : Promosi Zakat Menarik Minat Responden	217
Rajah 4.48 : Minat Responden Mengetahui Maklumat	224
Rajah 4.49 : Responden Mengabarkan Kepada Orang Lain	225
Rajah 4.50 : Masalah Lain Yang Dihadapi Responden	233

KEPENDEKAN

Abd	: Abdul
As	: Alaihissalam
A.ma	: Ahli Madya
ASKES	: Asuransi Kesihatan
BAZIS	: Badan Amil Zakat Infak dan Sedekah
BAZ	: Badan Amil Zakat
BAZDA	: Badan Amil Zakat Daerah
BAZNAS	: Badan Amil Zakat Nasional
BIMAS	: Bimbingan Masyarakat
BMT	: Baitul Maal Wat Tamwil
BPMPD	: Badan Pemerksaan Masyarakat Pemerintah Desa
BPBD	: Badan Penanggulangan/Pencegahan Bencana Daerah
BAPEDA	: Badan Kepegawaian Daerah
BPN	: Bukti Penerimaan
BRI	: Bank Rakyat Indonesia
c	: Cetakan
CAPIL	: Catatan sipil
DD	: Dompet Dhuafa
DIY	: Daerah Ibukota Yogyakarta
DPR	: Dewan Perwakilan Rakyat
DPRD	: Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
DP	: Dewan Pengurus
DW	: Dewan Pengawas
DKT	: Dinas Kesihatan Tentara
DISHUB	: Dinas Perhubungan
DISNAKERTRANS	: Dinas Tenaga Kerja Dan Transmigrasi
DR	: Doktor
Dr	: Dokter
DEPAG	: Departemen Agama
DKI	: Daerah Khusus Ibukota
DPT	: Depati
Drs	: Doktorandus

Depdikbud	: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
h	: Halaman
H	: Haji
Hamp	: Hamparan
Hj	: Hajjah
HUR	: Harian Umum Republika
Ibid	: Ibidem, rujukan yang tidak diselangi oleh buku lain
IKIP	: Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan
KEP	: Keputusan
Ir	: Insinyur
IPT	: Institut Perguruan Tinggi
Ibn	: Ibnu
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
JAWHAR	: Jawatan Wakaf Zakat dan Haji
KUAKEC	: Kantor Urusan Agama Kecamatan
KESBANGPOL	: Badan Kesatuan Kebangsaan Dan Politik
KB	: Keluarga Berencana/Perancang Keluarga
Lc	: License/lisain (strata satu)
LIPI	: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia
LDK	: Lembaran Daerah Kabupaten
LAZ	: Lembaga Amil Zakat
M	: Masehi
MAIWP	: Majelis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MAN	: Madrasah Aliyah Negeri
MTsN	: Madrasah Tsanawiyah Negeri
MIN	: Madrasah Ibtidaiyah Negeri
MA	: Madrasah Aliyah
M.Ag	: Megister Agama
MA	: Master Of Arts
MM	: Megister Manajemen
M.Pd.I	: Megister Pendidikan Islam
M.Si	: Megister Sains
M.Sy	: Master Syariah
OKU	: Orang Kurang Upaya

Perda	: Peraturan Daerah
PJS	: Pejabat Sementara
Puskesmas	: Pusat Kesihatan Masyarakat
PPZ	: Pusat Pungutan Zakat
PT	: Perseroan Terbatas
PU	: Pekerjaan Umum
PDRB	: Produk Domestik Regional Bruto
PPZ	: Pusat Pungutan Zakat
PDK	: Pejabat Departemen Kabupaten
PE	: Peranakan Etawa
PEMDA	: Pemerintahan Daerah
PNJAKSEL	: Pengadilan Negeri Jakarta Selatan
PDE	: Pemprosesan Data Elektronik
QS	: Qur'an Surah
RA	: Raudhatul Athfal
RI	: Republik Indonesia
RSUD	: Rumah Sakit Umum Daerah
swt	: Subhanahu wa Ta'ala
s.a.w	: Salla Allah 'Alayh wa sallam
STAIN	: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri
SH	: Sarjana Hukum
S.HI	: Sarjana Hukum Islam
S.IP	: Sarjana Ilmu Politik
SE	: Sarjana Ekonomi
S.Pd	: Sarjana Pendidikan
S.kom	: Sarjana Komputer
SPSS	: Statistical Package For The Sciense
SK	: Surat Keputusan
SD	: Sekolah Dasar
SMP	: Sekolah Menengah Pertama
SMA	: Sekolah Menengah Atas
Terj	: Terjemahan
t.t	: Tanpa Tahun
TPSQ	: Taman Pengajian Seni Alqur'an

TNKS	: Taman Nasional Kerinci Seblat
TK	: Tenaga Kerja
UPZ	: Unit Pengumpul Zakat
UU	: Undang-Undang
UUD	: Undang-Undang Dasar
UIN	: Universitas Islam Negeri
ZIS	: Zakat Infak dan Sedekah

PANDUAN TRANSLITERASI

a. Konsonan

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	‘ (a,i,u)	الفأرة	al-fa`rah
2	ب	b	بعث	ba`atha
3	ت	t	تاب	tāba
4	ث	th	ثواب	thawāb
5	ج	j	جعل	ja`ala
6	ح	ḥ	حلب	ḥalaba
7	خ	kh	خطب	khaṭaba
8	د	d	دفع	dafa`a
9	ذ	dh	ذهب	dhahaba
10	ر	r	رجع	raja`a
11	ز	z	زرع	zara`a
12	س	s	سمع	sami`a
13	ش	sy	شفع	shafa`a
14	ص	ṣ	صعد	ṣa`ada
15	ض	ḍ	ضلل	ḍalala
16	ط	ṭ	طلع	ṭala`a
17	ظ	ẓ	ظفر	ẓafara
18	ع	‘ (a,i,u)	عليه	‘alayhi
19	غ	gh	غفر	ghafara
20	ف	f	فلح	falahā
21	ق	q	قلم	qalama
22	ك	k	كتب	kataba
23	ل	l	لعب	la`iba
24	م	m	منع	mana`a
25	ن	n	نال	nāla
26	و	w	وعد	wa`ada
27	ه	h	هدم	hadama
28	ي	y	يعلم	ya`lamu

b. Vokal Panjang

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	ā	قال	qāla
2	أو	ū	موسى	mūsā
3	إي	ī	إيمان	īmān

c. Vokal Pendek

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	ـ (فتحة)	a	نَصَرٌ	naṣara
2	ـ (كسرة)	i	نَاصِيرٌ	nāṣirun
3	ـ (ضمة)	u	يَنْصُرُ	yansuru

d. Diftong

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أوّ	aw	أوّاب	awwābun
2	أيّ	ay	أيّام	ayyāmun
3	إيّ	iy	إيّاك	iyyāka

Sumber: Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Edisi ke-3, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya), 2012.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Zakat merupakan salah satu dari rukun Islam yang diwajibkan keatas umat Islam dengan tujuan untuk menguatkan keimanan kepada Allah serta membersihkan harta disamping menunaikan hak dan tanggungjawab kepada masyarakat. Satu dari matlamat utama zakat ialah untuk merapatkan jurang perbezaan ekonomi dalam masyarakat ke tahap yang paling minimum. Tujuannya ialah untuk mencipta agihan pendapatan yang adil dan saksama di kalangan orang ramai supaya orang-orang kaya tidak menjadi lebih kaya sedangkan orang miskin menjadi semakin miskin.

Rasulullah s.a.w. telah menggambarkan zakat sebagai wang yang diambil daripada orang-orang kaya yang dikembalikan kepada orang-orang miskin. Oleh itu matlamatnya ialah mengagihkan kekayaan masyarakat dengan cara yang membolehkan tidak ada umat Islam yang tinggal dalam kemiskinan.¹

Oleh yang demikian Allah swt telah memerintah umat Islam untuk mengeluarkan zakat bagi mengatasi masalah kemiskinan. Untuk merealisasikan matlamat ini zakat memerlukan satu sistem pentadbiran yang berkesan. Zakat harus ditadbir oleh satu badan yang menguruskan urusan pungutan dan agihannya. Tanpa satu badan yang terancang pelaksanaan zakat tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya mewujudkan perbezaan taraf hidup yang nyata antara golongan orang-orang miskin dan kaya.

¹Afzal-ur-Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam* (Kuala Lumpur: Syarikat Is, 1991), 185.

1.2 Latar Belakang

Salah satu yang menyokong kesejahteraan hidup di dunia dan hidup di akhirat adalah adanya kesejahteraan sosial dan ekonomi. Ini merupakan faktor penting untuk menyejahterakan umat Islam dari kemiskinan dan kemelaratan. Islam tidak pernah sekali-kali membebankan umatnya bahkan menuntut agar umatnya diringankan segala kesulitan. Jalan terbaik dalam apa jua tindakan adalah selalu berpegang kepada syariat Allah swt. Oleh kerana itu Islam telah memperkenalkan sebuah institusi yang berupaya membantu kehidupan umat Islam yang menghadapi kesulitan dalam menjalankan aktiviti sehari-hari terutamanya dalam aktiviti ekonomi dan pembangunan sosial. Lantas sebuah institusi kewangan Islam telah diperkenalkan melalui pungutan zakat. Institusi zakat ialah salah satu institusi yang berperanan membantu golongan yang lemah dalam mengerakkan ekonomi masyarakat.

Pada zaman awal Islam, orang yang berhak mentadbir urusan pungutan dan agihan zakat adalah pemerintah pada masa itu. Bertitik tolak pada situasi ini di Indonesia pihak yang bertanggungjawab menguruskan pentadbiran zakat dimasa kini ialah pihak bidang kuasa agama tertakluk kepada Kementerian Agama Republik Indonesia dengan melimpahkan kuasa pengurusan zakat kepada Badan Amil Zakat Nasional yang berada di ibu kota Negara, Badan Amil Zakat Propinsi yang berada di ibu kota Propinsi, Badan Amil Zakat Kabupaten/kota berada di ibu kota Kabupaten/kota, dan Badan Amil Zakat Kecamatan berada di ibu kota Kecamatan. Pengurusan dan pentadbiran akan disesuaikan mengikut negeri masing-masing.

Kewujudan satu institusi khas untuk memungut zakat dikendalikan dengan cara yang profesional telah membuka era baru dalam pengurusan zakat di Indonesia. Bermula dengan kewujudan Dompet Dhuafa Republikan (DD) tahun 1993 atau

sebelum itu dikenali dengan BAZIS (Badan Amil Zakat Infak Sedekah) yang ditubuhkan pada tahun 1968. Seterusnya pada tahun 1999 diluluskan Undang-Undang (UU) no 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat yang didalamnya menyebutkan bahawa pengurusan zakat di Indonesia dilakukan oleh Badan Amil Zakat (BAZ) yang ditubuhkan pemerintah dan Lembaga Amil Zakat (LAZ) yang ditubuhkan oleh masyarakat.

Dalam hal ini Kabupaten Kerinci juga tidak ketinggalan dalam menubuhkan institusi zakat yang bertujuan mengoptimumkan pengurusan dana zakat bagi membina kesejahteraan umat dan keadilan sosial bagi menyediakan keperluan-keperluan asas kepada mereka yang memerlukannya. Sebagai institusi yang telah dipertanggung jawapkan oleh pemerintah, BAZDA (Badan Amil zakat Daerah) Kerinci telah berusaha memperkenalkan pembaharuan dalam pengurusan zakat. Salah satu upaya yang dilakukan ialah memperluaskan ejen kutipan dengan menyediakan pelbagai alternatif pembayaran zakat seperti penyediaan kaunter-kaunter unit pengumpul zakat di pelbagai kawasan dan melantik ejen bank sebagai pemungut zakat. Matlamatnya ialah memberikan kemudahan kepada para pelanggan, dimana sebelum ini muzakki membayar zakat mereka terus melalui BAZDA Kerinci.

Untuk mendapatkan agihan zakat pula, pemohon di perlukan memiliki surat keterangan miskin yang diperolehi daripada ketua kampung mahupun ketua pengurusi agama di peringkat Kecamatan dimana mustahik berada. Setelah melakukan bincian, peninjauan kawasan dan mendapatkan kelulusan dari pengurus BAZDA Kerinci, barulah agihan dilakukan. Agihan dilakukan dengan cara mengagihkan zakat secara langsung ke tempat mustahik berada terutama kepada mereka yang berada jauh dari pusat bandar tempat dimana BAZDA Kerinci

ditubuhkan. Matlamatnya ialah memberikan kemudahan kepada mustahik dalam mendapatkan agihan zakat.

Walaupun pihak BAZDA Kerinci telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan dalam pegurusan zakat terutama yang berkaitan dengan sistem pungutan dan agihan, ia tidak boleh lari dari fahaman umat Islam yang acap berpegang kepada amalan lama yang menyukarkan pelaksanaan pendekatan baru terhadap pembayaran zakat. Masyarakat muslim di Kabupaten Kerinci dilihat masih menggunakan kaedah lama dalam membayar zakat mereka, iaitu membayar langsung ke mustahik, melalui guru-guru pengajian, masjid dan pesantren. Amalan ini akan menimbulkan persaingan kepada institusi formal zakat untuk menarik lebih ramai pembayar zakat secara berpusat. Tindakan ini secara tidak langsung akan mengakibatkan jumlah kutipan yang diperolehi oleh BAZDA Kerinci berkurangan walaupun ramai individu yang membayar zakat. Walaupun BAZDA Kerinci telah lama ditubuhkan, namun begitu masih banyak agensi pemerintah, swasta dan masyarakat yang belum membayar zakat mereka melalui institusi zakat ini.

Sesetengah masyarakat beranggapan bahawa institusi zakat tersebut hanyalah menguntungkan sesetengah pihak sahaja terutama golongan yang berkepentingan yang mengambil kesempatan wang zakat dan tidak mengagihkan wang zakat dengan sewajarnya. Selain itu ada juga yang memperkatakan bahawa pengurusan dan pentadbiran yang berkaitan dengan agama Islam terutamanya yang berkaitan dengan zakat agak lemah, tidak efisien dan tidak efektif dalam menjalankan peranannya sebagai sebuah institusi yang menguruskan zakat. Namun sejauh manakah keabsahan tanggapan tersebut belum dapat dipastikan.

Atas alasan inilah penulis merasakan bahawa satu penjelasan perlu dibuat dalam memahami fungsi-fungsi zakat serta mencari penyelesaian dan menjawab

segala prasangka dan anggapan negatif tersebut supaya ia tidak lagi dipandang sebagai sebuah institusi Islam yang tidak efektif dalam mencapai matlamatnya seperti yang telah digariskan dalam syariat Islam.

1.3 Permasalahan Kajian

Intitusi zakat sebagaimana yang telah dibangunkan oleh kerajaan Islampada zaman keagungannya telah membuktikan bahawa ia merupakan satu amal ibadah yang mampu menaikkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Islam. Hal ini disebabkan kekayaan yang diperolehi oleh orang yang berkemampuan dapat diagihkan kepada golongan yang tidak bernasib baik. Kesungguhan golongan Islam yang berharta untuk mengeluarkan zakat secara tidak langsung telah dapat mewujudkan satu masyarakat yang harmoni kerana ia telah mampu merapatkan jurang antara orang miskin dengan orang kaya di dalam masyarakat dan Negara.

Namun, daripada realiti yang ada pada hari ini, intitusi zakat masih tidak mampu untuk bertindak sebagaimana yang telah digariskan oleh agama. Hal ini disebabkan, adakalanya dalam sesetengah masyarakat Islam seperti di Kerinci jumlah kutipan zakat masih rendah sekalipun jumlah penduduk Islamnya ramai. Jumlah kutipan zakat yang kecil dengan sendirinya akan memungkinkan jumlah kecil pula untuk diagihkan.

BAZDA kerinci sebagai pihak yang bertanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan wang zakat, dilihat berdepan dengan cabaranbesar dalam soal pungutan dan agihan wang zakat. Ini adalah kerana masyarakat muslim di Kabupaten Kerinci dilihat masih menggunakan kaedah lama dalam membayar zakat mereka. Amalan ini akan menimbulkan persaingan kepada institusi formal zakat untuk menarik lebih

ramai pembayar zakat secara berpusat. Tambahan pula penyelewengan yang berlaku di beberapa pejabat zakat turut menyumbang kepada agihan wang zakat yang tidak memuaskan. Permasalahan iniseterusnya membuka ruang kepada rungutan orang ramai terutamanya golongan yang merasakan diri mereka layak menerima wang zakat tetapi tidak menerimanya.

Fenomena ini menyebabkan secara tidak langsung umat Islam di Kerinci khususnya para pemberi-pemberi zakat mempertikaikan institusi zakat BAZDA Kerinci yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan agihan zakat dengan matlamat untuk membantu golongan tersebut yang seterusnya mempersoalkan kemanakah wang zakat itu diagihkan. Bagi mempertingkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat seterusnya untuk mengikis imej tersebut, kajian terperinci perlu dilaksanakan untuk memahami dan menjawab permasalahan tersebut.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan huraian di atas, maka penulis dapat merumuskan bahawa masalah pokok yang menjadi topik utama perbincangan kajian ilmiah ini iaitu:

1. Bagaimanakah pelaksanaan kutipan dan agihan zakat dalam Islam ?
2. Adakah kaedah kutipan dan agihan zakat yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci jelas dan menyeluruh mengikut asnaf?
3. Bagaimanakah pandangan pembayar zakat terhadap pengurusan kutipan zakat yang di jalankan di BAZDA Kerinci ?
4. Bagaimanakah pandangan penerima zakat terhadap pengurusan agihan zakat yang di jalankan di BAZDA Kerinci?

1.5 Objektif Kajian

Adapun objektif kajian dalam penelitian ini adalah sebagai berikut:

1. Menjelaskan konsep kutipan dan agihan zakat dalam Islam.
2. Menganalisis kaedah pengurusan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci.
3. Menganalisis pengurusan kutipan zakat di BAZDA Kerinci menurut pandangan pembayar zakat.
4. Menganalisis pengurusan agihan zakat di BAZDA Kerinci menurut pandangan penerima zakat.

1.6 Kepentingan Kajian

1. Dapat meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci yang tidak mengabaikan kepentingan dan kebijakan masyarakat.
2. Membantu BAZDA Kerinci memantapkan sistem kutipan dan agihan zakat dengan lebih berkesan.
3. Memberi maklumat kepada masyarakat tentang fungsi institusi zakat.
4. Sebagai rujukan kepada para penyelidik akan datang dan sumbangan ilmu kepada masyarakat.

1.7 Skop kajian

Penulis telah membatasi kajian kepada beberapa skop kajian dibawah ini:

1. Kajian ini dibatasi pada pelaksanaan kutipan dan agihan zakat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat dan kelayakan penerima bantuan zakat, jenis bantuan yang diberikan dan kadarnya serta bagaimana harta zakat diperoleh.
2. Mengkaji pendekatan yang diguna pakai oleh BAZDA Kerinci yang melibatkan kaedah pungutan dan program-program agihan zakat agar selari dengan peranannya dalam memberikan kemudahan kepada masyarakat.
3. Menumpukan kajian di tiga daerah dalam Kabupaten Kerinci sahaja iaitu; Seitinjau Laut, Depati Tujuh dan Danau Kerinci.

1.8 Kajian Lepas

Pengkajian dan penulisan yang berkaitan dengan zakat dan hal ehwal yang berkaitan dengan kutipan dan agihannya telah banyak diperkatakan, penulis sendiri telah banyak menjumpai tulisan-tulisan serta artikel yang berkaitan dengan kajian ini. Ahmad Hidayat Buang² (1999), dalam kajiannya tentang kutipan dan agihan zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur daripada tempoh 1985-1999 fokus pada Pusat Pungutan Zakat. Kajian ini menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pungutan dan pengagihan zakat oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil penelitiannya menyatakan bahawa: *pertama* kejayaan PPZ dalam memungut zakat dipengaruhi oleh teknik pemasaran, penerangan, publisiti dan pameran yang berkesan. *Kedua*, PPZ menyediakan lebih banyak kemudahan untuk membayar zakat seperti penyediaan kaunter yang lebih banyak di masjid-masjid, melantik bank-bank perniagaan sebagai wakil pemungut zakat, bayaran secara

² Ahmad Hidayat Buang, "Kutipan Dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Perhatian", *Jurnal Syariah*, Volume. 7, No. 2 (1999), 148.

ansuran, melalui pos, melalui potongan gaji dan juga melalui kad kredit Islam serta sistem peringatan untuk pembayaran zakat. *Ketiga*, paling menyokong ialah faktor keadaan ekonomi negara yang lebih baik telah menyebabkan ramai golongan umat Islam berkemampuan membayar zakat.

Yamin Ismail³ (2007), dalam kajiannya tentang pengagihan zakat di Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa institusi zakat ialah suatu mekanisma untuk menjamin keadilan sosial dan ekonomi dalam masyarakat dan menyediakan suasana yang membolehkan masyarakat melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah swt. Menyedari akan peranan tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan oleh MAIWP (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan). *Pertama*, menyebarluaskan promosi agihan dengan mengadakan majlis-majlis agihan zakat, *kedua*, mengkaji semula bentuk dan jumlah agihan zakat yang diberi dengan menyemak skim-skim sedia ada dan kemungkinan akan diwujudkan skim-skim yang baru, *ketiga*, melalui projek agihan zakat dengan memberikan perkhidmatan dan latihan kepada mereka yang berhak mendapat agihan zakat. Diharapkan dengan adanya penyebaran maklumat tentang usaha memperkasakan agihan zakat ini, pembayar dapat mengetahui kemanakah wang zakat diagihkan dan pada amnya pembayar zakat merasa yakin terhadap institusi zakat.

Senada dengan itu Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid⁴ (2011), berpendapat bahawa pelbagai program pengagihan zakat perlu dirancang dan dilaksanakan yang menjurus kearah kesejahteraan ummah bagi meningkatkan

³ Muhammad Yamin Ismail, “ Pengagihan Zakat Di Wilayah Persekutuan, Memperkasakan Agihan Zakat dan Perbelanjaan Penggunaan Zakat” *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol, 1, No. 2 (2007), 45-52.

⁴ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat. Kajian: Terhadap Masyarakat Islam Di Selangor”, The World Universities 1st Zakat Conference 2011 (WU1ZC 2011) at PWTC Kuala Lumpur, Malaysia on 22 – 24 November 2011. Anjuran IKAZ. ISBN 978-983-44948-2-7

keyakinan masyarakat, strategi yang berkesan perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap keyakinan pembayar zakat terhadap lembaga zakat dan memastikan mereka terus membayar zakat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kajian ini cuba mengkaji pemboleh ubah yang akan mempengaruhi tahap keyakinan masyarakat terhadap pengagihan zakat. Keyakinan masyarakat terhadap pengagihan zakat dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti faktor manusia yang terdiri kakitangan, faktor bukan manusia yang terdiri dari faktor fizikal seperti bangunan pejabat, peralatan dan sebagainya, faktor kaedah pengagihan, faktor kaedah kutipan dan imej korporat. Hasil kajian beliau mendapati bahawa kesemua faktor yang dikaji menunjukkan ia amat signifikan dan penting mempengaruhi tahap keyakinan agihan zakat. Oleh yang demikian pihak kerajaan perlu berperanan meningkatkan suasana ekonomi yang kondusif, perluasan nilai keagamaan yang tinggi melalui pelbagai jenis ilmu akan menggalakkan pembayaran zakat serta akan meningkatkan keyakinan pembayar zakat.

Disamping itu Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad⁵ (2005), menyatakan bahawa institusi zakat berperanan mengutip zakat daripada umat Islam dan mengagihkannya kepada asnaf yang terlibat. Kajian ini cuba mengenalpasti faktor yang mempengaruhi keputusan pembayar zakat kepada pihak berwajib. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor umur, taraf perkahwinan, pendapatan bulanan dan kepuasan agihan zakat oleh institusi zakat akan mempengaruhi pembayaran zakat melalui institusi formal, dimana sekiranya umur seseorang meningkat, individu tersebut telah berkahwin akan terdapat kemungkinan yang tinggi seseorang tersebut membayar zakat, manakala semakin tinggi pendapatan seseorang dan kepuasan agihan zakat meningkat kesediaan individu membayar zakat juga akan meningkat.

⁵Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad, "Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya". *Internasional Journal Of Management Studies* 12 (2) (2005), 171-189.

Oleh itu pihak institusi zakat perlu meningkatkan lagi kefahaman masyarakat melalui pelbagai cara termasuklah penerangan, ceramah, kempen dan sebagainya.

Dalam kajian lain Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid⁶ (2005), menyatakan bahawa peranan institusi zakat sebagai badan untuk membantu golongan miskin tidak dapat diserahkan dan kurang menyakinkan. Salah satu punca kegagalan ini adalah jumlah kutipan zakat yang dikatakan sedikit. Kekurangan jumlah zakat yang dapat dikutip oleh jabatan agama adalah berpunca daripada ketidak patuhan sesetengah individu untuk membayar zakat, kedua adalah berlakunya bocoran yang disebakan zakat yang tidak disalurkan melalui jabatan agama tetapi terus kepada asnaf. Kajian ini coba meniliti hubungkait antara sikap kepuasan tentang agihan terhadap sikap kepatuhan membayar zakat melalui institusi formal. Hasil kajian membuktikan bahawa perasaan puas hati terhadap pengurusan pusat zakat berkait secara positif terhadap pembayaran zakat kepada institusi formal. Ini bermakna semakin puas hati individu terhadap pengurusan pusat zakat semakin tinggi darjah kepatuhan untuk membayar zakat kepada pusat zakat. Kajian ini mencadangkan untuk mempelbagaikan program kesedaran dan pemahaman tentang zakat seperti media massa, seminar, ceramah, edaran dan sebagainya. Selain itu perlu dilaksanakan penswastaan dalam mengutip zakat.

Selanjutnya Hairunnizam Wahid dan Radiah Abdul Kader⁷ (2010), menyatakan bahawa majoriti responden tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat disebabkan oleh aspek kaedah agihan zakat yang tidak jelas, maklumat agihan dan agihan zakat yang tidak menyeluruh. Persoalan ini

⁶Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “ Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal”. *Jurnal Ekonomi Malaysia* no. 39 (2005), 53-69.

⁷Hairunizam Wahid dan Radiah Abdul Kader, “ Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia”. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. 4 no. 1 (2010), 141-170.

menyebabkan pembayar zakat merasa tidak berpuas hati dengan peranan institusi zakat, selain itu pengagihan zakat yang tidak menyeluruh kepada asnaf juga perlu mendapatkan pemerhatian yang lebih serius. Bagi memastikan pengagihan zakat menjadi lebih efesien, *pertama* kutipan dan pengagihan zakat perlu dilaksanakan oleh institusi zakat dipelbagai peringkat termasuklah peringkat kampung, bandar atau negeri. *Kedua* defenisi asnaf riqab, gharimin dan ibnu shabil hendaknya dapat diperluas agar wang zakat dapat diagihkan kepada asnaf ini.

Paimuzi Yahya⁸ (1996), dalam kajian yang bertajuk pengagihan zakat di Malaysia, kajian ini mencuba mengkaji sama ada agihan zakat yang diamalkan sekarang menepati hukum syarak dengan menilai kesan amalan tersebut kepada para asnaf terutama asnaf fakir miskin. Hasil kajian beliau mendapati bahawa pengagihan zakat di Malaysia dilaksanakan berpandu kepada asas-asas yang kukuh, berdasarkan Al-Qur'an dan hadith serta pandangan ulama. Namun kebanyakan institusi zakat di negeri ini tidak mengagihkan semua kutipan zakat kepada para asnaf yang berhak didalam tahun semasa. Untuk mengatasi masalah ini, beliau mencadangkan penubuhan tabung zakat kebangsaan sebagai agensi untuk menyelaraskan agihan zakat secara berkesan dan adil. Selain itu bagi mengemas kini pengagihan zakat beliau mencadangkan *pertama* adanya pemberian tugas-tugas khusus terutama dalam pengagihan zakat perlu jelas. *Kedua* maklumat penerima zakat perlu dikemas kini tujuannya ialah agar pengurus zakat dapat merancang program agihannya dan *ketiga* penyata tahunan zakat hendaklah dimaklumkan kepada masyarakat bagi menambah keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat.

⁸Paimuzi Yahya, "Pengagihan Zakat Di Malaysia" (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 1996), 82.

Dalam kejayaan pengurusan zakat tidak hanya diperlukan kesuksesan dalam pengutipan sahaja, akan tetapi juga diperlukan kerjasama antara beberapa pihak yang terkait. Asnaini⁹ (2008), dalam penelitiannya yang mengkaji fungsi zakat dengan sistem tiga penjuru. Menyatakan bahawa zakat jika diurus dengan lebih baik akan dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa dalam mengurus zakat ada tiga pihak yang harus bekerjasama agar fungsi dan pemanfaatan dana zakat lebih optimum dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi masyarakat. Iaitu mustahik, muzakki dan pengurus zakat. Jika ketiga bahagian ini dapat mengoptimumkan fungsinya masing-masing, maka fungsi zakat sebagai tiang pembasmian kemiskinan akan dapat diwujudkan. Peranan muzakki dalam hal ini dapat dilakukan dengan menentukan sumber-sumber zakat, manakala konsep mustahik perlu dikaji bagi memastikan asnaf yang relevan saat ini dan peranan pemerintah dalam menguruskan zakat dapat dilakukan dengan menujuhan Undang-undang zakat dengan lebih terperinci dan mengoptimumkan prestasi pengurusan zakat.

M. Sularno¹⁰ (2010), menyatakan bahawa zakat apabila diurus secara profesional dengan melaksanakan prinsip pengurusan yang baik dan mengambil inspirasi dari praktik Rasulullah dan ummat Islam pada era kejayaannya dulu, zakat benar-benar akan menjadi penyelesaian atas pelbagai permasalahan ummat. Dalam kajian yang difokuskan kepada pelaksanaan undang-undang RI nomor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat dan masalah yang dihadapi. Hasil kajian mendapati bahawa secara am struktur kepengurusan telah sesuai dengan undang-undang zakat,

⁹Asnaini, “Fungsi Zakat Dengan Sistem Tiga Penjuru”, *Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, Vol. 8, No. 2 (2008), 121.

¹⁰ M. Sularno “Pengurusan Zakat Oleh BAZDA Kabupaten se kawasan Daerah Istimewa Yogyakarta: Studi terhadap Implementasi Undang-undang Zakat no. 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat” *La Riba Jurnal Ekonomi Islam*, Vol. IV, No. 1, Juli (2010), 34-44.

akan tetapi masih terdapat BAZDA yang belum memiliki unit pengumpul zakat, Manakala dalam hal pengumpulan zakat didapati BAZDA hanya memfokuskan zakat gaji kepada pegawai, manakala masyarakat lainnya belum mendapat perhatian serius. hal ini menunjukkan adanya amanah undang-undang zakat yang belum terlaksanakan. Dalam konteks agihan pula dilihat bahawa BAZDA Kabupaten/Kota se-Daerah Istimewa Yogyakarta cukup sesuai dengan amanah Undang-Undang Nomor 38 Tahun 1999. Dalam melaksanakan Undang-undang zakat terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pengurusi BAZDA antaranya adalah; belum adanya pengurusan professional dalam pengurusan zakat, belum adanya upah yang muktamad bagi para pengurusi, masih banyaknya ahli pengurusi yang menjadikan pekerjaannya di BAZDA hanya sebagai pekerjaan sambilan. Selain itu belum adanya kesedaran penuh muzakki untuk membayar zakat mereka melalui institusi BAZDA. Kajian ini mencadangkan dengan memberikan kaunseling kepada pengurus, menggalakkan kempen kesadaran dan perlunya kerajaan memberikan kemudahan yang mencukupi dan membuat peraturan daerah agar muzakki menyalurkan harta mereka kepada BAZDA.

Pernyataan ini disokong Abdul Kadir¹¹ (2006), menyatakan bahawa dalam melaksanakan pengurusan zakat BAZDA Kota Blitar di asaskan oleh Departemen Agama Kota Blitar dengan panduan undang-undang UU No. 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat, namun pada praktiknya belum bisa menggambarkan atau merujuk pada UU No. 38 Tahun 1999 tentang Pengurusan Zakat. Oleh kerananya, dalam BAZDA tersebut perlu adanya pengurusan organisasi yang baik agar segala tujuan dan program yang dicadangkan bisa tercapai.

¹¹ Abdul Kadir, "Pengurusan zakat di BAZDA Kota Blitar: Studi Implementasi dan Aplikasi UU No 38 tahun 1999 Tentang Pengurusan Zakat" (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Islam Malang 2006).

Senada dengan itu Agustina Mutia dan Anzu Elvia Zahara¹² (2009), menyatakan bahawa zakat diyakini mampu membasmikan masalah kemiskinan dan mengurangkan masalah jurang pendapatan masyarakat. Namun kenyataannya saat ini zakat belum dapat memberi apa-apa terhadap kesejahteraan masyarakat, hal ini dikeranakan belum dilaksanakannya pengurusan secara professional. Kajian ini coba membincangkan tentang sejauhmana BAZDA Kota Jambi dapat meningkatkan perekonomian masyarakat melalui zakat. Hasil kajian mendapati bahawa zakat secara signifikan mempengaruhi perubahan pendapatan, oleh itu pengkaji mencadangkan pihak BAZDA Kota Jambi tidak hanya sekadar memberikan bantuan kepada mustahik, Akan tetapi perlu memberikan panduan secara serius kepada para penerima zakat terutamanya zakat produktif (modal usaha) sehingga dana kewangan tersebut betul-betul dapat meningkatkan kesejahteraan mereka.

Wahyudi Marhaen¹³ (2011), dalam kajiannya bertajuk mengoptimumkan zakat bagi kesejahteraan. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa potensi zakat di Indonesia cukup besar akan tetapi realisasi kejayaan zakat masih belum optimum. Melihat besarnya potensi zakat, maka yang diperlukan adalah usaha mengoptimumkan agar dapat memberi manfaat yang lebih besar bagi kesejahteraan rakyat, terutama dalam aspek kutipan dan pengagihan zakat. Kerana itu, institusi dan badan amil zakat hendaknya terus mempertingkatkan lagi prestasi kerja melalui tadbir urus yang baik, telus ikhlas dan akauntabiliti, agar lebih banyak muzaki yang membayarkan zakat mereka melalui agensi atau Badan Amil Zakat (BAZ). Manakala dari aspek pengagihan pula boleh dilakukan dengan mengagihkan zakat bagi

¹² Agustina Mutia dan Anzu Elvia Zahara, "Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesejahteraan Ekonomi Mustahik Melalui Pemerkasaan Zakat: Kajian Penyaluran zakat Produktif/Modal Usaha pada BAZDA Kota Jambi" *Jurnal Kontekstualita*, Vol. 25 No. 1, Juli (2009).

¹³ Wahyudi Marhaen, "Mengoptimalkan Zakat Bagi Kesejahteraan" *Jurnal Nasional*. Vol. 14, No. 1, (2013), 11-32.

kegiatan-kegiatan usaha produktif dan pelbagai bentuk program agihan bagi menyejahterakan rakyat.

Selanjutnya Amir Mualim¹⁴ (2012), menyatakan bahawa zakat berperanan dalam pengentasan kemiskinan sekira ianya diurus dengan baik. Kajian ini coba membincangkan bagaimakah pengurusan zakat dimasjid dan adakah pengaruh zakat produktif yang disalurkan oleh masjid terhadap peningkatan usaha produktif dengan menggunakan tiga teori pengurusan iaitu; perancangan, pengorganisasian serta penyeliaan dan kawalan. Hasil kajian dari 11 masjid yang dikaji mendapati bahawa hanya 6 buah masjid yang telah melaksanakan fungsi-fungsi pengurusan diatas 50 peratus, sedangkan 5 buah masjid melaksanakan fungsi-fungsi pengurusan dibawah 50 peratus. Manakala dalam praktikal zakat produktif hanya 2 buah masjid yang secara khas telah menyalurkan sebahagian dana zakat untuk usaha yang produktif . Berasaskan hasil analisis menunjukkan bantuan usaha produktif yang diberikan kepada mustahik memberikan perbaikan ekonomi ummat yang lebih baik. Melihat kepentingan ini, pemerintah dan kementerian hal ehwal agama serta agensi Islam perlu peka memberikan pembinaan terhadap pengurus zakat, selain itu dimasjid-masjid perlu adanya panduan dan pelatihan terutama daripada lembaga-lembaga zakat yang telah berjaya dalam hal pengurusan zakat.

Hasani Ahmad Said¹⁵ (2009), dalam kajiannya yang berjudul peranan strategis pengurusan zakat dalam upaya pembasmian kemiskinan. Berpendapat bahawa salah satu upaya yang boleh dilakukan dalam pembasmian kemiskinan ialah adanya sokongan orang yang berkemampuan untuk mengeluarkan harta kekayaan yang dimiliki berupa zakat kepada mereka yang kekurangan. Dalam kajian yang

¹⁴ Amir Mualim, “Pengelolaan dan Pendayagunaan Zakat: Kajian di Masjid di Jogjakarta” *Jurnal Mukaddimah*, Vol. 18, No. 1, februari (2012).

¹⁵Hasani Ahmad Said, “Peranan Strategis Pengurusan Zakat dalam Upaya pembasmian kemiskinan” *Jurnal Bimas Islam*, Vol. 1 no. 3 (2009), 75

difokuskan kepada peranan strategik pembangunan dan pemanfaatan zakat. Hasil kajian menunjukkan bahawa peranan kutipan zakat merupakan sumber bagi pembangunan masyarakat, namun kejayaan zakat bergantung kepada pembangunan dan penggunaannya. Zakat mestilah diberikan kepada mereka yang berhak menerimanya selain dapat memanfaatkannya bagi usaha yang produktif. Menyedari kepentingan tersebut muzakki hendaknya terlibat mengawasi secara langsung mahupun tidak langsung terhadap pengurusan zakat, dengan cara demikian, akan terjadi perubahan dan pengagihan zakat akan semakin cekap, amanah dan profesional.

Zakat jika diurus dengan baik dan efisien ianya akan sangat berperanan dalam pembangunan negara seperti yang dijelaskan oleh Humam Daud¹⁶ (2004), dalam kajian yang difokuskan kepada pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di zaman awal Islam. Hasil daripada data-data sekunder beliau mendapatkan kaedah yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w sama ada dalam konteks kutipan zakat mahupun pengagihan wang zakat. Seterusnya kajian ini menghuraikan pula kaedah pelaksanaan pengurusan zakat oleh para *Khullafā’al-Rāsyidīn*. Hasil kajian mendapati peranan Baitulmal dan kutipan zakat menjadi sumber utama kekuatan kewangan bagi membangunkan Negara Islam pada masa itu.

Disamping itu Hardiyansyah¹⁷ (2004), berpendapat bahawa zakat yang diurus dengan baik akan dapat membangun pertumbuhan ekonomi sekaligus akan menjamin kesamarataan pendapatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa ada tiga isu strategik dalam pengurusan zakat di BAZIS iaitu. Pertama pengurusan zakat di BAZIS

¹⁶Humam Daud, “Kutipan zakat dan Agihannya: Suatu Kajian Di Awal Islam” (Disertasi Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 108.

¹⁷ Hardiyansyah, “Pengurusan Strategik Kutipan Zakat, Infaq dan Sedekah Pada Era Otonomi Daerah Studi Kasus Di Daerah Istimewa Yogyakarta”, *Fordema*, Vol. 4 no. 1 (20014), 771-789

Daerah Istimewa Yogyakarta (DIY) belum profesional, *kedua* kepercayaan masyarakat terhadap BAZIS DIY masih rendah, *ketiga* pungutan ZIS dari muzakki pada agensi pemerintah belum optimum. Berdasarkan penentuan isu tersebut maka strategi pembangunan BAZIS DIY dapat dilakukan dengan cara. *Pertama* meningkatkan kemampuan pengurus zakat dengan cara meletakkan orang-orang yang mempunyai kriteria dalam mengurus ZIS antara lain memiliki sifat amanah, adil, profesional dan berintegriti tinggi, selain mempunyai cukup masa untuk BAZIS, *kedua* meningkatkan kepercayaan masyarakat melalui sistem perkhidmatan yang mudah, membuat perubahan dan akauntabiliti terhadap semua aktiviti yang dilakukan bermula dari kutipan, pemanfaatan dan pengagihan zakat mestilah dimuat dan dinyatakan dalam buletin (bahan bercetak), akbar, saluran TV, radio dan menyebarkannya melalui Internet. *Ketiga* strategi untuk mengoptimumkan kutipan ZIS dari muzakki pada agensi pemerintah dengan cara melakukan bancian kembali jumlah muzakki yang berada pada agensi pemerintah. Untuk itu diperlukan kerjasama melalui pemerintah daerah (Gubernur DIY) dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Daerah Istimewa Yogyakarta (DIY).

Pernyataan ini disokong oleh Ira Alia Mairani¹⁸ (2012), menyatakan bahawa Dalam upaya pembasmian kemiskinan, zakat diharapkan menjadi salah satu alat yang mampu menjadi penyelesaian. Kajian ini coba membincangkan tentang bagaimana praktikal nilai-nilai Islam dalam peraturan daerah (perda) tentang pengurusan zakat dan apa sahaja masalah dan penyelesaian terbaik. Hasil kajian mendapati bahawa pada praktiknya nilai-nilai Islam sudah dimuatkan dalam Peraturan Daerah (PERDA) Nomor 7 Tahun 2009 tentang pengurusan zakat,

¹⁸ Ira Alia Mairani, “Aplikasi Nilai-nilai Islam Dalam Peraturan Daerah (PERDA) Tentang Pengurusan zakat Dan Problematikanya Pada Era Otonomi Daerah: Kajian Di Kota Semarang” *Jurnal hukum*, Vol. XXVIII, No. 2, Desember (2012), 958-980.

merangkumi nilai Ketuhanan (Ketauhidan), kemanusiaan, persaudaraan, tanggungjawab dan keadilan. Manakala masalah dalam praktik nilai-nilai Islam terhadap PERDA pengurusan zakat didapati di kota semarang adalah; tidak ada sanksi yang tegas terhadap muzakki yang ingkar membayar zakat sehingga membuat pelaksanaan PERDA kurang optimum, kedua tidak konsisten antara peraturan yang mengatur tentang zakat dan pajak. Oleh itu pengkaji coba mencadangkan; *pertama* pemerintah daerah perlu konsisten dalam mempraktikkan nilai-nilai Islam terutama dalam pelaksanaan pengurusan zakat, *Kedua* Adanya usaha sama antara PERDA zakat dan PERDA tentang pajak, selain itu adanya ketentuan yang perlu diatur seperti memberikan sanksi bagi muzakki yang ingkar membayar zakat. *Ketiga* perlu dibangun sistem urus pemerintah yang baik dengan peranti birokrasi yang memberikan kemudahan, amanah, jujur dan patuh terhadap perlombagaan agar terciptanya pengurusan zakat yang baik yang pada akhirnya dapat memberikan kepercayaan dan kesejahteraan bagi masyarakat.

Firmansyah¹⁹ (2004), dalam kajiannya tentang potensi dan peranan zakat dalam mengurangi kemiskinan di Indonesia. Hasil kajian lapangan menunjukkan bahawa aktiviti bahagian kutipan zakat pada Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) mempunyai prestasi yang cukup baik, tetapi belum optimum. Untuk mengoptimumkan peranan zakat sebagai alat pembasmian kemiskinan ekonomi, perlu dilakukan perkara-perkara berikut: *pertama* memperkasakan ekonomi fakir miskin melalui pinjaman yang diuruskan oleh Baitul Maal wat Tamwil (BMT). *Kedua* sosialisasi zakat perlu dipertingkatkan lagi.

¹⁹Firmansyah, "Potensi Dan Peranan Zakat Dalam Mengurangi Kemiskinan" (Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Katalog Dalam Terbitan Pusat Dokumentasi Dan Informasi Ilmiah LIPI2009), 297.ISBN : 978-602-8659-27-7

Seperti yang diterangkan oleh Siddiqal-Jawi²⁰ (2004), menyatakan bahawa selain zakat masih ada potensi lain yang jika dijalankan dengan baik akan sangat berkesan untuk kemaslahatan kaum Muslimin, termasuk pembasmian kemiskinan. seperti (Sedekah, Wakaf, Nazar, Hibah, Wasiat, Kifarat, dan sebagainya), hanya sahaja potensi ini memerlukan adanya polisi negara agar ianya dapat terwujud. Selain itu kerajaan hendaklah berperanan dalam menguruskan zakat dengan tidak memberikan kebebasan kepada individu semata-mata dalam mengagihkan zakat mereka.

Senada dengan itu Diah Hariani²¹ (2008), menyatakan pengurusan zakat merupakan kegiatan perancangan, pengorganisasian, penyeliaan dan kawalan terhadap kutipan dan pengagihan serta pemamfaatan zakat sesuai dengan peraturan daerah (PERDA). Oleh sebab itu PERDA zakat harus mencantum beberapa hal; *pertama* mencantum ertian secara am mengenai hal-hal yang akan diatur dalam penggubalan pasal demi pasal, *kedua* mencantum sesiapa sahaja yang berkewajipan memberi zakat dan siapa yang berhak menerima zakat, *Ketiga* mencantum kelembagaan yang mengatur dan cara penghitungannya, *keempat* mencantum untuk siapa dan bagaimana pemamfaatannya, *kelima* mencantum mekanisma serta fungsi-fungsinya, *Keenam* mencantum sesiapa dan bagaimana dewan pertimbangan, dewan pengawas, serta tugas-tugas dan pengurusan kerja, *Ketujuh* mencantum hasil audit atau penyata tahunan yang kemudian diberikan kepada bahagian perundangan dan bahagian pengurusan, kedelapan mencantum sanksi bagi pengurus yang cuai. Dengan demikian diharapkan peraturan daerah zakat dapat dijadikan sebagai asas

²⁰Siddiq al-Jawi, “Mengkaji Ulang Mekanisma Agihan Zakat Dalam Masyarakat Modern” Laman sesawang Jurnal Ekonomi Ediologis, dicapai 17 Mac 2009, <http://www.jurnal-ekonomi.org/reinterpretasi-alokasi-zakat-mengkaji-ulang-mekanisme-distribusi-zakat-masyarakat-modern/>

²¹ Diah Hariani, “Wacana Zakat Sebagai Sumber Kewangan Daerah dan Instrumen Pengaturan Zakat Di Daerah” *Jurnal Ilmu Administrasi dan Kebijakan Publik*, Vol. 5, No. 2, Januari (2008), 86-95.

dalam mengatur zakat yang pada akhirnya akan digunakan untuk kepentingan dan pemanfaatan umat.

Didi Rosiyadi²² (2005), dalam kajian tentang perancangan sistem komputerisasi pungutan dan agihan zakat infak dan sedekah di Tasik Malaya, berpendapat bahawa untuk menganalisis jumlah penduduk yang membayar zakat di lembaga zakat yang terus meningkat dari tahun kesetahun, sehingga memerlukan suatu pemprosesan data yang lebih baik, cepat dan terperinci. Menyedari kepentingan tersebut berbagai kaedah perlu dilakukan *pertama* penggunaan kod transaksi yang berbeza dari zakat Fitrah, zakat maal, infak dan sedekah sehingga memudahkan dalam pengolahan datanya, *Kedua* dibentuknya bahagian Pemprosesan Data Elektronik (PDE) setiap pejabat BAZ (Badan Amil Zakat) kampung dan Bandar. *Ketiga* pada setiap pejabat BAZ mempunyai program yang berbeza disesuaikan dengan fungsi dan tugasnya dalam pelaksanaan kutipan dan pengagihan zakat, infak dan sedekah. Kaedah ini hendaknya memerlukan sistem yang lebih lanjut sama ada berasaskan rangkaian mahupun Internet. Kesemua kajian diatas menunjukkan bahawa zakat amat signifikan mempengaruhi kehidupan fakir miskin sekurang-kurangnya mendapat kemudahan atau kualiti hidup asas. Oleh itu aspek agihan zakat oleh institusi zakat merupakan aspek yang perlu dititik beratkan oleh pusat zakat selain memperkenalkan pelbagai kemudahan dalam aspek kutipan zakat. Diharapkan kajian ini dapat membantu penyelidikan yang telah dijalankan dan menjadi rujukan mengenai pendekatan terbaik bagi pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci.

²²Didi Rosiyadi, "Perancangan Sistem Komputerisasi Pungutan dan Agihan Zakat, Infak Dan Sedekah di Tasik Malaya, di bentangkan di Seminar Nasional Teknologi dan Informasi 2005 (SNATI 2005) Yogyakarta, 18 Juni 2005. Anjuran LIPI. ISBN: 979-756-061-6

1.9 Metodologi Kajian

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Untuk mengumpul data kajian, Penulis menggunakan dua bentuk kajian yang utama, iaitu kajian perpustakaan (*Library Research*) dan kajian lapangan (*Field Research*). Kedua-dua pendekatan ini penting untuk mendapatkan sumber Primer dan sumber Sekunder.

1.9.1.1 Data Sekunder

a. Metod Perpustakaan (*Library Research*)

Kajian yang berbentuk perpustakaan ini digunakan untuk mendapatkan maklumat atau dokumen-dokumen yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Maklumat tersebut penulis ambil dari buku-buku, majalah, jurnal-jurnal, buletin dan artikel-artikel yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Kajian perpustakaan difokuskan menghuraikan landasan teori pada bab II yang berkait dengan kajian. Oleh itu penulis juga telah merujuk kepada beberapa buah perpustakaan, dan antara perpustakaan yang terlibat adalah:

- I. Perpustakaan utama Universiti Malaya.
- II. Perpustakaan Peringatan Za’ba Universiti Malaya.
- III. Perpustakaan IAIN Sultan Thaha Syaifuddin Jambi.
- IV. Perpustakaan STAIN Kerinci.
- V. Buku Pemilikan sendiri dan sahabat.

Bagi mendapatkan maklumat dan data-data yang dikehendaki terutama mengenai pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA (Badan Amil Zakat

Daerah) Kabupaten Kerinci, dan perkara lain yang berkaitan dengan latihan ilmiah ini, kajian menggunakan dua kaedah lain iaitu:

i) Metod Historis (*Penyelidikan Sejarah*)

Metod historis merupakan suatu kaedah untuk menentukan adanya pandangan yang tepat mengenai kejadian.²³ Ia juga merupakan suatu proses untuk menguji dan menganalisis secara kritis rekaan dan peninggalan masa lampau.²⁴ Menurut Louis Gottschalk, metode sejarah atau historis merupakan proses menguji dan menganalisis kesaksian sejarah guna menemukan data yang autentik dapat dipercayai, serta upaya-upaya sintesis atau data semacam itu menjadi kisah sejarah yang dapat dipercayai.²⁵ Metod ini digunakan dalam kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai fakta-fakta sejarah dan kejadian serta cara membuat penyelidikan keatas perkara yang mengandungi perspektif sejarah. Sejarah merupakan kejadian dan peristiwa yang berlaku di masa dahulu.²⁶ Kajian ini juga menggunakan kajian yang sama bagi mendapatkan maklumat mengenai penubuhan BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kerinci dan peranan yang dijalankannya sebagai badan yang mengawal segala perkara yang berhubung kait dengan urusan pelaksanaan kutipan dan agihan zakat.

ii) Metod Dokumentasi

Bodgan dan Bikken (1998) merujuk istilah dokumentasi sebagai bahan-bahan seperti fotograf, video, filem, memo, surat, diari, rekod khas klinikal serta memo

²³ Imam Barnadid, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbit, FIB-IKIP, 1982), 52.

²⁴ Nugroho Natosusanto, *Norma-norma Dasar Penelitian dan Penelitian Sejarah* (Jakarta Pusat Sejarah ABR, 1971), 7.

²⁵ Louis Gottschalk, *Understanding History: A Primer of Historical Method*, Ter. Nugroho Natosusanto, ed.2. (Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, 1975), 19.

²⁶KamusBahasa Indonesia, Sejarah.” Lamansesawang, dicapai 08 Jun 2011, <http://kamusbahasaindonesia.org/sejarah>

dalam berbagai bentuk dan jenis-jenis yang boleh digunakan sebagai maklumat sokongan kepada temubual dan pemerhatian.²⁷ Dokumentasi juga merujuk kepada berbagai bahan yang merupakan catatan penting yang belum dipublikasikan.²⁸ Dokumentasi ini pula bermaksud himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian.²⁹ Kaedah Dokumentasi digunakan dalam kajian bagi membantu dan mengumpulkan data-data dan maklumat serta membuat kajian terhadap dokumen-dokumen dan maklumat yang ada hubung kait dengan kajian.

Pengamatan dokumen keatas BAZDA Kerinci dilakukan bagi tujuan untuk mengumpulkan data internal dan eksternal.³⁰ Dokumen internal yang diamati di BAZDA Kerinci termasuk didalamnya risalah dan laporan kewangan. Sedangkan dokumen eksternal berisi bahan-bahan informasi yang dihasilkan oleh suatu lembaga sosial, misalnya majalah, buletin dan bahan bertulis lain yang sesuai untuk kajian ilmiah ini. Seperti konsep kutipan zakat yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci dan pengagihan zakat kepada mustahik.

1.9.1.2 Data Primer

a. Metod Temubual (*Interview*)

Metode temubual adalah suatu proses tanyajawab lisan dimana dua orang atau lebih berhadap-hadapan secara fizikal yang pertama dapat melihat muka yang

²⁷ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode* (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 138.

²⁸ Sutrisno Hadi, *Metodologi Reseach*(Yogyakarta: UGM, Fakultas Psikologi, 1994), 19.

²⁹ Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka, 2007), 360, dokumentasi “himpunan.”

³⁰ Moleong, *Metodologi Penelitian kualitatif* ed. Revisi, (Bandung, PT. Remaja Rosdakarya, 2005), 218.

lain dan mendengarkan langsung percakapannya.³¹ Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan mengumpulkan keterangan tentang kehidupan manusia dalam kehidupan masyarakat serta pendirian-pendirian mereka.³² Temubual ini digunakan bagi memperoleh maklumat yang sah dan boleh dipercayai. Oleh itu untuk memperoleh data yang benar dan munasabah dalam kajian ini penyelidik cuba melakukan temubual secara mendalam dengan responden.

Temubual telah dijalankan dengan Pengetua Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA)Kerinci iaitu En. H. Basrial Syah, Timbalan Ketua En. M. Jali Oha. Temubual juga dilakukan dengan Setia Usaha En. Awan Setio Budi, pengurus Departemen Agama (DEPAG) Kabupaten Kerinci iaitu En. Dasra dan beberapa ahli-ahli jawatankuasa antaranya ialah Bustami, Arena, Firdaus, Erwan, Kiki Puspita Dewi, Sukardi dan Lisnadra Khatib. Tujuannya ialah untuk memperoleh dan memastikan data pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci. Selain itu temubual juga dilakukan kepada pembayar dan penerima zakat di BAZDA Kerinci.

b. Soal Selidik

Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang lebih kualitatif. Melalui kaedah ini, penulis mengemukakan beberapa senarai soalan berbentuk tertutup dan terbuka untuk diagihkan kepada semua responden yang mewakili populasi penyelidikan. Manakala soal selidik yang diajukan kepada responden adalah tentang latar belakang responden secara umum, tahap dan aliran pendidikan

³¹*Ibid.*, 31.

³² Koentjaraningrat, *Metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: Gramadian, 1977), 129.

responden, pendapatan responden, pengetahuan responden terhadap pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA dan lain sebagainya.

Item-item dalam soal selidik ini telah diadaptasi daripada soal selidik yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Seterusnya item-item ini diubahsuai selaras dengan objektif kajian dan mendapat persetujuan daripada penyelia sebelum diagihkan kepada responden.


c. Lokasi Penyelidikan

Penyelidikan ini dilakukan di Kabupaten Kerinci, peneliti hanya mengambil sampel pada tiga kawasan sahaja, pertama Seitnjau Laut kedua Depati Tujuh dan ketiga Danau Kerinci.

d. Populasi dan sampel

Populasi dalam kajian ini ialah pegawai kerajaan, pelajar mahupun golongan-golongan yang berhak menerima zakat. Jumlah populasi kajian iaitu 572 orang. Namun kerana keterbatasan masa dan kewangan yang terhad, maka pengkaji hanya memilih sampel sebanyak 60 orang responden yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, pekerja swasta, petani, peniaga dan pelajar. Kerana menurut Cohen (1977) memilih sampel yang dapat mewakili populasi lebih baik daripada memilih satu sampel yang besar tapi bias. Dalam penyelidikan ini sampel diambil dari tiga kawasan yang boleh mewakili kemajmukan masyarakat Kerinci. Hal ini disebabkan kawasan Kerinci yang agak luas, keadaan geografi kawasan kajian jauh antara satu sama lain dan bilangan subjek yang banyak dalam populasi. Tiga kawasan kajian yang dipilih adalah Seitnjau Laut, Depati Tujuh dan Danau Kerinci.

Rajah 1.1 Carta Alir Prosedur persampelan wilayah dan kelompok satu tingkat.



Sumber: Di ubah suai dari Chua Yan Piaw 2006

Jadual diatas dapat menjelaskan mengenai prosedur persampelan wilayah dan kelompok satu tingkat untuk memilih 60 sampel yang terdiri dari pegawai kerajaan, pelajar mahupun golongan-golongan yang berhak menerima zakat. Pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*) dimana peneliti akan memilih responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai responden kajian. Alasan pemilihan sampel seperti ini disebabkan masa dan kewangan yang terhad.

e. Sumber Data

Sumber data yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah menjelaskan sumber darimana data-data berkenaan diperoleh. Data-data dalam penelitian ini dapat diperoleh dari beberapa sumber adalah sebagai berikut:

1. Kantor pusat statistik Kabupaten Kerinci.

2. Dinas Pertanian Tanaman Pangan dan Hortikultura 2008.
3. Pengurus BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci.
4. Kantor pusat statistik Propinsi Jambi.
5. Muzakki yang membayar zakat mereka melalui BAZDA.
6. Asnaf yang menerima agihan zakat BAZDA Kerinci.

1.9.2 Metode Analisis Data

1.9.2.1 Skala pengukuran

Adapun skala pengukuran yang diguna pakai dalam penyelidikan ini ialah skala nominal yang digunakan untuk mengklasifikasikan objek individu maupun kumpulan. Sebagai contoh dalam mengklasifikasikan jenis jantina, agama pekerjaan dan tempat tinggal. Dalam mengidentifikasi hal-hal diatas maka digunakan angka-angka sebagai kod.

Contoh:

Jawapan soalan berupa dua pilihan “ya” dan “tidak” yang bersifat kategori dapat diberi kod berupa angka-angka: Jawapan “ya” diberi angka 1 dan “tidak” diberi angka 2.

1.9.2.2 Teknik Analisis Data

Teknik analisis dan pentafsiran data dalam penelitian ini dibuat berdasarkan langkah-langkah yang diperakukan oleh Yin (1994), seperti dikutip oleh Tellis (1997), yang menyatakan bahawa analisis data dilakukan dengan mengkaji, mengkategorikan, melakukan penjadualan data dan atau menggabungkan bukti untuk

menjawab persoalan kajian.³³ Prosedur ini selaras dengan prosedur yang dijelaskan oleh Moleong (2001), bahawa proses analisis data bermula dengan:

1. Mengkaji seluruh data yang tersedia dari berbagai-bagi sumber, dalam hal ini ia adalah hasil dari pada temubual, soal selidik mahupun analisis dokumen. Dari hasil data yang begitu banyak dicatat dengan lebih cermat dan terperinci.
2. Setelah dikaji maka langkah selanjutnya adalah mengadakan *reduksi data (pengurangan)* yang dilakukan dengan cara meringkaskan, dipilih sesuai dengan objektif kajian, difokuskan kepada persoalan inti yang berkaitan dengan permasalahan kajian.
3. Langkah berikutnya adalah menyusunnya kedalam komponen-komponen untuk dikategorikan kemudiannya.
4. Melakukan penentuan kesahan data dengan teknik tertentu.

Data yang telah dikumpulkan selanjutnya akan dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Sciense* (SPSS) dengan metod statistik deskriptif iaitu menggunakan jadual, frekuensi, peratus, graf dan carta dengan tujuan dapat mengambil kesimpulan berdasarkan data-data yang telah dipaparkan. Selain daripada itu, metode induktif dan deduktif turut digunakan dalam menganalisis data kajian ini.

i). Metod Induktif

Metode ini ialah cara mendapatkan kesimpulan dari beberapa data yang dianalisis khusus bagi mengeluarkan suatu kesimpulan yang umum melalui pola berpikir yang mencari pembuktian dalam hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai

³³ *Ibid.*, 12.

kepada dalil-dalil yang umum.³⁴ Atau dengan kata lain induktif adalah proses mengorganisasikan fakta-fakta atau hasil pengamatan yang terpisah-pisah menjadi suatu rangkaian hubungan dan kesimpulan.³⁵ Antara kajian yang digunakan dengan cara ini adalah mengkaji dan meneliti pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di daerah Kerinci yang diurus oleh BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kerinci. Penggunaan metode ini dapat dilihat dalam perbincangan tentang faktor penubuhan BAZDA, penjelasan masalah kajian, kesimpulan bagi penyelidikan dan sebagainya.

ii). Metod Deduktif

Metode deduktif adalah suatu cara menganalisis data dan melakukan penulisan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian yang berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.³⁶ Dengan itu, penyelidik akan mengumpul data-data yang membuktikan mengenai pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci. Dan hasil analisis data tersebut disimpulkan satu kesimpulan yang bersifat khusus. Metode ini digunakan secara meluas ketika penulis menganalisis data dalam persoalan yang menjadi objektif kajian penulis. Ia dijalankan dengan cara memaparkan maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang dijalankan di BAZDA (pada bab ketiga dan keempat). Contohnya proses pemantapan perkhidmatan zakat di BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci dilakukan dengan cara beransur-ansur mengikut keadaan semasa dan kemudian barulah dilakukan perubahan-perubahan tertentu sesuai dengan permintaan masyarakat dan objektif organisasi.

³⁴ Hadibroto, *Metode Research* (Sumatera Utara: USU, Fakultas Ekonomi, 1965), 35.

³⁵ Saipudin Azwan, *Metode Penelitian* (Yogyakarta:Pustaka Pelajar, 1985), 40.

³⁶ Muhamad Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 275.

1.10 Pembahagian Bab

Penulis telah membahagikan disertasi ini kepada 3 bahagian iaitu: Pendahuluan, teks dan lampiran. **Bahagian pertama** mengandungi halaman judul, abstrak, penghargaan, kandungan, senarai jadual, senarai graf, senarai carta, senarai kependekan, jadual transliterasi dan senarai lampiran.

Bahagian Kedua yang merupakan teks dalam disertasi ini dibahagikan kepada 5 bab iaitu:

Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang mengandungi latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif kajian, tujuan penyelidikan, skop kajian dan kajian lepas serta metodologi kajian, metode analisis data yang merupakan kerangka acuan dalam melakukan penyelidikan dan pembahasan tesis ini.

Bab kedua, penulis memperkatakan mengenai konsep zakat secara umum didalamnya memuatkan pengenalan kepada zakat, hukum persyariatan zakat, syarat wajib zakat, hikmah dan manfaat zakat, harta sebagai sumber zakat, serta menjelaskan tentang konsep mengenai kutipan dan agihan zakat yang akan dijadikan acuan sebagai landasan teoritis dalam pembahasan tesis ini.

Bab ketiga, berkaitan dengan institusi zakat di Indonesia, latar belakang penubuhan BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci, visi dan misi, aktiviti kerja yang dijalankan, didalamnya juga menjelaskan tentang proses pengumpulan zakat, proses penyaluran agihan zakat struktur organisasi, lokasi kajian serta sistem pungutan zakat dan sistem agihan zakat.

Bab keempat membincangkan tentang analisis data dan dapatan kajian serta laporan penyelidikan. Huraian dalam bab ini ialah menjawab dari perumusan

masalah. Untuk melengkapkan kajian penulis telah membuat soal selidik yang terperinci bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Soal selidik ini dimuatkan dalam bab ke empat yang dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama mengenai maklumat responden. Bahagian kedua berkenaan faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat, bahagian ketiga mengenai faktor yang berkaitan promosi yang memuatkan pengetahuan pembayar terhadap promosi dan tindak balas pembayar terhadap promosi. Manakala bahagian keempat berkaitan masalah yang dihadapi oleh pembayar zakat yang memuatkan beberapa soalan-soalan iaitu adakah mereka merasa perlu memberikan pemerhatian tentang kewajipan berzakat, adakah borang bayaran zakat mudah difahami dan memiliki arahan yang jelas, adakah tempoh masa yang diambil untuk membayar zakat mudah dan lain sebagainya.

Dalam bab V merupakan bab penutup yang berisikan tentang kesimpulan dari penelitian dan saran dari penulis bagi BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci selaku institusi yang mengurus kutipan dan agihan zakat.

Bahagian Ketiga: Lampiran.

Bahagian akhir disertasi ini, memuatkan senarai lampiran seperti soalan soal selidik, peta lokasi dan gambar-gambar yang digunakan.

BAB II **KONSEP ZAKAT**

2.1 Pengenalan

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga, hakikatnya. Ia ditunaikan bagi melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah swt. Atas segala rezeki yang telah dianugerahkan. Justeru dengannya dapat melahirkan perasaan kasih sayang, tolong menolong, bantu membantu, belas kasihan seterusnya ia dapat menaiktarafkan ekonomi umat Islam serta mengikis perasaan hasad dengki kerana iri hati dengan kemampuan dan kekayaan orang lain.³⁷ Zakat mulai disyari'atkan pada bulan Syawal tahun ke 2 Hijriah sesudah pada bulan Ramadhan diwajipkannya zakat fitrah.³⁸

Zakat adalah satu perkara yang wajib dikerjakan oleh setiap umat Islam. Apabila seorang Muslim mengerjakan atau mengeluarkan zakat, keredaan dan keberkatan dari Allah swt amat diharapkan. Inilah hikmah yang mana Allah swt janjikan keberkatan dan sebahagian harta yang dikeluarkan itu pastinya disucikan dengan zakat yang telah dikeluarkan. Sama juga seperti solat yang mana telah diwajibkan bagi seluruh umat manusia untuk mengerjakan dan seandainya tidak dilaksanakan pasti kesempurnaan tidak dapat dimiliki dalam kehidupan, oleh karena itu zakat merupakan tiang berdirinya bangunan Islam.³⁹

Disini dapat dilihat bahawa sesungguhnya zakat itu dapat menyucikan harta kita daripada segala perkara atau unsur yang tidak baik semasa kita berusaha

³⁷S. Abū A'lā al-Mawdūdī, *Let Us Be Muslim*, Terj. 'Khurram Murad (Kuala Lumpur: The Islamic Fondation, 1986), 218.

³⁸Direktorat Pengembangan Zakat dan Wakaf Dirjen Bimas Islam Dan Penyelenggara Haji Depag RI, Pedoman Zakat, 2003, 108.

³⁹Muhammad, *Zakat Profesi: Wacana Pemikiran Dalam Fiqh Kontemporer* (Jakarta: Salemba Diniyah, 2002), 12.

mengumpulkan harta, tidak kira sama ada sedikit atau banyak harta yang kita miliki. Tetapi hakikatnya segala harta yang dimiliki didunia adalah kepunyaandan milik Allah swt yang abadi dan hakiki. Selain dari menyucikan harta yang kita miliki, pasti zakat yang dikeluarkan dapat membantu golongan yang kurang berasib baik dan mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan. Ini penting untuk melihat mereka mendapat kehidupan yang selesa dan sempurna.

2.2 Pengertian Zakat

Ditinjau dari segi bahasa perkataan zakat merupakan kata dasar dari *zaka* yang bermaksud suci, berkah, tumbuh dan terpuji.⁴⁰ Menurut DR Wahbah Zuhaylī zakat dari segi bahasa ialah tumbuh dan bertambah, kadang-kadang ia digunakan untuk makna “suci” dan “terpuji”.⁴¹ Menurut Muhammad bin Ismail pula, zakat dari segi bahasa ialah tumbuh, berkembang dan suci.⁴² Ia difardukan pada tahun ke dua hijrah. Sedangkan menurut Syekh Sālim, dari sudut bahasa ialah membersihkan harta bercambah dan tumbuh.⁴³ Sedangkan dari segi istilah fiqh, zakat bererti sejumlah harta tertentu yang diwajibkan Allah swt diserahkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya, disamping bererti mengeluarkan jumlah tertentu itu sendiri.⁴⁴ Manakala menurut Nazar Bakri ialah memberikan sebahagian harta tertentu kepada yang berhak menerimanya dengan beberapa syarat.⁴⁵

⁴⁰ Muhammad, “Zakat Profesi, Wacana Pemikiran dan Fikih Kontemporer,” 10.

⁴¹ Wahbah al-Zuhaylī, “*Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*” 730

⁴² Mohammad bin Ismail, *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām min Jām'i Adillah al-Aḥkām*, J, 2, c, 1, (Kaherah: Dār a-Ḥadīth. 2000), 173.

⁴³ Sālim ‘Abd al-Ghānī al-Rafeī, *Mukhtasar al-Majmū Sharḥ al-Muhazzab*, j. 5 & 6.(Jeddah: Muhtabah Sawadi li al-Tawzī, 1995), 185.

⁴⁴ Salman Harun dan Didin Hafidhuddin (terj) “Hukum Zakat,”34.

⁴⁵ Nazar Bakry, *Problematika Fiqh Islam* (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 1994), 29.

Persamaan dari kata zakat, sebagaimana yang tertulis dalam al-Qur'an dan Hadits adalah sedekah, walaupun sebenarnya istilah sedekah sudah termasuk dalam zakat. Akan tetapi dalam istilah fiqh, zakat dan sedekah memiliki perbezaan kerana fiqh mengertikan sebagai sumbangan yang diberikan secara sukarela karena Allah, manakala zakat merupakan derma wajip yang harus dikeluarkan oleh setiap muslim dengan syarat-syarat dan ketentuan tertentu.⁴⁶

Meskipun para ulama mengemukakannya dengan artian yang berbeza antara satu dengan yang lainnya, akan tetapi pada asasnya sama, iaitu bahawa zakat itu ialah bahagian dari harta dengan persyaratan tertentu, yang Allah swt mewajipkan kepada pemiliknya untuk diserahkan kepada yang berhak menerimanya dengan persyaratan tertentu pula.⁴⁷ Hal tersebut selari dengan Pasal 1 ayat (2) Undang-undang Republik Indonesia No 38 Tahun 1999 Tentang Pengurusan Zakat iaitu: Zakat adalah harta yang wajip diagihkah oleh seorang muslim atau agensi yang dimiliki oleh seorang muslim sesuai dengan ketentuan agama untuk diberikan kepada yang berhak menerimanya.⁴⁸

Berdasarkan pengertian dan asas-asas yang telah diutarakan diatas, sistem zakat sebenarnya sangat mementingkan nilai-nilai murni hasil dari gabungan pemberi zakat dengan penerima yang akan membawa masyarakat Islam itu maju dan cemerlang serta bermaruah bersama-sama dengan cemerlangnya nama agama Islam itu sendiri. Hubungan antara pengertian zakat mengikut bahasa dan dengan pengertian mengikut istilah, sangat nyata dan rapat sekali, iaitu bahawa harta yang

⁴⁶Yāsīn Ibrahim al-Syaikh, *Zakat, Membersihkan Kekayaan, Menyempurnakan Puasa Ramadhan*, (Bandung: Marja, 2004), 27.

⁴⁷Didin Hafidhuddin, "Zakat Dalam Perekonomian Modern," 7.

⁴⁸Saifudin Zuhri, *Zakat Kontekstual*, (Semarang: CV Bima Sejati, 2000), 81.

dikeluarkan zakatnya akan menjadi berkat, tumbuh, berkembang, bertambah dan suci. Hal ini sebagaimana dinyatakan dalam ayat berikut:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُرْكِيمْ بِهَا وَصَلَّى عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكُنٌ لَّهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Taubah 9: 103)

Terjemahan: Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

2.3 Hukum Dan Persyariatan Zakat

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib ditaati dan ditunaikan oleh umat Islam. Terdapat banyak dalil dalam Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w yang menyentuh tentang kepaduan dan kewajipannya, Antaranya ialah:

Firman Allah swt dalam Surah An-Nur, Ayat 56

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أُتُوا الزَّكُوَةَ وَأَطْبِعُوا الْرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿٢١﴾

(Surah al-Nur 24: 56)

Terjemahan: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan Taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

Dan surah al-Anaam ayat 141

* وَهُوَ اللَّهُ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّتِي مَعْرُوشَتِي وَغَيْرَ مَعْرُوشَتِي وَالنَّحْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ
وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَانَ مُتَشَبِّهًا وَغَيْرُ مُتَشَبِّهٍ كُلُّوْ مِنْ ثَمَرَهِ إِذَا أَثْمَرَ وَإِذَا أُتُوا
حَقَّهُ رَبِّ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا تُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٤١﴾

(Surah al-An'am 6: 141)

Terjemahan: Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

Zakat merupakan satu daripada rukun Islam yang lima dan mula difardukan keatas umat Islam di Madinah pada bulan Syawal tahun kedua hijrah. Kefarduannya berlaku setelah kefarduan puasa dan kefarduan zakat fitrah yang bermula pada tahun kedua hijrah seperti yang telah dijelaskan. Zakat merupakan ibadah yang berbentuk harta benda. Antara lain tujuan utamanya ialah untuk menyelesaikan masalah keperluan kepada harta benda dikalangan masyarakat Islam. Dengan kata lain zakat berperanan mengagihkan kekayaan secara adil dalam masyarakat, bagi tujuan merapatkan jurang sosial antara yang kaya dan yang miskin.

Persyariatan bentuk bantuan seperti zakat ini, sebenarnya telahpun wujud dalam syariat samawi sebelum ini, seperti syariat Nabi Ibrahim a.s, Nabi Ishak a.s, dan Nabi Ya'qub a.s. jelas menunjukkan bahawa masalah pembelaan terhadap nasib golongan yang lemah sudah lama diberi perhatian oleh Islam. Ketiga-tiga rasul tersebut diutuskan untuk menyelamatkan umat sebagai mana firman Allah dalam surah al-Anbiya`;

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدِونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ

الزَّكُوْةِ وَكَانُوا لَنَا عَبْدِينَ

(Surah al-Anbiya` 21: 73)

Terjemahan: Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami dan

Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.

2.3.1 Hukum Enggan Mengeluarkan Zakat

Hukum bagi mereka yang enggan mengeluarkan zakat berbeza-beza mengikut bentuk keengganan tersebut. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Bagi mereka yang enggan mengeluarkan zakat atas dasar ingkar dengan kefarduannya, maka dia dihukum sebagai murtad, yakni terkeluar daripada Islam. Seseorang yang murtad boleh dipaksa bertaubat.
2. Bagi mereka yang tidak mengeluarkan zakat kerana bakhil tetapi masih percaya akan kefarduannya, maka dihukum sebagai fasik, yang akan diazab pada hari akhirat. Disamping itu pihak pemerintah berhak mengambil secara paksa kadar yang wajip dikeluarkan zakat daripada hartanya. Jika dia enggan dan menghalang daripada diambil zakatnya, pemerintah boleh mengenakan hukuman takzir seperti denda, penjara dan sebagainya.⁴⁹

2.3.2 Hikmah Persyaratan zakat

Zakat adalah ibadah dalam bidang harta yang sebagaimana telah dikemukakan sebelumnya mengandung hikmah dan manfaat yang demikian besar dan mulia, baik bagi orang yang berzakat (*muzakki*), penerimanya (*mustahik*), harta yang dikeluarkan zakatnya, maupun bagi masyarakat keseluruhan. Hikmah dan manfaat tersebut antara lain sebagai berikut:

⁴⁹Ibid., 20.

Pertama, Sebagai wujudnyata keimanan kepada Allah swt mensyukuri nikmat-Nya, meningkatkan akhlak mulia dengan rasa kemanusiaan yang tinggi, menghilangkan sifat kedekut dan bakhil, menumbuhkan ketenangan hidup, sekaligus membersihkan dan mengembangkan harta yang dimiliki.⁵⁰ Hal ini selari dengan firman Allah swt dalam surah al-Taubah: 103 dan surah al-Ruum: 39. Dengan bersyukur, harta dan nikmat yang dimiliki akan semakin bertambah dan berkembang. Firman Allah dalam surah berikut:

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَيْنَ شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَةَ نَكْمٌ وَلَيْنَ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَدَابِي لَشَدِيدٌ

(Surah Ibrahim 14: 7)

Terjemahan: Dan (ingatlah juga) tatkala Tuhanmu memaklumkan Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari nikmat-Ku, maka sesungguhnya adzab-Ku sangat pedih.

Kedua, Membantu umat Islam yang fakir dan miskin dan meringankan beban mereka. Kerana zakat merupakan hak *mustahik*, maka zakat berfungsi untuk menolong, membantu dan membina mereka, terutama fakir miskin, ke arah kehidupan yang lebih baik dan lebih sejahtera, sehingga mereka dapat memenuhi keperluan hidupnya dengan layak, dapat beribadah kepada Allah swt terhindar dari bahaya kekufuran, sekaligus menghilangkan sifat iri, dengki dan hasad yang mungkin muncul dari golongan mereka, ketika mereka melihat orang kaya yang memiliki harta cukup banyak.⁵¹

Ketiga, Merapatkan jurang pemisah antara golongan masyarakat. Justeru keadaan dan taraf hidup umat Islam dikalangan masyarakat tidak sama secara tidak

⁵⁰ Abdurrahman Qadir, "Zakat Dalam Dimensi Mahdah dan Sosial," 82.

⁵¹ Abdurrahman Qadir, "Zakat Dalam Dimensi Mahdah dan Sosial" 83.

langsung wujudlah satu jurang pemisah antara golongan kaya dan golongan miskin. Orang kaya menjalani kehidupan yang senang manakala orang-orang miskin terpaksa menjalani kehidupan sekadar apa adanya. Lebih memburukkan keadaan jika sikap golongan kaya bukan sahaja bakhil malah sompong dan suka menunjuk-nunjuk, sikap ini akan menumbuhkan rasa iri hati dan dengki yang menyebabkan golongan miskin memusuhi golongan kaya. Sebaliknya dengan pemberian zakat ia akan mewujudkan satu keadaan dimana golongan miskin rasa terhutang budi dan menghormati golongan kaya. Selanjutnya, rasa kasih sayang akan tersemai di dalam hati mereka. Oleh itu wujudlah kesatuan umat.⁵²

Keempat, Zakat memainkan peranan penting dalam masyarakat sebagai ejen jaminan sosial yang menjamin setiap anggota masyarakat mendapatkan keperluan asasi. Dengan tertunainya keperluan asasi tersebut dalam sesebuah masyarakat, akan mewujudkan masyarakat yang prihatin dan penuh kasih sayang. Seterusnya dapat menyumbangkan kepada aspek-aspek positif yang cukup banyak seperti keseimbangan, kemajuan dan keberkatan. Zakat dapat melindungi masyarakat daripada bahaya perpecahan dan kefakiran.

Kelima, Membersihkan hati daripada kebakhilan. Sebahagian harta yang dimiliki oleh sikaya adalah bagi peminta serta si miskin (yang tiada saham di bank atau tiada sebarang kerja).⁵³ Bagi seseorang yang telah berusaha, bersusah payah dan bekerja keras mengumpulkan harta, tentunya akan merasa sayang terhadap harta yang telah dikumpulkan tersebut. Jika rasa sayang dan kecintaan mendalam terhadap harta dunia ini tidak disertai dengan rasa takwa, maka sifat bakhil akan mengisi hatinya. Hati apabila telah dihinggapi penyakit bakhil atau kikir maka susahlah

⁵²Ali akbar Osman, “Mengapa Perlu Membayar Zakat,” 7.

⁵³Muhammad ‘Ali al-Şabūni, “Şafwah al-Tafasır,” 383.

seseorang itu hendak bersedekah dan berderma.⁵⁴ Didalam Al-Qur'an Allah swt berfirman:

وَلَا تَحْسِبُنَّ الَّذِينَ يَجْهَلُونَ بِمَا أَتَيْنَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ
سَيُطْوَقُونَ مَا بَخْلُواً بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَلَّهِ مِيرَاثُ الْأَسْمَاءِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَىٰ
تَعْمَلُونَ حَيْرٌ

(Surah Ali-Imran 3: 180)

Terjemahan: Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahannya, menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan dia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalongkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhikan itu pada hari kiamat kelak dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan.

Keenam, Menyucikan harta. Kadang-kadang dalam pencarian harta tersebut, harta itu diperoleh dari jalan yang tidak bersih dan dari sumber yang haram. Umpamanya dalam perniagaan, kadang-kadang berlaku tersalah kira atau terjual barang yang tidak elok, bermutu rendah dan sebagainya. Oleh demikian, pendapatan dari sumber yang demikian dianggap tidak bersih walaupun ia tanpa disengajakan. Dengan mengeluarkan zakat bererti seseorang itu mengeluarkan harta dari sumber-sumber yang tidak bersih itu. Dan harta atau pendapatan yang tinggal adalah hartanya yang bersih dan halal daripada titik peluhnya sendiri.⁵⁵

Ketujuh, Menyuburkan harta. Sesungguhnya penilaian manusia adalah jauh berbeza dengan penilaian Allah swt. Manusia merasakan apabila ia mengeluarkan zakat atau bersedekah akan mengurangkan hartanya. Sebaliknya Allah memberi

⁵⁴Ali akbar Osman, "Mengapa Perlu Membayar Zakat," 9.

⁵⁵Ibid., 57.

jaminan akan melipat gandakan harta tersebut. Mengeluarkan zakat bererti si hamba bersyukur, Allah memberi jaminan akan menambah nikmat kepada hambanya yang bersyukur.⁵⁶

2.4 Pelaksanaan Kutipan Zakat

2.4.1 Syarat Wajip Zakat

Sebelum diwajipkan zakat keatas sesuatu harta mestilah terlebih dahulu memenuhi syarat wajip zakatnya. Syarat wajib zakat ini boleh dipecahkan kepada dua secara berasingan.

2.4.1.1 Syarat Wajip ke Atas Pengeluar

Fukaha telah sepakat berpendapat bahawa syarat wajip ke atas pengeluar zakat mestilah mencakupi tiga perkara, iaitu Islam, merdeka dan berakal (baligh).⁵⁷

1. Islam

Zakat tidak diwajipkan ke atas harta yang dimiliki oleh orang kafir sebagaimana hadith yang menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah menghantar seorang utusan untuk menghebahkan kefarduan zakat fitrah kepada orang ramai diseluruh kota Madinah dengan menyeru:

”Ketahuilah sesungguhnya Zakat Fitrah itu wajib ke atas semua orang Islam lelaki dan perempuan, hamba atau merdeka, kecil atau besar. Dua cupak gandum atau segantang makanan yang selain daripadanya.”(HR. Al-Tirmizi)

⁵⁶Ibid.

⁵⁷Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, “Zakat Membangun Ummah,” 53

Berasaskan hadith ini kefarduan zakat dinyatakan selepas mengucap dua kalimah syahadah iaitu setelah memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun orang Islam yang murtad, tidak gugur kewajiban zakat hartanya, jika sebelum dia murtad dia telah memiliki harta yang telah mencapai nisab dan haul. Ini dikiaskan dengan hutang seseorang yang murtad. Sekiranya seseorang berhutang kemudian dia murtad, maka murtadnya tidak menggugurkan hutangnya, sebaliknya hutang itu perlu dijelaskan. Dalam kes ini hutang (zakat) kepada Allah swt lebih utama ditunaikan.

2. Merdeka

Menurut ijma' para ulama zakat tidak diwajipkan keatas hamba sahaya kerana secara hukum mereka tidak mempunyai hak milik, begitu pula *budak mukatab* (budak yang dijanjikan kemerdekaannya) tidak wajip mengeluarkan zakat kerana walaupun ianya memiliki harta akan tetapi hartanya tidak dimiliki secara penuh.⁵⁸ Mashab Maliki menyatakan bahawa tidak ada kewajipan zakat pada harta milik seorang hamba sahaya sama ada keatas hamba sahaya itu sendiri mauhupun atas nama tuannya karena harta milik hamba sahaya tidak sempurna (*naqish*), padahal zakat pada hakekatnya hanya diwajipkan pada harta yang dimiliki secara penuh.⁵⁹

Manakala makna merdeka menurut BAZDA Kerinci difahamkan bukan dari golongan hamba melainkan mereka yang benar-benar bebas dari penjajahan dan penindasan. Realitinya pada masa ini sistem perhambaan sudah tidak lagi wujud di Kerinci. Namun bagaimanapun syarat merdeka harus tetap dicantumkan sebagai

⁵⁸Aliy As'ad, *Fath al-Mu'min* jilid 2, (Kudus: Menara Kudus, 1979), 2

⁵⁹Wahbah al-Zuhaylī, "Fiqh Al-Islāmī wa Adillatuh" 84

salah satu syarat wajip mengeluarkan zakat kerana persoalan hamba sahaya ini merupakan syarat yang tetap ada.⁶⁰

3. Berakal Dan Baligh

Fukaha telah sepakat menetapkan tentang kewajipan mengeluarkan zakat harta oleh seseorang yang berakal dan baligh. Tetapi bagi orang yang tidak berakal (gila) atau kanak-kanak yang belum baligh, adakah turut diwajipkan zakat harta ke atas mereka sekiranya harta mereka memenuhi syarat wajip zakat?

Imam Malik berpendapat bahawa zakat diwajipkan bagi setiap muslim dan apabila hartanya sudah mencapai haul sama ada anak yang belum baligh mahupun orang gila maka diwajipkan untuk berzakat.⁶¹ Pendapat ini di sokong oleh imam yang lain seperti Imām al-Shāfi‘ī dan Imam Ahmad, dari golongan sahabat seperti Alī, Ibnu Umar, Jābir dan ‘Āishah mereka juga mewajipkan zakat bagi anak-anak yang belum baligh dan orang gila. Penaganya (wali) berkewajipan mengeluarkannya. Manakala Abū Ḥanīfah pula membatasi harta orang gila dan kanak-kanak yang belum baligh diwajipkan zakat hanyalah harta pertanian sahaja, tidak diwajipkan pada lain-lain harta mereka. Manakala pendapat Hasan al-Baṣrī pula tidak mewajipkan sama sekali zakat harta ke atas orang gila dan kanak-kanak. Masing-masing mempunyai pandangan dan hujah tersendiri.⁶²

Namun majoriti ulama telah sepakat bahawa harta kekayaan anak kecil dan orang gila diwajipkan zakat apabila sudah mencukupi nisab dan haul, dan yang

⁶⁰Enc. H. Nursaidin (Naib ketua BAZDA-Kerinci,) dalam temubual dengan penulis, 14 Desember 2014.

⁶¹Abū Umar Yūsuf bin Abdillāh al-Qurṭubī, *al-Kāfi fī Fiqh Ahlu al-Madīnah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t.), 88.

⁶²Ibnu Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid*, (Jakarta: Pustaka Amani, 2007), 550.

bertanggungjawab mengeluarkan zakat tersebut adalah wali mereka atau penjaganya. Seperti yang jelaskan oleh Yūsuf al-Qardāwī zakat merupakan hak keatas harta, hak zakat tidak ada bezanya antara anak-anak dan orang dewasa, antara yang berakal dan gila. Namun hendaknya syarat-syarat nisab zakat mestilah terpenuhi, seperti terlepas dari hutang, dan merupakan kelebihan dari keperluan-keperluan asasnya. Maka sekiranya anak yatim, belum baligh dan belum berakal memerlukan harta ini untuk dipergunakan bagi keperluan asasnya, diantaranya adalah untuk uang belajar, dan tiada mendapatkan pendapatan dari sumber lain, maka ia tidak memiliki kelebihan dari keperluan asasnya. Manakala yang mempunyai tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat harta yang belum sempurna akalnya adalah walinya atau yang mengembangkan dan menjaga hartanya.⁶³

Pendapat ini berasaskan sabda Nabi s.a.w. yang artinya:

“Barang siapa yang menjadi wali (penjaga) seorang anak yatim yang mempunyai harta, hendaknya ia memperniagakannya atasnya (supaya bertambah kembang). Dia tidak boleh membiarkan harta itu (berterusan susut) dimakan zakat.” (Hadis Riwayat al-Baihaqi)

Senada dengan itu menurut BAZDA Kerinci, adapun anak kecil yang belum baligh dan orang gila jika memiliki harta dan memenuhi syarat-syaratnya, maka mereka masih tetap diwajipkan zakat yang nanti akan dikeluarkan oleh wali (penjaganya). Pendapat ini adalah merujuk daripada pendapat terkuat dan dipilih oleh majoriti ulama.⁶⁴

2.4.1.2 Syarat Wajip Ke atas Harta

Selaras dengan syarat-syarat ajaran Islam yang selalu menetapkan saiz awam

⁶³Yūsuf al-Qardāwī, *Fatwa-fatwa konteporer*, (Jakarta : Pustaka Al-Kautsar, 2002), 239.

⁶⁴ Enc. H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 11 Desember 2014.

pada setiap kewajipan yang dibebankan kepada umatnya, maka dalam penetapan harta menjadi sumber atau objek zakat pun terdapat beberapa ketentuan yang perlu dipenuhi. Apabila harta seorang Muslim tidak memenuhi salah satu ketentuan, misalnya belum mencapai nisab, maka harta tersebut belum menjadi sumber atau objek yang wajib dikeluarkan zakatnya. Meskipun demikian, ajaran Islam telah memberikan kemudahan yang dapat dilakukan oleh setiap Muslim, iaitu infak atau sedekah. Adapun pensyaratan harta menjadi sumber atau objek zakat, adalah sebagai berikut:

Pertama, Harta yang dimiliki secara sepenuhnya. Maksud syarat ini ialah pemilikan dalam konsep biasa. Mengikut Islam secara hakikatnya semua harta didunia ini ialah milik Allah, sementara manusia diberi kuasa menguruskan sahaja. Ini bererti bahawa yang dimaksudkan dengan pemilikan disini ialah hak yang diperoleh atas harta berkenaan melalui cara yang dihalalkan oleh syarak. Sementara pemilikan penuh pula bererti pemilikan atas kedua-dua bahagian harta itu, iaitu “*benda*” dan “*manfaat*” dengan kata lain bahawa harta itu berada pada tuan punya, tidak tertakluk kepada hak orang lain, boleh diurus mengikut sesuka hatinya dan segala kaedah pengurusannya kepada pemiliknya itu.⁶⁵ Adapun yang menjadi alasan dalam menetapkan syarat ini, adalah penetapan kepunyaan yang jelas (misalnya harta kamu atau harta mereka).

Harta yang dimiliki secara sepenuhnya dalam Islam diukur dari dua segi iaitu:

1. Memiliki fizikal harta tersebut.
2. Memiliki faedah, penggunaan atau manfaat harta tersebut.

Jika hanya memiliki satu daripadanya maka ia tidak dianggap memiliki harta

⁶⁵Mahmud Zuhdi Abd.Majid, “Pengurusan Zakat,”102.

tersebut dengan sempurna, dan tidak dikenakan zakat. Contohnya harta sewa atau harta wakaf yang hanya memiliki manfaat tanpa fizikalnya. Atau wang simpanan yang hanya memiliki fizikalnya tetapi tidak pada manfaatnya, maka harta-harta tersebut tidak dikenakan zakat.⁶⁶ Alasan lain dikemukakan bahawa zakat itu pada hakikatnya adalah pemberian kepunyaan pada para *mustahik* dari para *muzakki*. Adalah suatu hal yang sangat tidak mungkin, apabila seseorang (*muzakki*) memberikan kepemilikan kepada orang lain (*mustahik*), sementara dia sendiri (*muzakki*) bukanlah pemilik yang sebenarnya.⁶⁷

Kedua, harta tersebut subur berkembang. Zakat diwajipkan ke atas harta-harta yang bersifat *al-nama'* sama ada ia berkembang subur dengan sendirinya, atau berpotensi untuk berkembang dengan mengusahakan perkembangan ke atas harta tersebut.⁶⁸ Seperti melalui kegiatan usaha, perdagangan, melalui pembelian saham atau ditabungkan, baik dilakukan sendiri mahupun bersama orang atau pihak lain. Harta yang tidak berkembang atau tidak berpotensi untuk berkembang, maka tidak dikenakan kewajipan zakat. Hal ini selari dengan makna berkembang menurut BAZDA Kerinci dimana harta berkenaan dapat bertambah atau berkembang sekiranya diusahakan atau berpeluang untuk berkembang.⁶⁹

Ketiga, Harta tersebut harus mencapai nisab, iaitu jumlah minimum yang menyebabkan harta terkena kewajiban zakat. Contohnya nisab zakat emas adalah 85 gram, nisab zakat haiwan ternak kambing adalah 40 ekor dan lembu 30 ekor. Nisab merupakan ketetapan minimum bagi harta seseorang yang boleh dikenakan zakat ke atasnya, dengan kata lain zakat merupakan tolok ukur yang memisahkan golongan

⁶⁶Shofian Ahmad dan Husin Mohd Nor, "Zakat Membangun Ummah," 58.

⁶⁷Salman Harun dan Didin Hafidhuddin (ter) "Hukum Zakat," 130.

⁶⁸Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī, *al-Āḥkām al-Sultāniyyah*. (T.tp: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 144.

⁶⁹Enc. H.Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 10 Desember 2014.

kaya dan golongan miskin. Golongan yang kaya diwajibkan membantu golongan yang miskin dalam masyarakat dengan menunaikan kewajipan zakat.⁷⁰ Misalnya hadith riwayat Imam al-Bukhārī dari Salim bin Abdillah, dari ayahnya, bahwasanya Nabi Muhammad s.a.w bersabda,

فِيمَا سَقَتْ السَّمَاءُ وَالْعَيْنُ أَوْ كَانَ عَثِيرًا الْعُشْرُ وَمَا سُقِيَ بِالنَّصْحِ نِصْفُ
الْعُشْرِ. (رواه البخاري)

Terjemahan: Setiap tanaman yang diairi oleh air hujan atau air sungai, maka zakatnya adalah sepersepuluh. Dan yang diairi dengan mempergunakan alat, zakatnya adalah separo dari sepersepuluh (lima peratus).⁷¹

Ertian penulis, syarat adanya nisab ini merupakan suatu kemaslahatan, sebab zakat itu diambil dari orang yang kaya (mampu) dan diagihkan kepada orang-orang yang tidak mampu, seperti fakir dan miskin. Indikator kemampuan itu harus jelas, dan *nisab*-lah merupakan indikatornya. Jika kurang dari nisab, ajaran Islam membuka pintu untuk mengeluarkan sebahagian dari penghasilan tanpa adanya nisab, iaitu infak atau sedekah.

Keempat, cukup tempoh ataupun haul iaitu pusingan setahun.⁷² Syarat ini hanya terpakai pada harta yang bersifat modal sahaja dan tidak pada harta-harta yang bersifat pendapatan. Antara harta yang bersifat modal dan tertakluk pada syarat ini ialah binatang, ternakan, wang dan barang dagangan. Sementara contoh-contoh harta yang bersifat pendapatan dan tidak tertakluk pada syarat ini ialah hasil tanaman, hasil galian, harta karun dan sebagainya.

Perbezaan ini sebenarnya berdasarkan sifat kesuburan yang ada pada harta-harta itu. Harta yang bersifat modal, sepertimana yang dicontohkan diatas sebenarnya belum mengalami apa-apa perkembangan pada waktu ia mula-mula

⁷⁰Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, "Zakat Membangun Ummah," 59.

⁷¹Ahmad Semait, "Shahih Bukhari" 177.

⁷²Al-Murtadā al-Zabidī (t.t), "Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs," 365

dimiliki. Bagaimanapun ia berpotensi untuk berkembang. Oleh sebab itu tempoh satu tahun hendaklah diberikan sebagai peluang untuk berkembang. Berbeza sekali dengan harta yang bersifat pendapatan, sebagaimana yang telah disebut. Ia sebenarnya merupakan hasil perkembangan itu. Hasil tanaman, misalnya adalah hasil kesuburan tanah. Begitulah juga galian, ia adalah hasil yang dikeluarkan dari perut bumi.

Ibn Qudamah seperti yang dikutip Mahmood Zuhdi Abd Majid dalam bukunya berjudul *Pengurusan zakat*. Menghuraikan bahawa harta yang tertakluk kepada syarat haul ialah harta-harta yang berpotensi untuk subur. Binatang ternakan berpotensi untuk mengeluarkan susu dan melahirkan anak, barang dagangan berpotensi untuk melahirkan keuntungan, begitulah juga dengan mata wang. Tujuannya ialah supaya zakat dapat dikeluarkan daripada keuntungan-keuntungan itu tadi. Sedangkan hasil tanaman sudah merupakan hasil keuntungan itu sendiri. Oleh sebab zakat diambil terus daripadanya. Begitu juga halnya dengan hasil galian. Ia suatu yang diperoleh dari bumi.⁷³

Kelima, Melebihi keperluan asasi, maksudnya zakat hanya akan dipungut daripada harta seseorang itu sekiranya dia memiliki sejumlah harta yang cukup bagi keperluan hidup asasi bagi dirinya sendiri dan bagi mereka yang berada dibawah tanggungannya. Dengan memiliki kadar harta sebanyak itu, barulah dia dianggap sebagai berada dan berkewajipan membantu mereka yang tidak berada.

Syarat ini telah disebut dalam hadith Rasulullah s.a.w. yang menegaskan bahawa zakat itu dipungut daripada harta mereka yang berada untuk diberikan kepada mereka yang tidak berada. Satu hadith lain juga telah disebut iaitu sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud bahawa zakat tidak dikenakan kecuali atas

⁷³Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Pengurusan Zakat," 112

kekayaan, semuanya ini menunjukkan kekayaan merupakan satu keperluan kewajiban mengeluarkan zakat. Tetapi oleh sebab kekayaan itu sendiri sesuatu yang tidak mutlak maka kadar yang mencukupi keperluan asasi telah dijadikan satu titik yang membezakan antara kaya dan miskin.⁷⁴ Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah: 219:

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلْ أَعْفُوهُ^{٢١٩}

(Surah al-Baqarah 2: 219)

Terjemahan: Dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: (Dermakanlah apa-apa) yang berlebihan dari keperluan (kamu).

Sebahagian ulama berpendapat bahawa amatlah sukar untuk menentukan atau mengukur seseorang itu telah terpenuhi keperluan utamanya atau belum. Dan keperluan utama dalam setiap orang berbeza antara satu dan lainnya, demikian pula dengan keperluan utama antar negeri. Kerana itu menurut mereka syarat nisab dan *al-nama` berkembang* itu sesungguhnya sudah cukup. Harta yang tidak berpotensi untuk berkembang tidaklah terkena kewajiban zakat, misalnya kuda perang dan hamba sahaya di zaman Nabi, atau mungkin rumah yang dijadikan tempat tinggal.⁷⁵

Didin Hafidhuddin dalam bukunya bertajuk "*Zakat Dalam Perekonomian Modern*" berpendapat bahawa syarat ini memang perlu diperhatikan, supaya orang-orang yang terkena kewajipan zakat itu memang benar-benar orang yang termasuk mampu dan telah terpenuhi keperluan asasnya secara layak. Hanya saja dalam menentukan kemampuan seseorang untuk menjadi *muzakki*, ada dua pendekatan yang boleh digunakan. Pertama, diserahkan pada kesedaran dan ketulusan masing-masing *muzakki* untuk menghitung sendiri harta dan keperluan utamanya secara

⁷⁴Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Pengurusan Zakat," 109

⁷⁵Salman Harun dan Didin Hafidhuddin (terj) "Hukum Zakat," 151.

munasabah. Kedua, dilakukan oleh Badan Amil Zakat (BAZ) atau Lembaga Amil Zakat (LAZ) untuk menentukan apakah seseorang itu masuk kategori *muzakki* atau belum. Di Indonesia, dalam zaman pemerintahan persendirian daerah sekarang, selain pendekatan pertama, pendekatan kedua tampaknya sangat mungkin dilaksanakan. Tentu sahaja dengan catatan bahawa BAZ dan LAZ sudah mendapatkan kepercayaan masyarakat. Akan tetapi, jika dirasakan sukar, keluarkan saja zakat dari pendapatan kotor yang diterima jika sudah mencapai nisab. Hal ini selain akan memudahkan, juga akan lebih menenteramkan jiwa karena telah dipenuhinya kewajipan dengan sebaik-baiknya.⁷⁶

2.4.2 Sumber-Sumber Zakat

2.4.2.1 Zakat Fitrah

Zakat fitrah ialah harta yang wajip diagihkan oleh setiap orang Islam yang mempunyai lebihan atas makanan dari keperluan keluarganya pada malam hari raya Idul Fitri. Besaran zakat fitrah setara dengan 2,5 kilogram makanan asas yang ada di daerah atau negeri masing-masing.⁷⁷

Syarat wajip mengeluarkan fitrah

Syarat-syarat wajib zakat fitrah atau orang yang dituntut menunaikan zakat fitrah ialah:

- i. Mestilah seorang Islam dan merdeka.
- ii. Mempunyai lebihan makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.

⁷⁶Didin Hafidhuddin, "Zakat Dalam Perekonomian Modern," 27.

⁷⁷Didin Hafidhuddin, *Panduan Praktis Tentang Zakat, Infak, dan Sedekah* (Jakarta: Gema Insani Press, 1998), 47

iii. Terbenam matahari akhir bulan Ramadhan.⁷⁸

Kadar Bayaran Zakat Fitrah

Kadar bayaran zakat fitrah ditentukan mengikut keadaan semasa dan kedudukan sesuatu negeri. Iaitu makanan asasi sesuatu negeri dan nilai mata wang sesuatu negeri itu. Secara umumnya ia dikira sebagai berikut:

- i. Kadar bayaran mengikut cara asal ialah 1 gantang Baghdad makanan asasi seperti beras.
- ii. Mengikut sukanan atau timbangan sebanyak 1 cupak bersamaan 270 kg beras.
- iii. Nilai berubah dari semasa ke semasa mengikut kadar harga beras yang akan ditentukan oleh Majlis ulama agama Islam.⁷⁹

2.4.2.2 Zakat Harta

Zakat harta adalah bahagian atau harta dari seseorang, syarikat mahupun institusi hukum yang wajip di agihkan dalam jangka masa tertentu dan dengan jumlah tertentu untuk orang-orang atau kumpulan yang juga telah ditentukan dalam syari'at atau peraturan yang berlaku.⁸⁰

i. Zakat Emas dan Perak

Emas dan perak merupakan logam galian yang berharga kurniaan Allah swt. Ia merupakan hasil bumi yang banyak manfaat kepada manusia pula menjadikannya nilai tukaran wang bagi segala sesuatu. Sementara syariat pula mengibaratkan emas dan perak sebagai sesuatu kekayaan alam yang hidup dan berkembang. Syariat juga

⁷⁸Ibid., 8.

⁷⁹Abdullah, *Panduan Menyempurnakan zakat Zakat* (Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa, 2001), 88.

⁸⁰Moh. Daud Ali, *Sistem Ekonomi Islam, Zakat dan wakaf* (Jakarta: UI-Press, 1988), 42.

telah mewajibkan kedua-duanya lebih digunakan dalam bentuk wang dan serpihan, bekas bejana, ukiran atau perhiasan.⁸¹

Syarat Zakat Emas

1. Nisab zakat emas 85 gram emas.
2. Haul selama 1 tahun.
3. Kadar yang wajip dikeluarkan zakatnya adalah 2,5%.
4. Perhiasan yang wajip dikeluarkan zakat adalah perhiasan yang disimpan dan tidak dipakai, selain itu maka tidak wajip dikeluarkan zakat.

Zakat Perak

Nisab zakat perak adalah sebesar 200 dirham atau bersamaan dengan 672 gram perak. Apabila sudah mencapai satu tahun wajib dikeluarkan zakatnya sebasar 2,5 %. Hal ini selari dengan ketentuan undang-undang perzakatan Republik Indonesia No 38 tahun 1999 tentang harta yang wajip dikeluarkan zakat serta kadarnya bab IV pasal 11 ayat 2.⁸²

ii. Zakat perniagaan

Zakat perniagaan diertikan barang yang dijual belikan dengan niat untuk mendapatkan keuntungan. Sekiranya barang yang dibeli digunakan sekadar untuk dimiliki atau dimakan. Maka barang berkenaan tidak termasuk barang perniagaan dan tiada kewajipan zakat atas barang tersebut.⁸³

⁸¹*Ibid.*, 13.

⁸²Enc. H. Nursaidin (Naib ketua BAZDA-Kerinci,) dalam temubual dengan penulis, 14 Desember 2014.

⁸³ Enc. H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 7 Desember 2014.

Ketentuan zakat perniagaan

1. Peniaga adalah mereka yang beragama Islam.
2. Barang yang diniagakan adalah milik penuh, bukan milik orang lain sama ada semua mahupun sebahagian.
3. Nisab zakat perniagaan adalah senilai dengan 91.92 gram emas. Kalau kurang dari jumlah berkenaan tiada zakat atasnya.
4. Usaha tersebut telah berjalan selama 1 tahun.
5. Kadar zakat yang dikeluarkan adalah 2,5%.⁸⁴

iii. Zakat binatang ternak

Ulama mashab sepakat bahawa binatang-binatang ternak yang wajip dizakati adalah unta, lembu, kerbau, kambing, biri-biri. Sedangkan kuda, keledai tidak wajip dizakati melaikan termasuk dalam harta perniagaan. Kemudian Imam Hanafi berpendapat bahawa kuda wajib dizakati, sekiranya kuda tersebut bercampur antara jantan dan betina.⁸⁵ Kewajipan zakat binatang ternak di atas dijelaskan, apabila sudah memenuhi pelbagai syarat yang sudah ditentukan, seperti nisab.

Syarat-syarat ternakan

1. Syarat diwajibkan zakat ke atas binatang-binatang ternakan ialah "*na'imah*" ertiinya binatang-binatang itu terpelihara dipadang ternakan bebas.
2. Binatang-binatang yang dipelihara bagi tujuan membuat kerja seperti lembu

⁸⁴Enc. H.Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 10 Desember 2014.

⁸⁵Muhammad Jawad Mughniyah, "al -Fiqh 'alā al-Madhāhib al- Khamzah, Masykur A.B dkk, Fiqh Lima Madzhab," 180.

yang dipelihara untuk mengangkat barang-barang atau untuk membajak sawah tidak diwajibkan zakat.

3. Nisab hendaklah berkekalan disepanjang haul.

Jadual 2.1. Kiraan Zakat Lembu Dan Kerbau

Kadar Nisab	Kadar Zakat Yang dikeluarkan
30-39	Seekor lembu jantan betina tabi'
40-59	Seekor sapi lembu/betina musinnah
60-69	2 ekor lembu jantan/betina tabi'
70-79	Seekor lembu musinah dan seekor tabi'
80-89	2 ekor lembu musinah
90-99	3 ekor tabi' (lembu berumur satu tahun atau memasuki tahun kedua)
100-109	2 ekor tabi' dan 1 ekor musinah (lembu berumur satu tahun atau memasuki tahun ketiga)
110-119	2 ekor lembu musinah dan 1 ekor tabi'
120-129	3 ekor lembu musinah atau 4 ekor tabi'
130-160 s/d >	setiap 30 ekor, 1 tabi' dan setiap 40 ekor, 1 musinah

Sumber : Badan Amil Zakat daerah Kerinci (2012)

Sekiranya jumlah lembu atau kerbau bertambah setiap 30 ekor, maka zakatnya akan bertambah 1 ekor tabi'. Jika jumlah itu bertambah 40 ekor, maka kadar zakat bertambah 1 ekor musinah.

Jadual 2.2. Kiraan Zakat Kambing dan Domba

Kadar Nisab	Kadar Zakat Yang dikeluarkan
40-120	Seekor (berumur 2 tahun) atau domba (berumur 1 tahun)
121-200	2 ekor kambing/domba
201-399	3 ekor kambing/domba
400-499	4 ekor kambing/domba
500-599	5 ekor kambing/domba

Sumber: Nisab Zakat Lembu dan Kerbau⁸⁶

Setiap jumlah tersebut bertambah 100 ekor, maka kadar zakar bertambah 1 ekor.

⁸⁶ Enc. H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 10 Desember 2014.

iv. Zakat Pertanian

Zakat pertanian ialah zakat hasil tanaman yang diusahakan oleh orang Islam sama ada dalam bentuk biji-bijian atau buah-buahan dengan syarat-syara tertentu.⁸⁷

Syarat-syarat Wajip Zakat Tanaman

Seperti harta-harta lain, tidak semua jenis tanaman dikenakan zakat kecuali tanaman yang memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Dimiliki oleh orang Islam.
2. Merdeka.
3. Sempurna milik.
4. Penanamannya dilakukan oleh manusia. Jika ia tumbuh sendiri seperti dibawa oleh udara atau air atau haiwan, maka tidak dikenakan zakat kerana ia tidak ada pemilik tertentu.
5. Tanaman tersebut merupakan tanaman asasi seperti beras, gandum dan sebagainya.
6. Cukup nisab bagi tanaman dan buah-buahan ialah sebanyak lima wasak.⁸⁸

Kadar Nisab Zakat Tanaman dan Buah-buahan

Secara umumnya kadar nisab sesuatu tanaman bergantung sama ada:

1. Pengairan dengan faktor semula jadi dan tanpa kos seperti air hujan semata-mata, tanpa memerlukan tenaga manusia, baja, racun dan sebagainya yang biasa

⁸⁷Sofyan Hasan, "Pengantar Hukum Zakat dan Wakaf," 35.

⁸⁸Lima wasak bersamaan dengan 363 gantang beras, setelah dibersihkan daripada tangkai dan hampa.

- diperlukan oleh sektor tanaman, maka nisabnya ialah 10%. Contohnya tanaman padi huma yang tidak memerlukan kos pengairan atau penyelenggaraan.
2. Tanaman yang menggunakan kos seperti pengairan, baja, racun, traktor dan sebagainya maka nisabnya ialah 5%.
 3. Manakala tanaman yang menggabungkan kedua-dua faktor tersebut, setelah pendapatan mengenakan kadar nisabnya ialah 7.5% iaitu kadar pertengahan antara dua kadar tersebut.⁸⁹

v. Zakat Wang

Mata wang wajip dikenakan zakat kerana ia boleh digunakan untuk bermuamalah sama dengan emas dan perak. Wang sama ada berbentuk kertas, syiling atau sebagainya setaraf dengan emas dan perak sebagai suatu kuasa membeli. Nisab zakat wang simpanan adalah berdasarkan nilai semasa bagi nisab emas 20 mithal (85 gram) atau perak (595 gram).

vi. Zakat *Ma'ādin/Kunūz* dan *Rikāz* (galian, Simpanan jahiliah dan harta karun)

Harta galian, simpanan jahiliah dan harta karun wajib dikeluarkan zakat sama ada yang diperoleh didarat atau dilaut, bahan pepejal atau cecair, boleh ditempa atau tidak seperti minyak dan gas. Apa yang dimaksudkan dengan zakat *ma'ādin*, *kunūz* dan *rikāz* ialah dalam pengertian yang umum, ialah setiap benda yang dikeluarkan dari perut bumi, sama ada dalam bentuk pepejal dan cecair yang dikenali sebagai galian atau "*Ma'ādin*" atau dalam bentuk harta yang tertimbus oleh perbuatan

⁸⁹Shopian Ahmad dan Husin Mohd Nor, "Zakat Membangun Ummah," 71

manusia atau kejadian alam atau yang dikenali dengan perbendaharaan lama atau *Kanz*. Syaratnya ia mempunyai nilai. Mengikut istilah yang digunakan oleh sesetengah fuqaha semua ini disebut sebagai "*Rikāz*".⁹⁰

Syarat-Syarat Nisab Zakat *Ma'ādin/Kunūz* dan *Rikāz*

Nisab zakat galian ialah apabila 20 *misqal* bagi emas (85 gram) dan 595 gram bagi perak atau senilai dengannya mengikut harga pasaran semasa nisab emas atau perak. Kadar yang wajib dikeluarkan ialah 2.5%, 5%, 10%, atau 20% berdasarkan kos pengeluaran. Zakat galian tidak diisyaratkan cukup haul bahkan wajip dikeluarkan terus sesudah ditapis dan dibersihkan.

vii. Zakat Saham

Saham adalah wang modal yang dilaburkan dalam perniagaan sesebuah syarikat dan sebagainya. Dalam urusan perniagaan saham, peraturan perniagaan itu dilaksanakan berpandukan pada harga saham dalam pasaran semasa. Oleh itu zakat dikenakan dengan kadar 2.5% daripada nilai saham tersebut. apabila mengira pendapatan tahunan saham hendaklah dikira sebagai harga tetap yang boleh membawa keuntungan seperti geran, cagaran atau kilang-kilang perusahaan.

Syarikat Yang Mengeluarkan Zakat Saham

Zakat tidak perlu dibayar atas saham sekiranya sesebuah syarikat tersebut telahpun mengeluarkan zakat perniagaan bagi pihak-pihak pemegang sahamnya. Begitujuga dengan dividen saham. Sekiranya syarikat tidak mengeluarkan zakat

⁹⁰Ibi.d, 85.

perniagaannya, individu yang memiliki saham syarikat tersebut wajip membayar zakat secara persendirian.

Mengira Zakat Atas Saham-Saham Yang Disenaraikan

Pemilik saham boleh mengasingkan pengiraan zakat atas saham kepada dua kumpulan iaitu saham yang masih dimiliki dihujung haul dan saham-saham yang dijualbeli sepanjang haul. Bagi saham-saham yang masih dimiliki selepas cukup haul, maka pengiraan zakat ialah 2.5%. sekiranya nilai saham lebih rendah daripada kos belian maka gunakan nilai pasaran.⁹¹

viii. Zakat Pendapatan

Pendapatan bermaksud perolehan yang merangkumi pendapatan gaji dan pendapatan bebas seperti pendapatan ahli profesional.

Pendapatan Gaji

Pendapatan penggajian seseorang yang merupakan ganjaran perkhidmatannya dengan sesuatu majikan atau orang perseorangan atau syarikat atau institusi. Pendapatan penggajian merangkumi:

- i. Gaji tahunan.
- ii. Tuggakan gaji.
- iii. Pelbagai elauan (kenderaan, makan, mesyuarat).
- iv. Lain-lain termasuk bonus atau sesuatu yang boleh dikira sebagai pendapatan yang berkaitan dengan penggajian.

⁹¹Ibid., 88

Pendapatan Bebas

Iaitu pendapatan seseorang melalui sesuatu kerja atau usaha kepakaran atau perkhidmatan yang merupakan ganjaran daripada khidmatnya. Pendapatan bebas ini merangkumi:

- i. Khidmat guaman.
- ii. Khidmat nasihat.
- iii. Juru perunding.
- iv. Kejuruteraan.
- v. Seniman dan lainnya.

Syarat wajip zakat pendapatan

Gaji dan pendapatan wajip dikeluarkan zakat berdasarkan syarat-syarat berikut:

- i. Islam.
- ii. Pemilik sempurna.
- iii. Pendapatan/hasil.
- iv. Cukup nisab.
- v. Haul.

Kadar Zakat

Kadar zakat sebanyak 2.5% ini berpandukan kepada kadar zakat emas. Amalan ini sesuai dilakukan kerana gaji dan pendapatan bebas itu diterima dalam bentuk mata wang/nilai wang.

Contoh Pengiraan Zakat pendapatan

Cara 1 (Membayar 2.5 atas pendapatan kasar setahun)

Jumlah pendapatan kasar setahun RM 30,000

Zakat atas pendapatan (kerana lebih dari nisab) RM 30,000 X 2.5 % RM 750

Cara 2 (Membayar setelah menolak perbelanjaan-perbelanjaan asas yang dibenarkan)

A. Pendapatan dari semua sumber yang diterima setahun RM 30,000

B. Tolak perbelanjaan yang dibenarkan (setahun)*

1. Diri RM 8,000

2. Isteri RM 3,000 **

3. Anak 6 orang x RM 800 RM 4,800***

4. Ibu bapa (100 x 1) RM 1,200

5. KWSP 11 % RM 3,300

6. Caruman ke organisasi RM 700

Jumlah tolakan RM 21,000

C. Pendapatan yang layak di zakat RM 9,000

D. Zakat yang wajib dibayar (Kerana C lebih dari nisab)

RM 9,000 X 2.5% **RM 225**

CATATAN

* Bergantung kepada keputusan Fatwa Negeri-negeri dengan mengambil kira masa, tempat dan kadar sosial serta ekonomi.

** Tiada tolakan untuk bahagian 2 dan 3 bagi isteri yang bekerja atau wanita/lelaki bujang.

*** Tolakan untuk anak-anak yang dibawah tanggungan.

2.5 Agihan Zakat

2.5.1 Golongan Penerima Zakat

Al-Qur'an menjelaskan kepada siapa zakat itu diagihkan, ini bertujuan untuk menghalang penyalahgunaan zakat demi kepentingan diri sendiri sebagaimana firmannya dalam surat al-Tawbah 58 yang berbunyi:

وَمِنْهُمْ مَنْ يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أَعْطُوهُمْ رَضْوًا وَإِنْ لَمْ يُعْطَوهُمْ إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ




(Surah at-Taubah 9:58)

Terjemahan: Dan di antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil) dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta-merta mereka marah.

Zakat di agihkan untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan bagi memenuhi keperluan azas mereka. Ia diagihkan untuk membantu memenuhi pelbagai keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Pengagihan merupakan salah satu dari cara untuk mengatasi masalah kemiskinan. Menurut M.A Mannan, teori pengagihan hendaklah dapat mengatasi masalah dalam negara, iaitu golongan orang miskin yang terbanyak penduduk.⁹² Zakat hanya boleh di agihkan kepada golongan yang tertentu sahaja. Di dalam Al-Qur'an Surat al-Taubah ayat 60, Allah swt. Berfirman:

* إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسِكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالغَرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ أَنَّ اللَّهَ وَاللَّهُ عَلِيمٌ



⁹²M.A Mannan, *Islamic Economics: Theory and Practice* (Cambridge: The Islamic Cademy, 1986), 113.

(Surah al-Taubah 9: 60)

Terjemahan: Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, miskin, para pengurus zakat (amil, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, untuk orang-orang yang ber hutang, untuk di jalan Allah dan untuk orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajipkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

Dalam pelaksanaan Undang-undang Nomor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat pada pasal 28 dijelaskan bahawa zakat diagihkan kepada delapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, *riqāb*, *ghārimīm*, *fī sabilillāh* dan *ibnu sabīl*. Serta mendahuluikan keperluan kepada golongan yang sangat memerlukan.

Ayat serta Undang-undang diatas menjelaskan golongan orang-orang yang berhak menerima zakat (*mustaḥik*). Mereka terdiri dari 8 golongan, iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, *riqāb* (hamba sahaya), *ghārim*, *sabilillāh* dan *ibnu sabīl*.

1. Al-*Fuqarā'* (Fakir)

Al-Fuqarā' merupakan golongan pertama yang menerima bahagian zakat dan kata jamak daripada kata *al-fakīr*. Al-fakir menurut Mazhab Shāfi'i dan Ḥanbalī ialah orang yang tidak memiliki harta benda dan pekerjaan yang mampu memenuhi keperluan seharinya. Contohnya keperluannya berjumlah sepuluh tetapi dia hanya mampu mendapatkan tidak lebih daripada tiga walaupun dia sihat tetapi terpaksa meminta-minta kepada orang untuk memenuhi tempat tinggal dan pakaianya.⁹³ Menurut ulama fiqh, fakir adalah orang-orang yang tidak mempunyai harta atau pendapatan layak untuk memenuhi keperluan asas baik untuk dirinya sendiri mahupun keluarga dan orang-orang yang menjadi

⁹³Mohamad Uda Kasim, "Zakat Teori Kutipan Dan Agihan," 154.

tanggungannya.⁹⁴ Manakala makna fakir menurut BAZDA Kerinci adalah orang yang tidak mempunyai kemampuan untuk memenuhi keperluan asas hidupnya.⁹⁵

2 *Al-Masākīn* (Orang yang miskin)

Al-Masākīn merupakan kata jamak daripada kata *al-miskīn*. Orang miskin ialah orang yang memiliki pekerjaan tetapi pendapatannya masih tidak dapat menampung keperluan hidupnya. Seperti orang yang memerlukan 10 tetapi dia hanya mendapat 8 sehingga masih belum dianggap layak dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal.⁹⁶ Miskin juga dertiikan orang yang tidak dapat memenuhi keperluan hidupnya, meskipun mempunyai pekerjaan atau usaha tetap, akan tetapi pendapatan belum dapat mencukupi keperluan hidupnya dan tidak ada yang menanggung keatas dirinya.⁹⁷

Manakala makna miskin menurut BAZDA Kerinci ialah orang yang memiliki pendapatan atau pekerjaan namun tidak dapat memenuhi keperluan hidupnya sendiri mahupun keluarga yang ditanggungnya.⁹⁸ Dalam mempertimbangkan kedua kumpulan di atas (fakir dan miskin) agar dapat menerima zakat, tidak cukup dengan melihat berdasarkan keperluan utama sahaja, akan tetapi ianya juga perlu melihat keperluan sekunder, seperti kesihatan, pendidikan dan lain-lain.⁹⁹

Didalam konteks Indonesia istilah fakir dan miskin kemudian digabungkan (dipadukan) menjadi satu iaitu kemiskinan atau miskin. Istilah ini dimaksudkan supaya memudahkan bagi mengetahui penduduk negeri yang kekurangan tanpa mengurangkan nilai yang terkandung dalam konteks zakat

⁹⁴Abdul Azis Dahlan (eds), *Ensiklopedia Hukum Islam*, (Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve, 1996). 35

⁹⁵Enc.H. Nursaidin (Naib ketua BAZDA-Kerinci,) dalam temubual dengan penulis, 14 Desember 2014.

⁹⁶*Ibid.*, 155.

⁹⁷Sofyan Hasan, “Pengantar Hukum Zakat dan Wakaf,” 44.

⁹⁸ Enc.H. Jali Oha (Pengurus BAZDA Kerinci) dalam temubual dengan penulis 11 Desember 2014.

⁹⁹Sofyan Hasan, “Pengantar Hukum Zakat dan Wakaf,” 45.

dengan tetap berpandukan pada hukum perzakatan Islam dan Undang-undang zakat daripada Kementerian hal dan ehwal agama Republik Indonesia.¹⁰⁰ Dalam menyalurkan zakat kepada asnaf ini, BAZDA Kerinci telah berkerjasama dengan Pemerintah Daerah (PEMDA) terutama dengan Departemen Sosial (DEPSOS), bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan jumlah penduduk miskin yang terdapat di pelbagai daerah di Kerinci. Namun begitu BAZDA Kerinci juga melihat langsung keadaan mereka sama ada layak menerima zakat atau tidak.¹⁰¹

3. **Amil atau Pengurus zakat:** difahamkan orang yang diberi tugas untuk mengumpulkan dan membahagikan zakat. Urusan harta zakat meliputi aktiviti memungut, mengira, menyimpan, mengurus, menghantar Amil ke daerah tertentu, mengagih dan sebagainya. Amil layak mendapatkan zakat walaupun beliau seorang yang kaya. Hal ini disebabkan jawatan amil dikira sebagai suatu jawatan khusus yang layak diberi upah. Oleh itu bahagian yang diterimanya lebih berdasarkan kepada konsep upah. Tetapi amat digalakkan supaya pelantikan para Amil ini dibuat kepada mereka yang memerlukan pekerjaan bagi menyara hidup mereka dengan syarat mereka ini berkelayakan untuk menjalankan tugas-tugas yang dinyatakan.¹⁰² Ibnu Qudamah mentakrifkan amil sebagai golongan yang diutus oleh imam untuk mengambil zakat dari pemiliknya, mengumpul, menjaga dan memindahkannya.¹⁰³ Menurut al-Bahūtī, amil merupakan pengutip, penulis, pembahagi dan pengumpul

¹⁰⁰Enc.H. Alwi (Anggota bahagian agihan zakat BAZDA-Kerinci,) dalam temubual dengan penulis,11 Desember 2014.

¹⁰¹Enc.Arena. SE (Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci,) dalam temubual dengan penulis,13 Desember 2014.

¹⁰²Shopian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, "Zakat Membangun Ummah," 104.

¹⁰³Ibnu Qudāmah, Abdullāh bin Qudāmah al-maqdisī al-Mugnī, J.4. Bāb Zakir Ahli Al-Zakat, (Kaherah: Dār Al-Hadīth, 2004), 91.

zakat wakil kepada imam tetapi bukan *qādī* atau wali.¹⁰⁴ Dalam maksud lain amil zakat merupakan orang yang melaksanakan segala sesuatu yang berkenaan dengan kegiatan zakat, seperti pengumpul zakat, penjaga, pencatat, penghitung dan pembagi harta zakat. Allah swt memberikan imbuhan kepada orang yang mengurus zakat dari harta zakat itu.¹⁰⁵

4. **Mualaf:** difahamkan sebagai seorang yang baru memeluk agama Islam dan memerlukan bantuan dari segi kewangan.¹⁰⁶ Mahupun orang-orang yang masih lemah niatnya dalam memeluk Islam, dengan zakat diharapkan dapat terbujuk dan bertambahkuat hatinya.¹⁰⁷ Begitu juga dengan orang Islam yang dihormati dikalangan kaumnya yang bukan Islam dengan tujuan dapat membantu beliau untuk menarik mereka yang bukan Islam kepada Islam. Daripada pengertian tersebut, Mualaf dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mualaf yang sudah memeluk Islam (Muslim) dan mualaf yang belum memeluk Islam (Kafir).

1. Sudah Memeluk Islam (Muslim)

Golongan ini boleh dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu:

- a) Ketua suku kaum Muslimin yang memiliki kemuliaan, iaitu yang dihormati kaumnya.
- b) Orang yang memeluk Islam tapi iman mereka masih lemah.
- c) Kaum Muslimin yang dekat dengan kaum kafir. Jika diberi zakat mereka akan memerangi kaum kafir tersebut.

¹⁰⁴ Al-Bahūtī, Mañṣūr Ibn Yūnus Idrīs, *Kashaf al-Qinā ‘An matn Al-Iqnā;* J.2 (Beirut: Dār al-fkr, 1982), 316.

¹⁰⁵ Mursidi, *Akuntansi Zakat Kontemporer* (Bandung: PT Rosda Karya, 2003), 174.

¹⁰⁶ Enizar dkk, *Reinterpretasi Pendayagunaan ZIS Menuju Efektifitas Pemanfaatan ZIS* (Jakarta: Piramedia, 2004), 22.

¹⁰⁷ Abdul Rachim dan Fathoni, *Syariat Islam: Tafsir Ayat-Ayat Ibadah, Edisi I,* (Jakarta: Rajawali, 1987), 225.

d) Kaum Muslimin yang dekat dengan kaum *ahli zakat* (orang yang wajib zakat), jika diberi zakat mereka memeranginya dan mengumpulkan zakat mereka secara paksa.¹⁰⁸

2. Belum Memeluk Islam (Kafir)

Golongan ini boleh dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu:

- a) Kumpulan yang diharapkan keislamannya.
- b) Kumpulan yang ditakuti dan dikhuatirkan boleh menyebabkan kejahatannya kepada umat Islam.¹⁰⁹

4. **Riqāb:** difahamkan sebagai seseorang yang ditahan didalam keadaan perhambaan dan memerlukan bantuan untuk dibebaskan,¹¹⁰ mahupun hamba yang diberi kebebasan perniagaan bagi mengumpulkan kekayaan agar bisa menebus dirinya untuk merdeka.¹¹¹ Dalam masa sekarang sistem perhambaan tersebut sudah terhapus, persoalan yang timbul ialah bahagian "*al-Riqāb*" ini boleh dibelanjakan bagi tujuan membebaskan tahanan-tahanan Islam ditangan musuh atau membantu bangsa-bangsa yang masih terjajah.

Ulasan pandangan berkenaan, al-Qardawi berhujah kalau lah melepaskan seorang Muslim daripada belenggu seseorang Muslim yang lain boleh dilakukan dan merupakan ibadah, apalagi melepaskannya daripada belenggu orang bukan Islam.¹¹²

5. **Gharimin:** Difahamkan sebagai seseorang yang berada dalam keadaan berhutang untuk perbuatan yang bukan untuk maksiat, dan zakat diberikan agar

¹⁰⁸ Armiadi, *Zakat Produktif Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Ummat* (Yogyakarta: AK GROUP, 2008), 134.

¹⁰⁹ Yusuf Abdussalam, *Orang Beriman Bayarlah Zakatmu; Hikmah dan Aturan-aturan Ibadah Zakat*, (Yogyakarta: Media Insani Pustaka, 2008), 118-119.

¹¹⁰ Aqid Ghazali, "Zakat Satu Tinjaun," (Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd, 1988), 13.

¹¹¹ Syukir Ghazali dan Amidhan (eds), *Pedoman Zakat*, (Jakarta: Proyek Pembinaan Zakat dan Wakaf, 1985), 123.

¹¹² Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Pengurusan Zakat," 447.

mereka dapat terbebas dari hutang.¹¹³ Fukaha seperti Shāfi’ī, Mālikī dan Ḥambalī membahagikan orang yang berhutang kepada dua kategori sebagai berikut:

1. Berhutang untuk kepentingan sendiri yang diharuskan untuk menyara diri dan keluarga, berkahwin, perubatan, membina rumah dan sebagainya. Golongan ini layak mendapat bantuan zakat tetapi dengan syarat seperti berikut:
 - a) Benar-benar memerlukan bantuan tersebut untuk melunaskan hartanya dan tidak ada sumber lain untuk berbuat demikian. Jika dia seorang yang kaya maka tidak layak mendapat bantuan zakat untuk melunasi hutangnya.
 - b) Objektif hutangnya adalah murni dan diharuskan oleh syarak.
 - c) Hutang tersebut telah jatuh tempoh matang yang perlu dibayar segera.
 - d) Orang yang berhutang tersebut ialah orang Islam.
2. Berhutang untuk kepentingan umum masyarakat Islam seperti untuk menyelesaikan pergaduhan dan pertelingkahan antara umat Islam yang tidak akan selesai kecuali ada orang yang sedia membayar pampasan dan sebagainya.
7. *Fī Sabillāh*: ialah segala amal atau aktiviti yang dipergunakan untuk mendekatkan diri kepada Allah.¹¹⁴ Ertian lain ialah sebagai keadaan yang mana seseorang itu terlibat didalam kegiatan yang menegakkan serta mempertahankan agama Islam serta kebajikan umatnya.¹¹⁵ Kata *Fī Sabillāh* boleh diterjemahkan

¹¹³ Muhammad Jawwād Mughnīyah, “*al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Khamzah*, Masykur A.B dkk, Fiqh Lima Madzhab,” 193.

¹¹⁴ Salman Harun dan Didin Hafidhuddin (terj) “Hukum Zakat,” 610.

¹¹⁵ *Ibid.*

sebagai "pada jalan Allah" yang membawa kepada keredaan Allah.¹¹⁶ Makna "*sabīlillāh*" juga disebut sebagai jihad. Kadangkala jihad itu dalam bidang pendidikan, dakwah dan sebagainya asalkan untuk membela Islam dan mengembalikan kejayaan umat Islam dan wajip memberikan modal kepada setiap bentuk jihad.¹¹⁷

8. ***Ibnu Sabīl*:** yang dimaksudkan dengan Ibnu Sabil ialah seorang yang sedang melakukan perjalanan (musafir) untuk melaksanakan sesuatu maksud yang baik dan tidak termasuk perkara yang maksiat. Seandainya ia tidak dibantu, kemungkinan maksud dan tujuannya tidak dicapai. Antara maksud yang baik ialah ibadah Haji, berperang di jalan Allah swt, ziarah yang dianjurkan dan sebagainya. Skop Ibnu sabil telah diperluaskan, selain daripada kriteria diatas, para ulama berijtihad bahawa sebahagian *Ibnu Sabīl* ini harus dimanfaatkan untuk ekspedisi ilmiah, menyediakan madrasah, perbaikan jalan dan membiayai pendidikan serta penjagaan anak yatim.¹¹⁸

Golongan fakir dan miskin dalam ayat tersebut merupakan suatu keutamaan jika dibandingkan dengan golongan yang lain. Maka dari itu menurut Imam al-Syafi'i, Imam al-Nasa'i, Imam Abu Hanifah dan Imam Malik milarang untuk mengagihkan zakat kepada *mustaḥik* lain sementara fakir/ miskin tidak diperhatikan. Bahkan secara khusus Imam al-Syāfi'i menyatakan "Mengutamakan agihan zakat kepada fakir, miskin sampai mencukupi keperluannya, jauh lebih baik daripada membahagi-bahagikannya dalam jumlah yang sedikit kepada seluruh asnaf (golongan penerima zakat)."

Untuk menentukan seseorang apakah dia termasuk sebagai *mustaḥik* (orang

¹¹⁶Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Pengurusan Zakat," 454.

¹¹⁷Siti Mariam Binti Mat, "Pungutan dan Agihan Zakat di Melaka" (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universit Malaya, 2002), 35.

¹¹⁸Mohamad Uda Kasim, "Zakat Teori Kutipan Dan Agihan," 169.

yang berhak menerima zakat) diperlukan pengamatan (ijtihad) yang sangat mendalam, khususnya berkaitan *mustahik* fakir atau miskin, kerana fakir atau miskin adalah *mustahik* yang paling banyak di negeri ini dan menjadi keutamaan dalam penyaluran zakat. Bagaimana menentukan seseorang sebagai *mustahik* fakir atau miskin? Inilah tugas seorang Amil (petugas yang mengendalikan zakat) dalam menentukan seorang *mustahik* fakir miskin. Amil dengan institusi zakatnya harus melakukan penyelidikan terperinci, menghitung jumlah keperluan seseorang yang harus dipenuhi dalam setiap harinya. Untuk menentukan keperluan utama secara munasabah, mungkin bisa berbeza antara satu negeri dengan negeri lainnya atau satu negara dengan negara lainnya. Hal itu sangat bergantung pada besar kecilnya harga keperluan asas yang berlaku di negeri tersebut. Disinilah salah satu peranan dan fungsi dari Amil zakat di negeri masing-masing untuk menghitung dan menentukan kelayakan seseorang menjadi *mustahik* (orang yang berhak menerima zakat) ataukah tidak, berdasarkan keperluan hidup diri dan keluarganya yang harus dipenuhi dalam setiap bulannya.

2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, seluruh umat Islam adalah diwajibkan untuk mentaati dan mengerjakan zakat kerana banyak hikmah yang terdapat disebalik persyariatan itu. Sesungguhnya umat Islam adalah bertanggungjawab untuk membantu saudara sesama Islam yang ditimpa kesusahan atau masalah. Setiap umat Islam hendaklah mempercayai dan beriktikad bahawa pertolongan Allah swt pasti akan tiba kepada mereka yang menolong dan membantu orang lain.

BAB III

ORGANISASI PENTADBIRAN ZAKAT DI BAZDA (BADAN AMIL ZAKAT DAERAH) KABUPATEN KERINCI

Pada bab ini akan membahaskan maklumat secara menyeluruh mengenai objek penyelidikan, iaitu Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Kerinci. Didalamnya berisi data-data umum yang meliputi sejarah, aktiviti dan struktur organisasi, selain itu juga berisi tentang data-data khusus iaitu tentang pelaksanaan kutipan dan agihan dana zakat, infak dan sedekah.

3.1 Pengenalan Institusi Zakat Di Indonesia

Melihat sejarah perkembangan zakat di Indonesia sebelum tahun 1990 memiliki beberapa ciri khas, iaitu zakat pada umumnya diagihkan langsung oleh *muzakki* kepada *mustaḥik* tanpa melalui amil zakat, andaipun diagihkan kepada amil zakat ianya hanyalah terbatas kepada zakat fitrah sahaja, selain itu zakat yang diagihkan pada umumnya hanya bersifat konsumtif untuk keperluan sesaat dan bukan bersifat produktif.¹¹⁹

3.1.1 Masa Awal Kemerdekaan

Setelah memperoleh kemerdekaan, zakat kembali menjadi perhatian para ahli ekonomi dan ahli fiqh bersama kerajaan dalam menyusun ekonomi Indonesia. Hal tersebut dapat dilihat pada pasal-pasal dalam perlembagaan 1945 yang menegaskan bahawa fakir miskin dan anak-anak terlantar dipelihara negara. Kata-kata fakir

¹¹⁹Hafidhuddin, *The Power of Zakat: Studi Perbandingan Pengelolaan Zakat Asia Tenggara* (Malang: UIN-Malang, 2008), 93.

miskin yang digunakan dalam pasal tersebut jelas menunjukkan kepada *mustahik* zakat (golongan yang menerima zakat).¹²⁰

3.1.2 Masa orde Baru

Kepemimpinan presiden Soeharto telah memberikan sebuah polisi tentang konteks penerapan zakat ini. Sesuai anjuran presiden dalam ucapan ketika memperingati israk mikraj di istana negara pada 22 Oktober 1968, maka terbentuklah Badan Amil Zakat Infak dan Sedekah (BAZIS) yang di pelopori oleh kerajaan Daerah Khusus Ibukota (DKI) jaya. Sejak itulah secara bersamaan badan amil zakat terbentuk dipelbagai wilayah dan kawasan-kawasan seperti di Kalimantan Timur (1972), Sumatera Barat (1973), Jawa Barat (1974), Begawan (1975), Sumatera Selatan dan Lampung (1975), Kalimantan Selatan (1977), dan Sulawesi Selatan dan Nusa Tenggara Barat (1985).¹²¹

Perkembangan zakat pada masa orde baru ini tidak sama dengan disetiap daerahnya. Sebahagiannya masih pada tahap konsep atau baru ada di peringkat daerah seperti Jawa Timur. Atau adapula yang hanya di lakukan oleh pejabat agama tempatan. Ini menyebabkan pengeluaran dana oleh lembaga zakat ini berbeza. Manakala di Jawa Barat hanya terjadi pengumpulan zakat fitrah sahaja.¹²²

Pada tahun 1991 diterbitkan keputusan bersama menteri agama dan menteri dalam negeri nombor 29 dan 47 tahun 1991 tentang pembinaan badan amil zakat, infak dan sedekah yang kemudian dilanjutkan dengan arahan menteri agama nombor 5 tahun 1991 tentang manual pembinaan teknikal badan amil zakat, infak dan

¹²⁰Muhammad Daud Ali, *Sistem ekonomi Islam Zakat dan Wakaf.* (Kuala Lumpur: UI pres, 1998), 32.

¹²¹*Ibid.*

¹²²Dawan Rahardjo, *Perspektif Deklarasi Makkah Menuju Ekonomi Islam,* h. 188-190

sedekah dan arahan menteri dalam negeri nombor 7 tahun 1988 tentang pembinaan umum badan amil zakat, infak dan sedekah.¹²³

3.1.3 Masa Reformasi

Pada tahun 1999, Undang-undang nombor 38 tentang pengurusan zakat dikeluarkan oleh kerajaan. Kerajaan bersama Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) berusaha memajukan kesejahteraan sosial dan ekonomi bangsa dengan menerbitkan Undang-undang Nombor 38 tentang pengurusan zakat. Kemudian dikeluarkan pula keputusan menteri agama nombor 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan Undang-undang nombor 38 tahun 1999 dan keputusan pengarah jeneral bimas Islam dan urusan haji nombor D-291 tahun 2000 tentang manual teknikal pengurusan zakat.

Pengurusan zakat yang bersifat nasional semakin intensif setelah diluluskannya undang-undang nombor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat. Undang-undang inilah yang menjadi asas legal formal pelaksanaan zakat di Indonesia. Akibatnya, kerajaan (mulai dari pusat sampai daerah) wajib memudahkan terbentuknya lembaga pengelola zakat, yakni Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) untuk peringkat pusat, dan Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) untuk peringkat daerah. BAZNAS ini ditubuhkan berdasarkan peraturan nombor 8/2011 tarikh 17 Januari 2001.¹²⁴

Institusi yang secara formal diakui oleh Undang-undang Nombor 38 tahun 1999 sebagai institusi yang berhak mengurus zakat adalah Badan Amil Zakat (BAZ) dan Lembaga Amil Zakat (LAZ). Oleh karena itu kedua institusi ini memiliki peranan dan fungsi yang strategis, baik dilihat dari perspektif pemerkasaan sosial dan ekonomi ummat mahupun dari hubungan zakat dengan perpajakan. Pengurusan zakat

¹²³Fakhruddin, *Fiqh dan Pengelolaan Zakat di Indonesia*, (Malang: UIN Malang Press, 2008), 246.

¹²⁴Ibid.,

dilakukan oleh BAZ yang dibentuk oleh pemerintah.¹²⁵ Badan Amil Zakat (BAZ) tersebut merupakan kumpulan antara pemerintah dan masyarakat yang mempunyai pensyaratan tertentu. Diantara syarat tersebut adalah amanah, adil dan dedikasi, profesional dan berintegriti tinggi. Dapat dijelaskan bahawa pengurus BAZ mengikut UU No. 38 tahun 1999 merupakan gabungan antara pemerintah, ulama, kaum profesional, dan masyarakat.¹²⁶

Setiap kawasan, sama ada peringkat nasional, negeri, mahupun mukim mempunyai BAZ tersendiri. Hal ini dimaksudkan agar *muzakki* lebih mudah untuk menyerahkan zakat mereka. Selain itu pihak BAZ mudah untuk mengumpulkan dan mengagihkan zakat kepada *mustahik* yang berhak memperoleh zakat tersebut. Terdapat BAZ pada tiap-tiap kawasan sama ada peringkat mukim, daerah, negeri mahupun nasional, menyebabkan BAZ lebih mengetahui sesiapa yang sudah layak menjadi *muzakki*.

Pembentukan badan amil zakat merupakan hak kerajaan, sehingga hanya kerajaan yang berhak membentuk badan amil zakat, baik untuk peringkat nasional sampai tingkat kecamatan. Dimana pengawasan terhadap pelaksanaan tugas dilakukan oleh bahagian pengawas, badan amil zakat memberikan laporan tahunan pelaksanaan tugasnya kepada Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) sesuai dengan peringkatnya, selain itu masyarakat dapat berperanan dalam pengawasan badan amil zakat.¹²⁷

¹²⁵Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38. Bil 1 ayat 6, 1999).

¹²⁶Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38.Bil 6 ayat 4, 1999).

¹²⁷Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38.pasal 18,19 20, 1999).

3.2 Sejarah BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci

Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Kabupaten Kerinci ditubuhkan dengan keputusan no 451.15/KEP.262/2004 dan susunan pengurusannya dicadangkan oleh ketua jabatan agama Kabupaten dan berkedudukan di Ibu Kota Kabupaten Kerinci. Badan Amil Zakat (BAZ) meliputi badan amil zakat nasional, negeri, Kabupaten dan badan amil zakat Kecamatan. BAZ tersebut dibentuk oleh kerajaan mengikut Undang-undang RI no 38 tahun 1999 pasal 6 ayat 1 yang menyatakan pengurusan zakat dilakukan oleh BAZ yang dibentuk oleh kerajaan.

Badan Amil zakat Daerah (BAZDA) Kabupaten Kerinci berdiri sejak tahun 2004 yang dahulunya berkedudukan di pejabat uhang empat jenis, namun pada tahun 2008 atas beberapa alasan maka pejabat BAZDA Kerinci dialihkan dikelurahan jalan baru Sungai Penuh. BAZDA Kerinci merupakan salah satu institusi pengurusan zakat yang dikawal secara profesional dan menggunakan pengurusan yang cukup baik.

Maksud dan tujuan BAZDA Kerinci adalah ikut serta membantu kerajaan dalam rangka pembangunan nasional khasnya dalam bidang keagamaan dan sosial. Untuk mencapai maksud dan matlamat itu, BAZDA Kerinci telah berupaya melakukan berbagai usaha bagi memantapkan pengurusan dan pentadbiran zakat umat Islam dengan amanah, telus, dan optimum dalam bentuk pungutan dan pemanfaatan dana zakat kepada fakir miskin sesuai dengan ajaran agama Islam.¹²⁸ Setelah ditubuhkan selama hampir 8 tahun, maka pada tanggal 17-9-2012 BAZDA Kerinci rasmi dipisahkan menjadi dua bahagian iaitu BAZDA Kerinci dan BAZDA Kota Sungai Penuh. Hal ini berasaskan keputusan Bupati Kerinci melalui surat keputusan No.451/Kep.366/2012. Tentang pembentukan pengurusi Badan Amil

¹²⁸En. H.M, Jali Oha (Pengurus BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 19 Januari 2010.

Zakat Daerah (BAZDA) Kerinci bagi tempoh 2012-2015. Keputusan ini merujuk kepada Undang-undang nombor 25 Tahun 2008 tentang pembentukan Kota Sungai Penuh dengan pentadbirannya sendiri yang terpisah dari Kabupaten Kerinci.

3.2.1 Visi dan Misi serta Moto BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci

Visi dari BAZDA Kabupaten Kerinci ialah: “*Zakat, Infak, Sedekah (ZIS) sebagai teras pengurangan kemiskinan*”. Sedangkan *Misi* daripada BAZDA ialah meningkatkan kesedaran umat untuk menunaikan zakat, infak dan sedekah. Mewujudkan pengurusan zakat yang telus, amanah dan bertanggungjawab. Meningkatkan sumber daya manusia keluarga miskin dalam dunia pendidikan dan usaha ekonomi produktif. Meningkatkan peranan BAZDA dalam upaya menciptakan suatu lapangan pekerjaan serta mewujudkan *mustaḥik* yang produktif untuk menjadi *muzakki*.

Manakala *Moto* dari BAZDA Kerinci ialah ikhlas dalam bekerja,amanah dalam memegang tanggungjawab, profesional dalam pengurusan dan bersahaja dalam pergaulan.

3.2.2 Dasar Hukum

1. Al-Qur'an dan Hadith.
2. Undang-undang Dasar (UUD) Republik Indonesia Pasal 29 ayat 2.¹²⁹
3. Undang-undang Nombor 38 tahun 1999 Tentang Pengurusan Zakat.
4. Keputusan Menteri Agama RI Nombor 373 Tahun 2003 Tentang Pelaksanaan UU Nomor 38 Tahun 1999 Tentang Pengurusan Zakat.

¹²⁹Negara menjamin kemerdekaan tiap-tiap penduduk untuk memeluk agamanya masing-masing dan untuk beribadah menurut agamanya dan kepercayaannya itu. UUD RI 1945.

5. Keputusan Direktorat Jeneral Bimbingan Masyarakat Islam dan Urusan Haji Nombor D-291 Tahun 2000 Tentang Teknikal Pengurusan Zakat.
6. SK Bupati No. 451.15/Kep.24/2004 tentang pembentukan Pengurus BAZDA.
7. SK Bupati No. No.451/Kep.366/2012 tentang pembentukan pengurus BAZDA bagi tempoh 2012-2015.

3.2.3 Asas Pengurusan Dan Sifat BAZDA

3.2.3.1 Asas pengurusan BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah)

Kabupaten Kerinci

i. Amanah

Amanah adalah bersikap rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang di amanahkan dalam batas kuasa serta juga kepada diri sendiri dan orang lain.¹³⁰ Sifat amanah merupakan syarat utama yang harus dimiliki oleh setiap amil zakat di BAZDA. Semua ahli harus mempunyai kesedaran bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, mereka harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan selain menghindarkan dengan rela hati kepentingan diri dari mengatasi kepentingan tugas, menentukan tiada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja dan mengutamakan kepentingan awam sebagai teras perkhidmatan.

¹³⁰Tay Kui Khoon, *Pendidikan Moral* (Johor Darul Takzim: Pelangi Sdn, bhd, 2007), 2.

ii. Profesional

Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia, profesional diertikan sebagai “sesuatu yang memerlukan kepakaran khas untuk menjalankannya”.¹³¹ Dengan ertian lain profesional adalah berbagai keahlian yang disyaratkan bagi melakukan sesuatu pekerjaan yang dilakukan secara efektif dan berkesan dengan tingkat kepakaran yang tinggi dalam upaya untuk mencapai matlamat pekerjaan yang maksimum. Dalam kamus Learner’s Dictionary Of Current English yang ditulis A.S. Hornby, dkk. Menyatakan bahawa “Profession is accuption, esp one requiring advanced educational and special training” ertinya jabatan memerlukan suatu pendidikan tinggi dan pelatihan secara khas, suatu jabatan akan menentukan aktiviti-aktiviti sebagai pelaksanaan tugas. Ertinya bukan jabatannya yang mendapat predikat profesional, tetapi kepakarannya dalam melaksanakan pekerjaan.¹³²

Kerana itu sifat amanah haruslah diimbangi dengan sikap kemahiran dan kemampuan oleh ahli bagi menguruskan zakat. Hanya dengan profesionalisme yang tinggilah dana-dana yang dikendalikan akan menjadi efektif dan berkesan.

iii. Telus

Telus adalah bersifat terbuka dan benar-benar keluar dari hati yang suci, jujur dan tidak berpura-pura.¹³³ Dengan adanya sifat telus dalam pengurusan, maka dapat diciptakan suatu sistem kawalan yang baik, kerana tidak hanya melibatkan pihak organisasi dalaman sahaja, tetapi juga akan melibatkan pihak luaran seperti para

¹³¹Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional, *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Jakarta: Balai Pustaka, 2001), 897.

¹³²Horn dkk., *The Advanced Learner’s Dictionary of Current English* (Britain: Oxford University), 733.

¹³³Kamus Bahasa Indonesia.Tulus.” Laman sesawang, dicapai 11-September-2013
<http://kamusbahasaindonesia.org>

muzakki mahupun masyarakat secara meluas. Dan dengan ketelusan inilah rasa curiga dan ketidakpercayaan masyarakat akan dapat diminimumkan.

iv. Ikhlas

Sifat ikhlas melambangkan kesucian sesuatu kebajikan itu sama ada ianya ada hubungan dengan Allah swt, mahupun sesama manusia.¹³⁴ Salah satu syarat sesuatu amalan itu diterima oleh Allah swt ialah ikhlas dalam melakukannya semata-mata kerana Allah. Tidak kerana manusia, mengejar perkara dunia, menunjukkanjuk atau sebagainya.¹³⁵ Sifat ikhlas dalam bekerja amat diperlukan bagi semua ahli yang terlibat dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, tanpa mengharapkan balasan dari manusia, mempunyai niat bertugas kerana Tuhan, serta mencari keredaannya dan mengikis sebarang unsur "kepentingan diri" dalam melaksanakan tugas sebagai asas pengisian amanah.

3.2.3.2 Sifat BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci

i. Bebas/Tidak Terikat

Dengan diuruskannya secara bebas, lembaga zakat tidak mempunyai pergantungan kepada orang-orang tertentu atau institusi lain. Lembaga itu akan menjadi lebih berdikari dan bebas untuk memberikan jawapan kepada masyarakat, terutama pertanggungjawapan kepada *muzakki*.

¹³⁴ Abdul Azis Ismail, *Penawar Bagi Hati* (Kuala Lumpur: Dinie Publisher, 2001), 74.

¹³⁵ Muhsin Nasrudin Dasuki, *100 Pesanan Terakhir Rasulullah* (Al-Qur'an & Sunnah, 2012), 58.

ii. Neutral

Neutral iaitu tidak memihak kepada mana-mana golongan.¹³⁶ Oleh kerana dibiayai oleh masyarakat, bererti lembaga ini adalah milik masyarakat, sehingga dalam menjalankan aktivitinya, lembaga tidak boleh hanya menguntungkan kumpulan tertentu sahaja (harus berdiri diatas semua kumpulan). Kerana jika tidak, maka tindakan itu telah menyakiti hati *muzakki* yang berasal dari kumpulan lain. Sebagai akibatnya, dapat dipastikan lembaga akan ditinggalkan sebahagian *muzakki* yang membayar zakat mereka melalui institusi ini.

iii. Tidak Berpraktikal Politik

Dalam menjalankan pengurusan zakat pihak BAZDA Kerinci mencuba meyakinkan masyarakat bahawa institusi ini bebas daripolitik. Hal ini perlu dilakukan agar *muzakki* dari parti lain yakin bahawa dana itu tidak digunakan untuk kepentingan parti politik tertentu.

iv. Tiada Diskriminasi

Kekayaan dan kemiskinan bersifat am. Di mana-mana, bila-bila masa dan sesiapa sahaja boleh menjadi kaya atau miskin. Kerana itu dalam menyalurkan dana, BAZDA Kerinci tidak berdasarkan pada perbezaan suku atau golongan, tetapi selalu menggunakan panduan-panduan yang jelas dan dapat dipertanggungjawabkan, sama ada secara syari'ah mahupun secara pengurusan.

¹³⁶Muhammad Nizam Ab. Ghani, “Pejabat Awam Perlu Neutral,” dicapai 11 September 2013, <http://www.dwnmasyarakat.dbp.my>.

3.2.4 Fungsi Dan Aktiviti Zakat BAZDA Kerinci

3.2.4.1 Fungsi

BAZDA adalah institusi yang diamanahkan bagi menjalankan pengurusan zakat sama ada pengurusan kutipan mahupun agihan zakat di Kabupaten Kerinci. BAZDA Kerinci telah menggariskan beberapa objektif penting didalam merealisasikan matlamat yang diamanahkan dalam meningkatkan kutipan zakat di Kabupaten Kerinci. Objektif kajian di bahagikan kepada objektif umum dan objektif khas.

a. Objektif Umum

- 1) Menegakkan salah satu rukun Islam iaitu kewajiban berzakat sesuai dengan Al-Qur'an dan Sunnah.
- 2) Mengoptimumkan pengurusan dan pemanfaatan dana zakat dalam rangka membina kesejahteraan umat dan keadilan sosial.
- 3) Sebagai penyambung keinginan masyarakat yang mampu untuk melabur sebahagian hartanya pada jalan yang benar.

b. Objektif Khas

- 1) Meningkatkan kesedaran umat Islam untuk mengagihkan sebahagian hartanya untuk kepentingan bersama melalui mekanisme zakat.
- 2) Meningkatkan pendapatan dana zakat.
- 3) Memudahkan sistem pembayaran zakat.
- 4) Memperbaiki dan menaiktarafkan kehidupan kaum *du'afa'* (kaum yang lemah dari segi ekonomi, fizikal dan mental).

3.2.4.2 Aktiviti Kerja BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci

Sesuai dengan tugasnya yang sentiasa berhubung dengan masyarakat didalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat, maka adalah menjadi kewajipan untuk meyakinkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Oleh itu pelbagai program dan aktiviti turut diadakan untuk memberikan kefahaman mengenai konsep dan falsafah zakat kepada masyarakat. Antara aktiviti ataupun program yang dijalankan oleh BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kerinci dibahagikan kedalam dua kategori iaitu:

1. Program Harian

Program ini dijalankan BAZDA Kerinci dalam memenuhi pelbagai keperluan masyarakat akan dana zakat yang telah dikumpulkan sesuai dengan kriteria penerima zakat yang telah ada khasnya fakir dan miskin yang kemudian dikumpulkan dan dicatat sesuai kumpulannya. Status sebagai asnaf ditetapkan oleh BAZDA Kerinci selepas diterimanya surat keterangan miskin dari calon asnaf. Selanjutnya pasukan lapangan melihat keadaan calon asnaf, apakah memang berhak menerima dana zakat (termasuk kedalam kriteria asnaf) atau tidak. Adapun program-program harian BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kerinci ialah:

a. Merancang Operasional Kutipan Dan Pengagihan Dari Semasa kesemasa

Bagi memantapkan proses operasional yang lebih berkesan. Pihak BAZDA telah membuat perancangan dari semasa ke semasa. Objektif ini adalah bagi memudahkan pelaksanaan kutipan dan agihan zakat. Sama ada berkaitan dengan tempat, mahupun berkaitan dengan waktu pelaksanaan operasional.

b. Menawarkan Cara Menghitung Zakat Secara Percuma

Pihak BAZDA juga menawarkan cara menghitung zakat secara percuma kepada masyarakat di Kabupaten Kerinci khasnya cara menghitung zakat pendapatan, Kerana keutamaan BAZDA saat ini ialah zakat, infak dan sedekah dalam golongan kakitangan kerajaan di Kabupaten Kerinci.

c. Menyusun Laporan Tahunan

Setiausaha sentiasa akan merekodkan segala bentuk perbelanjaan dan pembayaran yang telah dilakukan kedalam buku laporan kemudian akan dikemas kini kedalam komputer. Objektif ini adalah agar data-data tersusun lebih kemas dan laporan kewangan dapat diketahui dengan lebih mudah. Selain itu laporan akan disesuaikan dengan laporan Dewan Pertimbangan (DW) dan Dewan Pengawas (DP).

d. Memperbaiki Sistem Pelayanan Dan Pengurusan Sehingga Berkualiti

Sebuah organisasi harus dibina dan dijalankan mengikut sistem yang baik. Banyak sekali sistem dalam organisasi yang diperlukan. Antara lain sistem pengambilan keputusan, sistem kewangan dan perakaunan, sistem perkhidmatan *muzakki* dan *mustaḥik* dan lain sebagainya. Termasuk juga sangat perlu dipertimbangkan untuk menggunakan teknologi maklumat agar sistem tersebut dapat berjalan lebih efektif dan berkesan. Dalam hal ini BAZDA Kerinci telah melakukan perbaikan dari semasa ke semasa bagi memantapkan pengurusan yang lebih berkualiti antaranya perkhidmatan kutipan zakat melalui ejen bank, unit pengumpul zakat, memberi layanan kaunter dengan cekap dan berkesan.

2. Program Khas

a. Menjalin Hubungan Dan Kerjasama Dengan Pelbagai Pihak

Dalam hal ini BAZDA Kerinci telah melakukan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi memantapkan lagi pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci antara pihak yang terbabit iaitu: Ejen bank, unit pengumpul zakat, ketua di jabatan agama Islam dalam setiap daerah dan ketua-ketua kampung.

b. Mengadakan Ceramah Agama Yang Biasanya Dilakukan Saat Pengambilan Zakat

Bagi memantapkan kefahaman agama dan kesedaran akan kewajipan zakat pihak BAZDA Kerinci menganjurkan ceramah agama. Ceramah agama ini dilakukan pada saat pengambilan zakat biasanya ceramah ini diadakan di halaman utama pejabat BAZDA Kerinci di Sungai Penuh.

c. Mengadakan Kajian Perbandingan

Kajian perbandingan diadakan ke Badan Amil Zakat (BAZ) di luar daerah. Kegiatan ini tertumpu kepada ahli-ahli perkhidmatan pusat zakat BAZDA Kerinci. Kajian perbandingan ini diadakan bagi tujuan meningkatkan motivasi diri dan mutu kerja supaya pengurusan zakat akan lebih berkualiti. Ia juga bermatlamat memantapkan ilmu berkaitan dengan tugas yang diamanahkan serta bisa melahirkan pekerja yang cemerlang.

d. Mengadakan Sosialisasi Zakat

Program ini bertujuan untuk menumbuhkan kesedaran kepada pekerja atau pegawai kakitangan kerajaan terhadap kewajipan zakat, infak dan sedekah. Aktiviti

sosialisasi ini biasanya dalam bentuk ceramah, perbincangan dan dialog sama ada pegawai kerajaan daerah mahupun Pejabat Departemen Kabupaten(PDK) Kerinci.¹³⁷

e. Seminar Mengenai Zakat

Sasaran peserta seminar zakat ini lebih tertumpu kepada golongan profesional. Objektif diadakan seminar ini adalah bagi memberi penerangan kepada mereka tentang kewajipan berzakat serta menjelaskan bagaimana mekanisme pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang diurus oleh BAZDA "Zakat Membangun Umat" menjadi salah satu tajuk seminar yang diadakan.

f. Banners (Kain Rentang)

Banners atau kain rentang akan digantung ditempat-tempat tertentu yang telah dipilih disetiap daerah sama ada dalam kota Sungai Penuh mahupun diluar kota Sungai Penuh bagi tujuan menyebarkan maklumat zakat. Kain rentang ini akan memaparkan ayat-ayat berkaitan dengan kewajipan menunaikan zakat. Selain itu juga memaparkan nombor pejabat pengurus zakat.

g. Penyebaran Risalah

Selain menggantungkan kain rentang, BAZDA Kerinci juga melakukan promosi melalui penyebaran risalah yang memaparkan ayat-ayat yang berkaitan dengan kewajipan zakat selain itu juga memaparkan nama-nama unit pengumpulan zakat berserta nombor telefon pejabat zakat. Risalah-risalah yang dikeluarkan akan

¹³⁷En. Awan Setio Budi (Setia Usaha BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 20 Januari 2010.

diedarkan di masjid-masjid dan daerah-daerah yang dipilih di Kabupaten Kerinci. Promosi ini dilakukan sebanyak sebulan sekali.¹³⁸

3.2.5 Kemudahan Perkhidmatan Pusat Zakat

Pusat zakat BAZDA Kerinci menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengguna bagi memudahkan urusan zakat dapat dilaksanakan dengan lancar dan bersistematik. Adalah menjadi objektif BAZDA Kerinci dalam memberi kemudahan pembayaran terbaik untuk membayar zakat. Selain pembayaran zakat yang boleh dibuat langsung melalui BAZDA Kerinci terdapat juga kemudahan lain yang disediakan bagi memudahkan urusan pembayaran zakat. Iaitu melalui ejen bank dan unit pengumpul zakat.

Selain itu bagi masyarakat yang berada diluar bandar permohonan secara individu sebagai *mustaḥik* zakat dapat dilakukan melalui pejabat hal ehwal agama Islam peringkat Kecamatan (sub distrik) dan ketua masjid tanpa harus datang ke pejabat BAZDA di Sungai Penuh. Manakala pemohon secara berkumpulan pula dapat langsung melalui ketua kampung, kemudian ketua kampung langsung ke pejabat BAZDA Kerinci. Setelah melakukan bincian, peninjauan kawasan dan mendapatkan kelulusan dari pengurus BAZDA Kerinci, barulah agihan akan dilakukan. Agihan ini dilakukan dengan cara mengagihkan langsung zakat ketempat *mustaḥik* berada terutama kepada mereka yang berada jauh diluar bandar tempat dimana BAZDA ditubuhkan. Tujuannya ialah memberikan kemudahan kepada *mustaḥik* dalam mendapatkan agihan zakat.


¹³⁸En. Kiki Puspita Dewi (Ahli Devisi Pengumpulan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 15 Februari 2010.

3.2.6 Organisasi Pentadbiran Zakat di BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten Kerinci

Organisasi merupakan kesatuan atau susunan yang terdiri daripada bahagian-bahagian dalam sesuatu kumpulan untuk tujuan dan kepentingan-kepentingan tertentu.¹³⁹ Organisasi jika dipandang sebagai alat dan kumpulan dari orang-orang yang melakukan atau aktiviti untuk bekerjasama atas pembahagian tugas dan kuasa, yang mampu menciptakan dan memelihara sistem hubungan antara bahagian-bahagian yang ada dalam organisasi untuk mencapai tujuan yang telah ditetapkan, berjaya atau tidaknya suatu organisasi akan ditentukan oleh orang-orang yang duduk dalam organisasi tersebut.

¹³⁹ Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 110, organisasi”kesatuan.”

Rajah 3.1 Carta Organisasi Pentadbiran Zakat BAZDA Kerinci



Sumber: LaporanTahunan BAZDA, 2013

3.3 Sistem Kutipan Dan Agihan Zakat Di BAZDA Kerinci

Sesuai dengan tugas utama dari Badan Amil Zakat (BAZ) iaitu menghimpun, mengagihkan dan memanfaatkan sesuai dengan ketentuan agama, Berasakan pasal 12 ayat 1 No. 38 tahun 1999¹⁴⁰ mengenai pengumpulan zakat, dikatakan bahawa kutipan zakat dilakukan oleh badan amil zakat dengan cara menerima atau memuat dari *muzakki* atas dasar notis daripada *muzakki*. Dalam pasal 13 pula dijelaskan bahawa badan amil zakat dapat menerima harta selain zakat, seperti infak dan sedekah.

Setelah zakat tersebut dikumpulkan maka akan diagihkan kepada mereka yang berhak, hal ini bersesuaian dengan Undang-undang No. 38 tahun 1999 bab V mengenai pemanfaatan zakat, iaitu pasal 16, dikatakan bahawa keputusan pungutan zakat dimanfaatkan sesuai dengan ketentuan agama. Selanjutnya pada ayat 2 disebutkan, pemanfaatan hasil pengumpulan zakat berasaskan pada skala keutamaan keperluan mustahik dan dapat dimanfaatkan untuk usaha yang produktif.

3.3.1 Kaedah Kutipan Zakat Di BAZDA

Terdapat beberapa kaedah kutipan zakat yang dilakukan oleh pihak BAZDA Kerinci, antara kaedah-kaedah kutipan zakat tersebut ialah:¹⁴¹

3.3.1.1 Terus Melalui BAZDA

Umat Islam di Kabupaten Kerinci yang ingin beruruskan untuk mengeluarkan zakat hendaklah datang sendiri ke pusat BAZDA Kerinci di jalan dusun baru Sungai Penuh dan berurusan dengan pekerja yang bertugas.

¹⁴⁰Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38.Pasal 12, 1999).

¹⁴¹En. H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 21 Jan 2010.

3.3.1.2 Kutipan Melalui Kaunter UPZ (Unit Pengumpul Zakat)

Selain pungutan terus melalui BAZDA Kerinci, Pihak BAZDA Kerinci juga telah membentuk kaunter-kaunter Unit Pengumpul Zakat (UPZ) diberbagai kawasan, hal ini dilakukan bagi memudahkan masyarakat yang berada di kawasan-kawasan yang jauh dari pusat bandar tempat BAZDAKerinci ditubuhkan. Kaunter-kaunter tersebut ialah:

1. DEPAG (Departemen Agama) Kabupaten Kerinci.
2. Unit pengumpul zakat yang telah dipilih di Kabupaten Kerinci:
 1. MAN 1 Sungai Penuh
 2. MAN 2 Sungai Penuh
 3. MAN 3 Pentagen
 4. MAN Kemantan
 5. MAN Sebukar
 6. MTsN Model
 7. MTsN Kemantan
 8. MTsN Semerah
 9. MTsN Koto Dian
 10. MTsN Pendung tengah
 11. MTsN Danau Kerinci
 12. MTsN Seleman
 13. MTsN Air Hangat
 14. MTsN Hamp. Rawang
 15. MIN Kemantan

16. MIN Semerah
17. MIN Siulak Gedang
18. MIN Tanjung Genting
19. STAIN Kerinci
20. RSUD Kerinci
21. Disnakertrans
22. Dinas Koperasi
23. BPMPDPP
24. Dinas BPBD
25. Kesbangpol
26. Dishub Kerinci
27. Dinas PU
28. Bapeda
29. Dinas Pertanian
30. Dinas Kehutanan
31. Inspektorat
32. Dinas Pemuda olahraga
33. Dinas Perikanan
34. RS DKT.

3.3.1.3 Perkhidmatan perbankan

Memorandum persefahaman yang ditandatangani dan dipersetujui bersama diantara bank-bank bertujuan bagi memudahkan pembayaran zakat melalui bank.

Kaedah pembayaran melalui agen bank ini meliputi bank 9 dan Bank BRI (Bank Republik Indonesia). Masyarakat yang ingin membayar zakat boleh melalui agen bank dimana BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kerinci telah membuka 3 (tiga) akaun diantaranya adalah:

1. Bank 9 Jambi Cab. Sungai Penuh No. Akaun. 0301000022.
2. Bank 9 jambi Cab. Sungai Penuh No. Akaun 0301001233.
3. Bank BRI Cab. Sungai Penuh No. Akaun 0117-01-000347-30-0.

3.3.2 Sumber Kutipan Zakat Di BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah)

Kabupaten Kerinci

Pada hakikatnya BAZDA Kerinci menerima semua jenis zakat akan tetapi pada masa ini BAZDA Kerinci hanya memfokuskan zakat pendapatan sama ada pendapatan gaji mahupun pendapatan bebas lainnya, serta kutipan Infak dan sedekah dari masyarakat Kerinci. Sedangkan untuk jenis zakat yang lain seperti zakat emas/perak, hasil pertanian, binatang ternakan dan rikaz belum terkumpulkan oleh BAZDA Kerinci. Hal ini disebabkan kekurangan kakitangan serta persoalan-persoalan lain yang menyukarkan bagi pelaksanaannya.

3.3.2.1 Zakat Pendapatan

Sumber utama pungutan zakat di BAZDA Kerinci ialah zakat pendapatan. Berupa zakat gaji dan pendapatan bebas lainnya. Dalam hal ini *muzakki* menghitung sendiri pendapatan yang diperoleh berapa zakat diwajibkan dan sebahagiannya diserahkan kepada BAZDA Kerinci untuk menghitung berapa zakat yang dikeluarkan. Pembayaran zakat melalui skim potongan gaji ini diperkenalkan sejak

institusi zakat ini ditubuhkan dengan merujuk kepada surat keputusan kementerian hal ehwal agama Islam tentang pelaksanaan Undang-undang No 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat yang menjelaskan bahawa harta yang dikenakan zakat ialah zakat emas, perak, wang, perniagaan, hasil pertanian, hasil perladangan, hasil perikanan, hasil perlombongan, hasil ternakan, hasil pendapatan dan perkhidmatan serta rikaz.

3.3.2.2 Dana Infak dan Sedekah

Infak ialah pemberian atau sumbangan wang, harta dan sebagainya yang dibelanjakan untuk kebajikan.¹⁴² Manakala sedekah ialah pemberian kepada fakir miskin dan golongan lainnya yang dibelanjakan dengan ikhlas bukan untuk mendapatkan pahala.¹⁴³

Dana ini merupakan harta (*infak*) atau harta benda (*Sedekah*) secara sukarela dijalankan Allah dengan tujuan beribadah di jalan Allah swt. Bahagian yang menerima sumbangan ini mencatatnya dalam Bukti Penerimaan (BPN) dan kemudian diberikan ke juruwang berserta wangnya.

3.4 Agihan Zakat Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Kabupaten Kerinci

Dalam menguruskan zakat, BAZD Kerinci bertanggungjawab bagi menentukan hasil kutipan zakat yang disalurkan mengikut lapan asnaf bagi memenuhi kehendak-kehendak hukum syarak ini berdasarkan firman Allah swt:

¹⁴²*Ibid.*, 1407.

¹⁴³*Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1407, infak "pemberian."

* إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسِكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفَوْزُ الرَّقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفَوْزُ سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ

حَكِيمٌ

Surah al-Taubah 9: 60

Terjemahan: Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, miskin, para pengurus zakat (amil, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekaan) budak, untuk orang-orang yang ber hutang, untuk di jalan Allah dan untuk orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajipkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

Berasaskan keputusan kementerian agama berkaitan sistem pemanfaatan hasil zakat sepetimana dijelaskan dalam BAB V Pasal 28 menyebutkan bahawa pemamfaatan hasil pengumpulan zakat untuk mustahik dilakukan berdasarkan syarat sebagai berikut:

- a. Hasil bancian dan penyelidikan kebenaran *mustahik* delapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, *riqāb*, *ghārīm*, *sabīlillāh*, dan *ibnusabīl*.
- b. Mendahulukan orang-orang yang paling tidak berdaya memenuhi keperluan asas secara ekonomi dan sangat memerlukan bantuan.
- c. Mendahulukan *mustahik* dalam wilayahnya masing-masing.

Sementara dalam ayat kedua tentang pemanfaatan hasil pengumpulan zakat untuk usaha yang produktif dilakukan berdasarkan syarat:

- a. Apabila pemanfaatan zakat sebagaimana dimaksudkan pada ayat (1) sudah terpenuhi dan ternyata masih terdapat lebihan.
- b. Terdapat usaha-usaha nyata yang berpeluang menguntungkan.
- c. Mendapat persetujuan tertulis dari Dewan Pertimbangan (DW).

Selanjutnya pasal 29 menyebutkan bahawa prosedur pemanfaatan hasil pengumpulan zakat untuk usaha produktif ditetapkan sebagai berikut:

- a. Melakukan kajian kelayakan.
- b. Menetapkan jenis usaha produktif.
- c. Melakukan bimbingan dan kaunseling.
- d. Melakukan pemantauan, pengendalian dan pengawasan.
- e. Mengadakan penilaian dan
- f. Membuat pelaporan.

Ini bermakna bahawa pengagihan zakat haruslah dilakukan kajian dan siasatan terlebih dahulu bagi mengenalpasti asnaf-asnaf yang layak menerima agihan zakat. Pengagihan dana zakat dilakukan BAZDA Kerinci terlebih dahulu membuat anggaran pengeluaran untuk masing-masing asnaf. Anggaran ini dibuat berdasarkan pengalaman masa lalu, iaitu dengan membuat anggaran yang serupa untuk bulan yang sama pada tahun yang berbeza. contohnya, anggaran pengeluaran zakat untuk bulan Oktober 2012, dikira berdasarkan anggaran bulan Oktober 2011, dengan pertimbangan dilihat kumpulan asnaf mana yang biasanya memerlukan kewangan yang lebih banyak.

Anggaran ini bersifat fleksibel, ertiinya bisa saja lebih besar atau lebih kecil berbandingkan pengeluaran sesungguhnya atau boleh berubah mengikut keadaan. Hal ini terjadi akibat ketidakmungkinan dalam dana zakat untuk asnaf disetiap bulannya. Oleh karena itu, yang terpenting kiranya bagi BAZDA Kerinci adalah membuat laporan khas harian yang mengandungi dana yang tersedia setiap harinya dikurangkan dengan penyaluran dana untuk masing-masing asnaf.

3.4.1 Kaedah dan Program Agihan Zakat Di BAZDA Kabupaten Kerinci

Dalam mengagihkan zakat kepada mustahik pihak BAZDA telah menetapkan beberapa kaedah agihan yang diantaranya ialah:¹⁴⁴

3.4.1.1 Konsumtif Tradisional

Menurut Kamus besar bahasa Indonesia kata konsumtif bererti menggunakan sementara tradisional bererti kebiasaan, dalam hal ini konsumtif tradisional dapat diertikan suatu kaedah agihan mengikut kebiasaan yang dilaksanakan melalui bayaran terus kepada mereka yang berhak untuk digunakan dan dimanfaatkan secara langsung.¹⁴⁵ Adapun jenis-jenis agihan zakat yang diagihkan BAZDA Kerinci dalam kaedah ini antaranya ialah:

- 1) Bantuan beras kepada korban bencana alam seperti banjir, gempa dan tanah runtuh.
- 2) Bantuan keperluan asas kepada keluarga miskin menjelang hari raya Idul Fitri dan hari raya kurban.¹⁴⁶
- 3) Khitan beramai-ramai dengan mengumpulkan anak-anak dari keluarga miskin yang telah di benci.
- 4) Bantuan berubat bagi keluarga miskin.
- 5) Bantuan kesihatan ternakan.
- 6) Bantuan rumah tidak layak huni.

¹⁴⁴En. H. Harmalis (Ketua Dewan Pengawas BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 20 Januari 2010.

¹⁴⁵Kamus Bahasa Indonesia, Konsumtif.” Laman sesawang, dicapai 03-Jun-2011

<http://kamusbahasaindonesia.org/konsumtif>

¹⁴⁶En. H.M, Jali Oha (Pengurus BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 19-Januari-2010.

3.4.1.2 Konsumtif Kreatif

Kata kreatif diertikan memiliki kemampuan dan kepandaian,¹⁴⁷ berasaskan definisi ini konsumtif kreatif dapat diertikan suatu kaedah agihan yang diberikan kepada mereka yang mempunyai kemampuan dan kepandaian dengan adanya bantuan zakat, diharapkan mereka dapat mengembangkan kemampuan dan kepandaian yang dimiliki. Adapun jenis agihan yang diberikan BAZDA Kerinci diantaranya ialah:

- 1) Bantuan biasiswa yang diberikan kepada pelajar tingkat Dasar, lanjutan, menengah dan perguruan tinggi (college).
- 2) Bantuan pelajar Tahfiz dan bahasa Inggeris di luar daerah.
- 3) Bantuan qari dan qariah di Kabupaten Kerinci.
- 4) Bantuan guru Taman Pengajian Seni Al-Qur'an (TPSQ).
- 5) Bantuan kemudahan kesihatan bagi Orang Kurang Upaya (OKU).¹⁴⁸

3.4.1.3 Produktif Konvensional

Konvensional diertikan sebagai suatu kesepakatan atau kebiasaan.¹⁴⁹ Menurut BAZDA Kerinci produktif konvensional ialah suatu kaedah agihan yang diberikan dalam bentuk barang-barang produktif dengan tujuan dapat dikembangkan dan dihasilkan. Adapun jenis agihan yang diberikan BAZDA-Kerinci diantaranya ialah:

- 1) Bantuan Kambing.

¹⁴⁷ Kamus Bahasa Melayu Nusantara (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003), 1428, kreatif “kemampuan.”

¹⁴⁸ En. H.M, Jali Oha (Pengurus BAZDA-Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 19 Januari 2010.

¹⁴⁹ Kamus Bahasa Indonesia, Konvensional.” Laman sesawang, dicapai 03-Jun-2011 <http://kamusbahasaindonesia.org/konvensional>

- 2) Bantuan Lembu jantan/betina.
- 3) Bantuan Lembu perah (tenusu).

3.4.1.4 Produktif Kreatif

Berdasarkan Undang-undang (UU) No. 38 tahun 1999 dan keputusan Kementerian Agama Republik Indonesia No. 581 Tahun 1999 tentang pengurusan zakat, menjelaskan bahawa zakat modal disebut sebagai zakat *produktif* (berkembang). Ertinya modal yang diagihkan kepada asnaf zakat yang layak diharapkan boleh mengembangkan mata pencaharian atau usaha mereka.¹⁵⁰

Menurut BAZDA Kerinci, kaedah produktif kreatif ialah suatu kaedah agihan yang diberikan dalam bentuk wang dan peralatan kepada mereka yang mampu bekerja dan punya kemahiran, akan tetapi tidak mempunyai modal.¹⁵¹ Adapun jenis agihan yang diberikan BAZDA Kerinci diantaranya ialah:

- 1) Bantuan pinjaman modal usaha kecil dan tambahan modal usaha yang diberikan kepada peniaga.
- 2) Bantuan modal usaha tani.
- 3) Bantuan gerobak kepada peniaga.
- 4) Bantuan sepeda ontel (basikal tua) kepada peniaga.

3.4.2 Perincian Dan Tatacara Agihan Zakat Di Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) Kabupaten Kerinci

¹⁵⁰Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38. Pasal 16, ayat 2, 1999)

¹⁵¹En. H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2010.

1. Pihak pentadbiran BAZDA Kerinci langsung mengagihkan zakat ketempat asraf berada biasanya agihan ini dalam program pelayanan sosial dan kemanusiaan seperti bantuan keperluan asas.
2. Langsung di BAZDA Kerinci.

Hal ini dilakukan pada program perkhidmatan sosial dan program pemanfaatan ekonomi umat, yang diantaranya ialah bantuan biasiswa, pinjaman modal usaha tani, khitan beramai-ramai, bantuan peralatan usaha, bantuan bibit lembu dan kambing.

Setiap harta yang diperoleh daripada zakat ini akan diagihkan mengikut prosedur (tatacara) dan ketetapan yang telah diguna pakai, setiap agihan adalah dirangka terlebih dahulu bagi memastikan setiap agihan yang di jalankan benar-benar mengikut sistem agihan yang dirancang. Ini adalah sejajar dengan kehendak rukun syarak. Bantuan terhadap golongan fakir dan miskin ini akan diutamakan daripada bantuan-bantuan asraf yang lain kerana golongan ini dipandang lebih memerlukan, hal ini selari dengan Undang-undang zakat bab V pasal 28 iaitu mendahulukan orang-orang yang paling tidak berdaya memenuhi keperluan asas secara ekonomi dan sangat memerlukan bantuan.

Bantuan boleh dibuat secara bantuan sara hidup (wang atau barang) atau dalam bentuk bantuan modal kewangan jika ia boleh menceburi dalam usaha perniagaan, selain dari itu bantuan juga akan diberikan kepada anak-anak fakir miskin untuk mendapatkan pelajaran.


3.4.3 Terma dan Syarat Bagi Calon Penerima Zakat

1. Gambar daripada calon penerima zakat.

2. Surat keterangan miskin yang dikeluarkan oleh ketua kampung dan pengurusi Kantor Departemen Agama Kecamatan (KUAKEC) tempat dimana calon *mustahik* berada.¹⁵²

3.4.4 Proses Pengagihan Dana Zakat Oleh BAZDA Kerinci

Rajah 3.2 Carta Alir Pengagihan dana zakat



3.5 Masalah Dan Cabaran Yang Dihadapi BAZDA Kerinci Dalam Mengutip Dan Mengagihkan Zakat

Institusi zakat BAZDA Kerinci dalam menjalankan pelaksanaan kutipan dan agihan zakat tidak lari dari belenggu masalah dan menghadapi pelbagai cabaran. Antara masalah yang dikesan selama tempoh pencalonan penulis ialah:

1. Bantuan Operasional

¹⁵²En. H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2010.

Bantuan operasional yang diberikan oleh PEMDA (Pemerintah Daerah) masih relatif kecil jika dibandingkan dengan jumlah kos pengurusan. Persoalan ini menyebabkan BAZDA Kerinci terpaksa menggunakan hasil kutipan bagi menampung kos pengurusan tersebut.

2. Kekurangan kakitangan dan tenaga sukarelawan

Kekurangan kakitangan dan tenaga sukarelawan dalam urusan kutipan dan agihan zakat dan ia tidak seimbang dengan jumlah pembayar yang semakin bertambah. Kekurangan kakitangan ini akan memberikan kesan yang besar terhadap pentadbiran dan urusan penyelenggaraan kerja yang semakin bertambah sejajar dengan jumlah kutipan zakat. Masalah ini merupakan yang paling kritikal yang perlu dihadapi oleh bahagian ini berikutan bebanan tugas yang semakin bertambah terpaksa dilakukan oleh bilangan pekerja yang sedikit. Masalah ini turut menyebabkan berlaku pertindihan tugas dan pelaksanaan tugas diluar kuasanya. Ini sedikit sebanyak telah melambatkan proses pengagihan zakat kepada asnaf-asnaf di negeri Kerinci.

3. Masih Ramai Ahli Profesional Dan Korporat Yang Belum Membayar Zakat Melalui BAZDA Kerinci

Walaupun BAZDA Kerinci telah lama ditubuhkan, namun masih ramai ahli profesional dan korporat yang beragama Islam yang belum membayar zakat mereka melalui BAZDA Kerinci. Hal ini berlaku kemungkinan disebabkan kurangnya pemahaman terhadap kewajiban zakat dikalangan umat Islam terutama yang berkaitan dengan zakat pendapatan/gaji.

4. Bayaran Tanpa Mengikut Saluran Rasmi

Masyarakat Muslim di Kabupaten Kerinci dilihat masih menggunakan kaedah lama dalam membayar zakat mereka, iaitu terus melalui *mustaḥik*, melalui guru-guru pengajian dan membayar ke masjid. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh kurangnya pemahaman masyarakat terhadap zakat dan peranan institusi zakat sebagai badan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk melaksanakan kutipan dan agihan zakat di Kabupaten Kerinci. Selain itu sesetengah masyarakat pula masih beranggapan bahawa institusi zakat tersebut hanyalah menguntungkan sesetengah pihak sahaja terutama golongan yang berkepentingan yang mengambil kesempatan wang zakat dan tidak mengagihkan wang zakat dengan sewajarnya.

5. BAZDA Kerinci Belum Memiliki Pejabat Persendirian

Turut menjadi masalah bagi pengurus zakat di BAZDA Kerinci ialah pejabat zakat itu sendiri, karena saat ini pihak BAZDA Kerinci belum mempunyai pejabat persendirian. Manakala pejabat sekarang adalah pejabat sewa yang harus dibayar setiap setahun sekali.

6. Kemudahan asas penyelenggaraan yang masih minimum

Kurangnya kemudahan asas yang dimiliki institusi zakat BAZDA Kerinci sedikit sebanyak akan mengganggu kelancaran proses pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang dijalankan. Dalam hal peninjauan kawasan misalnya pihak BAZDA Kerinci terpaksa menggunakan kenderaan persendirian, kerana belum tersedianya kenderaan persendirian milik BAZDA Kerinci. Selain itu kemudahan dan infrastruktur pejabat juga masih minimum.

3.6 Lokasi Kajian

3.6.1 Asal Usul Kerinci

Kata Kerinci dikenal orang pada sekitar awal tahun Masihi, namun penyebutan nama Kerinci terdapat beberapa pendapat yang mengemukakan hujahan tentang asal muasal nama “*Kerinci*”.

Pendapat pertama mengatakan bahawa kata Kerinci berasal dari kata “*Kunci*” kata ini mengiaskan bahawa daerah ini merupakan daerah yang tertutup atau terkunci. Pendapat lain menerangkan kata Kerinci berasal dari kata “*Kering dan Cair*” dimana bila musim kemarau menjadi kering yang menyebabkan dataran menjadi luas dan pada musim hujan menjadi cair mengakibatkan lahan kering menyempit. Kenyataan tersebut tanah daerah ini mereka sebut *kering dan cair*, dalam perkembangannya kedua kata tersebut menjadi suku kata “*Kerinci*”.¹⁵³

Menurut *Tambo Minang Kabau*,¹⁵⁴ Tanah Kerinci merupakan bahagian Minang Kabau dan Rantau Pesisir Alam Minangkabau meliputi kawasan-kawasan sepanjang pesisir Barat Sumatera bahagian tengah, mulai dari Sekilang Air Bangis, Tiku, Pariaman, Padang, Bandar Sepuluh, Air Haji, Inderapura, Muko-muko dan Kerinci. Pada abad ke-14 hingga ke-18, Kerinci merupakan sebahagian Kerajaan Inderapura yang berpusat di Inderapura, Pesisir Selatan Sumatera Barat. Setelah

¹⁵³Idris Jakpar dan Indra Idris, *Menguak Tabir Prasejarah Di alam Kerinci* (Dikbud: Kerinci, 2001), 23.

¹⁵⁴Tambo MinangKabau adalah karya sastera sejarah yang merekam kisah-kisah, legenda-legenda yang berkaitan dengan asal-usul suku bangsa, negeri dan tradisi dan alam minangkabau. Tambo berasal dari bahasa Sanskerta, *Tambay* yang bermaksud bermula. Lihat Dr. Edwar Jamaris, Pengantar Sastra Rakyat *Minang Kabau*. Ed.ke-1 (Jakarta: Yayasan Obar Indonesia, 2002, 151. Merujuk kepada Kamus Besar Bahasa Indonesia, kata *tambo* atau *tarambo* dapat juga bermaksud sejarah, hikayat atau sering dikaitkan dengan dongeng. Tambo dalam tradisi masyarakat Minangkabaumerupakan suatu warisan turun temurun yang disampaikan secara lisan dan hampir disetiap daerah Minangkabau mempunyai tambo yang ditulis dalam bahasan Melayu dan bahasa Arab yang berbentuk prosa.

robohnya Kerajaan Inderapura, Kerinci merupakan kawasan yang memeliki kekuasaan politik tersendiri.

Pada masa pemerintahan Hindia-Belanda, Kerinci masuk ke dalam Keresidenan (negeri) Jambi 1904-1921, kemudian berganti dibawah keresidenan *Sumatra's Westkust* (Negeri Sumatera Barat) 1921-1942.¹⁵⁵ Pada masa itu, Kerinci digabungkan kewedanan.¹⁵⁶ Inderapura dengan nama kewedanaan Kerinci-Inderapura. Setelah kemerdekaan pada tahun 1946, status pentadbirannya dijadikan luhak (wilayah) dan dinamakan *luhak* Kerinci-Inderapura. Sedangkan Kerinci sendiri, diberi status daerah pentadbiran setingkat kewedanaan.¹⁵⁷ Terbentuknya Distrik Kerinci adalah berdasarkan Undang-undang No. 61 Tahun 1958 dan pada tanggal 10 November 1958 Kerinci dijadikan Distrik Kerinci dibawah naungan Negeri Jambi.¹⁵⁸

3.6.2 Letak Dan Keadaan Geografis

Kabupaten Kerinci terletak diantara $1^{\circ}40'$ Lintang Selatan sampai dengan $2^{\circ}26'$ Lintang Selatan dan diantara $101^{\circ}08'$ Bujur Timur sampai dengan $101^{\circ} 50'$ Bujur Timur. Kawasan ini beriklim tropika dengan suhu purata sekitar 22° C. Kabupaten Kerinci mempunyai luas $\pm 3.808,50$ Km² yang terletak di sepanjang Bukit Barisan, diantaranya terdapat gunung-gunung antara lain Gunung Kerinci yang tingginya 3.805 m dan merupakan gunung yang tertinggi di Pulau Sumatra, serta tasik-tasik

¹⁵⁵Pemerintah Kabupaten Kerinci, *Sejarah Perjuangan Rakyat Kerinci Mempertahankan Kemerdekaan RI 1945-1949* (Jakarta: Pustaka Nasional, 2004), 149.

¹⁵⁶Kewedanan berasal dari bahasa Jawa yang merupakan wilayah administrasi kepemerintahan yang berada dibawah kabupaten (distrik) dan diatas kecamatan yang berlaku pada masa Hindia-Belanda dan beberapa tahun setelah kemerdekaan Indonesia yang dipakai di pelbagai provinsi misalnya di Jawa Barat dan Jawa Timur.

¹⁵⁷Pemerintah Kabupaten Kerinci, *Sejarah*, 147.

¹⁵⁸H. Gazali Mansyur, *Perjuangan dan Perlawanhan Rakyat Kerinci Pada Agresi Belanda ke II* (Jambi: Pemerintah Propinsi Jambi, 2002), 121.

seperti tasik Kerinci dan tasik Gunung Tujuh, yang merupakan tasik tertinggi di Asia Tenggara. Ketinggian Kabupaten Kerinci berada diantara 500 m sampai 1.500 m dari aras laut. Batas-batas wilayah Kabupaten Kerinci:

- Utara bersempadan dengan Kabupaten Solok (Propinsi Sumatra Barat)
- Selatan bersempadan dengan Kabupaten Merangin.
- Timur bersempadan dengan Kabupaten Bungo.
- Barat bersempadan dengan Kabupaten Bengkulu Utara (Propinsi Bengkulu) Kabupaten Pesisir Selatan (Propinsi Sumatera Barat).

Wilayah pentadbiran Kabupaten Kerinci terdiri daripada 2 (Dua) Kelurahan dan 244 (dua ratus empat puluh empat) Desa, serta 12 (Dua belas) Kecamatan, sebagaimana jadual berikut:

**Jadual 3.1. Pembahagian Kecamatan,
Desa/Kelurahan, Di Kabupaten Kerinci**

No	Kecamatan	Keluasan (Ha)	Bilangan		
			Desa	Kelurahan	Jumlah
1.	Gunung raya	74 677	17	1	18
2.	Batang Merangin	56 732	16	-	16
3.	Keliling Danau	30 439	24	-	24
4.	Danau Kerinci	29 847	16	-	16
5.	Seitinjau laut	5 825	18	-	18
6.	Air Hangat	21 675	25	-	25
7.	Air Hangat timur	16 000	19	-	19
8.	Depati VII	2 580	17	-	17
9.	Gunung kerinci	35 000	12	1	13
10.	Siulak	59 020	32	-	32
11.	Kayu Aro	32 805	35	-	35
12.	Gunung Tujuh	16 250	13	-	13
Jumlah		380 850	244	2	246

Sumber: Badan Pertanahan Nasional Kabupaten Kerinci, 2012

Berkaitan dengan pengembangan Kabupaten Kerinci dengan Kotamadya Sungai Penuh, maka sebahagian dari kawasan di Kabupaten Kerinci masuk dalam kawasan Kotamadya Sungai Penuh. Untuk menambah jumlah Kecamatan yang ada,

maka diterbitkan Lembaran Daerah Kabupaten (LDK) Kerinci No 13 Tahun 2012 tentang pembentukan Kecamatan baru. Hal ini merujuk kepada UU No 8 Tahun 2008 tentang kuasa daerah Kabupaten Kerinci dan peruntukan am Bab I pasal 1 ayat 9 tentang perpaduan kecamatan adalah penyatuan Kecamatan yang dihapus kepada Kecamatan yang lain. Maka pada tanggal 13 Mei Tahun 2013, pemerintah Kabupaten Kerinci memutuskan penubuhan 4 (empat) Kecamatan baru sebagaimana dalam jadual berikut:

**Jadual 3.2. Pembahagian Kecamatan,
Desa/Kelurahan, Di Kabupaten Kerinci**

No	Kecamatan	Keluasan (Ha)	Bilangan		
			Desa	Kelurahan	Jumlah
1.	Siulak Mukai	26 439	13	-	13
2.	Kayu Aro Barat	23 378	17	-	17
3.	Bukit Kerman	21 099	14	-	14
4.	Air Hangat Barat	1 431	12	-	12
Jumlah		72 347	56	-	56

Sumber: Pemerintah Daerah Kerinci Tahun 2012

3.6.2.1 Luas Kawasan

Kabupaten Kerinci terbentang di atas wilayah seluas 380.850 Ha dan merupakan daerah terkecil kedua di antara daerah/bandar yang ada di Wilayah Jambi. Berikut adalah jadual pembahagian luas wilayah, Luas TNKS dan luas kediaman/penanaman menurut Kecamatan di Kabupaten Kerinci.

**Jadual 3.3. Luas kawasan Per-Kecamatan
Kabupaten Kerinci Tahun 2012**

No	Kecamatan	Bilangan		
		Wilayah	TNKS	Hunian/Penanaman
1.	Gunung raya	74 677	39 130,0	35 547,0
2.	Batang Merangin	56 732	32 020,0	24 712,0
3.	Keliling Danau	30 439	22 400,0	8 039,0
4.	Danau Kerinci	29 847	9 600,0	20 247,0
5.	Seitinjau laut	5 825	750,0	5 075,0

Jadual 3.3. sambungan

No	Kecamatan	Bilangan		
		Wilayah	TNKS	Hunian/Penanaman
6.	Air Hangat	21 675	12 944,0	8 731,0
7.	Air Hangat timur	16 000	8 156,0	7 844,0
8.	Depati VII	2 580	500,0	2 080,0
9.	Gunung kerinci	35 000	16 991,9	18 008,1
10.	Siulak	59 020	23 069,6	35 950,4
11.	Kayu Aro	32 805	15 261,6	17 543,4
12	Gunung Tujuh	16 250	10 999,2 5	5 250,8
Jumlah		380 850	191 822,3	189 027,7

Sumber: Badan Pertanahan Nasional Kabupaten Kerinci, 2012

3.6.2.2 Penggunaan Tanah

Sebagai daerah yang sebahagian besar lahannya termasuk ke dalam areal Taman Nasional Kerinci Seblat (TNKS), penggunaan tanah untuk areal hutan negara/hutan lebat memiliki bahagian paling besar diikuti oleh penggunaan lahan untuk tegal,¹⁵⁹ ladang, kebun, dan huma¹⁶⁰. Bahagian penggunaan lahan untuk areal hutan negara/lebat mencapai lebih separuh dari total luas lahan di daerah ini.

Sebagai kawasan yang sebahagian besar lahannya termasuk ke dalam kawasan Taman Negara Kerinci Seblat (TNKS), penggunaan tanah untuk kawasan hutan negara/ hutan lebat mempunyai jumlah yang paling besar diikuti oleh penggunaan lahan untuk tegal, ladang, kebun, dan huma. Bahagian penggunaan lahan untuk kawasan hutan negara/lebat mencapai lebih separuh daripada jumlah keseluruhan luas tanah di daerah ini.

¹⁵⁹Tegal bererti tanah yg luas serta rata dimana tanamannya bergantung dengan air hujan lihat Dendy Sugono, “*Kamus Bahasa Indonesia*,” (Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional, 2008), 1468.

¹⁶⁰Huma ertinya ladang padi di tanah kering atau sejenis tanah yg baru ditebas hutannya, Depdikbud, “*Kamus Besar Bahasa Indonesia*,” c. 4. (Jakarta: Balai Pustaka, 1997), 532.

Jadual 3.4. Penggunaan Lahan Di Kabupaten Kerinci

No.	Jenis Penggunaan	Luas (Ha)	Percentase Total
1	Sawah	11 283	2,963
2	Sawah Lebak ¹⁶¹ , Polder ¹⁶² dll	-	-
3	Perkebunan	95 258	25,012
4	Bangunan dan Halaman Sekitar	6 840	1,796
5	Tegal, Ladang, Kebun dan Huma	7 260	1,906
6	Padang Rumput	3 465	0,910
7	Tambak ¹⁶³ , Kolam dan Empangan	5 465	1,435
8	Hutan Negara / Hutan Lebat (TNKS)	206 166	54,133
9	Hutan Rakyat, Belukar	-	-
10	Lahan Kering yang tidak terpakai	3 441	0,904
11	Bandara Depati Parbo	11	0,003
12	Tasik	5 115	1,343
13	Lainnya/sungai/jalan	36 546	9,596
	Jumlah	380 850	100

Sumber: Badan Pertanahan Nasional Kabupaten Kerinci, 2012

3.6.3 Sosial Budaya

Penduduk (masyarakat) Kerinci adalah merupakan penduduk asli, ertiinya masyarakat Kerinci sejak nenek moyangnya telah lama menetap di daerah ini. Keadaan sosial budaya masyarakat Kerinci dicirikan oleh adanya suku Kerinci, iaitu merupakan ketuturunan suku Melayu tua yang telah menetap sejak zaman mesolitikum iaitu merupakan zaman peralihan antara paleotikum (batu tua) dan neolitikum (batu muda) serta mempunyai bahasa dan dialek spesifik (Bahasa Kerinci) dengan tulisan *Rencong Srik*. Atau menurut C. W. Watson bahawa orang Kerinci menggunakan bahasa Melayu Tinggi.¹⁶⁴

¹⁶¹Lebak ertiinya tanah yang rendah, Depdikbud, “Kamus besar Bahasa Indonesia,”. 829.

¹⁶²Polder ertiinya kawasan tanah rendah (tepi laut, tasik dll) yg telah dikeringkan dan diperbaiki dengan menggunakan empangan.

¹⁶³Tambak ertiinya kolam di tepi laut yg diberi pematang untuk memelihara ikan, Depdikbud, “Kamus besar Bahasa Indonesia”, 1427.

¹⁶⁴C.W.Watson, *Khinship, Peoperty and Incheritance in Kerinci, Central Sumatera, United Kingdom*: University of Kent at Canterbury, 1992), 11.

3.6.3.1 Sistem Pemerintahan

Daerah ini dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pentadbiran untuk melaksanakan pembangunan fizikal mahupun bukan fizikal diketuai oleh seorang kepala daerah yang dinamakan Bupati (datuk Bandar) dan dibantu oleh timbalan Bupati, setiausaha dan bahagian-bahagian lainnya. Dalam melaksanakan pembangunan pentadbiran, bupati diawasi oleh beberapa orang ahli parlimen Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) yang dipilih langsung oleh rakyat melalui pilihan raya umum.

Jadual 3.5. Nama-Nama Datuk Bandar Kerinci

Bil	Nama	Tahun	Keterangan
1	Mohd Noeh (Saidi)	1958-1960	Pjs
2	Yusuf Nazri	1960-1964	Bupati
3	H. Ali Hamzah	1964	Pjs
4	Drs. Z.M Daeng Maguna	1964-1965	Pjs
5	Letkol. Yusuf Rusdi	1965-1966	Bupati
6	Syamsul Bahrun	1966-1968	Pjs
7	Kol. M. Koekoeh	1968-1969	Bupati
8	M.A.A. Dt. Majoindo	1969	Pjs
9	Drs. Ahmad Daud	1969-1972	Bupati
10	RusdiSayuti. BA	1972-1977	Bupati
11	Jamaluddin Tambunan	1977-1978	Pjs
12	Letkol. Nazar Efendi	1978-1983	Bupati
13	Drs. H. MohAwal	1983-1988	Bupati
14	Drs. Hasmi Mukhtar	1988-1993	Bupati
15	Kol. Hj. Bambang. S	1993-1998	Bupati
16	H. A. Jazid Idris. SH	1998-1999	Bupati
17	H. FauziSi'in	1999-2008	Bupati
18	H. Murasman. MM	2008-2014	Bupati
19	DR. Adirozal	2014 sekarang	Bupati

Sumber: Badan Statistik Kabupaten Kerinci 2013.

3.6.3.2 Kemasyarakatan

Masyarakat Kerinci secara am pentadbirannya tidak terlepas daripada kepemimpinan adat, pemimpin tertinggi diberi gelar ninik mamak, namun

kepemimpinannya tidak boleh berjalan sendiri tanpa ada musyawarah dengan rakan-rakan lainnya. Kesemua mereka disebut orang dengan anggota 4 jenis terdiri dari:

1. Depati ninik mamak.
2. Orang tua cerdik pandai.
3. Alim ulama.
4. Hulubalang.¹⁶⁵

Dalam pemerintahan sekarang keempat rakan-rakan berkenaan disebut:

- i. Depati ninik mamak dibahagi dua iaitu depati ninik mamak sebagai kepala pemerintahan dan sebagai hakim.
- ii. Orang tua cerdik pandai disebut badan legislatif/badan perundangan.
- iii. Alim ulama disebut sebagai menteri agama.
- iv. Hulu balang sebagai pertahanan dan keamanan.

3.6.4 Penduduk

Jumlah penduduk Kabupaten Kerinci hasil bancian penduduk tahun 2012 iaitu 235,251 jiwa, manakala hasil bancian penduduk tahun 2011, jumlah penduduk Kabupaten Kerinci tercatat sebesar 229,495 jiwa. Bererti terjadi peningkatan sebesar 5,756 jiwa dalam tempoh waktu 1 tahun. Purata laju pertumbuhan penduduk pertahun dari tahun 2010 sampai 2011 cukup rendah iaitu 0,36 peratus. manakala laju pertumbuhan penduduk pertahun dari tahun 2010 sampai 2011 mencapai 2,51 peratus. Jumlah penduduk Kabupaten Kerinci menurut Kecamatan pada tahun 2012 dapat dilihat pada jadual berikut ini:

¹⁶⁵Iskandar Zakaria, *Tambo Sakti Alam Kerinci I* (Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1989), 37.


**Jadual 3.6. Jumlah Penduduk Kabupaten Kerinci
Menurut Kecamatan Tahun 2012**

No	Kecamatan	Bilangan Penduduk (orang)		
		Lelaki	Perempuan	Jumlah
1.	Gunung raya	7 070	7 207	14 277
2.	Batang Merangin	8 836	8 476	17 312
3.	Keliling Danau	10 847	11 672	22 519
4.	Danau Kerinci	8 022	8 116	16 138
5.	Seitinjau laut	7 026	7 266	14 292
6.	Air Hangat	9 750	10 194	19 944
7.	Air Hangat timur	8 822	9 075	17 897
8.	Depati VII	7 130	7 655	14 785
9.	Gunung kerinci	6 109	5 783	11 892
10.	Siulak	15 909	15 604	31 513
11.	Kayu Aro	20 583	19 711	40 294
12.	Gunung Tujuh	7 465	6 923	14 388
JUMLAH		117 569	117 682	235 251

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci 2012

Dari Jadual diatas, menunjukkan bahawa jumlah penduduk yang terbanyak adalah Kecamatan Kayu Aro sebanyak 40.294 jiwa, manakala yang paling sedikit adalah Kecamatan Gunung Kerinci sebanyak 11.892 jiwa. Keadaan ini dipengaruhi oleh luas kawasan pentadbiran, di mana Kecamatan Kayu Aro mempunyai kawasan yang luas berbanding dengan Kecamatan Gunung Kerinci dan juga dipengaruhi oleh keadaan tanah yang boleh digunakan oleh penduduk untuk penempatan atau penanaman antaranya daerah persawahan dan paya. Penduduk Kabupaten Kerinci terdiri daripada lelaki sebanyak 117 569 jiwa (49,53%) dan perempuan sebanyak 117 682 jiwa (50,47%) dan nisbah 98 sedangkan pertumbuhan penduduk sebanyak 0,83. Rendahnya pertumbuhan penduduk disebabkan kerana kejayaan program Keluarga Berencana (KB) di kawasan tersebut yang mula digalakkan pada tahun 1979. Di samping itu adanya sebahagian penduduk Kabupaten Kerinci yang menjadi Tenaga Kerja (TK) di luar daerah dan luar negeri seperti di Malaysia, Singapura, Taiwan, Korea dan Jepun.

Rajah 3.3. Graf Jumlah Penduduk Menurut Kecamatan dan Jenis Kelamindi Kabupaten Kerinci Tahun 2012



3.6.4.1 Pendidikan

Kemajuan di bidang pendidikan berkaitan rapat dengan ketersediaan kemudahan pendidikan. Pada tahun 2011, jumlah Sekolah Dasar (SD) dan sedarjat sebanyak 268, Sekolah Menengah Pertama (SMP) 67, dan Sekolah Menengah Atas (SMA) sebanyak 23. Bilangan sekolah sudah cukup banyak yang mengakibatkan terdapat beberapa sekolah kekurangan pelajar, terutamanya untuk sekolah rendah dan sekolah menengah. Kemampuan membaca dan menulis penduduk Kerinci sudah cukup tinggi. Kemampuan membaca dan menulis penduduk laki-laki di Kabupaten Kerinci lebih tinggi berbanding dengan penduduk perempuan, iaitu 97,12 peratus penduduk laki-laki dan 91,19 peratus penduduk perempuan.

Nisbah jumlah guru terhadap murid cukup rendah. Untuk SD/MI, seorang guru purata mengajar 13 murid, untuk tingkat SMP/MTs purata seorang guru mengajar 5 orang murid, dan untuk tingkat SMA/MA seorang guru purata mengajar 12 murid.

Jadual 3.7. Jumlah Sekolah Dan Bilangan Murid di Kabupaten Kerinci Tahun 2012

No	Institusi	Bilangan (orang)			
		Sekolah	Murid	Guru	Kelas
1	TK/RA	71	2 509	261	157
2	SD/MI	268	31 930	2 284	1578
3	SMP/MTs	67	12 415	1291	487
4	SMA/MA	23	6 260	584	210
5	SMK	5	729	63	30
Jumlah		434	53 843	2 462	2 462

Sumber: Dinas Pendidikan Kabupaten Kerinci, 2012

Rajah 3.4. Graf Jumlah Murid dan Ruang Kelas Mengikut Sekolah di Kabupaten Kerinci Tahun 2012



3.6.4.2 Kesihatan

Ketersediaan kelengkapan kesihatan berperanan dalam meningkatkan darjat kesihatan atau mewujudkan masyarakat yang lebih sihat melalui sosialisasi dan aktiviti kaunseling tentang gaya hidup sihat serta memberikan perkhidmatan perubatan terhadap masyarakat yang menderita suatu penyakit. Liputan perkhidmatan kesihatan akan semakin luas jika kelengkapan kesihatan boleh diperoleh dalam jumlah yang mencukupi dan kualiti yang lebih baik serta boleh menjangkau seluruh kumpulan masyarakat. Ertinya, penyediaan kelengkapan kesihatan harus mampu menghasilkan perkhidmatan kos rendah sehingga boleh dicapai oleh kumpulan masyarakat berpendapatan rendah atau masyarakat miskin.

**Jadual 3.8. Jumlah Kelengkapan Kesihatan
Kabupaten Kerinci Mengikut Kecamatan**

No	Kecamatan	Bilangan (unit)				
		Hospital	Puskesmas	Puskesmas Pembantu	Apotik	Klinik
1.	Gunung raya	-	2	4	-	-
2.	Batang Merangin	-	2	5	-	-
3.	Keliling Danau	-	2	3	-	-
4.	Danau Kerinci	-	1	4	-	-
5.	Seitinjau laut	-	1	3	-	-
6.	Air Hangat	-	1	3	-	-
7.	Air Hangat timur	-	2	3	-	-
8.	Depati VII	-	1	1	-	-
9.	Gunung kerinci	-	1	4	-	-
10.	Siulak	-	2	5	1	-
11.	Kayu Aro	-	2	5	-	-
12	Gunung Tujuh	-	1	3	-	-
Jumlah		18	43	1	-	

Sumber: Dinas Kesehatan Kabupaten Kerinci, 2012

3.6.4.3 Pertumbuhan Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi Kabupaten Kerinci mencapai 5,01 peratus setiap tahun selama tempoh 2007-2012 yang ditunjukkan oleh kenaikan PDRB (Produk Domestik Regional Bruto/ nilai pengeluaran keseluruhan barang dan perkhidmatan). PDRBRill dari Rp 677.081,23 juta pada tahun 2000 menjadi Rp 1.000.752,44 juta pada tahun 2008. Bila disimak perkembangannya setiap tahun, laju pertumbuhan ekonomi meningkat secara konsisten selama tempoh 2007-2011 dan melambatkan pada tahun 2012 bersamaan dengan melambatkannya pertumbuhan ekonomi Provinsi Jambi dan ekonomi nasional sebagai imbasan dari krisis kewangan global. Meskipun demikian penurunannya relatif kecil yang mencerminkan bahawa asas ekonomi Kabupaten Kerinci sesungguhnya masih cukup kuat.

Bila dilihat lebih jauh gaya pertumbuhannya secara sektor, peningkatan tertinggi berlaku pada sektor bangunan dan sektor elektrik dan air bersih. Peningkatan nilai pengeluaran rill sektor pertanian yang menjadi lapangan usaha

sebahagian besar penduduk Kabupaten Kerinci berada pada kedudukan ketiga. Sektor pertanian berperanan sebagai pembekal pelbagai produk bahan makanan baik sayuran maupun bahan makanan dari sumber haiwan untuk keperluan rumah tangga dan bahan mentah industri. Produk-produk pertanian yang berasal dari Kabupaten Kerinci dibekalkan ke pelbagai daerah di Sumatera dan Pulau Jawa bahkan eksport ke negara jiran. Faktor inilah salah satu yang menjadi keunggulan Kabupaten Kerinci.

**Jadual 3.9. Laju Pertumbuhan Ekonomi Kabupaten Kerinci
Menurut Lapangan Usaha Tahun 2005-2012 (dalam %)**

Lapangan Usaha	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	Rata2
Pertanian	3,91	4,48	4,10	4,72	5,24	5,13	6,31	6,25	5,02
Perlombongan	3,06	3,61	3,72	3,78	1,89	0,72	3,49	4,17	3,05
Industri Pemprosesan	2,13	2,32	2,22	3,03	3,84	6,52	5,26	5,62	3,87
Elektrik & Air Bersih	2,43	11,39	21,44	13,04	5,20	7,41	2,99	3,38	8,41
Bangunan	3,77	3,79	22,34	14,01	13,37	9,58	6,83	6,78	10,06
Perdagangan	3,45	3,84	3,91	3,37	5,45	6,03	5,76	5,73	4,69
Pengktn & Komunikasi	2,16	5,70	5,74	6,44	3,85	5,66	4,82	4,92	4,91
Kewangan	2,41	2,48	1,84	2,63	4,12	3,17	2,91	3,07	2,83
perkhidmatan	3,93	4,46	5,68	5,46	2,72	4,46	4,34	4,23	4,41
PDRB	3,71	4,40	4,79	5,00	5,08	5,31	5,89	5,86	5,01

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci, 2012

3.7 Kesimpulan

Kedatangan Islam telah memulakan penubuhan suatu tamadun bagi masyarakat negara ini, masyarakat Islam umumnya di Indonesia dan Kabupaten Kerinci khasnya sekarang tidak dapat manafikan peranan Islam dalam membangun pemikiran arah hidup, nilai-nilai budaya serta perwatakan tamadun yang menjadi salah satu ciri-ciri utama masyarakat. Oleh yang demikian rapatnya hubungan

diantara Islam dan masyarakat Islam di Kabupaten Kerinci, maka seharusnya tidak hairanlah bagi kita mengendalikan bahawa setiap individu Muslim yang berakal yang memahami tuntutan zakat.

Kesedaran masyarakat Islam dinegeri ini tentang kewajipan menunaikan zakat telah membawa pada peningkatan zakat dari setahun ke setahun, disamping itu, dengan adanya carta organisasi yang teratur dan sistematik, ia telah berjaya membawa satu perubahan yang besar dalam pengurusan zakat dan secara tidak langsung ia juga telah membantu merealisasikan visi dan misi BAZDA Kerinci.

BAB IV
ANALISIS KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT DI BADAN AMIL ZAKAT
DAERAH (BAZDA) KERINCI, INDONESIA

4.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini penulis akan membuat suatu analisis mengenai hasil kutipan dan agihan zakat yang diuruskan oleh BAZDA Kerinci. Untuk membuat analisis ini penulis menggunakan method mengumpul dan menganalisa data yang diperolehi dari hasil penyelidikan. Dengan menggunakan data-data yang telah diperolehi ini, penulis akan membuat suatu analisis mengenai kutipan zakat bagi menunjukkan perbandingan dan perbezaan hasil kutipan zakat dari setahun ke setahun secara keseluruhan. Selain itu penulis juga akan membuat perincian jumlah agihan zakat secara keseluruhan dan mengikut asnaf, jenis dan kadar bantuan yang diberikan dan program-program agihan.

Penulis hanya dapat memberikan perbandingan diantara tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan tahun 2012 sahaja. Ini berikutan maklumat yang terperinci perbelanjaan asnaf bagi tahun 2004 hingga tahun 2007 tidak dapat diperolehi berikutan data-data berkaitan berada dalam keadaan tidak tersusun. Selain itu dalam menjalankan kajian ilmiah ini, penulis mengambil pendekatan untuk menyediakan serta mengedarkan borang soal selidik disamping temubual yang telah diatur bagi tujuan untuk mendapatkan data-data penting bagi memperolehi kesimpulan yang lebih berkesan. Kaji selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian: Pertama berkaitan dengan maklumat responden, kedua berkenaan dengan faktor yang mempengaruhi responden membayar zakat, ketiga berkaitan dengan pelaksanaan promosi. Manakala pada bahagian yang keempat berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh responden.

4.2 Kutipan Zakat BAZDA Kerinci

4.2.1 Zakat Pendapatan

Pada hakikatnya BAZDA Kerinci menerima semua jenis zakat akan tetapi pada masa ini BAZDA Kerinci hanya memfokuskan zakat pendapatan gaji, pendapatan bebas lainnya serta kutipan infak dan sedekah dari masyarakat Kerinci sahaja. Manakala untuk jenis zakat yang lain seperti zakat emas/perak, hasil pertanian, binatang ternakan, rikaz dan lain sebagainya, belum terkumpulkan oleh BAZDA Kerinci. Hal ini disebabkan BAZDA Kerinci masih kekurangan kakitangan dan beberapa persoalan lain yang masih menyukarkan pelaksanaannya.

Sumber utama pungutan zakat di BAZDA Kerinci saat ini ialah zakat pendapatan yang merangkumi pendapatan gaji dan bebas. Pembayaran zakat melalui skim potongan gaji ini diperkenalkan sejak institusi zakat ini ditubuhkan dengan merujuk kepada surat keputusan kementerian hal ehwal agama Islam tentang pelaksanaan Undang-undang No 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat yang menjelaskan bahawa harta yang dikenakan zakat ialah zakat emas, perak, wang, perniagaan, hasil pertanian, hasil perladangan, hasil perikanan, hasil perlombongan, hasil ternakan, hasil pendapatan dan perkhidmatan serta rikaz.

4.2.2 Dana Infak dan Sedekah.

Infak ialah pemberian atau sumbangan wang, harta dan sebagainya yang dibelanjakan untuk kebajikan.¹⁶⁶ Manakala sedekah ialah pemberian kepada fakir

¹⁶⁶Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 576, infak "pemberian."

miskin dan golongan lainnya yang dibelanjakan dengan ikhlak bukan untuk mendapatkan pahala.¹⁶⁷

Dana ini merupakan harta (*infak*) atau harta benda (*Sedekah*) secara sukarela dijalankan Allah dengan tujuan beribadah di jalan Allah swt. Selain itu mustahik yang menerima bantuan zakat juga digalakkan untuk menginfakkan sebahagian daripada pendapatannya kepada BAZDA Kerinci dan dana tersebut akan digunakan untuk membantu mustahik yang lain. Bahagian yang menerima sumbangan ini mencatatnya dalam Bukti Penerimaan (BPN) dan kemudian diberikan kepada juruwang. Hasil kutipan infak kemudian akan dimasukkan ke dalam bank dengan nombor akaun yang berbeza dengan akaun kutipan zakat.

4.3 ANALISIS KUTIPAN ZAKAT BAZDA KERINCI

Analisis kutipan zakat ini dibuat berdasarkan kepada sumber kutipan zakat yang diperolehi BAZDA Kerinci.

4.3.1 Jumlah kutipan zakat BAZDA Kerinci

Jadual 4.1. Jumlah Kutipan Zakat Di BAZDA 2008-2012

Jenis zakat	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Zakat pendapatan	293,264,073	395,824,340	476,723,700	492,281,346	732,261,500
Jumlah	293,264,073	395,824,340	476,723,700	492,281,346	732,261,500

Sumber: Laporan Tahunan BAZDA 2012


Jadual diatas menunjukkan bahawa jumlah kutipan zakat pendapatan pada tahun 2008 ialah Rp 293,264,073, manakala pada tahun 2009 berlaku peningkatan iaitu Rp 395,824,340 berikutan usaha tekun kakitangan BAZDA Kerinci dengan

¹⁶⁷Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1407, sedekah "Pemberian ikhlak."

mengadakan pelbagai aktiviti bagi menyadarkan masyarakat di Kerinci tentang kewajipan menunaikan zakat telah membawa kepada peningkatan kutipan zakat, ini dapat dilihat daripada jumlah yang dikutip pada tahun 2010 iaitu Rp 476,723,700 pada tahun 2011 meningkat Rp 492,281,346 dan peningkatan yang ketara sebesar Rp 732,261,500 pada tahun 2012.

Selain itu faktor penyebab bertambahnya jumlah kutipan zakat di BAZDA Kerinci sepanjang tempoh analisis penulis ialah; bertambahnya jumlah unit pengumpul zakat dipelbagai daerah di Kerinci, meningkatnya kesedaran masyarakat Islam tentang kewajiban zakat khasnya zakat gaji. Faktor lain ialah adanya kemudahan dalam pembayaran zakat iaitu selain zakat dibayar langsung ke BAZDA Kerinci, zakat juga boleh dibayar melalui unit zakat dan BANK.

Rajah 4.1. Graf Kutipan Zakat Pendapatan



4.3.2 Jumlah kutipan diluar zakat secara keseluruhan

Jadual 4.2. Jumlah Kutipan Diluar Zakat Secara Keseluruhan 2008-2012

Jenis kutipan	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Infak murni	16,949,000	12,283,500	16,115,200	30,708,500	34,621,800
Pengembalian pinjaman Modal usaha.	-	87,885,300	117,640,000	267,175,000	378,450,000


Jadual 4.2. sambungan

Jenis kutipan	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Pengembalian pinjaman Qardhul Hasan	-	25,000,000	34,850,000	42,648,500	45,950,000
Pengembalian hasil jualan lembu kerana zakit	-	-	7,900,000	22,300,000	29,275,000
Pengembalian lembu bagi hasil	-	-	-	37,300,000	47,000,000
Perkhidmatan bank	3,475,800	3,521,672	5,062,541	3,580,933	4,184,958
Bantuan operasional	-	25,000,000	25,000,000	25,000,000	25,000,000
Jumlah	313,688,873	549,514,812	683,291,441	920,994,279	1,296,743,258

Sumber: Laporan BAZDA 2008-2012.

Jadual diatas menunjukkan statistik perbandingan jumlah kutipan keseluruhan diluar zakat bagi tahun 2008 ialah sebanyak Rp 313,688,873 manakala bagi tahun 2009 telah berlaku peningkatan kepada jumlah kutipan iaitu sebanyak Rp 549,514,812 jumlah ini terus menunjukkan peningkatan pada tahun 2010 iaitu Rp 683,291,441 pada tahun 2011 Rp 920,994,279. Manakala pada tahun 2012 terus menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan sebesar Rp 1,296,743,258. Peningkatan kutipan ini disebabkan selain kutipan zakat adanya peningkatan kutipan infak dan sedekah dari masyarakat dan pulangan pinjaman daripada asnaf zakat berupa pinjaman modal usaha dan qardhul hasan, hasil jualan lembu ternakan dan perkhidmatan perbankan.

Rajah 4.2. Graf Kutipan Keseluruhan Selain Zakat Bagi Tahun 2008-2012.



4.3.3 Jumlah zakat mengikut cara bayar


Jadual 4.3. Jumlah Zakat Mengikut Cara Bayar

Agensi	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Unit zakat (Kaunter)	275,773,573	379,084,440	459,264,530	469,317,846	705,381,500
Bank	9,625,800	11,764,500	10,719,470	13,746,000	15,265,300
BAZDA	7,864,700	4,975,400	6,739,700	9,217,500	11,614,700
Jumlah	293,264,073	395,824,340	476,723,700	492,281,346	732,261,500


Sumber:Laporan Tahunan BAZDA 2008-2012.

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah zakat yang dibayar melalui unit pengumpul zakat pada tahun 2008 iaitu Rp 275,773,573 manakala pada tahun 2009 berlaku peningkatan Rp 379,084,440 pada tahun 2010 jumlah ini terus saja meningkat iaitu Rp 459,264,530 sebesar Rp 469,317,846 pada tahun 2011 dan pada tahun 2012 jumlah ini terus meningkat iaitu Rp 705,381,500. Sedangkan jumlah zakat yang dibayar melalui Bank pada tahun 2008 iaitu Rp 9,625,800 jumlah ini terus bertambah pada tahun 2009 Rp 11,764,500 dan menurun pada tahun 2010 iaitu Rp 10,719,470. Manakala pada tahun 2011 kembali meningkat iaitu 13,746,000 dan pada tahun 2012 jumlah ini terus penunjukkan peningkatan iaitu sebesar 15,265,300. Bayaran terus melalui BAZDA Kerinci pada tahun 2008 sebesar Rp 7,864,700 manakala pada tahun 2009 jumlah ini menurun iaitu Rp 4,975,400 dan pada tahun 2010 kembali meningkat Rp 6,739,700. Jumlah ini kembali menunjukkan peningkatan pada tahun 2011 iaitu Rp 9,217,500 dan sebesar Rp 11,614,700 pada tahun 2012. Dari jumlah ini dapat diketahui bahawa bayaran melalui unit zakat masih menjadi pilihan utama para muzakki yang diikuti bayaran melalui bank dan bayaran langsung melalui BAZDA Kerinci.

Rajah 4.3. Graf Jumlah Zakat Mengikut Cara Bayar



Rajah 4.4 Carta Pecahan Jumlah Zakat Mengikut Cara Bayar



Berdasarkan rajah diatas, menunjukkan bahawa jumlah zakat yang dibayar melalui unit zakat iaitu 95%, jumlah ini lebih besar jika dibandingkan zakat yang dibayar melalui bank hanya sebesar 3%, manakala zakat yang dibayar langsung melalui BAZDA Kerinci sebesar 2%. Dari jumlah ini dapat diketahui bahawa bayaran melalui unit zakat masih menjadi pilihan utama para muzakki.

4.3.3.1. Perincian kutipan zakat mengikut unit zakat

Jadual 4.4. Perincian Kutipan Zakat Mengikut Unit Zakat (Kaunter)

Unit zakat/kaunter	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
1. Kandepag Kabupaten Kerinci	173,320,000	215,874,720	238,182,400	250,013,850	362,947,000
2. Kandepag Kabupaten Kerinci	173,320,000	215,874,720	238,182,400	250,013,850	362,947,000

Jadual 4.4. sambungan

Unit zakat/kaunter	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
3. MAN 1 Sungai Penuh	21,008,800	25,340,180	28,223,500	28,883,200	35,082,680
4. MAN 1 Sungai Penuh	21,008,800	25,340,180	28,223,500	28,883,200	35,082,680
5. MAN 2 Sungai Penuh	-	4,112,200	6,340,000	7,180,000	11,250,000
6. MAN 3 Pentagen	1,024,480	3,986,800	4,095,000	4,159,210	7,850,000
7. MAN Kemantan	-	7,635,150	8,781,500	8,741,200	15,274,500
8. MAN Sebukar	-	-	5,200,000	5,610,000	8,216,800
9. MTsN Model	14,803,565	19,125,400	23,032,000	23,550,000	27,624,750
10. MTsN Kemantan	1,193,150	2,533,950	4,654,450	4,247,960	6,714,700
11. MTsN Semerah	-	-	6,985,268	6,700,000	11,274,600
12. MTsN Koto Dian	6,551,800	9,778,400	9,486,000	9,241,600	10,321,400
13. MTsN Pendung tengah	-	6,509,400	7,564,980	8,010,000	11,261,800
14. MTsN Danau Kerinci	13,210,550	14,347,000	15,026,120	14,140,000	16,288,900
15. MTsN Seleman	-	3,770,200	3,542,000	3,682,000	5,554,500
16. MTsN Air Hangat	6,927,900	10,732,400	14,348,000	15,520,330	21,458,600
17. MTsN Hamp. Rawang	12,250,600	17,450,050	22,066,662	21,124,100	26,822,550
18. MIN Kemantan	-	-	3,207,130	3,680,000	7,270,000
19. MIN Semerah	4,457,950	5,880,350	6,793,600	6,137,000	11,751,700
20. MIN Siulak Gedang	4,837,770	5,725,390	7,411,920	5,451,400	9,700,000
21. MIN Tanjung Genting	7,876,300	9,661,550	12,568,000	12,569,300	14,254,800
22. STAIN Kerinci	5,764,200	8,375,800	10,106,000	8,084,000	11,851,000
23. RSUD Kerinci	-	-	1,000,000	1,075,000	2,758,000
24. Disnakertrans	-	-	1,080,000	1,153,000	4,220,000
25. Dinas Koperasi	-	-	1,150,000	1,742,996	4,578,800
26. BPMPD	2,000,000	2,125,500	2,500,000	2,588,700	5,316,870
27. Dinas BPBD	-	-	1,000,000	1,375,000	3,841,500
28. Kesbangpol	-	-	765,000	841,000	2,174,300
27. Capil Kerinci	-	-	1,300,000	1,142,000	4,621,700
28. Dishub Kerinci	-	-	-	650,000	2,174,800
29. Dinas PU	-	-	2,000,000	2,225,000	5,962,750
30. Bapeda	-	-	-	-	2,433,200
31. Dinas Pertanian	-	-	-	-	3,214,350
32. Dinas Kehutanan	-	-	-	-	3,816,600
33. Inspektorat	-	-	-	-	2,412,200
34. Dinas Pemuda olahraga	-	-	2,155,000	2,600,000	4,215,150
35. Dinas Perikanan	-	-	-	-	3,551,200
36. RS DKT	-	-	-	-	5,421,000
37. Setoran tanpa identiti	5000,000	6,120,000	7,700,000	7,200,000	11,898,800
Jumlah	275,773,573	379,084,440	459,264,530	469,317,846	705,381,500

Sumber: Laporan Tahunan BAZDA Kerinci 2008-2012.

Dari pada jadual diatas menunjukkan bahawa unit pengumpul zakat yang telah dipilih oleh BAZDA Kerinci telah berjaya mengumpulkan zakat iaitu Rp 275,773,573 bagi tahun 2008, manakala pada tahun 2009 jumlah ini meningkat iaitu Rp 379,084,440. Jumlah kutipan zakat terus menunjukkan peningkatan yang cukup memberangsangkan pada tahun 2010 iaitu Rp 459,264,530 dan pada tahun 2011 iaitu Rp 469,317,846 manakala pada tahun 2012 kembali meningkat iaitu sebesar Rp

705,381,500. Jumlah kutipan yang paling banyak mengikut unit pengumpul zakat ialah daripada KANDEPAG (Kantor Departemen Agama) Kabupaten Kerinci. Hasil analisis penulis mendapati bahawa majoriti muzakki di Kerinci ialah daripada agensi ugama sama ada yang bekerja di kerajaan mahupun di luar kerajaan. Sedangkan jumlah kutipan yang paling sedikit daripada rumah sakit Dinas Kesihatan tentara (DKT) Sungai Penuh.

Rajah 4.5. Graf Jumlah Kutipan Zakat Melalui Unit Pengumpul Zakat



4.3.3.2. Perincian kutipan zakat mengikut Bank

Jadual 4.5. Jumlah perincian Kutipan Zakat Melalui Ejen Bank

BANK	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bank BRI	7,310,500	9,770,900	8,970,000	10,825,500	12,112,350
Bank 9 Jambi akaun 0301000022	1,190,400	1,198,600	1,074,470	1,475,000	1,250,550
Bank 9 Jambi akaun 0301001233	1,124,900	795,000	675,000	1,445,500	1,902,400
Jumlah	9,625,800	11,764,500	10,719,470	13,746,000	15,265,300

Sumber:Laporan BAZDA 2012.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa pada tahun 2008 sejumlah Rp 9,625,800 telah dapat dikutip melalui ejen Bank. Pada tahun 2009 jumlah ini meningkat kepada Rp 11,764,500 namun menurun pada tahun 2010 iaitu Rp

10,719,470. Jumlah ini kembali meningkat pada tahun 2011 iaitu Rp 13,746,000 dan sebesar Rp 15,265,000 pada tahun 2012. Kutipan yang paling banyak ialah daripada Bank BRI diikuti Bank 9 Jambi no akaun 0301000022. Manakala kutipan yang paling sedikit daripada bank 9 Jambi no akaun 0301001233. Berikutnya jumlah kutipan ejen bank yang kian meningkat, adalah menjadi harapan supaya bank-bank ini dapat memainkan peranannya yang lebih baik lagi, bagi membantu BAZDA Kerinci meningkatkan kutipan dan agihan zakat di negeri Kerinci untuk masa-masa yang akan datang.

Rajah 4.6. Graf Jumlah Kutipan Zakat Melalui Ejen Bank



4.3.3.3. Perincian kutipan zakat terus melalui BAZDA Kerinci

Jadual 4.6. Jumlah perincian Kutipan zakat Melalui BAZDA


BAZDA	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bayaran terus ke BAZDA	7,864,700	4,975,400	6,739,700	9,217,500	11,614,700
Jumlah	7,864,700	4,975,400	6,739,700	9,217,500	11,614,700

Sumber:Laporan BAZDA 2012.

Dari pada jadual diatas menunjukkan bahawa bayaran langsung melalui BAZDA Kerinci bagi tahun 2008 ialah Rp 7,864,700. Jumlah ini menurun pada tahun 2009 iaitu Rp 4,975,400, namun meningkat lagi pada tahun 2010 Rp

6,739,700. Jumlah ini kembali meningkat pada tahun 2011 iaitu Rp 9,217,500 dan pada tahun 2012 terus meningkat iaitu sebesar Rp 11,614,700.-

Rajah 4.7. Graf Jumlah Bayaran Terus Melalui BAZDA



4.3.4. Perincian kutipan zakat mengikut Sektor

Jadual 4.7. Jumlah Kutipan Zakat Mengikut Sektor

Sektor	Kutipan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Swasta	11,730,562	27,707,705	52,439,607	57,643,800	64,885,400
Kerajaan	281,533,511	368,116,635	424,284,093	434,637,546	667,736,100
Jumlah	293,264,073	395,824,340	476,723,6700	492,281,346	732,261,500

Sumber:Laporan BAZDA 2012.

Dari statistik diatas, jelas menunjukkan bahawa jumlah zakat yang dikutip daripada sektor swasta pada tahun 2008 iaitu Rp 11,730,562 jumlah ini meningkat pada tahun 2009 iaitu Rp 27,707,705 Manakala bagi tahun 2010 terjadi peningkatan yang amat ketara iaitu Rp 52,439,607 pada tahun 2011 kembali meningkat iaitu sebesar Rp 57,643,800 dan sebesar Rp 64,885,400 bagi tahun 2012. Kutipan zakat dari kerajaan masih yang paling tinggi dimana tahun 2008 BAZDA berjaya mengutip Rp 281,533,511 tahun 2009 pula jumlah ini meningkat kepada Rp 368,116,635 dan angka ini terus menunjukkan peningkatan pada tahun 2010 iaitu Rp 424,284,093. Pada tahun 2011 kembali meningkat iaitu Rp 434,637,546 dan pada tahun 2012 terus

menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan iaitu sebesar Rp 667,736,100. Melihat keadaan ini diharapkan pihak BAZDA Kerinci dapat memperancakkan lagi kempen mengenai zakat, supaya di tahun-tahun yang akan datang jumlah kutipan zakat semakin meningkat tidak hanya dari sektor kerajaan sahaja namun juga amat digalakkan daripada sektor swasta.

4.4. Analisis Agihan Zakat

Analisis ini akan dibahagikan kepada dua aspek iaitu jumlah agihan mengikut asnaf dan analisis agihan keseluruhan.

4.4.1 Analisis Jumlah Agihan Mengikut Asnaf

Berdasarkan keputusan kementerian agama Republik Indonesia nomor 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan Undang-undang Nomor 38 tahun 1999 berkaitan pengurusan zakat, seperti mana yang dijelaskan dalam Bab V ayat 28 bahawa pemamfaatan hasil zakat mestilah diberikan kepada mustahik yang berhak menerimanya iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnusabil.

4.4.1.1 Asnaf Fakir dan Miskin

Al-Fuqarā' merupakan golongan pertama yang menerima bahagian zakat dan kata jamak daripada kata *al-fakīr*. Mazhab Shāfi'ī dan Ḥanbalī seperti dikutip oleh Mohammad Uda Kasim dalam bukunya bertajuk *Zakat Teori dan Kutipan* menyatakan bahawa fakir adalah orang yang tidak memiliki harta benda dan pekerjaan yang mampu memenuhi keperluan seharinya. Contohnya keperluannya

berjumlah sepuluh tetapi dia hanya mampu mendapatkan tidak lebih daripada tiga walaupun dia sihat tetapi terpaksa meminta-minta kepada orang untuk memenuhi tempat tinggal dan pakaianya. Manakala Miskin ialah orang yang memiliki pekerjaan tetapi pendapatannya masih tidak dapat menampung keperluan hidupnya. Seperti orang yang memerlukan 10 tetapi dia hanya mendapat 8 sehingga masih belum dianggap layak dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal.¹⁶⁸

Didalam konteks Indonesia istilah fakir dan miskin kemudian digabungkan (dipadukan) menjadi satu iaitu kemiskinan atau miskin. Istilah ini dimaksudkan supaya memudahkan bagi mengetahui penduduk negeri yang kekurangan tanpa mengurangkan nilai yang terkandung dalam konteks zakat yang ada dalam ajaran Islam, terutama asnaf yang 8 sebagai penerima zakat.

Dalam menyalurkan zakat kepada asnaf ini. BAZDA Kerinci telah berkerjasama dengan Pemerintah Daerah (PEMDA) terutama dengan Departemen Sosial (DEPSOS), bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan jumlah penduduk miskin yang terdapat di pelbagai daerah di Kerinci. Namun begitu BAZDA Kerinci juga melihat langsung keadaan mereka samaada layak menerima zakat atau tidak. Berikut adalah jumlah agihan zakat mengikut asnaf fakir miskin.

Jadual 4.8. Perincian Agihan Zakat Mengikut Asnaf Fakir Miskin

Asnaf fakir miskin	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Pinjaman usaha mikro	54,000,000	101,500,000	224,750.000	272,400,000	241,500,000
Pinjaman modal usaha tani	43,000,000	61,030,000	36,500.000	74,765,000	58,000,000
Bantuan bibit kambing	13,400,000	65,000,000	67,200.000	89,910,600	-
Bantuan peralatan usaha	7,800,000	16,500,000	11,500.000	35,285,400	-
Bantuan bibit lembu	-	132,000,000	285,450.000	174,300,000	185,598,500
Bantuan kesihatan ternakan	-	-	4,221,500	8,130,000	805,000
Bantuan bibit lembu perah	-	54,000,000	-	-	-
Bantuan hari raya	15,000,000	38,400,000	45,000.000	46,870,000	71,500,000
Khitan	-	14,700,000	-	-	-
Bantuan bencana alam	-	10,000,000	3,125,000	15,381,500	12,870,000

¹⁶⁸Mohamad Uda Kasim, "Zakat Teori Kutipan Dan Agihan," 154.

Jadual 4.8. sambungan

Asnaf fakir miskin	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bantuan rumah tidak layak huni	-	-	-	50,000,000	552,000,000
Bantuan perubatan keluarga miskin	-	-	-	500,000	4,500,000
Bantuan kemudahan kesihatan bagi OKU	-	-	-	13,300,000	6,964,000
Jumlah	133,200,000	493,130,000	677,746,500	780,842,500	1,133,647,500

Sumber: Laporan Tahunan BAZDA 2012.

Dari statistik diatas, jelas menunjukkan bahawa jumlah perbelanjaan agihan zakat bagi asnaf fakir miskin tahun 2008 sebanyak Rp 133,200,000 pada tahun 2009 jumlah perbelanjaan turut meningkat iaitu Rp 493,130,000 pada tahun 2010 telah dibelanjakan sebanyak Rp 677,746,500. Jumlah ini terus menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan bagi tahun 2011 iaitu Rp 780,842,500 pada tahun 2012 pula kembali meningkat iaitu Rp 1,133,647,500. Daripada jumlah ini perbelanjaan yang paling banyak ialah bagi program pinjaman modal usaha mikro dan jumlah agihan yang paling sedikit ialah program khitan beramai-ramai. Hasil temu bual penulis dengan pengurusi BAZDA menyatakan bahawa bantuan usaha mikro amat digalakkan kerana melalui usaha ini diharapkan dapat mensejahterakan ekonomi masyarakat dalam meningkatkan pendapatan harian mereka sekaligus dapat mengeluarkan mustahik daripada kepompong kemiskinan.¹⁶⁹

1. Bantuan Pinjaman Modal Usaha Mikro

Jadual 4.9. Jumlah Penerima Bantuan Pinjaman Modal Usaha Mikro

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	41	Rp 15,000.000*
2009	93	
2010	135	
2011	284	
2012	253	

* Jumlah terbesar agihan

¹⁶⁹En. H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 09 Januari 2011.

Dari jadual statistik diatas, menunjukkan bahawa bilangan penerima bantuan pinjaman modal usaha mikro pada tahun 2008 iaitu 41 orang, manakala tahun 2009 bilangan penerima meningkat kepada 93 orang. Jumlah bilangan penerima terus meningkat iaitu sebanyak 135 orang bagi tahun 2010. Jumlah ini kembali meningkat bagi tahun 2011 iaitu 284 orang. Bagi tahun 2012 pula menurun iaitu 253 penerima. Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 1,000,000 hingga Rp 2,000,000 bagi bantuan perorangan, manakala bantuan secara berkumpulan dalam kisaran Rp 12,000,000 hingga Rp 15,000,000. Bantuan ini diberikan kepada peniaga kecil seperti peniaga sayur, peniaga buah, pembuat dan peniaga kuih muih.¹⁷⁰

2. Pinjaman Modal Usaha Tani

Jadual 4.10. Jumlah Penerima Pinjaman Modal Usaha Tani

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	25	• Rp 1.500.000 – Rp 2.000.000/per Orang
2009	30	
2010	23	
2011	30	
2012	19	

* Jumlah terbesar agihan

Dari jadual diatas, dapat diketahui bahawa bilangan penerima bantuan modal usaha tani bagi tahun 2008 ialah sebanyak 25 orang, manakala bagi tahun 2009 meningkat kepada 30 orang. Bagi tahun 2010 jumlah penerima menurun iaitu 23 orang. Manakala bagi tahun 2011 jumlah ini kembali meningkat iaitu 30 orang penerima, namun menurun pada tahun 2012 iaitu sebanyak 19 penerima. Kadar bantuan yang diberikan dalam kisaran Rp 1,500,000 hingga Rp 2,000,000 bagi setiap mustahik. Manakala bantuan secara berkumpulan pula dalam kitaran Rp 10,000,000 hingga Rp 35,000,000. Pihak BAZDA Kerinci akan melakukan pemerhatian ke

¹⁷⁰ En. Joni Afrizal (Sekretariat BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan peulis, 15 januari 2011.

tempat pertanian selama 6 bulan terhitung sejak diberikan bantuan, apabila mereka telah mendapatkan keuntungan maka pihak BAZDA Kerinci akan mengutip sebesar 50% daripada jumlah bantuan yang diberikan, pulangan tersebut selanjutnya akan diberikan kepada kumpulan tani yang baru.

3. Bantuan Bibit¹⁷¹ Kambing

Jadual 4.11. Jumlah Penerima Bantuan Bibit Kambing

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	20	25 ekor / kumpulan*
2009	50	
2010	51	
2011	50	
2012	-	

* Jumlah bilangan terbanyak

Dari jadual statistik diatas, menunjukkan bahawa bilangan penerima bantuan bibit kambing pada tahun 2008 iaitu 20 orang sahaja, manakala tahun 2009 bilangan penerima meningkat kepada 50 orang. Jumlah bilangan penerima bagi tahun 2010 iaitu 51 orang. Jumlah ini menurun bagi tahun 2011 iaitu 50 orang, manakala bagi tahun 2012 tiada peruntukan bagi program ini. Bantuan bibit kambing yang diberikan kepada golongan fakir dan miskin ini ialah jenis bibit kambing peranakan etawa (PE) iaitu bibit kambing hasil perkahwinan silang antara kambing etawa dan kambing tempatan. Bantuan ini diberikan tiap-tiap kumpulan yang berjumlah 5 hingga 10 orang. Tiap-tiap kumpulan akan diagihkan 11 hingga 25 ekor kambing. Bantuan bibit kambing ini menggunakan sistem bergilir-gilir contohnya seekor induk melahirkan 2 anak, maka setelah tempoh waktu yang diberikan maka induk tersebut dipulangkan

¹⁷¹ Bibit ialah benih yang akan dikembang dan dibiakkan. Kamus Bahasa Indonesia cari kata, “Bibit” laman sesawang, dicapai 22 April 2013 <http://kamusbahasaindonesia.org/bibit>

kepada BAZDA Kerinci. BAZDA kerinci kemudian memberikan induk tersebut kepada kumpulan yang baru, begitulah seterusnya.¹⁷²

4. Bantuan Peralatan Usaha

Jadual 4.12. Jumlah Penerima Bantuan Peralatan Usaha

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	20	1 unit gerobak sorong setiap seorang mustahik
2009	16	
2010	31	
2011	25	
2012	-	

Dari jadual diatas, dapat diketahui bahawa bilangan penerima bantuan peralatan usaha pada tahun 2008 iaitu 20 orang, manakala tahun 2009 bilangan penerima menurun kepada 16 orang. Namun meningkat lagi kepada 31 orang bagi tahun 2010. Jumlah ini kembali menurun pada tahun 2011 iaitu 25 penerima, manakala bagi tahun 2012 tiada peruntukan bagi program ini. Adapun jenis bantuan peralatan usaha yang diberikan iaitu gerobak sorong (troli) dan gerobak satay. Bagi peniaga keliling pula akan diberikan bantuan sepeda ontel (basikal tua). Biasanya bantuan ini diberikan kepada peniaga dipasar utama Sungai Penuh secara percuma.¹⁷³

5. Bantuan Bibit Lembu

Jadual 4.13. Jumlah Penerima Bantuan Bibit Lembu

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	11 ekor /kumpulan *
2009	26	
2010	57	
2011	110	
2012	23	

* Jumlah agihan terbanyak

¹⁷² Enc. Awan Setio Budi, (Setiausaha BAZDA Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 24 Januari 2010.

¹⁷³ Enc. H. Bustami (Timbalan Ketua 2 BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 24 Januari 2010.

Dari jadual statistik diatas, menunjukkan bahawa tiada bantuan bibit lembu yang diberikan bagi tahun 2008, manakala tahun 2009 bilangan penerima berjumlah 26 orang. Jumlah bilangan penerima bagi tahun 2010 meningkat iaitu 57 orang. Jumlah ini kembali menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan bagi tahun 2011 iaitu 110 penerima, manakala pada tahun 2012 menurun iaitu 23 penerima.

Bantuan bibit lembu yang diberikan kepada keluarga miskin ini ialah jenis bibit lembu tempatan dan lembu Bali.¹⁷⁴ Bantuan ini diberikan secara perorangan dan secara berkumpulan. Dalam tiap-tiap kumpulan berjumlah 5 hingga 10 orang dan akan diagihkan sebanyak 6 hingga 11 ekor lembu. Bantuan bibit lembu tempatan dan lembu Bali ini menggunakan sistem bergilir-gilir ertiinya sekiranya induk melahirkan 2 ekor anak maka setelah tempoh waktu yang diberikan maka induk dikembalikan ke BAZDA Kerinci yang kemudiannya diberikan kepada mustahik yang lain.¹⁷⁵

6. Bantuan Kesihatan Ternakan

Jadual 4.14. Jumlah Penerima Bantuan Kesihatan Ternakan

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Rp 1.500.000/kelompok *
2009	-	
2010	25	
2011	9	
2012	17	

* Jumlah agihan terbanyak

Dari jadual statistik diatas, menunjukkan bahawa tiada bantuan pemeliharaan yang di agihkan BAZDA Kerinci bagi tahun 2008 dan tahun 2009, manakala bagi tahun 2010 bantuan diberikan kepada 3 kumpulan dengan jumlah mustahik iaitu 25

¹⁷⁴ Sapi Bali adalah sejenis sapi hasil penjinakan dari bibos banteng/lembu jantan dengan berat mencapai 680-810 kg. Wikipidia, “Sapi Bali” laman sesawang, dicapai 30 November 2011,http://id.wikipedia.org/wiki/Sapi_bali.

¹⁷⁵ Enc. H. Alwi (Anggota Bahagian Agihan BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 24 Januari 2010.

orang. Jumlah ini menurun pada tahun 2011 iaitu 9 orang penerima dan kembali meningkat pada tahun 2012 iaitu 17 penerima. Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 1,000,000 hingga Rp 1,500,000 tiap-tiap kumpulan. Bantuan pemeliharaan kesihatan ternak ini di berikan BAZDA Kerinci kepada kumpulan yang mendapatkan bantuan bibit kambing dan bibit lembu. Bantuan pemeliharaan kesihatan dikhaskan pada ternak yang emergensi, dalam keadaan ini maka pihak BAZDA Kerinci akan memberikan bantuan pemeliharaan sepenuhnya, sementaraterhadap pemeliharaan kesihatan ringan akan ditanggung oleh anggota kumpulan petani itu sendiri.¹⁷⁶

7. Bantuan Lembu Perah (Tenusu)

Jadual 4.15. Jumlah Penerima Bantuan Lembu Perah (Tenusu)

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	1 ekor lembu setiap seorang mustahik.
2009	6	
2010	-	
2011	-	
2012	-	

Dari jadual diatas, dapat diketahui bahawa bagi tahun 2008 tiada bantuan yang diberikan. Manakala tahun 2009 jumlah penerima bantuan sebanyak 6 orang mustahik. Bagi tahun 2010, 2011 dan tahun 2012, tiada peruntukan dari BAZDA bagi program ini. Kadar bantuan yang diberikan ialah setiap satu orang mustahik akan diberikan satu ekor lembu perah (tenusu) dengan menggunakan sistem bagi hasil.¹⁷⁷

8. Bantuan keperluan Asas Menjelang Hari Raya

¹⁷⁶ Enc. Sukardi S.Ag (Ketua Devisi Pemamfaatan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 28 Januari 2010.

¹⁷⁷ Enc. H. Ratman (Unit Bahagian Agihan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 17 Januari 2011.

Jadual 4.16. Jumlah Penerima Bantuan keperluan Asas Menjelang Hari Raya

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	279	Rp 50,000-100,000 setiap seorang mustahik*
2009	320	
2010	389	
2011	400	
2012	650	

* Jumlah agihan terbanyak

Dari jadual statistik diatas, menunjukkan bahawa bilangan penerima bantuan keperluan hari raya bagi tahun 2008 iaitu sebanyak 279 orang, manakala tahun 2009 meningkat kepada 320 orang. Jumlah penerima terus meningkat pada tahun 2010 iaitu sebanyak 389 orang, pada tahun 2011 kembali meningkat menjadi 400 mustahik. Manakala bagi tahun 2012 terus meningkat kepada 650 orang penerima. Bantuan ini diberikan BAZDA Kerinci secara percuma kepada mustahik menjelang hari raya Idul Fitri bagi mencukupi keperluan-keperluan mereka akan makanan dan pakaian. Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 50,000 hingga Rp 100.000. Setiap seorang mustahik.¹⁷⁸

9. Khitan Beramai-Ramai

Jadual 4.17. Jumlah Penerima Bantuan Khitan

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Berupa barang
2009	44	
2010	-	
2011	-	
2012	-	

Dari jadual diatas, dapat diketahui bahawa bagi tahun 2008 tiada peruntukan bagi program ini, manakala tahun 2009 jumlah anak-anak yang didaftarkan bagi program khitan ini berjumlah 44 orang. Manakala bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 tiada peruntukan dari BAZDA bagi program ini. Berkhitan beramai-ramai ini

¹⁷⁸ H. Ratman (Unit Bahagian Agihan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 28 Januari 2011.

dilakukan dengan cara mengumpulkan anak-anak dari keluarga miskin yang telah terdaftar yang ada di Kabupaten Kerinci, selanjutnya mereka ditempatkan di hospital yang telah dipilih di kota Sungai Penuh. Selain menyediakan doktor, pihak BAZDA Kerinci juga akan menyediakan keperluan-keperluan lain seperti makanan, minuman, baju, peci dan kain pelikat kepada tiap-tiap mereka.¹⁷⁹

10. Bantuan Bencana Alam

Jadual 4.18. Jumlah Penerima Bantuan Bencana Alam

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	10 hingga 15 kg beras / mustahik*
2009	25	
2010	50	
2011	10	
2012	37	

Statistik diatas menunjukkan bahawa tiada peruntukan yang dikeluarkan BAZDA Kerinci bagi tahun 2008, manakala tahun 2009 jumlah penerima sebanyak 25 orang mustahik. Jumlah ini meningkat pada tahun 2010 iaitu 50 orang dan kembali menurun pada tahun 2011 dengan 10 orang mustahik, manakala bagi tahun 2012 berlaku peningkatan iaitu 37 orang mustahik.

Bantuan ini diberikan BAZDA Kerinci secara percuma kepada mustahik. Adapun jenis bantuan yang diberikan berupa bantuan beras dan bantuan wang. Bagi bantuan beras bantuan yang diberikan dalam dalam kitaran 10 hingga 15 kg beras kepada tiap-tiap mustahik. Manakala bantuan wang diberikan seperlunya sesuai dengan keadaan mustahik.¹⁸⁰

¹⁷⁹ Enc. Drs. Amri Syah (Ketua Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 06 Februari 2010.

¹⁸⁰ Enc. Erwan. SH (Ahli Devisi Pemamfaatan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 06 Februari 2010

11. Bantuan Rumah Tidak Layak Huni

Jadual 4.19. Jumlah Penerima Bantuan Rumah		
Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Rp 12.000.000
2009	-	/mustahik*
2010	-	
2011	5	
2012	46	

* Jumlah agihan terbanyak

Dari jadual statistik diatas, menunjukkan bahawa tiada peruntukan dari BAZDA Kerinci bagi program ini pada tahun 2008, 2009 dan tahun 2010. Manakala jumlah bilangan penerima bantuan rumah tidak layak huni bagi tahun 2011 iaitu 5 orang. Jumlah ini kembali meningkat pada tahun 2012 dengan 46 orang penerima. Bantuan ini diberikan secara percuma kepada penerima dengan kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 10,000,000 hingga Rp 12,000,000 bagi tiap-tiap mustahik.¹⁸¹

12. Bantuan perubatan keluarga miskin

Jadual 4.20. Jumlah Penerima Bantuan Perubatan		
Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Rp 2.000.000/mustahik*
2009	-	
2010	-	
2011	2	
2012	3	

* Jumlah agihan terbanyak

Statistik diatas menunjukkan bahawa tiada peruntukan yang dikeluarkan BAZDA Kerinci bagi tahun 2008, 2009 dan tahun 2010 bagi program ini. Manakala tahun 2011 jumlah penerima iaitu 2 orang dan pada tahun 2012 meningkat kepada 3 orang penerima. Bantuan ini diberikan BAZDA Kerinci secara percuma kepada

¹⁸¹ Enc. Yusuf Bakri, (Ahli Devisi Pemamfaatan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 06 Oktober 2011.

mustahik. Bantuan ini diberikan kepada masyarakat miskin yang tidak mendapatkan kad asuransi kesihatan (ASKES) dari kerajaan, dalam keadaan ini maka pihak BAZDA Kerinci akan memberikan bantuan berobat sepenuhnya, manakala mereka yang mendapat kad ASKES, maka pihak BAZDA Kerinci akan memberikan bantuan dengan menanggung biaya perjalanan kepada pesakit yang dirawat diluar daerah Kabupaten Kerinci seperti di Jambi dan Padang. Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 500,000 hingga Rp 2,000,000 kepada tiap/tiap mustahik.¹⁸²

13. Bantuan kemudahan kesihatan OKU

Jadual 4.21. Jumlah Penerima Bantuan Kesihatan

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Berupa barang
2009	-	
2010	-	
2011	9	
2012	6	

Statistik diatas menunjukkan bahawa tiada peruntukan yang dikeluarkan BAZDA bagi tahun 2008, 2009 dan tahun 2010 bagi program ini. Manakala tahun 2011 jumlah penerima iaitu 9 orang dan pada tahun 2012 menurun kepada 6 orang penerima. Bantuan ini diberikan BAZDA secara percuma kepada mustahik.¹⁸³

4.4.1.2 Asnaf Amil

Amil atau Pengurus zakat difahamkan orang yang diberi tugas untuk mengumpulkan dan membahagikan zakat. Urusan harta zakat meliputi aktiviti memungut, mengira, menyimpan, mengurus, menghantar amil-amil ke daerah

¹⁸² Enc. Ahmadi. S,HI (Ahli Devisi Agihan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 09 Oktober 2011.

¹⁸³ Enc. Heldison (Bendahari BAZDA Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 27 Oktober 2011.

tertentu, mengagih dan sebagainya. Amil layak mendapatkan zakat walaupun beliau seorang yang kaya. Hal ini disebabkan jawatan Amil dikira sebagai suatu jawatan khusus yang layak diberi upah.¹⁸⁴ Peruntukan yang diterima oleh amil ialah sebanyak 12.5%, daripada jumlah itu 6.5% akan diberikan kepada UPZ (unit pengumpul zakat) manakala yang 6% lagi akan diberikan kepada BAZDA Kerinci. Bagi menjalankan pelaksanaan kutipan dan agihan zakat BAZDA Kerinci dibantu oleh Pemerintah Daerah (PEMDA) berupa dana penyelenggaraan bagi menampung kos-kos pengurusan. Berikut adalah jumlah perbelanjaan bagi Amil.

Jadual 4.22. Perincian Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil

Keperluan Amil	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Pengangkutan dan perjalanan amil	9,767,500	13,767,700	15,845,000	14,567,467	15,413,700
Cetak mencetak	3,745,450	6,985,000	7,655,068	5,321,500	6,315,300
Kursus dan seminar	320,000	1,117,000	728,000	904,800	1,200,000
Sewa office, bil elerik dan air, surat kabar, perawatan office dan lainnya.	9,454,500	14,143,750	12,106,000	12,461,600	11,700,000
Pentadbiran bank	976,400	1,214,500	1,312,507	1,462,189	1,612,500
Jumlah	24,263,850	37,227,950	37,646,757	34,717,556	36,241,500

Sumber: Laporan Tahunan BAZDA 2012

Daripada jadual 4.22 diatas, menunjukkan bahawa perbelanjaan bagi asnaf Amil pada tahun 2008 iaitu Rp 24,263,850, manakala pada tahun 2009 turut meningkat iaitu Rp 37,227,950 dan pada tahun 2010 iaitu 37,646,757. Pada tahun 2011 terjadi penurunan iaitu Rp 34,717,556 dan kembali meningkat pada tahun 2012 iaitu Rp 36,241,500. Daripada jumlah ini peruntukan yang paling banyak daripada kos pengangkutan, perjalanan amil. Manakala kos yang paling sedikit iaitu kos bagi kursus dan seminar.

¹⁸⁴ Shofian Ahmad, "Zakat Membangun Ummah," 104.

4.4.1.3 Asnaf Muallaf

Muallaf difahamkan sebagai seorang yang baru memeluk agama Islam dan memerlukan bantuan dari segi kewangan.¹⁸⁵ Begitu juga dengan orang Islam yang dihormati dikalangan kaumnya yang bukan Islam dengan tujuan dapat membantu beliau untuk menarik mereka yang bukan Islam kepada Islam. Berikut adalah butiran bagi asnaf ini.

Jadual 4.23. Perincian Agihan Zakat Bagi Asnaf Muallaf

Asnaf Muallaf	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bantuan bagi muallaf	-	-	-	200,000	5,000,000
Jumlah	-	-	-	200,000	5,000,000

Sumber: Laporan Tahunan BAZDA 2012

Daripada jadual diatas, menunjukkan bahawa tiada peruntukan perbelanjaan bagi asnaf Muallaf pada tahun 2008, 2009 dan tahun 2010. Manakala pada tahun 2011 jumlah perbelanjaan bagi asnaf ini ialah Rp 200,000. Jumlah ini kembali meningkat pada tahun 2012 ialah Rp 5000,000.

1. Bantuan bagi Muallaf

Jadual 4.24. Jumlah Penerima Bantuan Bagi Muallaf

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Rp 1.000.000/mustahik*
2009	-	
2010	-	
2011	1	
2012	5	

* Jumlah agihan terbanyak

Statistik diatas menunjukkan bahawa tiada peruntukan yang dikeluarkan BAZDA bagi tahun 2008, 2009 dan tahun 2010 bagi program ini. Manakala tahun 2011 jumlah penerima ialah 1 orang dan pada tahun 2012 meningkat kepada 5 orang penerima. Bantuan ini diberikan BAZDA Kerinci secara percuma kepada mustahik.

¹⁸⁵Ibid., 54.

Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 200,000 hingga Rp 1000,000 tiap-tiap mustahik.¹⁸⁶

4.4.1.4 Asnaf Gharimin

Golongan ini ialah golongan Islam yang berhutang dan memerlukan bantuan bagi melangsakan hutang tersebut dengan syarat hutang dibuat adalah bertujuan baik dan tidak bertentangan dengan syarak seperti membina masjid, madrasah atau sekolah bagi kegunaan orang ramai, seperti pembayaran hutang sewa rumah, bil air, elektrik yang tidak dapat dijelaskan atas sebab-sebab tertentu. Berikut ini adalah rincian bagi asnaf ini.

Jadual 4.25. Perincian Agihan Zakat Bagi Asnaf Gharimin

Peruntukan	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Hutang kerana keperluan hidup	1,000,000	-	-	3,600,000	-
Jumlah	1,000,000	-	-	3,600,000	-

Sumber: Laporan Tahunan BAZDA 2012.

Statistik diatas menunjukkan bahawa jumlah peruntukan perbelanjaan bagi asnaf ini pada tahun 2008 iaitu Rp 1,000,000. Manakala bagi tahun 2009 dan tahun 2010 tiada peruntukan yang dikeluarkan BAZDA Kerinci. Bagi tahun 2011 BAZDA Kerinci membelanjakan Rp 3,600,000. Manakala bagi tahun 2012 kembali tiada peruntukan bagi asnaf ini.

1. Bantuan bagi Asnaf Gharimin

Jadual 4.26. Jumlah Penerima Bantuan Asnaf Gharimin

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	1	Rp 1.200.000/mustahik*
2009	-	
2010	-	
2011	3	

¹⁸⁶ Enc. Heldison (Bendahari BAZDA Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 6 Oktober 2011.

Jadul 4.26. sambungan

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2012	-	

* Jumlah agihan terbanyak

Statistik diatas menunjukkan bahawa jumlah penerima bantuan ini pada tahun 2008 iaitu 1 orang. Pada tahun 2009, 2010 tiada peruntukan yang dikeluarkan BAZDA. Manakala pada tahun 2011 jumlah penerima meningkat kepada 3 orang. Pada tahun 2012 kembali tiada peruntukan bagi asnaf ini. Bantuan ini diberikan BAZDA Kerinci secara percuma kepada mustahik. Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 1,000,000 hingga Rp 1,200,000 tiap-tap mustahik.¹⁸⁷

4.4.1.5 Asnaf *Fī Sabillāh*

Difahamkan sebagai keadaan yang mana seseorang itu terlibat didalam kegiatan yang menegakkan serta mempertahankan agama Islam serta kabajikan ummatnya. Kata *Fī Sabillāh* boleh diterjemahkan sebagai "pada jalan Allah" yang membawa kepada keredhaan Allah.¹⁸⁸ Makna "*sabillāh*" juga disebut sebagai jihad. Kadangkala jihad itu dalam bidang pendidikan, dakwah dan sebagainya asalkan untuk membela Islam dan mengembalikan kejayaan umat Islam dan wajip memberikan modal kepada setiap bentuk jihad.¹⁸⁹

Jadual 4.27. Perincian Agihan zakat Bagi Asnaf Fisabilillah

Peruntukan	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bantuan beasiswa	34,000,000	62,000,000	85,000,000	76,250,000	90,000,000
Bantuan pelajar tafsir	-	-	5,000,000	10,000,000	5,000,000
Bantuan qari, qariah	-	-	5,000,000	10,000,000	8,000,000
Bantuan guru TPSQ	-	-	-	4,000,000	-
Jumlah	34,000,000	62,000,000	95,000,000	100,250,000	103,000,000

Sumber: Laporan BAZDA 2012

¹⁸⁷ Enc. Thamrin (Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis 28 Oktober 2011.

¹⁸⁸ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "pengurusan Zakat," 454.

¹⁸⁹ Siti Mariam Binti Mat, "Pungutan dan Agihan Zakat di Melaka" (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universit Malaya, 2002), 35.

Daripada statistik diatas, jelas menunjukkan bahawa peningkatan dalam jumlah perbelanjaan kepada asnaf fisabilillah sebanyak Rp 34,000,000 telah dibelanjakan pada tahun 2008, manakala sebanyak Rp 62,000,000 dibelanjakan pada tahun 2009, jumlah ini terus bertambah iaitu Rp 95,000000 dibelanjakan bagi tahun 2010. Pada tahun 2011 terus menunjukkan peningkatan iaitu Rp 100,250,000 dan pada tahun 2012 kembali meningkat iaitu sebesar Rp 103,000,000. Daripada jumlah tersebut bantuan yang paling banyak diberikan kepada mahasiswa diikuti bantuan yang diberikan kepada pelajar tahfiz dan bantuan qari dan qariah serta bantuan kepada guru TPSQ.

1. Bantuan Beasiswa

Jadual 4.28. Jumlah Penerima Bantuan Beasiswa

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	340	Rp 300,000 *
2009	310	
2010	331	
2011	285	
2012	305	

* Jumlah agihan terbanyak

Statistik diatas menunjukkan bahawa jumlah penerima bagi tahun 2008 iaitu 340 orang. Jumlah ini menurun pada tahun 2009 dengan jumlah penerima iaitu 310 mustahik, pada tahun 2010 kembali meningkat kepada 331 penerima. Manakala pada tahun 2011 menurun 285 dan meningkat pada tahun 2012 iaitu 305 penerima. Bantuan ini diberikan BAZDA Kerinci secara percuma kepada mustahik.

Bantuan beasiswa ini diberikan kepada anak-anak dari keluarga miskin yang ada di Kabupaten Kerinci mulai dari pelajar Sekolah Dasar (SD), Madrasah Ibtida’iah Negeri (MIN), Sekolah Menengah Pertama (SMP), Sekolah Menengah Atas (SMA) hingga ke peringkat Perguruan Tinggi (IPT). Adapun jenis bantuan yang diberikan berbentuk wang dan barang. Bantuan berupa barang peralatan sekolah

diberikan kepada pelajar Sekolah Dasar (SD) dan Madrasah Ibtida’iah Negeri (MIN) seperti perlengkapan pakain sekolah dan buku. Sedangkan bagi pelajar Menengah Pertama (SMP), pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) dan pelajar Perguruan Tinggi (IPT) sumbangan yang diberikan berupa wang. Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 100,000 hingga Rp 300,000 bagi tiap-tiap mustahik.¹⁹⁰

2. Bantuan Pelajar Tahfiz

Jadual 4.29. Jumlah Penerima Bantuan Pelajar Tahfiz

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Rp 1,000,000 *
2009	-	
2010	6	
2011	10	
2012	5	

* Jumlah agihan terbanyak

Statistik diatas menunjukkan bahawa tiada peruntukan perbelanjaan dari BAZDA bagi program ini pada tahun 2008 dan tahun 2009. Manakala pada tahun 2010 jumlah penerima adalah 6 orang, jumlah ini meningkat pada tahun 2011 iaitu 10 orang namun kembali menurun pada tahun 2012 dengan 5 penerima. Bantuan ini diberikan secara percuma kepada para Hafiz di Kabupaten Kerinci bagi meningkatkan mutu hapalan dan bacaan bagi persiapan menghadapi tilawah Al-Qur'an yang biasanya akan dilaksanakan setahun sekali dalam wilayah Propinsi Jambi. Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 500,000 hingga Rp 1,000,000 bagi setiap mustahik.¹⁹¹

¹⁹⁰ En. H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2010.

¹⁹¹ Enc.Arena. SE (Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci,) dalam temubual dengan penulis,13 Februari 2010.

3. Bantuan Qori dan Qori'ah

Jadual 4.30. Jumlah Penerima Bantuan Qori Dan Qoriah		
Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Rp 1,500,000 *
2009	-	
2010	3	
2011	7	
2012	4	

* Jumlah agihan terbanyak

Statistik diatas menunjukkan bahawa tiada peruntukan perbelanjaan dari BAZDA Kerinci bagi program ini pada tahun 2008 dan tahun 2009. Manakala pada tahun 2010 jumlah penerima adalah 3 orang, jumlah ini meningkat pada tahun 2011 iaitu 7 orang namun kembali menurun pada tahun 2012 dengan 4 penerima. Bantuan ini diberikan secara percuma kepada para qori dan qori'ah bagi meningkatkan kualiti bacaan. Kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 700,000 hingga Rp 1,500,000 bagi tiap-tiap mustahik.

4. Bantuan guru agama TPSQ

Jadual 4.31. Jumlah Penerima Bantuan Guru Dininyyah TPSQ		
Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Rp 2,000,000 *
2009	-	
2010	-	
2011	2	
2012	-	

* Jumlah agihan terbanyak

Statistik diatas menunjukkan bahawa tiada peruntukan perbelanjaan dari BAZDA Kerinci bagi program ini pada tahun 2008, 2009 dan tahun 2010. Manakala pada tahun 2011 jumlah penerima adalah 2 orang, pada tahun 2012 juga tiada peruntukan bagi program ini. Bantuan ini diberikan secara percuma kepada guru

Taman Pengajian Seni Al-Qur'an (TPSQ) yang terpilih. Adapun kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 2,000,000 bagi tiap-tiap mustahik.¹⁹²

4.4.1.6 Ibnu Sabīl

Yang dimaksud dengan *Ibnu Sabīl* ialah seorang yang sedang melakukan perjalanan (musafir) untuk melaksanakan sesuatu maksud yang baik dan tidak termasuk perkara yang maksiat. Seandainya ia tidak dibantu, kemungkinan maksud dan tujuannya tidak dicapai. Antara maksud yang baik ialah ibadah Haji, berperang di jalan Allah swt, ziarah yang dianjurkan dan sebagainya. Skop Ibnu shabil telah diperluaskan, selain daripada kriteria diatas, para ulama berijtihad bahawa sebahagian Ibnusabil ini harus dimamfaatkan untuk ekspedisi ilmiah, menyediakan madrasah, perbaikan jalan dan membiayai pendidikan serta penjagaan anak yatim.¹⁹³

Berikut adalah jumlah agihan zakat bagi asnaf ini.

Jadual 4.32. Perincian Agihan Zakat Asnaf Ibnu Sabīl

Asnaf Ibnu sabīl	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bantuan orang terlantar	-	-	-	-	1,260,000
Jumlah	-	-	-	-	1,260,000

Sumber: Laporan BAZDA 2012.

1. Bantuan Orang Terlantar

Jadual 4.33. Jumlah Penerima Bantuan Orang Terlantar

Tahun	Bilangan Penerima	Kadar Bantuan
2008	-	Rp 1.000.000/mustahik*
2009	-	
2010	-	
2011	-	
2012	2	

* Jumlah agihan terbanyak

¹⁹² Enc.Arena. SE (Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci,) dalam temubual dengan penulis,13 Februari 2010.

¹⁹³ Mohamad Uda Kasim, "Zakat Teori Dan Kutipan" 169.

Statistik diatas menunjukkan bahawa tiada peruntukan perbelanjaan dari BAZDA Kerinci bagi program ini pada tahun 2008, 2009, 2012 dan tahun 2011. Manakala pada tahun 2012 jumlah penerima adalah 2 orang. Bantuan ini diberikan secara percuma kepada penerima. Adapun kadar bantuan yang diberikan dalam kitaran Rp 260,000 hingga Rp 1,000,000 bagi tiap-tiap mustahik.¹⁹⁴

4.4.2 Analisis Jumlah Agihan Zakat Keseluruhan Mengikut asnaf

Jadual 4.34. Jumlah Agihan zakat Mengikut Asnaf

Asnaf	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Fakir Miskin	133.200.000	493.130.000	677.746.500	780.842.500	1,133,647,500
Amil	24.263.850	37.227.950	37.646.575	34.717.556	36,241,500
Muallaf	-	-	-	200,000	5,000,000
Gharimin	1.000.000	-	-	3,600,000	-
Fisabilillah	34.000.000	62.000.000	95.000.000	100,250,000	103,000,000
Ibnu Shabil	-	-	-	-	1,260,000
Jumlah	192.463.850	592.357.950	810.393.075	919,610,056	1,279,149,000


Sumber: Laporan BAZDA 2012.

Daripada jadual statistik diatas dapat dilihat bahawa peningkatan dalam jumlah perbelanjaan agihan saban tahun sebanyak Rp 192,463,850 telah dibelanjakan pada tahun 2008. Jumlah agihan zakat pada tahun 2009 meningkat iaitu Rp 592,357,950 manakala pada tahun 2010 sebesar Rp 810,393,075. Jumlah agihan pada tahun 2011 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu Rp 919,610,056 dan terus meningkat pada tahun 2012 iaitu Rp 1,279,149,000. Peningkatan perbelanjaan yang meningkat saban tahun ini sejajar dengan peningkatan jumlah terhadap kutipan zakat. Melalui pemerhatian penulis hanya 7 kategori asnaf yang menjadi tumpuan dalam proses pengagihan wang zakat di BAZDA Kerinci tanpa melibatkan asnaf Riqab. Ini di keranakan asnaf riqab tidak wujud lagi di zaman sekarang. Daripada jumlah agihan tersebut asnaf fakir miskin

¹⁹⁴ Enc.Arena. SE (Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci,) dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2010.

memperolehi agihan yang paling banyak, manakala agihan yang paling sedikit iaitu asnaf Ibnu sabil.

Rajah 4.8. Graf Agihan Zakat Mengikut Asnaf



4.4.3 Agihan Zakat Mengikut Program

Jadual 4.35. Agihan Zakat Mengikut Program


Program	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Pembangunan Ekonomi	118,200,000	430,030,000	629,621,500	654,791,000	485,813,500
Pembangunan Sosial	16,000,000	63,100,000	48,125,000	129,651,500	647,834,000
Pembangunan Pendidikan	34,000,000	62,000,000	85,000,000	76,250,000	90,000,000
Pembangunan Insan	-	-	10,000,000	24,200,000	19,260,000
Kos pengurusan	24,263,850	37,227,950	37,646,575	34,717,556	36,241,500
Jumlah	192,463,850	592,357,950	810,393,075	919,610,056	1,279,149,000

Sumber: Laporan BAZDA 2012.

Dari jadual diatas, menunjukkan bahawa jumlah perbelanjaan agihan zakat mengikut program pada tahun 2008 iaitu Rp 192,463,850 manakala pada tahun 2009 telah dibelanjakan Rp 592,357,950 pada tahun 2010 jumlah perbelanjaan zakat turut meningkat iaitu Rp 810,393,075. Jumlah ini terus menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan pada tahun 2011 iaitu Rp 919,610,056 dan kembali meningkat pada tahun 2012 iaitu 1,279,149,000. Daripada jumlah ini perbelanjaan

yang paling banyak adalah daripada program pembangunan ekonomi dan yang paling sedikit ialah program pembangunan insan.

Rajah 4.9. Graf Agihan Zakat Mengikut Program



4.4.3.1 PERINCIAN AGIHAN ZAKAT BAGI PROGRAM EKONOMI

Jadual 4.36. Jumlah Agihan Bagi Program Ekonomi

Program Ekonomi	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Pinjaman modal usaha mikro	54,000,000	101,500,000	224,750,000	272,400,000	241,500,000
Pinjaman modal usaha tani	43,000,000	61,030,000	36,500,000	74,765,000	58,000,000
Bantuan bibit kambing	13,400,000	65,000,000	67,200,000	89,910,600	-
Bantuan peralatan usaha	7,800,000	16,500,000	11,500,000	35,285,400	-
Bantuan bibit lembu	-	132,000,000	285,450,000	174,300,000	185,508,500
Bantuan kesihatan ternakan	-	-	4,221,500	8,130,000	805,000
Bantuan bibit lembu perah	-	54,000,000	-	-	-
Jumlah	118,200,000	430,030,000	629,621,500	654,791,000	485,813,500

Sumber: Laporan BAZDA 2012

Dari jadual diatas, jelas menunjukkan bahawa agihan zakat bagi program ekonomi tahun 2008 iaitu Rp 118,200,000 manakala pada tahun 2009 BAZDA membelanjakan Rp 430,030,000. Jumlah agihan ini terus bertambah pada tahun 2010 iaitu Rp 629,621,500. Jumlah ini kembali meningkat pada tahun 2011 iaitu Rp 654,791,000 dan menurun pada tahun 2012 iaitu Rp 485,813,500. Agihan yang

paling banyak bagi program ini ialah pinjaman modal usaha mikro dan agihan yang paling sedikit ialah bantuan bibit sapi perah.¹⁹⁵

4.4.3.2 PERINCIAN AGIHAN ZAKAT BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL

Jadual 4.37. Jumlah Agihan Zakat Bagi Program Sosial

Program Sosial	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bantuan hari raya	15,000,000	38,400,000	45,000,000	46,870,000	71,500,000
Khitan	-	14,700,000	-	-	-
Bantuan bencana alam	-	10,000,000	3,125,000	15,381,500	12,870,000
Bantuan pembayaran Hutang	1,000,000	-	-	3,600,000	-
Khitan	-	14,700,000	-	-	-
Bantuan bencana alam	-	10,000,000	3,125,000	15,381,500	12,870,000
Bantuan pembayaran Hutang	1,000,000	-	-	3,600,000	-
Bantuan rumah tidak patut di diamai	-	-	-	50,000,000	552,000,000
Bantuan berobat keluarga miskin	-	-	-	500,000	4,500,000
Bantuan kemudahan kesihatan OKU	-	-	-	13,300,000	6,964,000
Jumlah	16,000,000	63,100,000	48,125,000	129,651,500	647,834,000

Sumber: Laporan BAZDA 2012

Daripada statistik diatas, jelas menunjukkan bahawa peningkatan dalam jumlah perbelanjaan bagi program pembangunan sosial sebanyak Rp 16,000,000 telah dibelanjakan pada tahun 2008, manakala sebanyak Rp 63,100,000 dibelanjakan pada tahun 2009, jumlah ini terus bertambah iaitu Rp 48,125,000 dibelanjakan bagi tahun 2010. Pada tahun 2011 kembali meningkat kepada Rp 129,651,500 manakala pada tahun 2012 kembali menunjukkan peningkatan yang amat ketara iaitu Rp 647,834,000. Daripada jumlah tersebut peruntukan yang paling banyak diberikan

¹⁹⁵ Hj. Lisnadra Khatib (Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 13 Februari 2010.

bagi bantuan rumah patut didiami. Manakala peruntukan yang paling sedikit diberikan bagi bantuan pembayaran hutang.

4.4.3.3 PERINCIAN AGIHAN ZAKAT BAGI PROGRAM PENDIDIKAN

Jadual 4.38. Jumlah Agihan Zakat Bagi Program Pendidikan

Program Pendidikan	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bantuan beasiswa	34,000,000	62,000,000	85,000,000	76,250,000	90,000,000
Jumlah	34,000,000	62,000,000	85,000,000	76,250,000	90,000,000

Sumber: Laporan BAZDA 2012.

Dari jadual diatas, jelas menunjukkan bahawa agihan zakat bagi program pendidikan tahun 2008 iaitu Rp 34,000,000 manakala pada tahun 2009 BAZDA Kerinci membelanjakan Rp. 62,000,000. Jumlah ini meningkat pada tahun 2010 iaitu Rp 85,000,000 namun menurun pada tahun 2011 iaitu Rp 76,250,000. Manakala pada tahun 2012 kembali meningkat iaitu Rp 90,000,000.

4.4.3.4 PERINCIAN AGIHAN ZAKAT BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN

Jadual 4.39. Jumlah Perincian Agihan Zakat Bagi Program Pendidikan Insan

Program Pembangunan Insan	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Bantuan pelajar tahfiz	-	-	5,000,000	10,000,000	5,000,000
Bantuan qari, qariah	-	-	5,000,000	10,000,000	8,000,000
Bantuan guru TPSQ	-	-	-	4,000,000	-
Bantuan bagi muallaf	-	-	-	200,000	5,000,000
Bantuan orang terlantar	-	-	-	-	1,260,000
Jumlah	-	-	10,000,000	24,200,000	19,260,000

Sumber: Laporan BAZDA 2012.

Dari jadual diatas, dapat diketahui bahawa bagi tahun 2008 dan tahun 2009 tiada peruntukan bagi program ini, manakala bagi tahun 2010 pula BAZDA Kerinci telah membelanjakan sebanyak Rp 10,000,000. Jumlah ini kembali meningkat pada tahun 2011 iaitu Rp 24,200,000 namun menurun pada tahun 2012 iaitu Rp

19,260,000. Daripada jumlah ini bantuan yang paling banyak iaitu daripada bantuan bagi qori dan qoriah, manakala bantuan yang paling sedikit iaitu daripada bantuan kepada guru TPSQ.

4.4.4 ANALISIS JUMLAH AGIHAN ZAKAT KESELURUHAN

Jadual 4.40. Jumlah Agihan Zakat Keseluruhan

Tahun	Dalam Rupiah (Rp)		
	Baki kas akhir tahun + Kutipan	Agihan	Baki
-	Baki kas akhir 2007	-	79,621,500
2008	Bakikas akhir 2007 + kutipan tahun 2008 393,310,373	192,463,850	200,846,523
2009	Bakikas akhir 2008 + kutipan tahun 2009 750,361,335	592,357,950	158,003,385
2010	Bakikas akhir 2009+ kutipan tahun 2010 841,294,826	810,393,075	30,901,751
2011	Bakikas akhir 2010 + kutipan tahun 2011 951,896,030	919,610,056	32,285,974
2012	Bakikas akhir 2011 + kutipan tahun 2012 1,329,029,232	1,279,149,000	49,880,232


Sumber: Laporan BAZDA 2012.

Daripada jadual statistik diatas dapat dilihat bahawa peningkatan dalam jumlah perbelanjaan agihan saban tahun sebanyak Rp 192,463,850 telah dibelanjakan pada tahun 2008. Jumlah agihan zakat pada tahun 2009 meningkat iaitu Rp 592,357,950 manakala pada tahun 2010 menunjukkan peningkatan yang amat ketara sekali iaitu Rp 810,393,075. Jumlah ini kembali meningkat pada tahun 2011 iaitu Rp 919,610,056. Manakala pada tahun 2012 kembali menunjukkan peningkatan yang amat ketara iaitu Rp 1,279,149,000. Faktor-faktor yang menyebabkan bertambahnya jumlah perbelanjaan kepada mustahik sepanjang tempoh analisis penulis ialah:

1. Bertambahnya bilangan ansaf dalam setiap tahun.
2. Kemudahan untuk memohon dan maklumat yang mencukupi memudahkan masyarakat yang memerlukan bantuan untuk membuat permohonan bagi mendapatkan peruntukan yang disediakan.

3. Adanya kerjasama BAZDA Kerinci dengan pemerintah daerah Kecamatan (sub-district) dan ketua-ketua kampung, telah membantu mustahik untuk membuat permohonan.
4. Adanya keprihatinan penduduk Kerinci itu sendiri yang dengan inisiatif sendiri mengambil langkah dalam membela nasib diri dengan membuat permohonan.
5. Selari dengan peningkatan jumlah kutipan zakat yang telah dikutip pada tahun sebelumnya.

Rajah 4.10. Graf Jumlah Keseluruhan Agihan zakat



4.4.4.1 BILANGAN KESELURUHAN MENGIKUT ASNAF

Jadual 4.41. Jumlah Penerima Agihan Zakat Mengikut Asnaf


Asnaf	Agihan RP				
	2008	2009	2010	2011	2012
Fakir Miskin	385	610	761	934	1,054
Muallaf	-	-	-	1	5
Gharimin	1	-	-	3	-
Fisabilillah	340	310	340	304	314
Ibnu Sabil	-	-	-	-	2
Jumlah	726	920	1,101	1,242	1,375

Sumber: Laporan BAZDA 2012.

Dari statistik diatas, jelas menunjukkan bahawa pada tahun 2008 jumlah asnaf yang telah dibantu BAZDA Kerinci iaitu sebanyak 726 orang, manakala tahun 2008 jumlah asnaf yang mendapatkan agihan meningkat sebanyak 920 orang. Pada

tahun 2010 jumlah ini terus menujukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 1,101 orang. Pada tahun 2011 jumlah ini terus bertambah iaitu 1,242 mustahik dan pada tahun 2012 kembali meningkat iaitu 1,375. Dari jumlah tersebut jumlah mustahik yang paling banyak ialah asnaf fakir dan miskin dan yang paling sedikit ialah asnaf Ibnu shabil.

Rajah 4.11. Graf Bilangan Keseluruhan Mengikut Asnaf



4.4.4.2 BILANGAN ASNAF KESELURUHAN MENGIKUT DAERAH

Jadual 4.42. Jumlah Bilangan Asnaf Mengikut Daerah

NO	MUKIM	2008	2009	2010	2011	2012
1	Pesisir Bukit	37	43	67	44	24
2	Batang Merangin	30	35	45	60	70
3	Keliling Danau	37	43	58	73	97
4	Danau Kerinci	40	42	49	57	65
5	Seitinjau Laut	42	47	50	72	98
6	Air Hangat	36	58	77	84	108
7	Air Hangat Timur	34	49	65	75	87
8	Air Hangat Barat	-	-	-	27	36
9	Depati Tujuh	48	55	61	90	106
10	Hamparan Rawang	61	92	95	53	36
11	Siulak	37	39	64	68	77
12	Siulak Mukai	-	-	-	34	45
13	Kayu Aro	40	48	58	67	86
14	Kayu aro Barat	-	-	-	42	61
15	Gunung Tujuh	30	37	43	65	81

Jadual 4.42. sambungan

NO	MUKIM	2008	2009	2010	2011	2012
16	Gunung Kerinci	31	49	53	70	86
17	Kumun Debai	38	47	52	31	22
18	Gunung Raya	24	35	26	41	64
19	Sungai Penuh	107	132	161	117	57
20	Tanah Kampung	54	69	77	42	26
21	Bukit Kerman	-	-	-	30	43
<i>JUMLAH</i>		726	920	1,101	1,242	1,375


Sumber: Laporan Tahunan BAZDA 2012.

Dari statistik diatas, jelas menunjukkan bahawa pada tahun 2008 jumlah asnaf yang telah dibantu BAZDA Kerinci iaitu sebanyak 726 orang, manakala tahun 2008 jumlah asnaf yang mendapatkan agihan meningkat sebanyak 920 orang. Pada tahun 2010 jumlah ini terus menujukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 1,101 orang. Jumlah ini kembali meningkat bagi tahun 2011 iaitu 1,242 penerima dan pada tahun 2012 terus meningkat kepada 1,375 orang penerima. Dari jumlah tersebut penerima yang paling ramai dari Kecamatan Sungai Penuh dan yang paling sedikit dari Kecamatan Air Hangat Barat. Hasil penyelidikan mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyokong distrik Sungai Penuh sebagai penerima zakat terbanyak antara lain:

1. Banyaknya pemohon sebagai penerima bantuan agihan zakat dari masyarakat Sungai Penuh.
2. Pusat zakat BAZDA Kerinci yang berada di distrik Sungai Penuh membuat calon penerima zakat lebih mudah mendapatkan maklumat tentang agihan zakat.
3. Banyaknya agensi dan unit pengumpul zakat yang berada di Sungai Penuh.
4. Distrik Sungai Penuh merupakan pusat pentadbiran Kerinci.

Manakala Kecamatan Air Hangat Barat merupakan wilayah yang baru ditubuhkan sehingga maklumat menganai mustahik di daerah berkenaan amatlah terhad.

Rajah 4.12. Graf Bilangan Keseluruhan Asnaf Mengikut Daerah di Kerinci



4.4.5 ANALISIS JUMLAH LEBIHAN AGIHAN

Pada setiap tahun akan berlaku lebihan daripada pengagihan yang dilakukan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya. Lebihan daripada agihan ini kebiasaannya akan dihimpun didalam satu akaun dan baki tersebut akan dibawa bersama dengan jumlah pungutan yang diperolehi bagi tahun berikutnya. Disamping itu, lebihan agihan yang dilakukan ini juga akan disalurkan melalui pembiayaan terhadap projek-projek tertentu yang boleh memberi mamfaat kepada penduduk di negeri tersebut.¹⁹⁶

4.5 Analisis Soal Selidik

Pemberi Zakat

4.5.1 Latar Belakang Responden

¹⁹⁶ Enc. Firdaus S.A (Setiausaha BAZDA-Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 18 Februari 2010.


4.5.1.1 Jantina

Jadual 4.43. Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	19	59.4
Perempuan	13	40.6
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.13. Graf Bilangan Responden Mengikut Jantina



Graf 4.13 menunjukkan bahawa taburan responden mengikut jantina. Hasil kajian menunjukkan bahawa 19 orang responden atau (59.4) peratus ialah lelaki. Manakala 13 orang responden atau (40.6) peratus ialah perempuan. Responden lelaki lebih ramai dibandingkan dengan responden perempuan, ini adalah kerana lelaki lebih banyak bilangannya sebagai pegawai di tiga kawasan kajian sama ada pegawai kerajaan dan swasta jika dibandingkan dengan perempuan. Selain itu lelaki juga merupakan tulang belakang kepada keluarga.

4.5.1.2 Umur Responden

Jadual 4.44. Taburan Responden Mengikut Umur


Umur	Bilangan Responden	Peratus (%)
0	-	-
22-30	2	6.2
31-40	11	34.4
41-50	14	43.8

Jadual 4.44. sambungan

Umur	Bilangan Responden	Peratus (%)
51 dan keatas	4	12.5
Tiada Jawapan	1	3.1
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.14. Graf Bilangan Responden Mengikut Umur



Graf 4.14 diatas menunjukkan taburan responden mengikut umur. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden terdiri dalam kitaran umur 41-50 iaitu 14 responden atau (43.8) peratus, 11 responden dalam kitaran umur 31-40 atau (34.4) peratus, 4 responden berumur 51 tahun keatas (12.5), manakala 2 orang responden dalam kitaran umur 22-30 (6.2) peratus dan 1 orang responden tidak memberikan jawapan. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai ialah berumur antara 41 hingga 50 tahun.


4.5.1.3 Pendidikan Responden

Jadual 4.45 Taburan Responden Mengikut Pendidikan

Pendidikan	Bilangan Responden	Peratus (%)
SD	2	6.25
SMU	2	6.25
Diploma	4	12.5
Sarjana	24	75.0
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.15. Graf Bilangan Responden Mengikut Pendidikan



Statistik diatas menunjukkan taburan responden mengikut pendidikan. Jumlah responden daripada sarjana ialah 24 orang responden (75.0) dan diikuti oleh responden dengan pendidikan Diploma seramai 4 orang (12.5). Manakala peratus responden yang berpendidikan SD dan SMU purata 2 orang atau sebesar (6.25) peratus bagi tiap-tiap bahagian pendidikan. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai ialah mereka yang berpendidikan sarjana.


4.5.1.4 Pekerjaan Responden

Jadual 4.46. Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Petani	5	15.6
Peniaga	5	15.6
Pegawai	22	68.8
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.16. Graf Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan



Daripada graf diatas menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan, hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 22 atau (68.8) peratus responden ialah pegawai, manakala petani dan peniaga purata seramai 5 orang pada tiap-tiap jenis pekerjaan atau sebesar (15.6) peratus bagi peniaga dan (15.6) peratus bagi petani. Hasil ini menunjukkan bahawa pembayar zakat yang paling ramai di BAZDA Kerinci ialah pegawai negeri dengan jumlah respondennya 22 orang dimana gaji yang diperolehi langsung dipotong oleh ibu pejabat zakat. Manakala peniaga iaitu seramai 5 orang responden memilih membayar zakat atas penilaian sendiri. Selebihnya ialah petani dengan jumlah responden seramai 5 orang yang membayar zakat juga atas penilaian sendiri terhadap BAZDA Kerinci.


4.5.1.5 Status Perkahwinan Responden

Jadual 4.47 Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kahwin	24	75.0
Belum kahwin	6	18.7
Balu	2	6.3
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.17. Graf Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan



Daripada graf diatas menunjukkan bahawa seramai 24 responden (75.0) peratus telah berkahwin, manakala 6 responden atau (18.7) peratus belum berkahwin dan 2 orang responden (6.3) peratus ialah merupakan balu. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai membayar zakat mereka melalui BAZDA Kerinci ialah mereka yang telah berkahwin.

4.5.1.6 Alamat Responden

Jadual 4.48. Taburan Responden Mengikut Alamat

Alamat Tinggal	Bilangan Responden	Peratus (%)
Depati Tujuh	9	28.1
Seitinjau Laut	12	37.5
Danau Kerinci	11	34.4
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Item tempat tinggal dibahagikan kepada 3 kawasan iaitu Depati Tujuh, Seitinjau laut dan Danau Kerinci. Hasil kajian mendapati bahawa responden yang paling ramai ialah daripada kawasan Seitinjau Laut iaitu 12 orang atau (37.5) peratus, diikuti oleh Danau Kerinci 11 orang responden (34.4) peratus. Manakala kawasan Depati tujuh dengan 9 orang responden.


4.5.1.7 Pendapatan Bulanan Responden

Jadual 4.49. Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan

Pendapatan Bulanan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rp 1000,000 - Rp 2000,000	3	9.4
Rp 2000,000 Keatas	29	90.6
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.18. Graf Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan



Graf diatas menunjukkan taburan responden mengikut pendapatan bulanan.

Analisis data menunjukkan majoriti responden ialah berpendapatan Rp 2000,000 (Dua juta rupiah) keatas iaitu seramai 29 responden atau (90.6) peratus, manakala responden yang berpendapatan Rp 1000,000 hingga Rp 2000,000 ialah 3 orang responden atau (9.4) peratus sahaja. Daripada jumlah ini responden yang berpendapatan diatas Rp 2000,000 ialah yang paling ramai yang terdiri dari pegawai kerajaan, petani dan peniaga. Namun begitu terdapat 3 orang petani yang berpendapatan dalam kitaran Rp 1000,000 - Rp 2000,000.


4.5.1.8 Perbelanjaan Bulanan Responden

Jadual 4.50. Taburan Responden Mengikut Perbelanjaan Bulanan

Perbelanjaan Bulanan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rp 800,000 - Rp 899,000	4	12.5
Rp 900,000 - Rp 999,000	7	21.9
Rp 1000,000 - Rp 2000,000	9	28.1
Rp 2000,000 keatas	12	37.5
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.19. Graf Bilangan Responden Mengikut Perbelanjaan Bulanan



Graf diatas menunjukkan taburan responden mengikut perbelanjaan bulanan.

Hasil analisis penulis mendapati bahawa seramai 12 orang responden (37.5) peratus jumlah perbelanjaan bulanan mereka dalam kitaran Rp 2000,000 keatas, diikuti 9 responden (28.1) peratus dengan jumlah perbelanjaan bulanan Rp 1000,000 hingga Rp 2000,000. Manakala 7 responden atau (21.9) peratus ialah dengan perbelanjaan bulanan Rp 900,000 hingga Rp 999,000,. Selebihnya (12.5) peratus dengan jumlah perbelanjaan Rp 800,000 - Rp 899,000 seramai 4 orang responden. Daripada jumlah ini responden dengan perbelanjaan bulanan diatas Rp 2000,000 keatas ialah yang paling ramai.


4.5.1.9 Jenis Zakat Yang Dibayar Responden

Jadual 4.51. Taburan Responden Mengikut Jenis Zakat

Jenis Zakat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Zakat gaji	22	68.75
Zakat pendapatan	10	31.25
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.20. Graf Bilangan Responden Mengikut Jenis Zakat yang Dibayar



Dari pada graf diatas menunjukkan taburan responden mengikut jenis zakat yang dibayar. Hasil daripada soal selidik mendapati bahawa majoriti responden yang membayar zakat ialah daripada jenis zakat gaji iaitu seramai 22 responden (68.75) peratus, selebihnya ialah daripada zakat pendapatan iaitu seramai 10 responden atau (31.25) peratus. Daripada jumlah ini zakat gaji ialah yang paling ramai dibayar oleh responden hal ini dikeranakan selain adanya kesedaran oleh para pegawai itu sendiri juga dikeranakan pelaksanaan kutipan zakat yang mudah. Mereka tidak harus datang ke pejabat zakat namun mereka dapat membayar zakat langsung ke Unit Pengumpul Zakat (UPZ) yang ada di sekolah-sekolah mereka.¹⁹⁷ Manakala menurut seorang peniaga yang membayar zakat melalui BAZDA Kerinci, berasaskan bahawa BAZDA Kerinci merupakan institusi formal yang dibentuk pemerintah dengan sistem dan mekanisma pengurusan yang cukup baik. Dengan membayar zakat melalui institusi ini diharapkan dapat membantu mensejahterakan rakyat dengan pelbagai bentuk agihan.¹⁹⁸

¹⁹⁷ Zaini Iskandar (Pegawai Negeri MAN Sebukar), dalam temubual dengan penulis, 22 Januari 2013.

¹⁹⁸ Helmi (Peniaga Barang-barang Bangunan), dalam temubual dengan penulis, 27 Januari 2013.

4.5.1.10 Lama Membayar Zakat Responden

Jadual 4.52. Taburan Responden Mengikut Lama Membayar Zakat

Lama Membayar Zakat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kurang dari 1 tahun	4	12.5
1-2 tahun	7	21.8
3-4 tahun	6	18.8
5 tahun keatas	15	46.9
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada graf diatas menunjukkan taburan responden mengikut lama membayar zakat. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden membayar zakat di BAZDA Kerinci ialah dalam masa 5 tahun keatas seramai 15 responden atau (46.9) peratus, diikuti 7 orang responden (21.8) peratus dengan lamanya membayar zakat dalam masa 1 hingga 2 tahun. Manakala 6 orang responden (18.8) peratus ialah 3 hingga 4 tahun. Selebihnya kurang daripada 1 tahun iaitu seramai 4 orang responden atau (12.5) peratus. Daripada jumlah ini responden yang telah membayar zakat di BAZDA Kerinci lebih daripada 5 tahun keatas ialah yang paling ramai.

4.5.2 Faktor Yang Mempengaruhi Responden Membayar Zakat

4.5.2.1 Persepsi Terhadap Bayaran Zakat


4.5.2.1 (a). Adakah anda yakin dengan agihan zakat di BAZDA?

Jadual 4.53 Tahap Keyakinan Responden Terhadap Agihan

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	21	65.6
Tidak	11	34.4
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.21. Graf Bilangan Responden Mengikut Keyakinan Terhadap Agihan



Daripada graf diatas menunjukkan bahawa seramai 21 orang responden atau (65.6) peratus menyatakan keyakinan mereka terhadap agihan zakat yang dilakukan oleh pihak BAZDA Kerinci. Manakala 11 orang responden (34.4) peratus menyatakan sikap tidak yakin terhadap agihan zakat yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci namun tetap membayar zakat melaui BAZDA Kerinci. Hasil analisis penulis mendapati bahawa salah satu alasan mereka ialah BAZDA Kerinci dipandang cekap dalam menguruskan agihan zakat dan mempelbagaikan bentuk agihan zakat kepada penerima. Manakala Responden yang menyatakan tidak yakin dengan agihan zakat dikeranakan BAZDA Kerinci tidak menyertakan makluman tahunan secara rasmi sama ada jumlah kutipan dan agihan zakat dan kemana saja zakat diagihkan.


4.5.2.1 (b). Adakah kaedah pembayaran zakat di BAZDA ini mudah ?

Jadual 4.54. Kaedah Bayaran Zakat Di BAZDA

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	28	87.5
Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Tidak	4	12.5
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.22. Graf Kaedah Pembayaran Zakat BAZDA



Daripada graf diatas dapat diketahui bahawa majoriti responden iaitu 28 orang (87.5) menyatakan bahawa kaedah agihan zakat di BAZDA Kerinci ialah mudah. Hal ini dikeranakan BAZDA Kerinci telah melakukan pelbagai bentuk kemudahan dalam pembayaran zakat dimana zakat dapat dibayar langsung ke pejabat BAZDA Kerinci, Selain itu zakat juga dapat dibayar melalui BANK dan unit pengumpul zakat (UPZ) yang ada disekolah-sekolah yang telah dipilih. Manakala 4 orang responden menyatakan bahawa kaedah bayaran zakat di BAZDA Kerinci tidak mudah. Hasil analisis penulis mendapati bahawa alasan mereka ialah waktu pejabat BAZDA Kerinci tidak jelas sehingga menjadi kesulitan bagi mereka yang hendak berurusan dengan kakitangan pengurusan.


4.5.2.1 (c). Adakah promosi yang di lakukan oleh pihak BAZDA Kerinci sampai kepada anda?

Jadual 4.55. Promosi BAZDA

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	27	84.4
Tidak	2	6.3
Tiada Jawapan	3	9.3
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.23. Graf Promosi BAZDA Sampai Kepada Responden



Daripada graf diatas menunjukkan bahawa seramai 27 responden (84.4) peratus menyatakan bahawa promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci sampai kepada mereka. Manakala 2 orang responden (6.3) peratus menyatakan bahawa promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci tidak sampai kepada mereka. Selebihnya seramai 3 orang tidak memberikan jawapan. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai menyatakan promosi BAZDA kerinci sampai kepada mereka ialah 27 orang responden. Bentuk promosi yang mereka terima melalui seminar, perbincangan dan dialog. Manakala 2 orang responden menyatakan bahawa promosi BAZDA Kerinci secara langsung tidak sampai kepada mereka. Hasil temubual penulis dengan salah seorang responden menyatakan bahawa dari promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci sama ada ada melalui ceramah agama, perbincangan dan dialog, seminar dan kain rentang tidak sampai kepada mereka secara langsung, adapun maklumat mengenai BAZDA Kerinci mereka terima secara lisan atau dari mulut ke mulut.¹⁹⁹

¹⁹⁹Rosna Norma (Petani), dalam temubual dengan penulis, 17 Januari 2013.

4.5.2.1 (d). Adakah jarak tempat tinggal anda dekat dengan BAZDA Kerinci ?

Jadual 4.56. Jarak Tempat Tinggal Dekat dengan BAZDA

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	18	56.25
Tidak	14	43.75
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas dapat diketahui bahawa majoriti responden iaitu seramai 18 orang (56.25) peratus dekat dengan institusi zakat BAZDA Kerinci. Manakala selebihnya iaitu seramai 14 responden (43.75) peratus berada dari pusat zakat BAZDA Kerinci. Daripada jumlah ini menunjukkan bahawa responden yang ramai membayar zakat ialah mereka yang berada dekat dengan intitusi zakat BAZDA Kerinci.


4.5.2.1 (e). Adakah BAZDA kerinci ini cepat menyalurkan dana zakat mereka kepada golongan asnaf ?

Jadual 4.57. Zakat Cepat Diagihkan

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	20	62.5
Tidak	12	37.5
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.24. Graf Penyaluran Dana Zakat Kepada Asnaf



Daripada graf diatas dapat diketahui bahawa majoriti responden iaitu seramai 20 orang (62.5) peratus menyatakan bahawa zakat cepat disalurkan oleh BAZDA Kerinci. Manakala selebihnya iaitu seramai 12 orang responden atau mewakili (37.5) peratus menyatakan bahwa BAZDA Kerinci lambat menyalurkan zakat kepada mustahik. Hasil temubual penulis dengan kakitangan BAZDA Kerinci menyatakan keterlambatan penyaluran zakat kepada mustahik dikeranakan pelbagai alasan diantaranya ialah ada sebahagian borang yang tidak diisi lengkap oleh pemohon sehingga menjadi kesukaran bagi pihak BAZDA Kerinci, masalah lain adalah pihak BAZDA Kerinci perlu melakukan kajian tinjauan kelapangan sama ada pemohon berhak menerima zakat atau sebaliknya. Semakan kepada agihan sebelumnya perlu diambil kira untuk melihat Asnaf mana yang lebih memerlukan. Selain itu kekurangan kakitangan juga dilihat sebagai salah satu alasan keterlambatan dalam menyalurkan zakat.²⁰⁰ Akan tetapi BAZDA Kerinci terus berupaya dari semasa ke semasa agar persolan seperti ini tidak timbul dikemudian hari.

4.5.2.2 Persepsi Terhadap Perkhidmatan BAZDA

4.5.2.2 (a). Adakah pegawai yang bertugas sudi membantu anda dan menjalankan tugasnya dengan efisien?

Jadual 4.58. Pegawai Yang Bertugas Sudi Membantu

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	27	84.4
Tidak	5	15.6
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan 27 orang responden atau (84.4) menyatakan bahawa pegawai yang bertugas sudi membantu mereka dan menjalankan

²⁰⁰Heldison (Bendahari BAZDA Kerinci), Temubual dengan penulis, 6 Februari 2013.

tugas mereka dengan efisien. Selebihnya seramai 5 orang responden atau (15.6) peratus menyatakan bahawa petugas tidak membantu dan menjalankan tugas dengan efisien. Salah satu alasan mereka ialah pihak BAZDA kerinci dipandang lambat menyelesaikan aduan dan keluhan mereka. Hasil analisis penulis dengan pihak BAZDA mendapati bahawa salah satu penyebab keterlambatan menyelesaikan aduan dikeranakan kekurangan kakitangan dan minimnya biaya operasional selain itu aduan dan keluhan muzakki perlu dilakukan kajian perbandingan agar upaya perbaikan dapat berjalan lebih efektif dimasa yang akan datang.²⁰¹


4.5.2.2 (b). Adakah pegawai yang bertugas memiliki pengetahuan terhadap tugas yang dijalankan ?

Jadual 4.59. Pegawai Yang Bertugas Memiliki Pengetahuan

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	25	78.1
Tidak	7	21.9
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.25. Graf Pegawai Memiliki Pengetahuan



Daripada graf diatas dapat diketahui bahawa bilangan responden yang menyatakan petugas memiliki pengetahuan terhadap tugas yang dijalankan iaitu

²⁰¹ Enc. Firdaus S.A (Setiausaha BAZDA-Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 23 Februari 2010.

seramai 25 orang (78.1.) peratus. Selebihnya menyatakan bahwa pegawai yang bertugas tidak memiliki pengetahuan terhadap tugas yang dijalankan iaitu 7 orang responden (21.9) peratus. Hal ini diakui oleh pihak BAZDA Kerinci sendiri yang menyatakan salah satu alasan ialah dalam penentuan pegawai zakat di BAZDA Kerinci tidak hanya ditentukan oleh mereka akan tetapi berdasarkan putusan Bupati Kerinci sehingga menyebabkan ada sebahagian dari kakitangan BAZDA Kerinci yang tidak berkemahiran terhadap tugas yang dijalankan. Namun begitu pihak BAZDA Kerinci terus melakukan pembinaan terhadap kakitangan dengan cara menghantar mereka untuk mengikuti seminar-seminar mengenai zakat dan studi perbandingan ke beberapa institusi zakat.²⁰²


4.5.2.2 (c). Adakah pegawai yang bertugas bersedia memberikan maklumat apabila diminta oleh muzakki ?

Jadual 4.60. Pegawai bersedia memberikan maklumat bila diminta

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	24	75.0
Tidak	7	21.9
Tiada Jawapan	1	3.1
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.26. Graf Petugas Bersedia Memberikan Maklumat Bila diminta



²⁰² Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 22 Januari 2013.

Graf diatas menunjukkan bahawa seramai 24 orang responden menyatakan bahawa pihak BAZDA Kerinci bersedia memberikan maklumat apabila diminta. Manakala selebihnya iaitu 7 orang responden atau (21.9) menyatakan bahawa pihak BAZDA Kerinci tidak bersedia memberikan maklumat bila diminta. Manakala 1 orang responden tidak memberikan jawapan. Daripada jumlah ini menunjukkan bahawa yang menyatakan “ya” lebih ramai jika dibandingkan yang menyatakan pihak BAZDA Kerinci “tidak” bersedia memberikan maklumat. Melihat keadaan ini BAZDA Kerinci hendaknya perlu memberikan maklumat yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat terutama sekali berupa laporan tahunan untuk disertakan dalam tiap-tiap UPZ. Hal ini penting agar pemberi zakat tahu kemana zakat yang mereka berikan itu di agihkan. Selain itu dengan adanya laporan tahunan dapat meningkatkan kepercayaan mereka terhadap BAZDA Kerinci. Pihak BAZDA Kerinci yang dipertanggungjawabkan mengurus zakat di Kerinci hendaknya cekap terhadap persoalan ini dan mencari penyelesaian agar tidak timbul persepsi buruk bahawa BAZDA Kerinci tidak terbuka dalam memberikan maklumat berkaitan zakat.

4.5.2.2 (d). Adakah pegawai yang bertugas menepati masa apabila temujanji sudah dilakukan ?

Jadual 4.61. Pegawai Yang Bertugas Menepati Masa

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	20	62.5
Tidak	12	37.5
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa terdapat 20 orang responden atau (62.5)% menyatakan bahawa petugas menepati masa apabila temu janji sudah dilakukan. Manakala selebihnya iaitu 12 orang responden atau (37.5) peratus menyatakan

bahawa pegawai yang bertugas tidak menepati masa apabila temu janji sudah dilakukan. Walaupun bilangan yang menyatakan pegawai yang bertugas tidak menepati masa apabila temujanji sudah dilakukan sedikit dari pada yang menyatakan pegawai yang bertugas mudah dihubungi. Namun hal ini perlu diambil kira oleh pegawai zakat. Misalnya memberikan maklum balas kepada mereka sekiranya temujanji tidak dapat dilakukan.


4.5.2.2 (e). Adakah pegawai yang bertugas mudah dihubungi ?

Jadual 4.62. Pegawai Yang Bertugas Mudah Dihubungi

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	18	56.2
Tidak	14	43.8
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.27. Graf Petugas Bertugas Mudah Dihubungi



Daripada graf diatas dapat diketahui bahawa seramai 18 orang responden menyatakan bahawa pegawai zakat di BAZDA Kerinci mudah dihubungi dan dijumpai. Manakala selebihnya menyatakan bahawa pegawai zakat tidak mudah dihubungi iaitu seramai 14 orang responden. Salah satu alasan mereka yang menyatakan sulit untuk menghubungi pegawai zakat ialah tidak ada nomor telefon pejabat khas zakat yang dapat dihubungi secara langsung selain jauhnya jarak tempat

tinggal mereka dengan pusat zakat BAZDA Kerinci, Manakala yang menyatakan mudah dihubungi ialah responden yang berada dekat dengan pusat zakat BAZDA Kerinci selain memeliki nombor peribadi pegawai zakat.

4.5.3. FAKTOR YANG BERKAITAN DENGAN PROMOSI

4.5.3.1. Pengetahuan Pembayar Terhadap Promosi


4.5.3.1 (a). Adakah Anda mengetahui promosi zakat yang dilakukan oleh pihak BAZDA?

Jadual 4.63. Mengetahui Promosi BAZDA

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	27	84.4
Tidak	3	9.4
Tiada Jawapan	2	6.2
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.28. Graf Mengetahui Promosi Zakat BAZDA



Graf diatas menunjukkan bahawa seramai 27 orang responden (84.4) peratus menyatakan mengetahui akan promosi yang dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci. Manakala 3 orang responden (9.4) peratus orang menyatakan tidak mengetahui promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci. Selebihnya terdapat 2 orang responden yang tidak memberikan jawapan sama ada mereka tidak mengetahui

promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci atau tidak mengambil berat perkara ini.

4.5.3.1 (b). Adakah Anda Tertarik Dengan Promosi Yang dilakukan Oleh BAZDA Kerinci ?

Jadual 4.64. Tertarik Dengan Promosi BAZDA Kerinci

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	18	56.25
Tidak	14	43.75
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual 4.64 diatas menunjukkan bahawa seramai 18 orang responden (56.25) peratus menyatakan tertarik dengan promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci. Manakala seramai 14 responden (43.75) peratus tidak tertarik dengan promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci. Keadaan ini menunjukkan bahawa responden yang tertarik dengan promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci cukup ramai jika dibandingkan dengan mereka yang tidak tertarik dengan promosi zakat oleh BAZDA Kerinci iaitu seramai 14 orang responden. Namun begitu pihak BAZDA Kerinci perlu mengambil berat persoalan ini dan mencari jalan penyelesaian lain berkaitan dengan promosi, agar dimasa yang datang promosi tidak hanya sampai secara meluas kepada mereka namun promosi tersebut juga mampu menarik minat mereka untuk membayar zakat melalui institusi ini.

4.5.3.1 (c). Jelaskan Jenis promosi Tersebut?

Jadual 4.65. Jenis Promosi Yang Menarik Minat Responden


Jenis Promosi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ceramah Agama	5	15.5
Perbincangan dan Dialog	5	15.5
Seminar	3	9.6
Kain Rentang	3	9.6

Jadual 4.65. sambungan

Jenis Promosi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Risalah	2	6.2
Tiada Jawapan	14	43.6
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.29. Graf Promosi Yang Menarik Minat Responden



Graf diatas menunjukkan bahawa seramai 5 orang responden (15.5) peratus tertarik dengan ceramah agama, begitu juga dengan promosi yang berkaitan dengan perbincangan dan dialog seramai 5 orang responden atau (15.5) peratus tertarik dengan promosi tersebut. Selebihnya seramai 3 orang tertarik dengan seminar, begitu juga dengan promosi kain rentang seramai 3 orang responden atau (9.6) peratus tertarik dengan promosi berkenaan. Selebihnya 2 orang responden menyatakan tertarik dengan promosi yang berkaitan dengan penyebaran risalah. Manakala Seramai 14 orang responden tidak memberikan jawapan sama ada mereka tidak tertarik atau tidak mengambil berat persoalan ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun jumlah responden yang tertarik dengan promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci lebih ramai jika dibandingkan dengan responden yang tidak tertarik dengan promosi BAZDA namun perbezaan ini tidaklah begitu ketara. Justeru itu pihak BAZDA Kerinci perlu mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan berkaitan dengan promosi yang dijalankan, agar ianya mampu menarik minat lebih ramai para muzakki dimasa hadapan.

4.5.3.1 (d). Adakah BAZDA Melakukan Promosi Dalam Bentuk berikut?

Jadual 4.66. Jenis Promosi BAZDA

Jenis Promosi	Promosi sampai		Tiada Jawapan		Jumlah Responden	Peratus (%)
	(X)	%	(-)	%		
Ceramah agama	6	18.8	26	81.2	32	100.0
Perbincangan	8	25.0	24	75.0	32	100.0
Seminar	5	15.6	27	84.4	32	100.0
Kain rentang	7	21.9	25	78.1	32	100.0
Risalah	4	12.5	28	87.5	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Citatan: (X) Promosi Sampai
(-)Tiada Jawapan

Pada bahagian ini terdapat 6 bentuk promosi yang telah dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci antaranya ceramah agama, perbincangan dan dialog, seminar, kain rentang dan penyebaran risalah. Bagi mengatahui pelaksanaan promosi berkenaan responden diminta untuk menandakan sama ada promosi itu sampai kepada mereka atau tidak. Dalam hal ini responden boleh menandai lebih dari satu. Hasil kajian mendapati bahawa untuk ceramah agama 6 orang responden menandakan pelaksanaan promosi tersebut manakala 26 orang tidak memberikan jawapan. Bagi perbincangan dan dialog 8 responden telah menandakan pelaksanaan promosi tersebut manakala selebihnya seramai 24 orang tidak memberikan jawapan. Untuk seminar hanya 5 orang responden dari 32 responden menandakan pelaksanaan promosi tersebut. Manakala selebihnya seramai 27 orang tiada jawapan. Bagi promosi melalui kain rentang pula terdapat seramai 7 orang responden menandakan pelaksanaan promosi ini selebihnya seramai 25 orang responden tidak memberikan jawapan. Bagi penyebaran risalah responden menandai seramai 4 orang selebihnya 28 responden tidak memberikan jawapan.

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat 6 orang responden menyatakan pernah/mengetahui/mendengar program seumpama ini. Program ceramah yang dianjurkan ini biasanya mereka dengar saat pengagihan dana zakat yang diagh langsung oleh pejabat BAZDA Kerinci di Sungai Penuh. Pernyataan yang sama di jelaskan oleh kakitangan BAZDA Kerinci bahawa dalam usaha memantapkan kepahaman agama dan kesedaran akan kewajipan zakat pihak BAZDA Kerinci menganjurkan ceramah agama. Ceramah agama ini dilakukan pada saat pengambilan zakat biasanya ceramah ini diadakan di halaman utama pejabat BAZDA Kerinci di Sungai Penuh.²⁰³

Bagi program perbincangan dan dialog didapati hanya 8 responden menyatakan pernah/mengetahui dan mendengar program seumpama ini. Perbincangan dan dialog mengenai zakat amat penting dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan kepahaman dan kesadaran masyarakat terhadap zakat dan institusi zakat BAZDA Kerinci sendiri. Selain itu BAZDA Kerinci hendaknya dapat melaksanakan program ini secara berterusan tidak hanya dilaksanakan di bandar namun perlu juga dilakukan diluar bandar hal ini mengingat muzakki yang tersebar di merata tempat dalam kabupaten Kerinci.²⁰⁴ Manakala bagi program seminar seramai 5 orang menyatakan pernah/mengetahui dan mendengar program yang dijalankan oleh pihak BAZDA Kerinci ini. Majoriti masyarakat di Kabupaten Kerinci masih mengamalkan kaedah lama dalam membayar zakat hal ini dikeranakan selain dipandang mudah, masih ramai dikalangan mereka yang beranggapan bahawa pengurusan yang berkaitan dengan zakat agak lemah. Justeru melalui seminar ini dapat meningkatkan kepahaman mereka tentang institusi zakat selain itu pihak BAZDA Kerinci dapat menjelaskan bagaimana mekanisma pelaksanaan kutipan dan

²⁰³Kiki Puspita Dewi (Urusetia BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 3 Februari 2013.

²⁰⁴Muhammad Faizin (Muzakki), dalam temubual dengan penulis, 17 Januari 2013.

agihan zakat yang dijalankan.²⁰⁵ Pelaksanaan program ini hendaknya dapat dilaksanakan secara berterusan tidak hanya melibatkan pegawai kerajaan namun juga kepada pegawai-pegawai swasta dan para golongan profesional bagi menggalakkan mereka membayar zakat melalui BAZDA Kerinci.

Bagi promosi melalui kain rentang terdapat seramai 7 responden menyatakan pernah/mengetahui/mendengar program tersebut. Hasil temubual penulis dengan salah seorang responden menyatakan bahawa melalui kain rentang pihak BAZDA Kerinci dapat menyebarkan maklumat kepada masyarakat luas tentang institusi zakat. Namun pelaksanaan program ini dilihat masih belum mencukupi, ini kerana kain rentang hanya terdapat di pejabat zakat sahaja, manakala di pusat kota Sungai Penuh dan diluar Bandar belum terlihat kain rentang milik BAZDA Kerinci.²⁰⁶

Pendapat yang sama dinyatakan oleh seorang responden, kain rentang hanya terdapat di pejabat zakat sahaja, manakala di pusat kota kain rentang hanya digantung pada saat bulan ramadhan atau pada hari raya sahaja. Manakala diluar bandar tidak terlihat kain rentang milik BAZDA Kerinci.²⁰⁷

Bagi program penyebaran risalah terdapat seramai 4 orang menyatakan pernah/mengetahui/mendengar program seumpama ini. Salah seorang responden manyatakan risalah yang diedarkan BAZDA Kerinci didapatkan di salah satu masjid di Kota Sungai Penuh yang memaparkan ayat-ayat tentang seruan berzakat serta kaunter-kaunter pembayaran zakat. Program ini dipandang cukup efektif dalam usaha menyampaikan maklumat kepada masyarakat.²⁰⁸

Rumusan dari program promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci mendapati bahawa keseluruhan promosi sampai dan diterima oleh responden, namun

²⁰⁵ Junaidah (Muzakki-MTsN Semerah), dalam temubual dengan penulis, 9 Februari 2013.

²⁰⁶ Hilman (Muzakki) dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2013

²⁰⁷ Muhammad Rusdi (Muzakki) dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2013.

²⁰⁸ Mukhtar (Muzakki MAN Sebukar) dalam temubual dengan penulis, 22, Januari 2013.

begitu masih ramai responden yang tidak memberikan jawaban. Melihat keadaan pihak BAZDA Kerinci perlu meningkatkan lagi promosi mereka kepada masyarakat agar promosi yang dilaksanakan sampai dan berjaya kepada matlamat.

4.5.3.1 (e). Apakah bentuk promosi yang menarik minat anda?

Jadual 4.67. Promosi Yang Menarik Minat Muzakki

Jenis Promosi	Promosi samapai		Tiada Jawapan		Jumlah Responden	Peratus (%)
	(X)	%	(-)	%		
Ceramah agama	7	21.9	25	78.1	32	100.0
Perbincangan	6	18.8	26	81.2	32	100.0
Seminar	5	15.6	27	84.4	32	100.0
Kain rentang	9	28.1	23	71.9	32	100.0
Risalah	5	15.6	27	84.4	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Citatan: (X) Promosi Sampai
(-)Tiada Jawapan

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat 7 (21.9) responden menyatakan tertarik dengan program ceramah agama yang dianjurkan oleh BAZDA Kerinci manakala 25 (78.1) responden tidak memberikan jawapan. Bagi program perbincangan dan dialog didapati seramai 6 (18.8) responden tertarik dengan promosi yang disampaikan oleh BAZDA Kerinci. Manakala 26 orang responden tiada memberikan jawapan. Salah satu alasan tertarik dengan program ini ialah dengan melalui perbincangan dan dialog muzakki dapat bersemuka langsung dengan pengurus dan menjelaskan segala bentuk keluhan dan saranan kepada BAZDA Kerinci.²⁰⁹

Manakala bagi program seminar seramai 5 (15.6) responden menyatakan tertarik dengan promosi ini manakala seramai 27 orang responden tiada memberikan jawapan. Untuk program kain rentang minat responden cukup ramai iaitu 9 responden

²⁰⁹Zakaria Wahab (Muzakki), dalam temubual dengan penulis, 7 Februari 2013.

atau (28.1) peratus tertarik dengan program ini selebihnya 23 orang tiada memberikan jawapan. Bagi program penyebaran risalah hanya 5 orang atau (15.6) peratus responden dari 32 jumlah responden yang tertarik dengan promosi ini selebihnya 27 responden (84.4) peratus tiada memberikan jawapan. Keadaan ini menunjukkan jumlah responden yang tiada memberikan jawapan pada kelima program ini lebih ramai jika dibandingkan dengan jumlah responden yang tertarik dengan promosi yang telah dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci. Melihat keadaan ini sudah semestinya pihak BAZDA Kerinci mencari langkah-langkah lain yang berkaitan dengan promosi selain mengekalkan bentuk promosi yang ada. Matlamatnya ialah agar promosi yang dijalankan mampu menarik minat lebih ramai para muzakki untuk membayar zakat mereka melalui BAZDA Kerinci.

4.5.3.1 (f). Adakah promosi BAZDA Kerinci sudah mencukupi?

Jadual 4.68. Promosi BAZDA Mencukupi

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	7	21.9
Tidak	21	65.6
Tiada jawapan	4	12.5
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas dapat diketahui bahawa seramai 7 responden atau (21.9) peratus menyatakan bahawa program promosi yang dijangan oleh BAZDA Kerinci mencukupi. Selebihnya iaitu seramai 21 responden (65.6) menyatakan bahawa program promosi yang dilaksanakan tidak mencukupi. Manakala seramai 4 orang responden (12.5) peratus tidak memberikan jawapan. Daripada jumlah ini responden yang menyatakan tidak mencukupi lebih ramai jika dibandingkan dengan

responden yang menyatakan mencukupi. Salah satu alasan mereka ialah program yang dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci tidak sampai secara menyeluruh kepada muzakki selain itu promosi yang dilaksanakan BAZDA Kerinci hanya berpusat di bandar manakala diluar bandar hampir tidak pernah terdengar sama sekali sama ada yang berupa ceramah, kain rentang seminar dan lainnya. Manakala responden yang menyatakan mencukupi ialah melalui program ceramah menurut mereka dapat meningkatkan kepahaman dan kesadaran mereka dalam membayar zakat, namun begitu kekerapan dalam pelaksanaan program ini sangatlah digalakkan.

4.5.3.1 (g). Jika ya atau tidak jelaksan mengapa?

Jadual 4.69. Alasan responden menyatakan pilihan

Ya/Tidak	Alasan	Responden	Peratus
Ya	Promosi berkesan	7	21.9
Tidak	Promosi tidak efektif	5	15.6
	Promosi kurang jelas	6	18.8
	Tidak memuaskan	11	34.4
Tiada Jawapan	-	3	9.3
Jumlah		32	100.0

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 7 orang responden (21.9) peratus menyatakan bahawa promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci berkesan. Manakala 22 responden menyatakan “tidak” untuk soalan ini dengan pelbagai alasan, 5 orang responden (15.5) peratus menyatakan bahawa promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci tidak efektif, 6 orang responden (18.8) menyatakan promosi BAZDA Kerinci kurang jelas. Manakala 11 orang responden (34.4) peratus menyatakan bahawa promosi yang dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci tidak memuaskan. Daripada jumlah ini didapati bahawa jumlah responden yang memilih “tidak” lebih ramai iaitu 23 orang responden. Selebihnya seramai 3 orang responden

tiada menyatakan alasan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa promosi yang dijalankan oleh pihak BAZDA kerinci selama ini terbukti belum mencukupi dalam menarik minat para muzakki. Untuk itu suatu pelan promosi yang berkesan perlu dilakukan oleh BAZDA Kerinci dimasa yang akan datang guna menarik lebih ramai minat muzakki dalam membayar zakat mereka melalui BAZDA kerinci.

4.5.3.2. Penerimaan responden terhadap promosi

4.5.3.2 (a). Adakah Anda akan mengunjungi BAZDA Kerinci setelah mengetahui promosi zakat yang dilakukan oleh mereka?

Jadual 4.70 Responden mengunjungi BAZDA setelah promosi

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	20	62.5
Tidak	12	37.5
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas dapat diketahui bahawa seramai 20 orang responen menyatakan “Ya” manakala selebihnya seramai 12 orang menyatakan “tidak”. Dari jumlah ini bilangan yang menyatakan “ya” lebih ramai jika dibandingkan dengan responen yang menyatakan “tidak”. Keadaan ini menunjukkan cukup tinggi hasrat responen untuk mengunjungi BAZDA Kerinci sekiranya mereka mengetahui promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci.

4.5.3.2 (b). Adakah Anda berminat mengetahui lebih banyak maklumat berkaitan dengan promosi BAZDA?

Jadual 4.71. Responden berminat mengetahui maklumat


Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	19	59.4
Tidak	13	40.6

Jadual 4.71. sambungan

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.30. Graf Minat responden mengetahui maklumat



Daripada graf diatas dapat diketahui bahawa seramai 19 orang (59.4) peratus responden menyatakan berminat mengetahui lebih banyak maklumat berkaitan zakat. Manakala selebihnya iaitu 13 responden (40.6) menyatakan tidak berminat. Keadaan ini menunjukkan cukup tinggi minat para responden untuk mengetahui maklumat yang berkaitan dengan zakat jika dibandingkan dengan responden yang tidak berminat. Majoriti responden menyatakan bahawa minat mereka ialah terkait dengan kutipan dan pelaksanakan agihan zakat yang diajalankan dengan BAZDA Kerinci berapakah dana zakat yang dikumpulkan dalam setiap tahun dan kemana dana tersebut diagihkan.²¹⁰

4.5.3.3 (c). Adakah Anda akan mengabarkan orang lain

supaya membayar zakat melalui BAZDA Kerinci?


Jadual 4.72. Responden mengabarkan kepada orang lain

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	24	75.0
Tidak	8	25.0
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

²¹⁰Sumarni (Pegawai MAN Sebukar), dalam temubual dengan penulis, 10 Januari 2013.

Rajah 4.31. Graf Responden mengabarkan kepada orang lain



Graf diatas menerangkan bahawa seramai 24 orang responden atau (75.0) menyatakan akan mengabarkan kepada orang lain agar membayar zakat mereka melalui BAZDA Kerinci. Keadaan ini menunjukkan tingkat kesadaran dan kefahaman responden akan institusi zakat secara formal cukup tinggi. Salah satu alasannya ialah kutipan dana zakat di BAZDA Kerinci cukup tinggi sehingga pihak pengurusan dapat mempelbagaikan bentuk agihan bagi kepentingan mustahik dalam jangka panjang, keadaan ini berbeza sekiranya zakat diagihkan secara terus kepada asnaf.²¹¹ Namun begitu terdapat sebilangan responden yang memberikan jawapan “tidak” iaitu seramai 8 orang responden atau (25.0) peratus sama ada mereka tidak percaya atau tidak mengambil berat perkara ini.

4.5.4. Masalah Yang dihadapi Oleh Responden

4.5.4.1. Adakah borang pembayaran zakat mudah diperolehi

dan mempunyai arahan yang jelas ?

Jadual 4.73. Borang zakat mudah di perolehi

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	32	100.0
Tidak	0	0
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

²¹¹Misdawati (Pegawai MAN 3 Pendung Talang Genting), dalam temubual dengan penulis 3 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa keseluruhan responden menyatakan bahawa borang pembayaran zakat di BAZDA Kerinci ialah mudah dan mempunyai arahan yang jelas. Temubual penulis dengan salah seorang responden menyatakan bahawa borang pembayaran zakat di BAZDA Kerinci adalah mudah. Muzakki hanya diminta untuk menjelaskan nama, jenis zakat yang dibayar dan jumlah zakat yang hendak dibayar. Kemudian muzakki diminta untuk memberikan tandatangan setelah wang zakat diberikan. Selanjutnya pihak BAZDA Kerinci akan memberikan salinan sebagai bukti pembayaran zakat.²¹²

4.5.4.2. Adakah pegawai zakat (Amil) menjalankan tugasnya dengan efektif ?

Jadual 4.74. Pegawai menjalankan tugas dengan efektif

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	24	75.0
Tidak	8	25.0
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas dapat diketahui bahawa seramai 24 orang responden (75.0) peratus menyatakan bahawa amil yang menguruskan zakat di BAZDA Kerinci telah menjalankan tugasnya dengan efektif sama ada dalam bentuk pengurusan kutipan mahupun agihan zakat. Kemudahan yang diberikan BAZDA Kerinci dalam kaedah pembayaran zakat dipandang merupakan indikator penting terhadap peningkatan jumlah kutipan zakat. Namun begitu terdapat sebilangan responden iaitu 8 orang atau (25.0) peratus yang menyatakan bahawa pengurus BAZDA Kerinci tidak menjalankan tugasnya secara efektif. Salah satu alasan mereka ialah pihak BAZDA Kerinci tidak memberikan maklumat lengkap tentang laporan tahunan

²¹² Arifuddin (Pegawai MAN 3 Pendung Talang Genting), dalam temubual dengan penulis, 3 Februari 2013.

BAZDA Kerinci. Selain itu alasan lain yang dijelaskan ialah waktu kerja pejabat BAZDA Kerinci yang tidak jelas mengakibatkan muzakki kesulitan hendak berurusan dengan kakitangan BAZDA Kerinci.

4.5.4.3. Membuat aduan kepada BAZDA ?

Jadual 4.75. Aduan responden kepada BAZDA

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	11	34.4
Tidak	21	65.6
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa terdapat seramai 11 orang responden atau (34.4) peratus menyatakan pernah membuat aduan terkait masalah yang dihadapi. Manakala selebihnya seramai 21 orang responden (65.6) peratus tidak pernah membuat adauan kepada BAZDA Kerinci. Hasil kajian penulis mendapati beberapa bentuk aduan yang diberikan kepada BAZDA Kerinci ialah terkait masalah agihan zakat yang tidak jelas kerana tidak ada laporan menyeluruh dari pihak BAZDA Kerinci, selain itu ada juga mengeluhkan pejabat BAZDA Kerinci yang sempit dan tidak selesa. Manakala responden lain menyatakan waktu kerja BAZDA Kerinci yang tidak jelas turut menjadi punca aduan ini dibuat.

4.5.4.4. Adakah BAZDA memberikan tidak balas terhadap aduan ?

Jadual 4.76. Tindak balas atas aduan kepada BAZDA

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	6	18.8
Tidak	5	15.6
Tidak ada jawapan	21	65.6
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas dapat diketahui bahawa seramai 6 orang responden (18.8) menyatakan pihak BAZDA Kerinci telah memberikan maklum balas terhadap aduan yang diberikan secara bersemuka dan perbincangan dengan para muzakki. Seperti yang dijelaskan oleh salah seorang responden melalui perbincangan tersebut pihak BAZDA Kerinci mencadangkan untuk membuat laporan tahunan yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat dan akan dilampirkan kepada muzakki, selain itu pihak BAZDA Kerinci juga telah mengemukakan proposal kepada Departemen Agama (DEPAG) tentang perkara yang melibatkan pejabat zakat. Pernyataan ini turut dibenarkan oleh pegawai BAZDA Kerinci bahawa pihak BAZDA Kerinci telah mengemukakan permohonan melalui DEPAG dan Bupati Kerinci untuk menyediakan satu pejabat khas zakat di Daerah Kerinci.²¹³ Namun terdapat seramai 5 orang responden (15.6) menyatakan bahawa pihak BAZDA Kerinci tidak memberikan maklum balas terhadap aduan yang dibuat.

4.5.4.5. Adakah pihak BAZDA menyelesaikan aduan dengan efektif?

Jadual 4.77. Menyelesaikan aduan dengan efektif.

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	4	12.5
Tidak	7	21.9
Tidak ada jawapan	21	65.6
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Dari jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 4 orang responden atau (12.5) peratus menyatakan bahawa BAZDA Kerinci telah menyelesaikan aduan yang dibuat dengan efektif salah satu alasan ialah pihak BAZDA Kerinci telah membuat laman web yang mengandungi data kutipan dan agihan serta nama-nama mustahik

²¹³Akhiaruddin Hamid (Timbalan Ketua 2 BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2013.

yang telah dibantu. Selain itu BAZDA Kerinci juga menerangkan nama dan nombor pegawai zakat yang bisa dihubungi. Namun terdapat 7 orang responden atau (21.9) peratus yang menyatakan bahawa pihak BAZDA Kerinci tidak menyelesaikan aduan yang diterima dengan efektif. Walaupun pihak BAZDA Kerinci telah membuat laman web yang memuatkan laporan kutipan dan agihan zakat namun ia tidak dikemaskini dengan baik dari semasa ke semasa sebagai contoh data yang terdapat dalam laman masih berupa data-data lama. Selain itu terdapat sebilangan nombor pegawai yang diperlihatkan tidak dapat dihubungi.²¹⁴

4.5.5. Masalah lain yang dihadapi, Saran dan usulan responden


4.5.5.1. Nyatakan masalah lain yang anda hadapi selaku pembayar zakat ?

Jadual 4.78. Masalah lain yang dihadapi responden

Masalah yang dihadapi	Responden	Peratus
Kaunter zakat sempit dan kurang selesa	3	9.4
Waktu kerja pejabat tidak jelas	2	6.2
Agihan zakat tidak jelas	4	12.5
Tiada Jawapan	23	71.9
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.32. Graf Masalah lain yang dihadapi responden



²¹⁴Abidin Rustam (Muzakki), dalam temubual dengan penulis, 23 Januari 2013.

Daripada graf diatas menunjukkan bahawa seramai 3 orang responden (9.4) peratus menyatakan bahawa kaunter zakat yang sempit dan kurang selesa menjadi masalah bagi mereka ketika berurusan, selain itu waktu kerja pejabat yang tidak jelas turut menjadi masalah bagi sebilangan responden iaitu (6.2) peratus atau 2 orang responden. Agihan yang tidak jelas juga menjadi masalah bagi sebilangan responden iaitu 4 orang atau (12.5) peratus kerana sedikit sebanyak akan menimbulkan perasaan tidak puas terhadap pengurusan BAZDA Kerinci. Manakala seramai 23 orang responden atau (71.9) peratus tidak memberikan jawaban. Walaupun jumlah responden yang menyatakan pelbagai masalah agak sedikit jika dibandingkan dengan responden yang menyatakan tiada masalah. Namun begitu persolan ini perlu diambil berat oleh pengurus BAZDA Kerinci, karena ianya sedikit sebanyak akan mempengaruhi jumlah kutipan zakat di masa yang akan datang.

**4.5.5.2. Nyatakan saran dan usulan anda untuk
menambahbaik pelaksanaan zakat di BAZDA
Kerinci ?**

Jadual 4.79. Saran Dan Usulan Responden

Masalah yang dihadapi	Responden	Peratus
Tingkatkan promosi melalui media cetak dan elektronik	9	28.0
Buat laporan tahunan dan lampirkan	5	15.7
Tambah jumlah UPZ	5	15.7
Agihkan zakat dengan adil	2	6.1
Cari pejabat yang luas dan selesa	5	15.7
Salurkan zakat dengan cepat	1	3.1
Tiada jawapan	5	15.7
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 9 orang responden (28.0) peratus mencadangkan agar promosi dapat ditingkatkan tidak hanya melalui

media elektronik namun juga melalui media cetak seperti majalah dan surat kabar. Terdapat 5 orang responden (15.7) peratus memberikan saran dan usulan dimana BAZDA Kerinci perlu menambah jumlah UPZ dipelbagai kawasan-kawasan diluar bandar, 5 orang responden memberi usulan agar BAZDA Kerinci membuat laporan tahunan sama ada laporan kutipan dan juga agihan zakat dan dilampirkan, matlamatnya ialah agar muzakki mengatahui berapa jumlah zakat yang dikumpulkan dan kemana zakat mereka diagihkan. BAZDA Kerinci juga diminta untuk mencari pejabat yang lebih luas dan selesa iaitu seramai 5 orang responden (15.7). Selebihnya BAZDA Kerinci hendaknya dapat menyalurkan zakat kepada asnaf dengan cepat dan mengagihkan zakat dengan adil dan tanpa diskriminasi iaitu masing-masing 1 dan 2 orang responden. Selebihnya terdapat 5 orang responden yang tiada memberikan jawapan. Keadaan ini menunjukkan amat perlu BAZDA Kerinci melakukan pelbagai bentuk promosi selain mengekalkan promosi-promosi yang telah dilaksanakan sebelumnya. Laporan tahunan perlu di jelaskan sama ada melalui web ataupun media agar muzakki mengetahui kemanakah zakat mereka diagihkan. Pihak BAZDA Kerinci perlu menambah jumlah Unit Pengumpul Zakat (UPZ) di pelbagai kawasan untuk menarik lebih ramai muzakki membayar zakat mereka melalui BAZDA Kerinci. Pejabat BAZDA Kerinci yang kurang selesa dan sempit turut menjadi aduan para muzakki, untuk itu pihak pengurusan hendaknya perlu mengambil berat persoalan ini. Tinjauan semula terhadap laporan calon penerima zakat hendaknya benar-benar diutamakan agar zakat benar-benar diagihkan kepada mereka yang berhak selain mempercepat proses pengagihan, agar tidak timbul pelbagai isu-isu yang menyatakan bahawa BAZDA Kerinci tidak adil dalam mengagihkan zakat kepada penerima.

4.6 Analisis soal selidik (Penerima Zakat)

4.6.1 Latar Belakang Responden


4.6.1.1 Jantina

Jadual 4.80 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	12	42.9
Perempuan	16	57.1
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.33. Graf Bilangan Responden Mengikut Jantina



Graf 4.33 menunjukkan bahawa taburan responden mengikut jantina. Hasil kajian menunjukkan bahawa 12 orang responden atau (42.9) peratus ialah lelaki. Manakala 16 orang responden atau (57.1) peratus ialah perempuan. Daripada jumlah ini responden perempuan lebih ramai jika dibandingkan dengan responden lelaki.

4.6.1.2 Umur Responden

Jadual 4.81 Taburan Responden Mengikut Umur


Umur	Bilangan Responden	Peratus (%)
17-21	9	32.1
22-30	3	10.7
31-40	5	17.9

Jadual 4.81. sambungan

Umur	Bilangan Responden	Peratus (%)
41-50	7	25.0
51 dan keatas	4	14.3
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.34. Graf Bilangan Responden Mengikut Umur



Graf 4.34 diatas menunjukkan taburan responden mengikut umur. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden terdiri dalam kitaran umur 17-21 iaitu 9 orang responden atau (32.1) peratus, 7 responden dalam kitaran umur 41-50 atau (25.0) peratus, 5 responden berumur dalam kitaran 31-40 tahun (17.9) peratus. Selebihnya 4 orang berumur 51 tahun keatas (14.3 %) dan 3 orang responden berumur dalam kitaran 22 hingga 30 tahun. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai ialah berumur antara 17-21 tahun.


4.6.1.3 Pendidikan Responden

Jadual 4.82. Taburan Responden Mengikut Pendidikan

Pendidikan	Bilangan Responden	Peratus (%)
SD	17	60.7
SLTP	3	10.7
SMU	8	28.6
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.35. Graf Bilangan Responden Mengikut Pendidikan



Statistik diatas menunjukkan taburan responden mengikut pendidikan. 17 orang responden dengan pendidikan SD (60.7) peratus, diikuti oleh responden dengan pendidikan SMU seramai 8 orang (28.6) peratus. Manakala responden yang berpendidikan SLTP ialah 3 orang responden atau sebesar (10.7) peratus. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai ialah mereka yang berpendidikan sekolah dasar (sekolah rendah).


4.6.1.4 Pekerjaan Responden

Jadual 4.83. Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Pelajar	11	39
Petani	12	43
Peniaga	5	18
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.36. Graf Bilangan Responden Mengikut Pekerjaan



Daripada graf diatas menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan, hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 11 responden atau (39) peratus ialah pelajar, manakala petani seramai 12 responden atau (43) peratus. Selebihnya 5 orang responden (18) peratus ialah sebagai peniaga. Jumlah ini menunjukkan bahawa penerima zakat yang paling ramai di BAZDA Kerinci ialah petani.

4.6.1.5 Status Perkahwinan Responden

Jadual 4.84. Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kahwin	15	53.6
Belum kahwin	12	42.9
Janda/Balu	1	3.5
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 15 responden (53.6) peratus telah berkahwin, manakala 12 responden atau (42.9) peratus belum berkahwin dan 1 orang responden (3.5) peratus ialah balu. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai menerima zakat dari BAZDA Kerinci ialah mereka yang telah berkahwin sama ada sebagai petani maupun sebagai peniaga.

4.6.1.6 Alamat Responden

Jadual 4.85. Taburan Responden Mengikut Alamat

Alamat Tinggal	Bilangan Responden	Peratus (%)
Depati Tujuh	8	28.6
Seitinjau Laut	12	42.8
Danau Kerinci	8	28.6
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Item tempat tinggal dibahagikan kepada 3 kawasan iaitu Depati Tujuh, Seitinja Laut dan Danau Kerinci. Hasil kajian mendapati bahawa responden yang paling ramai ialah daripada kawasan Seitinja Laut iaitu 12 orang atau (42.8) peratus, manakala bagi kedua kawasan sama ada Depati Tujuh dan Danau Kerinci ialah 8 orang responden pada tiap-tiap kawasan atau (28.8) peratus. Daripada jumlah ini penerima zakat yang paling ramai ialah mereka yang berada pada kawasan Seitinja Laut.

4.6.1.7 Pendapatan Bulanan Responden

Jadual 4.86. Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan

Pendapatan Bulanan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kurang dari Rp 599,000	17	61
Rp 600,000 - Rp 699,000	2	7
Rp 700,000 - Rp 799,000	4	14.3
Rp 800,000 - Rp 899,000	3	10.7
Rp 900,000 - Rp 999,000	2	7
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan taburan responden mengikut pendapatan bulanan. Analisis data menunjukkan majoriti responden ialah berpendapatan kurang dari Rp 599.000 iaitu seramai 17 responden atau (61) peratus, manakala responden yang berpendapatan Rp 600,000 - Rp 699,000 ialah seramai 2 orang responden atau (7) peratus. 4 orang responden berpendapatan dalam kitaran Rp 700,000 - Rp 799,000. Selebihnya 3 orang responden (10.7) peratus dengan pendapatan bulanan dalam kitaran Rp 800,000 - Rp 899,000 dan 2 orang responden dengan pendapatan Rp 900,000 - Rp 999,000. Daripada jumlah ini responden dengan pendapatan kurang dari Rp 599,000 ialah yang paling ramai menerima zakat daripada BAZDA Kerinci iaitu daripada kumpulan pelajar sama ada pelajar sekolah menengah mahupun pelajar daripada tingkat atas (SMU).

4.6.1.8 Perbelanjaan Bulanan Responden

Jadual 4.87. Taburan Responden Mengikut Perbelanjaan Bulanan

Perbelanjaan Bulanan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kurang dari Rp 499,000	12	42.9
Rp 500,000 - Rp 599,000	5	17.9
Rp 600,000 - Rp 699,000	3	10.7
Rp 700,000 - Rp 799,000	1	3.5
Rp 800,000 - Rp 899,000	7	25.0
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan taburan responden mengikut perbelanjaan bulanan. Hasil analisis penulis mendapati bahawa seramai 12 orang responden (42.9) peratus jumlah perbelanjaan bulanan mereka kurang dari Rp 499,000 diikuti 5 responden (17.9) peratus dengan jumlah perbelanjaan bulanan Rp 500,000 - Rp 599,000. Manakala 3 responden atau (10.7) peratus ialah dengan perbelanjaan bulanan Rp 600,000 - Rp 699,000. 1 orang responden dengan jumlah perbelanjaan bulanan iaitu Rp 700,000 - Rp 799,000. Selebihnya 7 orang responden dengan jumlah perbelanjaan bulanan Rp 800,000 - Rp 899,000. Daripada jumlah ini responden dengan perbelanjaan bulanan kurang dari Rp 499,000,- ialah yang paling ramai menerima zakat daripada BAZDA Kerinci.


4.6.1.9 Jumlah tanggungan

Jadual 4.88. Taburan Responden mengikut jumlah tanggungan

Jenis Zakat	Bilangan Responden	Peratus (%)
0-2 orang	23	82.1
3-4 orang	4	14.3
5-6 orang	1	3.6
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.37. Graf Bilangan Responden Mengikut Jumlah tanggungan



Daripada graf diatas menunjukkan taburan responden mengikut jumlah tanggungan. Hasil daripada soal selidik mendapati bahawa majoriti responden yang menerima zakat daripada BAZDA Kerinci ialah mereka yang mempunyai tanggungan 0-2 orang iaitu seramai 23 responden atau (82.1) peratus. Selebihnya mereka dengan jumlah tanggungan 3-4 orang dengan jumlah responden seramai 4 atau (14.3). dan 5-6 orang tanggungan iaitu 1 orang responden (3.6) peratus. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai menerima zakat daripada BAZDA Kerinci ialah mereka yang mempunyai tanggungan 0-2 orang.


4.6.1.10 Jenis zakat yang diterima

Jadual 4.89. Jenis zakat yang diterima responden

Jenis Agihan BAZDA	Responden	Peratus
Bantuan wang	13	46.4
Peralatan sekolah	6	21.4
Bantuan lembu	7	25.0
Bedah rumah	2	7.1
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.38. Graf Jenis zakat yang diterima responden



Graf diatas menunjukkan bahawa adapun jenis agihan zakat yang diberikan BAZDA Kerinci kepada mustahik antaranya berupa wang seramai 13 responden (4.64) peratus, bantuan berupa perlatan sekolah seramai 6 orang responden (21.4) peratus. Manakala bantuan berupa lembu seramai 7 orang penerima atau (25.0) selebihnya 2 orang responden menerima bantuan perbaikan rumah. Daripada jumlah ini responden yang paling ramai menerima zakat daripada BAZDA Kerinci ialah berupa bantuan wang.


4.6.1.11 Lama Menerima Zakat

Jadual 4.90. Taburan Responden Mengikut Lama Menerima Zakat

Lama Menerima Zakat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kurang dari 1 tahun	13	46.4
1-2 tahun	15	53.6
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.39. Graf Lama menerima zakat



Daripada graf diatas menunjukkan taburan responden mengikut lama menerima zakat. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden menerima zakat daripada BAZDA Kerinci ialah dalam masa 1 hingga 2 tahun iaitu seramai 15 responden atau (53.6) peratus, diikuti 13 orang responden (46.4) peratus dengan lamanya menerima zakat dalam masa kurang dari 1 tahun. Daripada jumlah ini

didapati bahawa responden yang paling ramai menerima zakat daripada BAZDA Kerinci dalam jangka masa kurang dari 1 tahun.


4.6.1.12 Bantuan zakat dalam satu keluarga

Jadual 4.91. Taburan Responden Mengikut bantuan zakat

Zakat tiap keluarga	Bilangan Responden	Peratus (%)
1 orang	27	96.4
2 orang	1	3.6
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.40. Graf Jumlah penerima zakat dalam tiap keluarga



Daripada graf diatas menunjukkan bahawa majoriti responden menerima bantuan zakat daripada BAZDA Kerinci ialah seramai 27 responden (94.6) peratus dengan jumlah penerima 1 orang sahaja bagi tiap-tiap keluarga. Selebihnya terdapat 1 orang responden (3.6) peratus yang menyatakan menerima bantuan zakat daripada BAZDA Kerinci lebih daripada 1 orang. Hasil analisis penulis medapati bahawa majoriti yang menerima zakat daripada BAZDA Kerinci ialah mereka dengan jumlah tanggungan kurang dari 2 orang. Namun terdapat 1 keluarga yang mendapat bantuan zakat lebih dari 1 orang dengan jumlah tanggungan seramai 5 hingga 6 orang.


4.6.1.13 Golongan asnaf yang menerima zakat

Jadual 4.92. Taburan Responden Mengikut asnaf

Jenis asnaf	Bilangan Responden	Peratus (%)
Fakir miskin	14	50.0
Fisabilillah	12	42.9
Gharimin	2	7.1
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.41. Graf Golongan asnaf yang menerima zakat



Graf diatas menunjukkan bahawa seramai 14 responden (50.0) peratus daripada asnaf fakir dan miskin. Manakala 12 responden (42.9) peratus daripada asnaf fisabilillah. Selebihnya seramai 2 orang responden daripada asnaf gharimin. Daripada jumlah ini mendapat bahawa responden yang paling ramai menerima zakat deripada BAZDA Kerinci ialah merupakan asnaf fakir miskin. Hal ini selari dengan matlamat utama penubuhan BAZDA Kerinci ialah ikut serta dalam membantu usaha kerajaan dalam pembangunan ekonomi dan pembasmian kemiskinan selain membantu golongan asnaf yang lain.

4.6.1.14 Jenis bantuan zakat yang diterima

Jadual 4.93. Jenis bantuan zakat yang diterima

Jenis zakat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Produktif	12	42.9
Konsumtif	16	57.1
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa majoriti responden yang menerima bantuan zakat daripada BAZDA Kerinci ialah berupa bantuan konsumtif iaitu 16 orang responden (57.1) peratus. Manakala 12 responden (42.9) peratus merupakan bantuan yang bersifat produktif. Daripada jumlah ini menunjukkan bahawa responden yang paling ramai menerima bantuan zakat BAZDA Kerinci ialah berupa bantuan konsumtif. Adapun jenis bantuan konsumtif yang diberikan antaranya ialah perlatan sekolah dan bantuan perbaikan rumah, manakala bantuan yang berbentuk produktif antaranya ialah bantuan wang, bantuan lembu dan bantuan kepada para peniaga makanan ringan.

4.6.1.15 Jangka masa menerima zakat

Jadual 4.94. Jangka masa responden menerima zakat BAZDA

Jangka masa	Bilangan Responden	Peratus (%)
1 tahun sekali	23	82.1
1 bulan sekali	5	17.9
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa majotiri responden iaitu seramai 23 (82.1) responden menyatakan menerima zakat daripada BAZDA Kerinci 1 tahun sekali. Manakala 5 orang responden (17.9) peratus menyatakan menerima zakat daripada BAZDA Kerinci 1 bulan sekali. Daripada jumlah ini mendapati bahawa majoriti responden menerima zakat daripada BAZDA Kerinci iaitu 1 tahun sekali. Bantuan tahunan yang diberikan BAZDA Kerinci kepada mustahik berupa bantuan bibit lembu, bantuan pinjaman kepada para peniaga dan lainnya. Manakala bantuan yang diberikan dalam tempoh 1 bulan sekali antaranya bantuan beasiswa, bantuan pembangunan insan dan lain sebagainya, namun begitu tempoh bantuan yang

diberikan kepada penerima bergantung pada keadaan semasa dengan melihat asnaf mana yang lebih memerlukan.²¹⁵

4.6.1.16 Jumlah zakat yang diterima

Jadual 4.95. Butiran zakat yang diterima

Jenis zakat	Butiran	Responden	Peratus (%)
Peralatan Wang	Bag, buku dan pakain	6	21.4
	Rp 10,000,000	2	7.1
	Rp 2000.000	1	3.6
	Rp 1500,000	5	17.8
	Rp 1000.000	1	3.6
	Rp 700,000	2	7.1
	Rp 500.000	1	3.6
	Rp 250.000	1	3.6
	Rp 150.000	2	7.2
Bantuan lembu		7	25.0
Jumlah		28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa jumlah agihan yang paling ramai diterima oleh responden ialah bantuan berupa wang iaitu seramai 13 responden. Manakala bantuan lembu seramai 7 orang responden (25.0) peratus. Selebihnya berupa bantuan peralatan sekolah yang diberikan BAZDA Kerinci kepada pelajar. Daripada jumlah ini menunjukkan bahawa jumlah bantuan yang paling ramai diterima oleh BAZDA Kerinci ialah berupa bantuan kewangan iaitu dalam kitaran Rp 150.000 hingga Rp 10,000,000 yang diberikan pada tiap-tiap responden.

4.6.1.17 Bantuan lain selain BAZDA Kerinci


Jadual 4.96. Bantuan lain Selain daripada BAZDA Kerinci

Bantuan selain BAZDA	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	10	35.7
Tidak	18	64.3
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

²¹⁵Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 14 Januari 2013.

Rajah 4.42. Graf Bantuan lain selain BAZDA Kerinci



Daripada graf diatas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 18 responden (64.3) peratus menyatakan tidak menerima bantuan lain selain dariapda BAZDA Kerinci. Manakala seramai 10 responden (35.7) peratus menyatakan pernah menerima zakat selain daripada BAZDA Kerinci. Daripada jumlah ini menunjukkan bahawa responden yang menyatakan tidak menerima zakat selain daripada BAZDA Kerinci cukup ramai jika dibandingkan dengan bilangan responden yang menerima bantuan selain daripada BAZDA Kerinci. Hasil analisis penulis mendapati bahawa jenis bantuan yang diterima responden selain daripada BAZDA Kerinci antaranya bantuan beras bagi masyarakat miskin (RASKIN) dan Bantuan Operasional Sekolah (BOS) bagi penerima dari golongan pelajar.²¹⁶

4.6.2. Persepsi terhadap BAZDA

4.6.2.1 Penerimaan Zakat

4.6.2.1 (a). Adakah zakat yang anda terima dapat membantu anda?

Jadual 4.97. Bantuan zakat dapat membantu responden

Bantuan zakat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	28	100.0
Tidak	-	-
Jumlah	28	100.0

²¹⁶Nurhayati (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa keseluruhan responden menyatakan bahawa bantuan zakat yang diberikan oleh BAZDA Kerinci dapat membantu mereka. Sepertimana yang dinyatakan oleh salah seorang responden bahawa bantuan yang diberikan BAZDA Kerinci sedikit sebanyak telah mampu mengurangkan beban hidup mereka, namun masih belum mampu mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.²¹⁷

4.6.2.1 (b). Adakah zakat yang diberikan sampai kepada asnaf yang lain?

Jadual 4.98. Bantuan zakat sampai kepada asnaf yang lain

Bantuan zakat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	14	50.0
Tidak	9	32.1
Tiada Jawapan	5	17.9
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 14 responden (50.0) peratus menyatakan bahawa bantuan yang diberikan oleh BAZDA Kerinci sampai kepada golongan asnaf yang lain. Manakala seramai 9 responden (32.1) menyatakan bahawa bantuan zakat yang diberikan BAZDA Kerinci tidak sampai kepada golongan asnaf yang lain. Selebihnya seramai 5 orang responden (17.9) peratus tiada memberikan jawapan. Daripada jumlah ini didapati bahawa responden menyatakan bahawa agihan yang diberikan BAZDA Kerinci sampai kepada golongan asnaf yang lain lebih ramai jika dibandingkan dengan jumlah responden yang menyatakan tidak sampai. Keadaan ini menunjukkan bahawa maklumat yang berkaitan dengan agihan zakat tidak sampai secara meluas kepada masyarakat. Hasil pemerhatian penulis mendapati cukup ramai responden yang tidak mengetahui bantuan zakat juga

²¹⁷ Lahmuddin (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 17 Januari 2013.

diberikan kepada golongan asnaf yang lain. Untuk itu pihak BAZDA Kerinci perlu mencari langkah-langkah terbaik agar maklumat mengenai bantuan zakat dapat sampai secara menyeluruh kepada mustahik.

4.6.2.1 (c). Adakah zakat yang diberikan cepat dan tepat masanya?

Jadual 4.99. Bantuan zakat cepat dan tepat

Bantuan zakat cepat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	14	50.0
Tidak	10	35.7
Tiada Jawapan	4	14.3
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 14 (50.0) peratus menyatakan bahawa zakat yang diberikan BAZDA Kerinci cepat dan tepat pada waktunya. Manakala 10 responden (35.7) peratus menyatakan bahawa zakat yang diberikan BAZDA Kerinci lambat dan tidak tepat pada masanya. Selebihnya terdapat seramai 4 responden atau (14.3) peratus tiada memberikan jawapan. Salah satu alasan mustahik iaitu zakat yang diberikan BAZDA Kerinci selain cepat dan tepat, bantuan zakat yang diberikan juga mudah kerana pihak BAZDA Kerinci yang langsung mengagihkan bantuan zakat ke tempat mereka berada. Manakala mereka yang menyatakan tidak dengan alasan bahawa bantuan yang diberikan BAZDA Kerinci lambat dan tidak tepat pada masa. Melalui temubual penulis dengan pengurus BAZDA menyatakan bahawa terdapat pelbagai program agihan yang memerlukan kajian dan semakan semula sebelum pemohon mendapatkan kelulusan antara lain bantuan rumah, bibit lembu dan modal usaha tani. Ini dilakukan agar zakat yang diagihkan benar-benar tepat kepada mereka-mereka

yang berkelayakan.²¹⁸ Namun begitu pihak BAZDA terus mencari menyelesaian terbaik agar persoalan ini tidak timbul dimasa yang akan datang.

4.6.2.1(d). Adakah maklumat mengenai bantuan zakat sampai kepada semua golongan asnaf ditempat anda ?

Jadual 4.100. Maklumat mengenai zakat

Maklumat zakat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	8	28.6
Tidak	20	71.4
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 20 (71.4) peratus menyatakan bahawa maklumat mengenai bantuan zakat tidak sampai kepada seluruh asnaf ditempat mereka. Manakala selebihnya iaitu 8 responden (28.6) peratus menyatakan maklumat mengenai bantuan zakat sampai kepada seluruh golongan asnaf ditempat mereka. Jumlah ini menunjukkan bahawa yang menyatakan tidak sampai lebih ramai daripada yang menyatakan sampai. Hasil analisis penulis pada sesetengah kawasan mendapati bahawa mereka yang menyatakan maklumat mengenai bantuan zakat tidak sampai kepada seluruh penerima zakat (asnaf) ditempat mereka dengan alasan bahawa selama ini mereka tidak tahu bahawa ada bantuan dan program seumpama ini dari BAZDA Kerinci, maklumat mengenai zakat hanya diterima dari ketua kampung.²¹⁹ Manakala responden yang menyatakan sampai dengan alasan bahawa maklumat mengenai zakat dapat diterima secara jelas oleh golongan asnaf ditempat mereka. Maklumat

²¹⁸ Akhiaruddin Hamid (Timbalan Ketua 2 BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 27 Januari 2013.

²¹⁹ Misnawati (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 22 Februari 2013.

mengenai zakat diterima mereka melalui pelbagai bentuk antaranya ceramah agama dan maklumat daripada ketua kampung.²²⁰

4.6.2.2 Perkhidmatan di BAZDA

4.6.2.2 (a). Adakah pegawai yang bertugas sudi membantu anda dan menjalankan tugasnya dengan efisien?

Jadual 4.101 Pegawai Yang Bertugas Sudi Membantu		
Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	19	67.9
Tidak	6	21.4
Tiada Jawapan	3	10.7
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan 19 orang responden atau (67.9) peratus menyatakan bahawa pegawai yang bertugas sudi membantu mereka dan menjalankan tugas mereka dengan efisien. Selebihnya seramai 6 orang responden atau (21.4) peratus menyatakan bahawa petugas tidak membantu dan menjalankan tugas dengan efisien. Manakala seramai 3 orang responden atau (10.7) peratus tiada memberikan jawapan. Hasil analisis penulis mendapati bahawa salah satu alasan mereka menyatakan tidak ialah pihak BAZDA Kerinci dipandang lambat menyelesaikan aduan dan keluhan mereka. Walaupun peratus yang menyatakan “tidak” lebih kecil daripada jumlah responden yang menyatakan “ya” namun persoalan ini perlu diambil kira oleh BAZDA Kerinci agar persoalan ini dapat diatasi dimasa datang.

4.6.2.2 (b). Adakah pegawai yang bertugas memiliki pengetahuan terhadap tugas yang dijalankan ?


²²⁰Syafrizal Hamid (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

Jadual 4.102. Pegawai Yang Bertugas Memeliki Pengetahuan

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	24	85.7
Tidak	4	14.3
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.43. Graf Pegawai Memeliki Pengetahuan



Daripada graf diatas dapat diketahui bahawa bilangan responden yang menyatakan petugas memeliki pengetahuan terhadap tugas yang dijalankan iaitu seramai 24 orang (85.7) peratus. Selebihnya menyatakan bahwa pegawai yang bertugas tidak memeliki pengetahuan terhadap tugas yang dijalankan iaitu 4 orang responden (14.3). Jumlah ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyatakan bahawa petugas BAZDA Kerinci memeliki pengetahuan dan kepakaran dalam menjalankan tugas. Salah satu alasan mereka ialah selain petugas zakat memeliki pengetahuan tentang zakat mereka juga memeliki kepahaman dalam hal pengurusan dan pentadbiran zakat. Namun begitu terdapat 4 orang responden yang menyatakan petugas tidak memeliki kepakaran terhadap tugas yang dijalankan. Hal ini diakui oleh pihak BAZDA Kerinci sendiri yang menyatakan salah satu alasannya ialah dalam penentuan pegawai zakat di BAZDA Kerinci tidak hanya ditentukan oleh mereka akan tetapi berasaskan putusan Bupati Kerinci sehingga menyebabkan ada sebahagian dari kakitangan BAZDA Kerinci yang tidak berkemahiran terhadap

tugas yang dijalankan. Selain itu kekurangan kakitangan juga menyebabkan terjadinya pertindihan tugas dan pelaksanaan tugas diluar kuasanya. Namun begitu pihak BAZDA Kerinci terus melakukan pembinaan terhadap kakitangan dengan cara menghantar mereka untuk mengikuti seminar-seminar mengenai zakat dan studi perbandingan ke beberapa institusi zakat.²²¹


4.6.2.2 (c). Adakah pegawai yang bertugas bersedia memberikan maklumat apabila diminta oleh muzakki ?

Jadual 4.103. Pegawai bersedia memberikan maklumat bila diminta

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	21	75.0
Tidak	7	25.0
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.44. Graf Petugas Bersedia Memberikan Maklumat Bila diminta



Graf diatas menunjukkan seramai 21(75.0) peratus responden menyatakan bahawa pihak BAZDA Kerinci bersedia memberikan maklumat apabila diminta. Manakala selebihnya iaitu 7 orang responden atau (25.0) peratus menyatakan bahawa pihak BAZDA Kerinci tidak bersedia memberikan maklumat bila diminta. Jumlah ini menunjukkan bahawa responden yang menyatakan pihak BAZDA Kerinci bersedia

²²¹Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 22 Januari 2013.

memberikan maklumat bila diminta lebih ramai jika dibandingkan yang menyatakan tidak. Hasil analisis penulis mendapat terdapat sebilangan responden yang meminta maklumat mengenai kadar agihan dan tempoh lanjutan agihan. Namun tidak diberikan atas beberapa alasan. Ini diakui sendiri oleh kakitangan BAZDA yang berlasan bahawa terdapat perbezaan jumlah agihan setiap pemohon dengan melihat keadaan di lapangan, selain itu petugas yang memberikan agihan kelapangan tidak semua mengetahui maklumat dan butiran lengkap tentang kriteria-kriteria penerima dan kadar agihan, ini dikeranakan pegawai yang bertugas bukan merupakan Ahli jawatan kuasa khas, namun merupakan tenaga sukarela seperti pegawai masjid dan ketua-ketua kampong. Manakala tempoh lanjutan agihan tidak dapat dipastikan sebelum mesyuarat diadakan.²²²

4.6.2.2 (d). Adakah pegawai yang bertugas menepati masa apabila temujanji sudah dilakukan ?

Jadual 4.104. Pegawai Yang Bertugas Menepati Masa

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	21	62.5
Tidak	7	37.5
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas ini menunjukkan bahawa seramai 21 orang atau (62.5) peratus responden menyatakan bahawa petugas menepati masa apabila temu janji sudah dilakukan. Manakala selebihnya iaitu 7 orang responden (37.5) peratus menyatakan bahawa pegawai yang bertugas tidak menepati masa apabila temu janji sudah dilakukan. Walaupun bilangan yang menyatakan pegawai yang bertugas tidak menepati masa apabila temujanji sudah dilakukan sedikit dari pada yang menyatakan pegawai yang bertugas mudah dihubungi. Namun hal ini perlu diambil kira oleh

²²² Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 23 Januari 2013.

pegawai zakat. Misalnya memberikan maklum balas kepada mereka sekiranya temujanji tidak dapat dilakukan.


4.6.2.2 (e). Adakah pegawai yang bertugas mudah dihubungi ?

Jadual 4.105. Pegawai Yang Bertugas Mudah Dihubungi

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	16	57.1
Tidak	12	42.9
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.45 Graf Petugas Bertugas Mudah Dihubungi



Daripada graf diatas dapat diketahui bahawa seramai 16 orang responden (57.1) peratus menyatakan bahawa pegawai zakat di BAZDA Kerinci mudah dihubungi dan dijumpai. Manakala selebihnya menyatakan bahawa pegawai zakat tidak mudah dihubungi iaitu seramai 12 orang (42.9) peratus. Salah satu alasan mereka yang menyatakan sulit untuk menghubungi pegawai zakat ialah tidak ada nombor telefon pejabat khas zakat yang dapat dihubungi secara langsung selain jauhnya jarak tempat tinggal mereka dengan pusat zakat BAZDA Kerinci, Manakala yang menyatakan mudah dihubungi dengan alasan jarak tempat tinggal mereka dekat dengan pusat zakat BAZDA Kerinci, selain itu mereka juga dengan mudah menghubungi kakitangan BAZDA Kerinci melalui bantuan ketua-ketua kampung.²²³

²²³ Aliarni (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 24 Januari 2013

4.6.3. FAKTOR YANG BERKAITAN DENGAN PROMOSI

4.6.3.1. Pengetahuan Penerima Terhadap Promosi


4.6.3.1 (a). Adakah anda mengetahui promosi zakat yang dilakukan oleh pihak BAZDA?

Jadual 4.106. Mengetahui Promosi BAZDA

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	11	39.3
Tidak	13	46.4
Tiada Jawapan	4	14.3
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.46. Graf Mengetahui Promosi Zakat BAZDA



Graf diatas menunjukkan bahawa seramai 11 orang responden (39.3) peratus menyatakan mengetahui akan promosi yang dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci. Manakala 13 orang responden (46.4) peratus orang menyatakan tidak mengetahui promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci. Selebihnya terdapat 4 orang responden yang tidak memberikan jawapan sama ada mereka tidak mengetahui promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci atau tidak mengambil berat perkara ini.

4.6.3.1 (b). Adakah promosi zakat yang dilakukan BAZDA sampai kepada anda?

Jadual 4.107. Promosi agihan zakat sampai

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	11	39.3
Tidak	17	60.7
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 11 orang responden (39.3) peratus menyatakan bahawa promosi agihan zakat yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci sampai kepada mereka. Manakala seramai 17 responden (60.7) peratus menyatakan bahawa promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci tidak sampai kepada mereka. Daripada jumlah ini menunjukkan bahawa yang menyatakan promosi tidak sampai lebih ramai jika dibandingkan dengan responden yang menyatakan promosi agihan zakat BAZDA Kerinci sampai kepada mereka. Adapun bentuk promosi yang sampai kepada mereka antaranya iaitu ceramah agama, kain rentang dan penyebaran risalah.

4.6.3.1 (c). Adakah anda tertarik dengan promosi zakat yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci?

Jadual 4.108. Promosi zakat yang menarik bagi responden

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	9	32
Tidak	17	61
Tiada Jawapan	2	7
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahwa majoriti 17 responden (61) peratus menyatakan bahawa mereka tidak tertarik dengan promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci. Manakala seramai 9 responden (32) peratus menyatakan tertarik dengan promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci. Selebihnya terdapat 2

orang responden (7) peratus tiada memberikan jawapan. Jumlah ini menunjukkan bahawa responden yang tertarik dengan promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci lebih sedikit jika dibandingkan dengan mereka yang tidak tertarik dengan promosi zakat oleh BAZDA Kerinci. Melihat keadaan ini pihak BAZDA Kerinci perlu mengambil berat persoalan ini dan mencari jalan penyelesaian lain berkaitan dengan promosi, agar dimasa yang datang promosi tidak hanya sampai secara meluas kepada mereka namun promosi tersebut juga mampu menarik minat mereka untuk membuat permohonan sebagai penerima zakat melalui institusi ini.


4.6.3.1 (d). Jelaskan Jenis promosi Tersebut?

Jadual 4.109. Jenis Promosi Yang Menarik Minat Responden

Jenis Promosi	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ceramah Agama	6	21.4
Perbincangan dan Dialog	1	3.6
Seminar	0	0
Kain rentang	2	7.1
Penyebaran risalah	0	0
Tiada Jawapan	19	67.9
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.47. Graf Promosi Yang Menarik Minat Responden



Graf diatas menunjukkan bahawa seramai 6 orang responden (21.4) peratus tertarik dengan ceramah agama, begitu juga dengan promosi yang berkaitan dengan perbincangan dan dialog seramai 1 orang responden atau (3.6.) peratus tertarik dengan promosi tersebut. Selebihnya seramai 2 orang responden (7.1) tertarik dengan kain rentang. Manakala bagi program seminar dan penyebaran risalah tiada responden yang tertarik dengan program promosi ini. Selebihnya 19 orang responden (67.9) peratus responden tiada memberikan jawapan sama ada mereka tidak tertarik dengan program ini atau tiada mengambil berat akan persoalan ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa minat responden terhadap promosi yang dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci cukup kecil, Justeru itu pihak BAZDA Kerinci perlu mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan, agar dimasa yang akan datang promosi dan penyebaran maklumat mengenai zakat mampu menarik minat responden.

4.6.3.1 (e). Adakah BAZDA Melakukan Promosi Dalam Bentuk berikut?

Jadual 4.110. Promosi yang dilakukan oleh BAZDA

Jenis Promosi	Promosi sampai		Tiada Jawapan		Jumlah Responden	Peratus (%)
	(X)	%	(-)	%		
Ceramah agama	6	21.4	22	78.6	28	100.0
Perbincangan	1	3.6	27	96.4	28	100.0
Seminar	0	0	28	100	28	100.0
Kain rentang	3	10.7	25	89.3	28	100.0
Risalah	1	3.6	27	96.4	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Citatan: (X) Promosi Sampai
 (-) Tiada Jawapan

Pada bahagian ini terdapat 6 bentuk promosi yang telah dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci antaranya ceramah agama, perbincangan dan dialog, seminar, kain rentang dan penyebaran risalah. Bagi mengatahui pelaksanaan promosi berkenaan

responden diminta untuk menandakan sama ada promosi itu sampai kepada mereka atau tidak. Dalam hal ini responden boleh menandai lebih dari satu. Hasil kajian mendapati bahawa untuk ceramah agama 6 orang responden menandakan pelaksanaan promosi tersebut manakala 22 orang tidak memberikan jawapan. Bagi perbincangan dan dialog 1 responden telah menandakan pelaksanaan promosi tersebut manakala selebihnya seramai 27 orang tidak memberikan jawapan. Untuk seminar semua responden tiada memberikan jawapan bagi program ini. Bagi promosi melalui kain rentang pula terdapat seramai 3 orang responden menandakan pelaksanaan promosi ini selebihnya seramai 25 orang responden tidak memberikan jawapan. Bagi penyebaran risalah hanya 1 orang responden menandakan program ini selebihnya 27 responden tidak memberikan jawapan.

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat 6 orang responden menyatakan pernah/mengetahui/mendengar program seumpama ini. Program ceramah yang dianjurkan ini biasanya mereka dengar saat pengagihan dana zakat yang diagih langsung di pejabat BAZDA Kerinci Sungai Penuh.

Bagi program perbincangan dan dialog didapati hanya 1 orang responden menyatakan pernah/mengetahui dan mendengar program seumpama ini. Manakala bagi program seminar kesemua responden tiada memberikan jawapan bagi program ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa program seminar yang dilaksanakan di BAZDA Kerinci tidak sampai kepada responden.

Bagi promosi melalui kain rentang pula terdapat seramai 3 responden menyatakan pernah/mengetahui/mendengar program tersebut. Hasil temubual penulis dengan salah seorang responden menyatakan bahawa melalui kain rentang pihak BAZDA Kerinci dapat menyebarkan maklumat kepada masyarakat luas tentang institusi zakat. Namun pelaksanaan program ini dilihat masih belum mencukupi, ini

kerana kain rentang hanya terdapat di pejabat zakat sahaja, manakala diluar Bandar belum terlihat kain rentang milik BAZDA Kerinci.²²⁴

Bagi program penyebaran risalah terdapat seramai 1 orang menyatakan pernah/mengetahui/mendengar program seumpama ini. Salah seorang responden manyatakan risalah yang diedarkan BAZDA Kerinci didapatkan di salah satu masjid iaitu Baitulrahman yang memaparkan ayat-ayat tentang seruan berzakat serta kaunter-kaunter pembayaran zakat. Melalui risalah ini responden dapat mengetahui akan institusi zakat ini, selanjutnya menghubungi pusat zakat dan membuat permohonan sebagai penerima zakat.²²⁵

Rumusan dari program promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci mendapati bahawa sebahagian promosi yang dilaksanakan sampai dan diterima oleh responden, namun begitu masih ramai responden yang tidak memberikan jawaban yang oleh penulis menggabungkan mereka kepada kumpulan yang tiada menerima promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci. Melihat keadaan ini, pihak BAZDA Kerinci perlu meningkatkan lagi promosi dan penyebaran maklumat mereka kepada masyarakat agar promosi yang dilaksanakan sampai dan berjaya kepada matlamat.

4.6.3.1 (f). Apakah bentuk promosi yang menarik minat anda?

Jadual 4.111. Promosi Yang Menarik Minat responden

Jenis Promosi	Promosi sampai		Tiada Jawapan		Jumlah Responden	Peratus (%)
	(X)	%	(-)	%		
Ceramah agama	7	25.0	21	75.0	28	100.0
Perbincangan	2	7.1	26	92.9	28	100.0
Seminar	0	0	28	100	28	100.0
Kain rentang	2	7.1	26	92.9	28	100.0
Risalah	0	0	28	100	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

²²⁴Saleh Umar (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 19 Februari 2013.

²²⁵Zuliani (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

Hasil analisis mendapati bahawa seramai 7 orang responden (25.0) peratus menyatakan tertarik dengan program ceramah agama yang dianjurkan oleh BAZDA Kerinci manakala 21 (75.0) peratus responden tidak memberikan jawapan. Bagi program perbincangan dan dialog didapati seramai 2 responden (7.1) peratus tertarik dengan promosi yang disampaikan oleh BAZDA Kerinci. Manakala 26 orang responden tiada memberikan jawapan. Salah satu alasan tertarik dengan program ini ialah melalui perbincangan dan dialog mustahik dapat bersemuka langsung dengan pengurusi BAZDA Kerinci.²²⁶

Manakala bagi program seminar didapati bahawa semua responden tiada memberikan jawapan. Bagi program kain rentang seramai 2 orang responden atau (71.1) peratus tertarik dengan program ini selebihnya 26 orang tiada tertarik dengan program yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci. Begitu juga dengan program penyebaran risalah didapati kesemua responden menyatakan tidak tertarik dengan program seumpama ini.

Rumusan dari program promosi yang dijalankan oleh BAZDA Kerinci mendapati bahawa sebahagian promosi yang dilaksanakan BAZDA Kerinci menarik minat responden, antaranya ialah melalui ceramah agama perbincangan dan kain rentang. Namun begitu didapati cukup ramai responden yang tidak tertarik dengan promosi yang dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci. Melihat keadaan ini pihak BAZDA Kerinci perlu meningkatkan lagi promosi dan penyebaran maklumat kepada masyarakat agar promosi yang dilaksanakan sampai dan berjaya kepada matlamat. Selain itu pihak BAZDA perlu mencari langkah-langkah lain yang berkaitan dengan promosi selain mengekalkan bentuk promosi yang ada. Matlamatnya ialah agar

²²⁶Mulyadi (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 7 Februari 2013.

promosi yang dijalankan tidak hanya sampai namun mampu menarik minat responden.

4.6.3.1 (g). Adakah promosi BAZDA Kerinci sudah mencukupi?

Jadual 4.112. Promosi BAZDA Mencukupi

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	8	28.6
Tidak	20	71.4
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas dapat diketahui bahawa seramai 8 responden atau (28.6) peratus menyatakan bahawa program promosi yang dijangan oleh BAZDA Kerinci mencukupi. Selebihnya iaitu seramai 20 responden (71.4) peratus menyatakan bahawa program promosi yang dilaksanakan BAZDA Kerinci tidak mencukupi. Daripada jumlah ini responden yang menyatakan tidak mencukupi lebih ramai jika dibandingkan dengan responden yang menyatakan mencukupi. Salah satu alasan mereka ialah promosi yang dilaksanakan oleh BAZDA Kerinci tidak sampai secara menyeluruh kepada muzakki, makluman mengenai zakat hanya didapatkan daripada ketua kampung dan dari mulut kemulut dimana makluman tersebut amatlah terhad. Manakala responden yang menyatakan mencukupi ialah melalui program ceramah, perbincangan dan dialog menurut mereka selain meningkatkan kepahaman mereka mengenai zakat, mereka juga dapat bersemuka secara langsung dengan pengurus BAZDA Kerinci dan menjelaskan segala bentuk aduan para penerima zakat.

4.6.3.1 (h). Jika ya atau tidak jelaskan mengapa?

Jadual 4.113. Alasan responden menyatakan Pilihan

Ya/Tidak	Alasan	Responden	Peratus
Ya	Promosi sampai	8	28.6
Tidak	Tidak ada promosi	11	39.3
	Promosi tidak memuaskan	3	10.7
	Promosi tidak menyeluruh	6	21.4
Jumlah		28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 8 orang responden (28.6) peratus menyatakan bahawa promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci sampai kepada mereka. Manakala 20 responden menyatakan “tidak” untuk soalan ini dengan pelbagai alasan, 11 orang responden (39.3) peratus menyatakan bahawa tidak ada promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci sampai kepada mereka, promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci tidak memuaskan iaitu 3 orang responden (10.7) peratus. Manakala 6 orang responden (21.4) menyatakan promosi BAZDA Kerinci tidak menyeluruh. Daripada jumlah ini didapati bahawa jumlah responden yang memilih “tidak” lebih ramai iaitu 20 orang responden jika dibandingkan dengan responden yang menyatakan “ya”. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa promosi yang dijalankan oleh pihak BAZDA kerinci selama ini terbukti belum mencukupi dalam menarik minat para mustahik zakat untuk membuat permohonan. Untuk itu suatu pelan promosi yang berkesan perlu dilakukan oleh BAZDA Kerinci dimasa yang akan datang guna memberi kemudahan maklumat yang lebih baik kepada mustahik.

4.6.3.2. Penerimaan penerima zakat terhadap promosi

4.6.3.2 (a). Adakah Anda akan mengunjungi BAZDA Kerinci setelah mengetahui promosi zakat yang dilakukan oleh mereka?

Jadual 4.114. Responden mengunjungi BAZDA setelah promosi

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	23	82.1
Tidak	5	17.9
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas dapat diketahui bahawa seramai 23 orang responen (82.1) peratus menyatakan “Ya” bagi soalan ini, manakala selebihnya seramai 5 orang responden (17.9) menyatakan “tidak”. Dari jumlah ini bilangan yang menyatakan “ya” lebih ramai jika dibandingkan dengan responden yang menyatakan “tidak”. Keadaan ini menunjukkan cukup tinggi hasrat responden untuk mengunjungi BAZDA Kerinci sekiranya mereka mengetahui promosi yang dilakukan oleh BAZDA Kerinci.


4.6.3.2 (b). Adakah Anda berminat mengetahui lebih banyak maklumat berkaitan dengan promosi zakat BAZDA?

Jadual 4.115. Responden berminat mengetahui maklumat

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	18	64.3
Tidak	10	35.7
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.48. Graf Minat responden mengetahui maklumat



Daripada graf diatas dapat diketahui bahawa seramai 18 responden (64.3) peratus menyatakan berminat mengetahui lebih banyak maklumat berkaitan promosi agihan zakat. Manakala selebihnya iaitu 10 responden (35.7) menyatakan tidak berminat. Keadaan ini menunjukkan cukup tinggi minat para responden untuk mengetahui maklumat yang berkaitan dengan promosi agihan zakat jika dibandingkan dengan responden yang tidak berminat. Majoriti responden menyatakan bahawa minat mereka ialah terkait dengan pelaksanaan agihan zakat yang dijalankan di BAZDA Kerinci berapakah dana zakat yang diagihkan dan kepada siapa sahaja peruntukan itu diberikan.²²⁷


4.6.3.2 (c). Adakah Anda akan mengabarkan orang lain tentang promosi agihan zakat di BAZDA Kerinci?

Jadual 4.116. Responden mengabarkan kepada orang lain

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	21	75.0
Tidak	7	25.0
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.49. Graf Responden mengabarkan kepada orang lain



²²⁷Hasdarni (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2013.

Graf diatas menerangkan bahawa seramai 21 orang responden atau (75.0) menyatakan akan mengabarkan kepada orang lain tentang promosi agihan zakat di BAZDA Kerinci. Situasi ini menunjukkan tingkat keprihatinan mustahik cukup tinggi. Salah satu alasannya ialah dengan mengabarkan maklumat ini kepada orang lain dengan harapan mereka dapat membuat permohonan langsung keapda BAZDA Kerinci sebagai calon penerima zakat dan selanjutnya bantuan yang diberikan BAZDA Kerinci dapat meringankan beban hidup mustahik yang lain.²²⁸ Namun begitu terdapat sebilangan responden yang memberikan jawapan “tidak” iaitu seramai 7 orang responden atau (25.0) peratus sama ada mereka enggan mengabarkan kepada orang lain atau tidak mengambil berat perkara ini.

4.6.4. Masalah Yang dihadapi Oleh Responden

4.6.4.1 Adakah borang agihan zakat mudah diperolehi ?

Jadual 4.117. Borang zakat mudah di perolehi

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	8	28.6
Tidak	15	53.6
Tiada Jawapan	5	17.8
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 18 atau (28.6) peratus menyatakan bahawa borang agihan zakat di BAZDA Kerinci adalah mudah diperolehi. Manakala 15 responden (53.6) peratus menyatakan bahawa borang agihan zakat tidak mudah diperolehi. Selebihnya 5 orang responden (17.8) peratus tiada memberikan jawapan. Jumlah ini menunjukkan bahawa jumlah yang menyatakan mudah diperolehi lebih ramai jika dibandingkan dengan menyatakan “tidak” namun perbezaan itu tidaklah begitu ketara sekali. Temubual penulis dengan salah seorang

²²⁸Ginarto (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2013.

responden menyatakan bahawa borang agihan zakat dapat dengan mudah di perolehi sama ada melalui ketua kampung, pegawai ugama mahupun langsung kepejabat BAZDA.²²⁹ Manakala yang menyatakan tidak dengan pelbagai alasan antaranya maklumat yang tidak jelas, jarak dengan institusi zakat yang jauh dan jumlah borang agihan zakat yang terhad.²³⁰

4.6.4.2. Adakah borang agihan zakat mudah dipahami dan mempunyai arahan yang jelas ?

Jadual 4.118 Borang agihan zakat mudah difahami

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	25	89.3
Tidak	3	10.7
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 25 (89.3) peratus menyatakan bahawa borang agihan zakat di BAZDA Kerinci ialah mudah dan mempunyai arahan yang jelas. Manakala 3 orang responden (10.7) peratus menyatakan tidak. Jumlah ini menunjukkan bahawa yang menyatakan mudah dipahami dan mempunyai arahan yang jelas lebih banyak dari responden yang menyatakan tidak. Temubual penulis dengan salah seorang responden menyatakan bahawa borang agihan zakat di BAZDA Kerinci adalah mudah. Mustahik hanya diminta untuk menjelaskan nama, umur, pekerjaan dan alamat tempat tinggal dan nombor talian yang mudah dihubungi kemudian tandatangan daripada ketua kampung sebagai pengesahan sebelum borang diserahkan kepada pegawai BAZDA Kerinci.²³¹

²²⁹Napiyah (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 7 Februari 2013.

²³⁰Darmanto (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 15 Februari 2013.

²³¹Abdul Salis (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 13 Februari 2013.

**4.6.4.3. Adakah Amil yang menguruskan agihan zakat
menjalankan tugasnya dengan efektif ?**

Jadual 4.119. Amil menjalankan tugas agihan dengan efektif

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	22	78.6
Tidak	6	21.4
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas dapat diketahui bahawa seramai 22 orang responden (78.6) peratus menyatakan bahawa amil yang menguruskan zakat di BAZDA Kerinci telah menjalankan tugasnya dengan efektif sama ada dalam bentuk agihan zakat dan juga penentuan mustahik. Namun begitu terdapat sebilangan responden iaitu 6 orang atau (21.4) peratus yang menyatakan bahawa pengurus BAZDA Kerinci tidak menjalankan tugasnya secara efektif. Salah satu alasan mereka ialah pihak BAZDA Kerinci jarang memantau dan meneliti semula setelah memberikan agihan zakat kepada mustahik sehingga sulit bagi mereka untuk membuat aduan terhadap masalah ini. Melihat keadaan ini pihak BAZDA Kerinci perlu mencari langkah-langkah terbaik bagi menyelesaikan persoalan ini.

4.6.4.4. Tempoh untuk mendaftar mudah dan cepat ?

Jadual 4.120. Tempoh membuat permohonan mudah dan cepat

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	12	42.9
Tidak	16	57.1
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa terdapat seramai 12 orang responden atau (42.9) peratus menyatakan tempoh membuat permohonan bagi mendaftar penerima zakat adalah mudah dan cepat. Manakala 16 responden (57.1) peratus menyatakan

“tidak” bagi soalan ini. Jumlah ini menunjukkan bahawa bilangan responden yang menyatakan “tidak” lebih ramai jika dibandingankan dengan responden yang menyatakan “ya”. Analisis penulis mendapati bahawa terdapat pelbagai alasan responden yang menyatakan “tidak” antaranya ialah maklumat pendaftaran zakat yang tidak jelas. Sulitnya mendapatkan borang pendaftaran, selain itu jarak institusi zakat dengan pusat zakat yang cukup jauh membuat mustahik kesulitan membuat permohonan sebagai penerima zakat. Manakala responden yang menyatakan “ya” dengan alasan pendaftaran zakat tidak mengambil masa yang lama pemohon hanya diminta mengisi borang yang ditanda tangan oleh ketua kampung, selain itu ada sesetengah responden yang dibantu oleh pegawai ugama tempatan untuk mendaftarkan mereka sebagai calon penerima zakat. Keadaan ini menunjukkan bahawa maklumat mengenai pendaftaran zakat tidak sampai secara menyeluruh kepada penerima, oleh itu pihak BAZDA Kerinci perlu melakukan pelbagai pendekatan bagi mengatasi persoalan ini, antaranya pihak BAZDA Kerinci perlu memperbanyak borang agihan zakat, selain itu pihak BAZDA Kerinci perlu membuat kerjasama dengan pelbagai pihak antaranya melalui pegawai ugama disetiap kampung bagi membantu mustahik untuk membuat pendaftaran sebagai penerima zakat.

4.6.4.5. Tempoh kelulusan tidak mengambil masa yang lama ?

Jadual 4.121. Tempoh mendapat kelulusan Agihan

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	18	64.3
Tidak	8	28.6
Tiada Jawapan	2	7.1
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas menunjukkan bahawa majoriti responden seramai 18 orang (64.3) peratus menyatakan bahawa tempoh mendapatkan kelulusan mengenai zakat mengambil masa yang lama. Manakala 8 orang responden (28.6) peratus menyatakan tidak mengambil masa yang lama. Selebihnya 2 orang responden tiada memberikan jawapan. Jumlah ini menunjukkan bahawa bilangan responden yang menyatakan “ya” lebih ramai jika dibandingkan dengan responden yang menyatakan “tidak”. Hasil temubual penulis dengan salah seorang responden menyatakan terdapat pelbagai bentuk agihan yang diberikan oleh BAZDA Kerinci yang tidak mengambil masa yang lama untuk mendapatkan kelulusan antaranya agihan berbentuk kecemasan seperti bantuan tanah runtuh, kebakaran, banjir dan sebagainya. Manakala bantuan yang berbentuk modal mengambil tempoh yang agak lama.²³² Hal ini di akui oleh pihak BAZDA Kerinci yang menyatakan bahawa kelulusan agihan mengikut kepada keperluan individu dan keadaan semasa kerana pihaknya ingin memastikan hanya golongan asnaf yang layak menerimanya.²³³

4.6.4.6. Pernahkah membuat aduan kepada BAZDA ?

Jadual 4.122. Aduan kepada BAZDA

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	9	32
Tidak	13	47
Tiada Jawapan	6	21
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada Jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 9 responden (32) peratus menyatakan pernah membuat aduan berkaitan masalah yang dihadapi. Manakala seramai 13 orang responden (47) peratus menyatakan tidak pernah membuat adauan kepada BAZDA Kerinci. Selebihnya 6 responden (21) peratus tiada

²³²Ria Sandra (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2013.

²³³H. Basrial Syah (Pengetua BAZDA Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 18 Februari 2013.

memberikan jawapan. Hasil kajian penulis mendapati beberapa bentuk aduan yang diberikan kepada BAZDA Kerinci antaranya ialah berkaitan masalah agihan zakat yang diberikan antaranya bantuan lembu yang diberikan kepada mustahik mudah dijangkiti penyakit sehingga memerlukan belanja perawatan, selain itu ada juga membuat aduan bahawa tempoh bagi mendapatkan kelulusan dalam menerima zakat dan jangka masa menerima zakat yang agak lama. Melihat keadaan ini sudah sewajarnya pihak BAZDA Kerinci mencari langkah-langkah terbaik bagi menyelesaikan persoalan ini diantaranya perlu mempercepat proses kelulusan pendaftaran zakat, mengkaji kembali bentuk agihan zakat khususnya zakat lembu bali kepada lembu tempatan dan jangka masa menerima zakat hendaknya dibuat dengan jelas.

4.6.4.7. Adakah BAZDA memberikan tidak balas terhadap aduan ?

Jadual 4.123. Tindak balas terhadap aduan yang dibuat

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	4	14.3
Tidak	18	64.3
Tidak ada jawapan	6	21.4
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Daripada jadual diatas dapat diketahui bahawa seramai 4 orang responden (14.3) menyatakan pihak BAZDA Kerinci telah memberikan maklum balas terhadap aduan yang diberikan. Manakala 18 orang responden (64.3) peratus menyatakan “tidak” bagi soalan ini. Selebihnya seramai 6 orang responden (21.4) peratus tiada memberikan jawapan. Hasil analisis penulis mendapati daripada 9 aduan yang dibuat oleh responden 4 diantaranya menyatakan bahawa pihak BAZDA Kerinci telah memberikan maklum balas terhadap aduan secara bersemuka dan perbincangan

dengan para mustahik. Seperti yang dijelaskan oleh salah seorang responden bagi bantuan lembu yang menyatakan pihak BAZDA Kerinci telah meninjau langsung ketempat mustahik serta mendatangkan doktor haiwan bagi memberikan injeksi kesihatan terhadap ternakan yang sakit. Selain itu pihak BAZDA kerinci juga mencadangkan beberapa pendekatan bagi mempercepat proses pendaftaran zakat.²³⁴

4.6.4.8. Adakah pihak BAZDA Kerinci menyelesaikan aduan dengan efektif?

Jadual 4.124. Menyelesaikan aduan dengan efektif

Ya/Tidak	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	2	7.1
Tidak	11	39.3
Tidak ada jawapan	15	53.6
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Dari jadual diatas menunjukkan bahawa seramai 2 orang responden atau (7.1) peratus menyatakan bahawa BAZDA Kerinci telah menyelesaikan aduan yang dibuat dengan efektif. Manakala 11 responden menyatakan “tidak” bagi soalan ini, selebihnya seramai 15 responden atau (53.6) peratus tiada memberikan jawapan. Hasil analisis penulis mendapati bahawa daripada 9 aduan yang telah dibuat oleh responden sebelumnya, 4 diantaranya mendapat maklum balas daripada BAZDA Kerinci, dan daripada 4 maklum balas tersebut 2 diantaranya telah diselesaikan dengan efektif. Salah satu alasan mustahik ialah pihak BAZDA Kerinci telah menghantar doktor haiwan bagi memberikan injeksi kesihatan terhadap ternakan yang sakit secara percuma.²³⁵ Manakala 2 orang responden menyatakan walaupun pihak BAZDA Kerinci telah memberikan injeksi kesihatan bagi haiwan yang sakit

²³⁴Mustapa (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 19 Februari 2013.

²³⁵Marwin (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 19 Februari 2013.

namun ianya tidak dilakukan penilaian semula sehingga ada haiwan yang telah diberikan injeksi, kembali sakit dan memerlukan biaya perawatan yang ditanggung oleh mustahik. Melihat keadaan ini pihak BAZDA Kerinci perlu melakukan pendekatan terbaru bagi menyelesaikan persoalan ini misalnya membuat program penilaian semula dan kajian keberkesanan. Kajian keberkesanan ini penting untuk mengetahui sejauhmana bantuan yang diagihkan dapat membantu mereka kearah yang lebih baik.

4.6.5. Masalah Lain Yang dihadapi, Saran dan usulan

4.6.5.1 Nyatakan masalah lain yang anda hadapi selaku


penerima zakat ?

Jadual 4.125. Masalah lain yang dihadapi responden

Masalah yang dihadapi	Responden	Peratus
Bantuan lembu yang diberikan mudah dijangkitipenyakit	5	17.9
Sulit mendapatkan maklum balas terhadap aduan	3	10.7
Kurang maklumat mengenai bantuan zakat	3	10.7
Tiada masalah	17	60.7
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Rajah 4.50 Masalah lain yang dihadapi responden



Daripada graf diatas menunjukkan bahawa seramai 5 orang responden (17.9) peratus menyatakan bahawa bantuan lembu yang diberikan mudah dijangkiti penyakit. 3 orang responden (10.7) peratus menyatakan bahawa mereka sulit mendapatkan maklum balas terhadap aduan yang dibuat. Manakala 3 orang responden (10.7) peratus menyatakan bahawa maklumat mengenai bantuan zakat kurang. Selebihnya seramai 17 responden (60.7) peratus responden menyatakan tiada masalah. Walaupun jumlah responden yang membuat aduan sedikit jika dibandingkan dengan responden yang menyatakan tiada masalah. Namun begitu persolan ini perlu diambil berat oleh pengurus BAZDA Kerinci, serta mencari langkah-langkah terbaik agar dimasa yang datang persoalan ini dapat diatasi dengan baik.

4.6.5.2. Nyatakan saran dan usulan anda untuk

**menambahbaik pelaksanaan agihan zakat di BAZDA
Kerinci ?**

Jadual 4.126. Saran Dan Usulan Responden

Saran dan Usulan	Responden	Peratus
Bantuan tambahan	10	35.7
Tingkatkan promosi dan penyebaran maklumat	4	14.3
Jangka masa menerima zakat	3	10.7
Menyelesaikan aduan dengan cepat	3	10.7
Minta bantuan lembu tempatan	5	17.9
Tiada jawapan	3	10.7
Jumlah	28	100.0

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-22 Februari 2013.

Jadual diatas menunjukkan bahawa majoriti seramai 10 orang responden (35.7) peratus mencadangkan agar BAZDA Kerinci memberikan bantuan tambahan. 4 orang responden (14.3) peratus menyatakan bahawa pihak BAZDA Kerinci perlu meningkatkan promosi dan penyebaran maklumat. Seramai 3 orang responden (10.7) peratus memberikan saran dan usulan agar jangka masa menerima zakat hendaknya

dapat dipersingkat. menyelesaikan aduan yang diberikan dengan cepat juga disarankan oleh 3 orang responden atau (10.7) peratus. Manakala 5 orang responden (17.9) peratus memberi saran dan usulan agar pihak BAZDA Kerinci dapat mengkaji kembali bantuan lembu yang diberikan untuk digantikan kepada lembu tempatan. Selebihnya 3 orang responden (10.7) peratus tiada memberikan jawapan. Keadaan ini menunjukkan pihak BAZDA kerinci perlu mengkaji semula jumlah agihan yang diberikan kepada responden agar bantuan yang diberikan tidak hanya dapat membantu mereka memenuhi keperluan semasa namun dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Pelbagai bentuk promosi dan penyebaran maklumat perlu ditingkatkan selain mengekalkan promosi-promosi yang telah dilaksanakan sebelumnya, serta dapat menyelesaikan aduan yang diberikan BAZDA Kerinci dengan lebih cepat. Selain itu pihak BAZDA kerinci perlu mengakaji semula bantuan lembu yang diberikan kepada mustahik kepada lembu tempatan, karena bantuan lembu yang diberikan sebelumnya didapati mudah terserang penyakit.

4.7 Kesimpulan

Secara umumnya pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci telah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan kepadanya mengikut bidang kuasa yang telah diberikan mengikut hukum syara'. Perkara ini disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh BAZDA Kerinci khasnya bahagian zakat yang tidak putus-putus menggandakan usaha bagi meningkatkan jumlah kutipan zakat setiap tahun.

Pengkaji telah menghuraikan secara terperinci dapatan kajian berdasarkan instrumen kajian yang telah digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Instrumen

kajian tersebut adalah soal selidik responden, set soalan kepada muzakki dan mustahik, selain itu juga temubual bersama pengurus BAZDA Kerinci.

Perbincangan dan analisis data ini memberikan penjelasan yang mendalam mengenai pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci. Selain daripada itu juga, analisis juga dipusatkan kepada promosi dan penyebaran maklumat sama ada kepada muzakki mahupun mustahik zakat serta pelbagai masalah yang dihadapi.

Secara kesimpulan penulis dapat bahawa pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci adalah berkesan, ini dapat dilihat daripada jumlah kutipan zakat yang menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Ini membolehkan pihak BAZDA Kerinci dapat merancang lagi mengagihkan harta zakat yang diperolehi dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Selain itu daripada jumlah pendapatan yang mencatatkan peningkatan, jumlah perbelanjaan dan jumlah penerima zakat juga turut meningkat dari setahun kesetahun. Jika diteliti didapati hanya 7 kategori asnaf yang menjadi tumpuan dalam proses pengagihan wang zakat di BAZDA Kerinci tanpa melibatkan asnaf Riqab. Daripada jumlah tersebut asnaf fakir miskin memperolehi agihan yang paling banyak, manakala agihan yang paling sedikit iaitu asnaf Ibnu shabil.

Selanjutnya bagi meningkatkan jumlah kutipan zakat pelbagai usaha telah dilakukan oleh BAZDA Kerinci seperti meningkatkan sumber manusia pegawai BAZDA Kerinci melalui kajian perbandingan antar institusi zakat, memperluas ejen kutipan zakat, meningkatkan kempen zakat dan lain sebagainya. Kerjasama dengan pelbagai pihak juga terus digalakkan. Matlamatnya ialah memberikan kemudahan kepada muzakki dan mustahik.

Walaupun pihak BAZDA Kerinci telah melakukan pelbagai usaha dalam konteks kutipan dan agihan zakat namun ia tidak boleh lari dari pelbagai masalah dan

cabaran yang perlu dihadapi, namun begitu pihak BAZDA Kerinci terus melakukan perbaikan dan mencari langkah yang tepat agar persoalan ini dapat diatasi di masa-masa yang akan datang.

BAB V **KESIMPULAN**

5.1 RUMUSAN

PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT

Daripada penganalisaan penulis terhadap BAZDA Kerinci, pengkaji mendapati bahawa sistim pelaksanaan kutipan zakat menunjukkan kematangan dalam hal jumlah kutipan zakat. Ini dapat dibuktikan dengan meningkatnya jumlah kutipan zakat dari setahun kesetahun. Berdasarkan pemerhatian dan fakta-fakta yang telah dikaji, didapati telah berlaku peningkatan dalam jumlah pungutan zakat dalam jangkamasa 5 tahun (2008-2012). Perkara ini secara tidak langsung dapat menunjukkan juga peningkatan bilangan pengeluar zakat yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Namun peningkatan ini masih belum dapat dibanggakan kerana ianya masih belum selari dengan jumlah masyarakat Islam yang berhak membayar zakat di Kabupaten Kerinci.

Daripada pemerhatian penulis didapati bahawa zakat yang dilaksanakan di BAZDA Kerinci hanya dipusatkan kepada zakat pendapatan, bantuan infak dan sedekah dari masyarakat sahaja. Padahal selain itu masih terdapat pelbagai jenis zakat yang berpotensi untuk dikumpulkan. Seperti zakat emas, perak, perniagaan dan sebagainya. Untuk itu BAZDA Kerinci di harapkan dapat mencari langkah-langkah yang tepat dan berkesan agar ditahun-tahun berikutnya BAZDA Kerinci dapat mengutip jenis-jenis zakat yang lain bagi meningkatkan jumlah dana zakat.

Berdasarkan pemerhatian penulis terdapat tiga keadah kutipan zakat dilaksanakan di BAZDA Kerinci iaitu melalui unit zakat, bayaran terus melalui BAZDA Kerinci dan bayaran melalui ejen bank. Namun dari ketiga kaedah itu,

penulis mendapati bahawa jumlah bayaran zakat melalui unit pengumpul zakat amat membarangsangkan dari setahun kesetahun, untuk itu pihak BAZDA Kerinci hendaknya dapat menambah jumlah unit pengumpul zakat di pelbagai kawasan. Kerana setakat ini BAZDA Kerinci telah menubuhkan 37 unit pungumpul zakat yang terdapat di 5 Kecamatan, manakala Kabupaten Kerinci memiliki 12 Kecamatan. Jika BAZDA Kerinci dapat menubuhkan unit zakat di semua Kecamatan yang ada, maka ianya dapat berpotensi menambah jumlah zakat yang akan dikutip. Kajian ini juga mendapati bahawa kecekapan pengurusan institusi zakat terutamanya aspek agihan zakat adalah penting dalam mempengaruhi kutipan zakat. Oleh itu institusi zakat perlu menunjukkan kecekapan dan ketelusan mereka dalam mengagihkan wang zakat bagi memastikan masyarakat akan membayar zakat kepadanya.

Usaha perlu dilakukan bagi mengelakkan masyarakat membayar zakat terus kepada asnaf kerana pembayaran terus kepada asnaf akan menyebabkan bocoran dalam kutipan zakat. Ini akan menyebabkan jumlah kutipan oleh institusi zakat berkurang dan seterusnya mengurangkan agihan kepada asnaf. Pihak institusi zakat diharapkan dapat mempertingkatkan lagi kepahaman masyarakat tentang keutamaan berzakat kepada badan amil zakat melalui kempen, penerangan dan sebagainya. Kerana pengumpulan dan pengagihan zakat tidak dapat dilakukan mengikut kehendak individu semata-mata, ianya diserahkan kepada negara dan diurus oleh lembaga tertentu yang mampu melaksanakan agihan zakat secara merata kepada asnaf-asnaf zakat.²³⁶ Kerana berkemungkinan agihan zakat yang dibayar langsung kepada penerima hanya dipusatkan kepada salah satu asnaf sahaja.

²³⁶ Yusuf Qardhawi, *Bagaimana Mengatasi Masalah Ekonomi Dalam Islam*. terj, Nur Habib Elmehbub c.1. (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2009), 132.

Pihak institusi zakat perlu meningkatkan lagi kepentingan masyarakat Islam di Kerinci melalui pelbagai cara termasuklah penerangan, ceramah, kempena dan sebagainya terutama kepada sektor swasta kerana aktiviti ceramah dan penerangan merupakan tunjang kepada sebuah institusi untuk menggalakan masyarakat membayar zakat. Oleh itu pelbagai program dan aktiviti perlu diatur sepanjang tahun bertujuan untuk menyebarluaskan pemahaman zakat kepada seramai mungkin umat Islam agar mewujudkan ummah yang arif tentang ibadah rukun ini. Hasil analisis penulis mendapati bahawa kempena BAZDA Kerinci mengenai zakat masih belum mencukupi bagi menarik minat para responden. Oleh itu pihak BAZDA Kerinci perlu mencari kaedah-kaedah terbaik agar dimasa-masa yang akan datang kempena zakat mampu menarik lebih ramai para muzakki untuk membayar zakat mereka melalui BAZDA Kerinci.

PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT

Dengan adanya pertambahan jumlah kutipan zakat oleh BAZDA Kerinci dalam tiap-tiap tahun turut mempengaruhi dan memperancakkan lagi proses pengagihan wang zakat kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya. Ini ditunjukkan dengan bertambahnya jumlah mustahik dalam setahun ke setahun. Pengagihan zakat yang dilakukan oleh institusi ini ialah kepada delapan asnaf, hal ini bersesuaian dengan tuntutan syarak dan UU no 38 Tahun 1999 tentang pengurusan zakat yang menyebutkan bahawa yang berhak menerima zakat ialah asnaf fakir, miskin, amil, mu'allaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnu shabil. Walaupun demikian dalam pengagihan zakat kepada mustahik BAZDA Kerinci hanya mengagihkan kepada 7 asnaf sahaja tanpa melibatkan asnaf riqab.

Pengagihan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kelulusan setelah pihak BAZDA Kerinci melakukan tinjauan lapangan sebelumnya. Dalam mengagihkan zakat kepada penerima dilihat tidak sama rata, kerana ia bergantung dan bersesuaian dengan keperluan semasa. Dari Analisis penulis mendapati bahawa peruntukan yang paling banyak ialah kepada asnaf fakir miskin ini selari dengan matlamat utama penubuhan BAZDA Kerinci iaitu ikut serta dalam membantu usaha kerajaan dalam pembangunan ekonomi dan pembasmian kemiskinan masyarakat dan ianya bersesuaian dengan Undang-undang no 38 tahun 1999 pasal 28 ayat 1 pemamfaatan hasil pengumpulan zakat berasaskan pada skala keutamaan keperluan mustahik dan dapat di mamfaatkan untuk usaha produktif.

Sepanjang pemerhatian penulis mengadakan proses soal selidik dikalangan penerima zakat khasnya bagi asnaf fakir miskin mendapati bahawa ada sebagian daripada masyarakat yang terlepas daripada bancian sebagai penerima zakat walaupun penulis dapati bahawa mereka juga layak menerima bantuan zakat. Selain daripada itu perlu adanya lawatan susulan oleh pihak yang terlibat dalam urusan pengagihan dana zakat. Hal ini bertujuan agar bantuan yang diberikan dapat membantu memperbaiki taraf hidup asnaf penerima. Sesetengah golongan penerima zakat seolah-olah diabaikan setelah menerima bantuan zakat tanpa adanya pengamatan susulan oleh pihak yang terlibat. Akibatnya, ada dikalangan mereka terus menjalani hidup yang kurang memuaskan walaupun telah menerima bantuan.

Selain itu dari analisis penulis mendapati terdapat pelbagai masalah yang telah dibuat oleh penerima zakat antaranya; maklumat mengenai bantuan zakat, ketepatan masa dalam menerima zakat, borang agihan zakat, tempoh membuat permohonan dan kelulusan penerima zakat serta tindak balas terhadap aduan yang

dibuat. Melihat persoalan ini sudah semestinya pihak BAZDA Kerinci perlu mencari penyelesaian terbaik. Agar persoalan yang sama tidak timbul dikemudian hari.

Sepanjang proses penganalisaan data-data hasil kutipan dan pengagihan dana zakat di Kerinci kadangkala penulis bertembung dengan situasi dimana terdapat percanggahan data tahunan yang dikeluarkan oleh pihak BAZDA Kerinci. Percanggahan maklumat ini tentunya menyukarkan proses penganalisaan yang dibuat dan boleh menimbulkan kekeliruan dalam menentukan data yang tepat. Penyelaras dalam bentuk laporan tahunan mengenai data kutipan dan agihan zakat hendaknya perlu diwujudkan agar tidak timbul permasalahan dimasa yang akan datang.

MASALAH DAN CABARAN YANG DI HADAPI

Daripada pemerhatian penulis di lapangan mendapati bahawa terdapat pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh BAZDA kerinci dalam menjalankan tugas pelaksanaan kutipan dan agihan zakat. Masalah dan cabaran tersebut dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu;

1. Masalah Internal (Dalam)

- i. BAZDA Kerinci belum memeliki pejabat zakat secara persendirian. Manakala pejabat yang digunakan BAZDA Kerinci bagi menjalankan tugas pelaksanaan kutipan dan agihan zakat setakat ini ialah pejabat sewa yang dibayar setiap satu tahun sekali.
- ii. Kekurangan kakitangan dan tenaga sukarelawan. Kekurangan kakitangan dan tenaga sukarelawan dalam urusan kutipan dan agihan zakat dan ia tidak seimbang dengan jumlah pembayar yang semakin bertambah. Kekurangan

kakitangan ini akan memberikan kesan yang besar terhadap pentadbiran dan urusan penyelenggaraan kerja yang semakin bertambah sejajar dengan jumlah kutipan zakat.

- iii. Kemudahan asas penyelenggaraan yang masih minimum. Kurangnya kemudahan asas yang dimiliki institusi zakat BAZDA Kerinci sedikit sebanyak akan mengganggu kelancaran proses pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang dijalankan. Dalam hal pengamatan kawasan misalnya pihak BAZDA Kerinci terpaksa menggunakan kenderaan persendirian, kerana belum tersedianya kenderaan persendirian milik BAZDA kerinci.
- iv. Bantuan operasional yang relatif kecil. Bantuan operasional yang diberikan oleh PEMDA (Pemerintah Daerah) masih relatif kecil jika dibandingkan dengan jumlah kos pengurusan. Persoalan ini menyebabkan BAZDA Kerinci terpaksa menggunakan hasil kutipan bagi menampung kos pengurusan tersebut.

2. Masalah Eksternal (Luaran)

1. Masih ramai ahli profesional dan korporat yang belum membayar zakat melalui BAZDA Kerinci.
2. Bayaran tanpa mengikut saluran rasmi.

Masyarakat muslim di Kabupaten Kerinci dilihat masih menggunakan kaedah lama dalam membayar zakat mereka, iaitu terus melalui mustahik, melalui guru-guru pengajian dan membayar ke masjid. Amalan ini akan menimbulkan persaingan kepada institusi formal zakat untuk menarik lebih ramai pembayar zakat secara berpusat. Tindakan ini secara tidak langsung akan mengakibatkan jumlah kutipan yang diperolehi oleh BAZDA Kerinci berkurangan walaupun ramai individu yang membayar zakat.

3. Hampir semua institusi kerajaan dan swasta memiliki kegiatan dan pengagihan zakat secara persendirian.

5.2. CADANGAN-CADANGAN

Adalah menjadi harapan penulis agar institusi ini lebih cemerlang dimasa-masa yang akan datang sama ada dalam kutipan mahupun dalam bentuk agihan zakat selari dengan itu dapat membantu masyarakat di negeri Kerinci dimasa-masa yang akan datang. Antara saranan penulis ialah:

1. Menambah Jumlah Bilangan Kakitangan

Kakitangan merupakan satu faktor yang amat penting dalam menentukan kejayaan segala dasar dan usaha yang dijalankan oleh sesuatu organisasi. Bagi memastikan langkah-langkah yang diambil tidak menjaskan oleh faktor-faktor kakitangan, pihak pengurusan BAZDA Kerinci perlu menentukan segala perkara berkaitan dengan kakitangan ditangani dengan sewajarnya. Antara faktor yang berkaitan dengan kakitangan yang perlu diambil kira ialah:

1. Bilangan kakitangan

Bilangan kakitangan yang mencukupi perlu bagi memastikan kelancaran sesuatu program. Kekurangan kakitangan boleh mengakibatkan tanggungan berlebihan kerana bebanan tugas terpaksa dilakukan oleh sebilangan pekerja yang sedikit. Masalah ini turut menyebabkan berlaku pertindihan tugas dan pelaksanaan tugas diluar kuasanya. Oleh itu pihak institusi zakat BAZDA Kerinci perlu memastikan ia tidak menghadapi masalah bilangan kakitangan yang tidak mencukupi dalam mengendalikan segala aktivitinya.

2. Latihan Kakitangan

Kelancaran program yang dijalankan juga berkait rapat dengan pengawasan dan pemantauan pegawai yang terlibat. Kemahiran dan latihan pegawai-pegawai adalah penting bagi memastikan program yang diatur berjalan dengan lancar. Persoalan yang perlu diajukan kepada pihak BAZDA Kerinci ialah sama ada latihan kakitangan yang diberikan dapat memberikan impak yang optimum dalam membantu BAZDA Kerinci mengubah kehidupan golongan asnaf.

2. Program kerjasama antar badan-badan kerajaan dan swasta.

Usaha untuk modenisasi pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang lebih baik dan berkesan dimasa-masa yang akan datang tidak akan berjaya sekiranya tidak wujud kerjasama ataupun bantuan daripada badan-badan kerajaan mahupun swasta. Contohnya dalam pengagihan dana zakat, melalui kerjasama dengan pelbagai pihak dapat mengetahui dan sekaligus mengelak terjadinya pertindihan dalam pemberian bantuan kepada mustahik. Selain itu melalui kerjasama yang diwujudkan dapat membantu BAZDA Kerinci dalam memberikan maklumat terperinci kepada muzakki dan mustahik baik yang berada dibandar mahupun diluar bandar. Selain itu masalah pembahagian dana zakat dan kekurangan pegawai yang menjalankan aktiviti pemantauan dapat diatasi apabila kerjasama antara badan-badan kerajaan lain dan swasta dapat diwujudkan.

3. Laman Webb BAZDA Kerinci

Selaras dengan perkembangan teknologi, laman webb amat penting digunakan bagi mana-mana institusi termasuklah instituisi zakat BAZDA Kerinci

bagi menyebarluaskan maklumat mengenai perkembangan terkini, perkhidmatan dan fungsi-fungsinya dengan cara lebih baik dan cepat. Hasil kajian mendapati bahawa BAZDA Kerinci telah melakukan upaya ini dalam usaha menyebarluaskan maklumat kepada muzakki dan mustahik zakat, namun laman webb yang dibuat didapati tidak dikemaskini dengan baik dari semasa-kesemasa, selain itu sebahagian nombor yang dimuat tidak dapat dihubungi. Persoalan ini sedikit sebanyak tentu akan melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pengguna. Untuk itu pihak BAZDA Kerinci perlu menyelaraskan laman webb dan mekemaskini setiap laporan sama ada dalam bentuk bulanan mahupun tahunan. Selain itu perlu dimuat nombor-nombor talian pejabat forum online, pembayaran zakat secara online, alamat email dan sebagainya. Melalui kaedah ini persoalan yang dihadapi oleh muzakki dan mustahik sedikit sebanyak dapat diatasi.

4. Memperbanyak UPZ (Unit Pengumpul Zakat)

Dalam usaha meningkatkan jumlah kutipan zakat dalam setiap tahun, pihak BAZDA Kerinci perlu memperbanyak lagi jumlah UPZ yang tidak hanya terdapat di pusat Bandar dan sekolah-sekolah sahaja, namun ianya perlu diperluaskan ke serata daerah meliputi kawasan bandar dan desa. Hal ini disebabkan wilayah Kerinci yang luas dan muzakki tersebar dipelbagai kawasan, suatu kesukaran bagi muzakki yang berada jauh dikampung-kampung dalam membayar zakat jika harus datang ke pusat Bandar.

5. Membuat penyata tahunan

Pihak BAZDA Kerinci perlu membuat penyata tahunan yang mengandungi laporan rasmi berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci. Penyata

yang dibuat selain memudahkan muzakki mengetahui laporan dalam setiap tahun, juga dapat meningkatkan keyakinan mereka terhadap institusi ini, kerana mereka dapat mengetahui kemanakah zakat mereka di agihkan. Penyata tahunan ini dapat dimuat sama ada dilaman sesawang mahupun dalam bentuk buletin dan dilampirkan pada tiap-tiap Unit Pengumpul Zakat (UPZ).

6. Program penilaian Semula dan Kajian Keberkesanan

Pihak pengurusi BAZDA Kerinci disarankan agar menjalankan kajian keberkesanan yang menyeluruh setiap tahun terhadap penerima bantuan. Kajian keberkesanan ini penting untuk mengetahui sejauhmana bantuan yang diagihkan berkesan dalam membantu mereka kearah yang lebih baik. Bantuan yang diberikan diharapkan tidak hanya dapat membantu mereka dalam sesaat namun yang lebih penting dapat mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan dan seterusnya dapat merubah status mustahik kepada muzakki.

7. Melaksanakan agihan secara Adil

Pengagihan yang dilakukan mestalah dibuat secara adil dan berdasarkan kepada kemashlahatan umum. Selain itu kakitangan zakat hendaknya dapat mempertingkatkan siasatan terhadap permohonan yang dibuat. Hal ini mengelak terjadinya penyelewengan dalam penyaluran dana zakat. Tanpa adanya siasatan dan pengawasan yang efektif di khawatirkkan memberi ruang kepada segelintir masyarakat yang mengambil kesempatan harta zakat walaupun menyadari mereka tidak termasuk dalam kategori asnaf berhak menerimanya.

8. Meningkatkan kempen-kempen penyebaran maklumat kepada masyarakat

BAZDA Kerinci perlu perlu mencari langkah-langkah terbaik yang dapat memberikan motivasi kepada masyarakat agar mau membayar zakat melalui BAZDA Kerinci. Kempen-kempen kesedaran secara berterusan di kalangan masyarakat di negeri Kerinci hendaknya dapat dipertingkatkan. Hasil pengamatan penulis mendapati bahawa BAZDA Kerinci telah melaksanakan promosi dan penyebaran maklumat kepada muzakki dan mustahik melalui ceramah agama, perbincangan dan dialog, seminar, kain rentang dan penyebaran risalah. Namun begitu didapati bahawa promosi yang dilaksanakan tidak mencukupi dan menarik minat ramai para responden. Oleh itu pihak BAZDA Kerinci perlu mencari kaedah-kaedah terbaik selain mengekalkan program-program promosi yang ada. Selain itu sejajar dengan zaman teknologi maklumat pada masa kini, BAZDA Kerinci seharusnya mempergiatkan promosi melalui media elektronik kerana media ini dirasa lebih hampir dengan masyarakat.

9. Mengenalpasti sasaran kutipan dan agihan zakat

BAZDA Kerinci mestilah mempertingkatkan lagi usaha mengenalpasti sasaran zakat terhadap seluruh golongan masyarakat di Kerinci yang layak membayar zakat tidak hanya yang berada di bandar akan tetapi di peringkat kampung. Disamping itu bancian juga mestilah dijalankan terhadap kakitangan kerajaan, swasta, ahli-ahli perniagaan dan golongan profesional yang berpendapatan tinggi yang berpotensi untuk dikutip. Selain itu pihak BAZDA Kerinci hendaknya mengenalpasti sasaran agihan zakat dengan tepat, semakan semula terhadap borang permohonan mestilah dilakukan untuk mengelak dari berlakunya penyelewengan wang zakat. Selain itu pihak BAZDA Kerinci perlu melakukan tinjauan semula ke

tempat pemohon dan melihat keadaan masyarakat persekitaran sesiapa sahaja yang berhak menerima zakat. Pengamatan ini penting untuk mengelak masyarakat yang terlepas daripada bincian, kerana ada sesetengah masyarakat yang tidak membuat permohonan walaupun mereka layak menerima zakat.

10. Membuat jadual kerja pejabat dengan jelas

Pihak institusi zakat BAZDA Kerinci perlulah membuat jadual kerja pejabat dengan jelas dan terperinci sama ada di pusat zakat BAZDA Kerinci maupun di mana-mana Unit Pengumpul Zakat (UPZ), tujuannya ialah dapat memberikan kemudahan maklumat kepada masyarakat yang hendak berurusan dengan BAZDA Kerinci, kerana masyarakat dapat mengetahui dengan jelas bila waktu pejabat dibuka dan ditutup bagi menjalankan kerja-kerja mengenai kutipan dan agihan zakat tersebut.

11. Mempelbagaikan jenis agihan zakat

Bahagian unit zakat BAZDA kerinci mestinya dapat mempelbagaikan jenis bantuan zakat kepada asnaf agar bantuan yang diajukan boleh menghasilkan tambahan nilai dan bukan hanya dapat membantu mereka untuk tujuan sementara sahaja. Oleh itu beberapa program yang diamalkan oleh institusi-institusi zakat lain yang telah berjaya boleh dilaksanakan. Selain itu bagi penerima bantuan perniagaan misalnya, jangan hanya diberikan dalam bentuk material sahaja seperti wang tunai dan kelengkapan perniagaan. Namun yang lebih penting golongan ini hendaknya diberi latihan-latihan kemahiran untuk menjadi seorang usahawan. Program latihan keusahawanan seperti pengurusan perniagaan, pemasaran dan lain sebagainya perlulah didedahkan kepada mereka.

12. Bantuan tambahan

Bantuan zakat memberi impak yang signifikan kepada kualiti hidup golongan miskin. Suatu tindakan yang drastik perlu dilakukan untuk memastikan kualiti hidup mereka adalah terjamin sekurang-kurangnya mereka mendapatkan barang keperluan dan kecukupan. Nilai bantuan zakat perlu dinilai semula kerana didapati ramai golongan penerima zakat yang memohon pihak institusi memberikan bantuan tambahan, ini menunjukkan bahawa jumlah bantuan yang diberikan kecil berbanding dengan keperluan kehidupan semasa mereka. Pihak BAZDA Kerinci perlu memikirkan nilai bantuan serta kaedah agihan zakat yang sesuai agar kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan ke tahap yang sekurang-kurangnya memuaskan hati mereka. Tindakan ini adalah wajar untuk memastikan sekurang-kurangnya kualiti hidup mereka adalah baik setanding dengan masyarakat lain di Kerinci walaupun pendapatan mereka masih lagi dibawah paras kemiskinan. Bidang pendidikan juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak BAZDA Kerinci memandangkan ia adalah salah satu kaedah yang berkesan dalam membasmi kemiskinan.

13. Mempermudah proses pendaftaran

Bagi memudahkan masyarakat membuat permohonan sebagai penerima zakat di BAZDA Kerinci, pihak institusi ini disarankan agar mengedarkan borang pendaftaran di pelbagai tempat yang mudah dicapai, seperti di masjid, melalui ketua kampong, kantor hal ehwal agama kecamatan dan sebagainya. Tujuannya ialah memudahkan orang awam mendapatkan borang pendaftaran khasnya mereka yang berada di luar Bandar. Ini disebabkan terdapat sebilangan masyarakat yang membuat aduan sulitnya mendapatkan borang pendaftaran zakat selain jarak yang jauh dengan

institusi ini. Pihak BAZDA Kerinci juga perlu membuat pendaftaran online di laman webb untuk memudahkan masyarakat membuat pendaftaran.

14. Memberikan Kemudahan dan bantuan penyelenggaraan yang cukup

Kerajaan hendaknya dapat memberikan kemudahan dan bantuan penyelenggaraan yang cukup untuk BAZDA kerinci. Peruntukan bagi pejabat dan kenderaan operasional secara persendirian amatlah diperlukan. Sehingga pengurusnya dapat menjalankan tugas yang lebih selesa dan berkesan.

5.3. KESIMPULAN

Pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di BAZDA Kerinci telah menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan dari semasa kesemasa. Hal ini dapat dilihat dari peningkatan jumlah kutipan dalam tiap-tiap tahun dan jumlah penerima zakat yang terus meningkat, selain itu sepanjang penubuhan BAZDA Kerinci telah mempelbagaikan kaedah kutipan dan bentuk agihan zakat bagi meningkatkan taraf hidup kearah yang lebih baik. Kejayaan yang telah ditunjukkan oleh BAZDA Kerinci melalui peningkatan kutipan dan agihan zakat telah dapat membantu meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi ini. Adalah menjadi harapan besar bagi masyarakat Islam umumnya dan masyarakat Kerinci khasnya agar pelaksanaan kutipan dan agihan zakat bertambah efektif dan sistematik untuk masa-masa yang akan datang.

Walaupun pihak BAZDA Kerinci telah melakukan pelbagai pembaharuan akan tetapi permasalahan tidak dapat dielak oleh mana-mana institusi zakat terutama BAZDA Kerinci sendiri. Namun begitu pihak BAZDA Kerinci telah merancang

langkah-langkah kearah perbaikan kelemahan yang sedia ada sebagai inisiatif untuk mencapai kecemerlangan dimasa-masa yang akan datang.

University Of Malaya

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN UTAMA

Al-Qur'an Al-Karim.

Al-Hadith.

RUJUKAN KAMUS

Ahmad Bin Kadi. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, 2003.

Dendy Sugono. *Kamus Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional, 2008.

Hajah Noresah bt Bahrom. *Kamus Dewan Edisi ketiga, C.3*. Kuala Lumpur: DBdp, 1997.

_____ et al. (ed). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

RUJUKAN ARAB

Abū Umar Yūsuf bin Abdillāh al-Qurṭubī (t.t), *al-Kāfi fī Fiqh Ahlu al-Madīnah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah).

Al-Bahūtī Manṣūr Ibn Yūnus Idrīs. *Kashaf al-Qinā 'an Matn al-Iqnā*. J.2 (Beirut: Dār al-Fikr), 1982.

Ibnu Qudāmah. *Abdullāh bin Qudāmah al-Maqdisī* al-Mughnī. J.4. Bab Zikr Ahli al-Zakāh, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth), 2004.

Ibnu Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid*, (Jakarta: Pustaka Amani), 2007.

Muhammad 'Ali al-Ṣabūnī. *Safwah al-Tafāṣīr*. (Beirut: Dār- al-Qur'ān al-Karīm), 1987.

Murtadā al-Zabīdī, Muḥammad bin Muḥammad (t.t), *Tāj al-'Arūṣ min Jawāhir al-Qāmūs*, J.28.T.tp: al-Hidāyah.

Mawardī, ‘Alī bin Muhammad bin Ḥabīb (t.t.) *al-Āḥkām al-Ṣūlṭāniyyah*. T.tp: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Mohammad bin Ismail. *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Jam’i Adillah al-Āḥkām*. J, 2, c, 1, (Qaherah: Dār al-Ḥadīth), 2000.

S. Abū A’lā al-Mawdūdī. *Let Us Be Muslim*, Terj. ’Khurram Murad. (Kuala Lumpur: The Islamic Fondation), 1986.

Sālim ‘Abd al-Ghānī al-Rāfi’ī. *Muhtaṣar al-Majmū Sharḥ al-Muhazzib*. J. 5&6, C. 1, (Jeddah: Muhtabah Sawadi Li al-Tawzī’), 1995.

Wahbah Zuhayrī. *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Damsyik: Dār al-Fikr, 1984.

RUJUKAN BAHASA MELAYU

Abdul Azis Dahlan (eds). *Ensiklopedia Hukum Islam*, (Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve), 1996.

As’ad Aliy, *Terjamah Fathul Mu-in*, Jilid 2. (Kudus: Menara Kudus), 1979.

Abdullah. *Panduan Menyempurnakan Zakat*. (Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa), 2001.

Abdurrahman Qadir. *Zakat Dalam Dimensi Mahdhah dan Sosial*. Jakarta (PT. Raja Grafindo Persada), 1998.

Abdul Rachim dan Fathoni. *Syariat Islam: Tafsir Ayat-Ayat Ibadah*, Edisi I, (Jakarta: Rajawali), 1987.

Abu Abdilah Muhammad bin Ismail Bukhari. *Shahih Bukhari Set 1 jilid 4*. Syed Ahmad Semait (terj.) Singapura: kerjaya Printing Indudries Pte Ltd, 2006.

Afzal-ur-Rahman. *Doktrin Ekonomi Islam*.(Kuala Lumpur: Syarikat Is), 1991.

Audit Ghazali. *Zakat Satu Tinjauan*. (Selangor: IBS Buku Sdn.Bhd), 1988.

Armiadi. *Zakat Produktif Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Ummat*. (Yogyakarta: AK GROUP), 2008.

Abdul Azis Ismail. *Penawar Bagi Hati* (Kuala Lumpur: Dinie Publisher), 2001.

Ali Akbar Osman. *Mengapa Perlu Membayar Zakat* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah), 1996.

Burhan Bunging. *Metodologi Penelitian Kuantitatif*. Jakarta (Kencana Prenada Media Group), 2005.

Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education), 2006

Direktorat Pengembangan Zakat dan Wakaf Dirjen Bimas Islam Dan Penyelenggara Haji Depag RI, Pedoman Zakat, 2003, 108.

Didin Hafidhuddin. *Zakat Dalam Perekonomian Modern* (Jakarta: Gema Insani), 2002.

————— *Panduan Praktis Tentang Zakat, Infak, dan Sedekah* (Jakarta: Gema Insani Press), 1998.

Dawan Rahardjo. *Perspektif Deklarasi Makkah Menuju Ekonomi Islam*. (Bandung: Mizan), 1987.

Dr. Edwar Jamaris. *Pengantar Sastra Rakyat Minang Kabau. Ed.ke-1* (Jakarta: Yayasan Obar Indonesia), 2002.

Enizar dkk. *Reinterpretasi Pendayagunaan ZIS Menuju Efektifitas Pemanfaatan ZIS* (Jakarta:Piramedia), 2004.

Fakhruddin. *Fiqh dan Pengelolaan Zakat di Indonesia* (Malang: UIN Malang Press) 2008.

Farida Prihatin, Uswatun Hasanah dan Wirdyaningsih, *Hukum Islam; Zakat dan Wakaf Teori dan Prakteknya di Indonesia*, (Jakarta: Papas Sinar Sinanti Kerjasama dengan Fakultas Hukum Universitas Indonesia), 2005.

Hadibroto. *Metode Research*(Sumatera Utara: USU, Fakultas Ekonomi), 1965.

Hasan bin Ahmad bin Muhammad bin Sālim al-Kaff, *al-Taqrīrāt al-Sadīdah, Bagian Ibadah*, (Surabaya: Dār al-Umm al-Islāmiyah, 2003), 397.

H. Gazali Mansyur. *Perjuangan dan Perlawanan Rakyat Kerinci Pada Agresi Belanda ke II*. (Jambi: Pemerintah Propinsi Jambi), 2002.

Idris Jakpar dan Indra Idris. *Menguak Tabir Prasejarah Di alam Kerinci* (Dikbud: Kerinci), 2001.

Iskandar Zakaria. *Tambo Sakti Alam Kerinci I*, Jakarta (Departemen Pendidikan dan Kebudayaan), 1989.

Imam Barnadid. *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbit, FIB-IKIP), 1982.

Jakim. *Panduan Zakat Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Percetakan (M) Berhad), 2001.

Koentjaraningrat. *Metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: Gramadian), 1977.

Moleong, Lexy J. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung (PT Remaja Rosdakarya), 2005.

Muhamad Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), 1998.

Mohamad Uda Kasim. *Zakat, Teori Kutipan Dan Agihan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors), 2005.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid. *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dawana Sdn. Bhd), 2003.

Mursidi. *Akuntansi Zakat Kontemporer* (Bandung: PT Rosda Karya), 2003.

Muhammad Daud Ali. *Sistem ekonomi Islam Zakat dan Wakaf*. (Kuala Lumpur: UI pres), 1998.

Muhammad. *Zakat Profesi: Wacana Pemikiran Dalam Fiqh Kontemporer* (Jakarta: Salemba Diniyah), 2002.

Muhammad Jawwād Mughniyah. *al-Fiqh ‘alā al-Madhāib al-Khamzah, Masykur A.B dkk, Fiqh Lima Madzhab* (Jakarta: Lentera), 2005.

Muhsin Nasrudin Dasuki. *100 Pesanan Terakhir Rasulullah* (Al-Qur'an & Sunnah), 2012.

Nazar Bakry. *Problematika Fiqh Islam* (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada), 1994.

Nugroho Natosusanto. *Norma-norma Dasar Penelitian dan Penelitian Sejarah* (Jakarta Pusat Sejarah ABRI), 1971.

Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris), 2009.

Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional. *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Jakarta: Balai Pustaka), 2001.

Saipudin Azwan. *Metode Peneltian* (Yogyakarta:Pustaka Pelajar), 1985.

Saifudin Zuhri. *Zakat Kontekstual* (Semarang: CV Bima Sejati), 2000.

Shopian Ahmad dan Amir Husin Mohd. Nor. *Zakat Membangun Ummah* (Kuala Lumpur: Sanon Printing Corporation Sdn Bhd), 2002.

Sofyan Hasan. *Pengantar Hukum Zakat dan Wakaf* (Surabaya: al-Ikhlas)1995.

Sutrisno Hadi. *Metodologi Reseach*. Yogyakarta(UGM, Fakultas Psikologi), 1984.

Syukir Ghazali dan Amidhan (eds). *Pedoman Zakat*, (Jakarta: Proyek Pembinaan Zakat dan Wakaf), 1985.

- Tay Kui Khoon. *Pendidikan Moral* (Johor Darul Takzim: Pelangi Sdn, bhd), 2007.
- Yasin Ibrahim al-Syaikh. *Zakat, Membersihkan Kekayaan, Menyempurnakan Puasa Ramadhan*, (Bandung: Marja), 2004.
- Yusuf Abdussalam. *Orang Beriman Bayarlah Zakatmu; Hikmah dan Aturan-aturan Ibadah Zakat*, (Yogyakarta: Media Insani Pustaka), 2008.
- Yusuf Qardawi. *Hukum Zakat*. Salman Harun dan Didin Hafidhuddin (terj.), Jakarta: Pustaka Litera Antar Nusa, 2007.
- *Bagaimana Mengatasi Masalah Ekonomi Dalam Islam*. Nur Habib El Mehboob (terj.) Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2009.
- *Fatwa-fatwa konteporer*, (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar), 2002.

RUJUKAN INGGERIS

- Abu A'Ala Al-Maududi. *Let Us Be Muslim*. terj. Khurram Murad, Kuala Lumpur: The Islamic Fondation, 1986.
- C.W.Watson. *Khinship, Peoperty and Incheritance in Kerinci, Central Sumater*. United Kingdom: University of Kent at Canterbury, 1992.
- Didin Hafidhuddin. *The Power of Zakat: Studi Perbandingan Pengelolaan Zakat Asia Tenggara*. Cetakan I, Malang: UIN-Malang Press, 2008.
- Horn dkk. *The Advanced Learner's Dictionary of Current English*. (Britain: Oxford University), 1973.
- Louis Gottschalk, UnderstandingHistory: *A Primer of Historical Method*, Ter. Nugroho Natosusanto, ed.2. (Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia), 1975.
- M.A Mannan. *Islamic Economics: Theory and Practice*. Cambridge: The Islamic Cademy, 1986.
- S. Hadibroto. *Metode Research*, Sumatera Utara: USU, Fakultas Ekonomi, 1965.

ARTIKEL JURNAL

Ahmad Hidayat Buang, “Kutipan Dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Perhatian”, *Jurnal Syariah, Volume. 7, No. 2, pp-150*, 1999.

Asnaini, “Fungsi Zakat Dengan Sistem Tiga Penjuru”, *Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan, Vol. 8, No. 2*, 2008.

Agustina Mutia dan Anzu Elvia Zahara, “Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesejahteraan Ekonomi Mustahik Melalui Pemerkasaan Zakat: Kajian Penyaluran zakat Produktif/Modal Usaha pada BAZDA Kota Jambi” *Jurnal Kontekstualita, Vol. 25 No. 1*, Juli, 2009.

Amir Mualim, “Pengelolaan dan Pendayagunaan Zakat: Kajian di Masjid di Jogjakarta” *Jurnal Mukaddimah, Vol. 18, No. 1*, Februari, 2012.

Diah Hariani, “Wacana Zakat Sebagai Sumber Kewangan Daerah dan Instrumen Pengaturan Zakat Di Daerah” *Jurnal Ilmu Administrasi dan Kebijakan Publik , Vol. 5, No. 2*, Januari, 2008.

Firmansyah, “Potensi Dan Peranan Zakat Dalam Mengurangi Kemiskinan” (Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Katalog Dalam Terbitan Pusat Dokumentasi Dan Informasi Ilmiah LIPI 297.ISBN : 978-602-8659-27-7, 2009.

Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad, “Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya”. *Internasional Journal Of Management Studies 12 (2), 173-19*, 2005.

Hairunizam Wahid dan Radiah Abdul Kader, “ Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia”. *Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol. 4, No. 1*, 2010.

Hasani Ahmad Said, “Peranan Strategis Pengurusan Zakat dalam Upaya pembasmian kemiskinan” *Jurnal Bimas Islam, Vol. 1 no. 3*, 2009.

Hardiyansyah, “Pengurusan Strategik Kutipan Zakat, Imfaq dan Sedekah Pada Era Otonomi Daerah Studi Kasus Di Daerah Istimewa Yogyakarta”, *jurnal Ilmiah Indonesia, Vol. 4, No. 1: 771-789*, 2004.

Ira Alia Mairani, “Aplikasi Nilai-nilai Islam Dalam Peraturan Daerah (PERDA) Tentang Pengurusan zakat Dan Problematikanya Pada Era Outonomi Daerah: Kajian Di Kota Semarang” *Jurnal hukum, Vol. XXVIII, No. 2*, Desember, 2012.

M. Sularno “Pengurusan Zakat Oleh BAZDA Kabupaten se kawasan Daerah Istimewa Yogyakarta: Studi terhadap Implementasi Undang-undang Zakat no.

38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat” *La Riba Jurnal Ekonomi Islam*, Vol. IV, No. 1, Juli, 2010.

Muhammad Yamin Ismail, “Pengagihan zakat Di Wilayah Persekutuan, Memperkasakan Agihan zakat Dan Perbelanjaan Penggunaan zakat”. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol, 1, No. 2, 2007.

Wahyudi Marhaen, “Mengoptimalkan Zakat Bagi Kesejahteraan” *Jurnal Nasional*. Vol. 14, No. 1, 2013.

Sanep Ahmad dan Hairunnizm Wahid, “ Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal”. *Jurnal Ekonomi Malaysia* no. 39, 2005.

KERTAS PERSIDANGAN

Didi Rosiyadi, “Perancangan Sistem Komputerisasi Pungutan dan Agihan Zakat, Infak Dan Shadaqah di Tasik Malaya” (Seminar Nasional Teknologi dan Informasi. Yogyakarta, 18 Juni 2005).

Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat. Kajian: Terhadap Masyarakat Islam Di Selangor”, (Persidangan Zakat Kuala Lumpur Malaysia, 22 - 24 November), 2011.

DESERTASI

Abdul Kadir, “Pengurusan zakat di BAZDA Kota Blitar: Studi Implementasi dan Aplikasi UU No 38 tahun 1999 Tentang Pengurusan Zakat” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Islam Malang), 2006.

Humam daud, “Kutipan zakat dan Agihannya: Suatu Kajian Di Awal Islam” (Disertasi Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), 2004.

Pamuzi Yahya, “Pengagihan Zakat Di Malaysia” (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), 1996.

Siti Mariam Binti Mat, “Pungutan dan Agihan Zakat Negeri Melaka” (Tesis, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), 2002.

LAMAN WEB

Muhammad Nizam Ab. Ghani, "Pejabat Awam Perlu Neutral," dicapai 11 September 2013, <http://www.dwnmasyarakat.dbp.my>

Kamus Bahasa Indonesia, Sejarah." Laman sesawang, dicapai 08 Jun 2011, <http://kamusbahasaindonesia.org/sejarah>

Kamus Bahasa Indonesia.Tulus." Laman sesawang, dicapai 11-September-2013 <http://kamusbahasaindonesia.org>

Kamus Bahasa Indonesia, Konsumtif." Laman sesawang, dicapai 03-Jun-2011 <http://kamusbahasaindonesia.org/konsumtif>

Kamus Bahasa Indonesia, Konvensional." Laman sesawang, dicapai 03-Jun-2011 <http://kamusbahasaindonesia.org/konvensional>

Siddiq al-Jawi, "Mengkaji Ulang Mekanisma Agihan Zakat Dalam Masyarakat Modern" Laman sesawang Jurnal Ekonomi Ediologis, dicapai 17 Mac 2009, <http://www.jurnal-ekonomi-org/reinterpretasi-alokasi-zakat-mengkaji-ulang-mekanisme-distribusi-zakat-masyarakat-modern/>

Sapi Bali adalah sejenis sapi hasil penjinakan dari bibos banteng/lembu jantan dengan berat mencapai 680-810 kg. Wikipidia, " Sapi Bali" laman sesawang, dicapai 30 November 2011,http://id.wikipedia.org/wiki/Sapi_bali

SENARAI STATUT

Undang -undang Dasar Republik Indonesia Pasal 29 ayat 2 Tahun 1945.

Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38.Pasal 12, 1999).

Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38.Bil 1 ayat 6, 1999).

Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38.Bil 6 ayat 4, 1999).

Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38.pasal 18,19 20, 1999).

Undang-undang Pengurusan Zakat (Republik Indonesia), 1999, (akta No. 38. Pasal 16, ayat 2, 1999)

Keputusan Menteri Agama RI Nomor 373 Tahun 2003 Tentang Pelaksanaan. UU Nomor 38 Tahun 1999 Tentang Pengurusan Zakat.

Keputusan Direktorat Jendral Bimbingan Masyarakat Islam dan Urusan Haji. Nomor D-291Tahun 2000 Tentang Teknikal Pengurusan Zakat.

SK Bupati No. 451.15/Kep.24/2004 Tentang Pembentukan Pengurus BAZDA.

LAPORAN

Kantor Pusat Statistik Kabupaten Kerinci, 2008

Kerinci Dalam Angka, BPS 2008

Dinas Pertanian Tanaman Pangan dan Hortikultura 2008

Dinas Kesehatan Kabupaten Kerinci 2008

Laporan Data Elektronik SETDA Kerinci 2009

Laporan Tahunan BAZDA 2008

Laporan Tahunan BAZDA 2009

Laporan Tahunan BAZDA 2010

Laporan Tahunan BAZDA 2011

Laporan Tahunan BAZDA 2012

Badan Statistik Kabupaten Kerinci 2009

Badan Pertanahan Nasional Kabupaten Kerinci, 2012

Pemerintah Daerah Kerinci Tahun 2012

Badan Statistik Kabupaten Kerinci 2011

Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci 2012

Badan Pusat Statistik Kabupaten Kerinci 2013

Dinas Pendidikan Kabupaten Kerinci 2012

Dinas Kesehatan Kabupaten Kerinci, 2012

TEMUBUAL

PENGURUSI BAZDA KERINCI

NO	NAMA	JABATAN	TARIKH
1	H. Basrial Syah	Pengetua BAZDA-Kerinci	14 Januari 2010 18 Januari 2010 21 Januari 2010 16 Februari 2010 14 Januari 2013 22 Januari 2013 18 Februari 2013 7, 10, 11 Desember 2014
2	H.M, Jali Oha	Pengurusi BAZDA-Kerinci	19 Januari 2010
3	Awan Setio Budi	Setia Usaha BAZDA-Kerinci	20 Januari 2010 24 Januari 2010
4	Kiki Puspita Dewi	Ahli Devisi Pengumpulan BAZDA-Kerinci	15 Februari 2010 3 Februari 2013
5	H. Harmalis	Ketua Dewan Pengawas BAZDA-Kerinci	20 Januari 2010
6	Joni Afrizal	Sekretariat BAZDA-Kerinci	15 Januari 2011
7	H. Bustami	Timbalan Ketua 2 BAZDA-Kerinci	24 Januari 2010
8	H. Alwi	Anggota Bahagian Agihan BAZDA Kerinci	24 Januari 2010
9	Sukardi S.Ag	Ketua Devisi Pemamfaatan BAZDA-Kerinci	28 Januari 2010
10	H. Ratman	Unit Bahagian Agihan BAZDA-Kerinci	17 Januari 2011 28 Januari 2011
11	Drs. Amri Syah	Ketua Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci	06 Januari 2010
12	Erwan. SH	Ahli Devisi Pemamfaatan BAZDA-Kerinci	06 Februari 2010
13	Yusuf Bakri	Ahli Devisi Pemamfaatan BAZDA-Kerinci	06 Oktober 2011
14	Ahmadi. S.HI	Ahli Devisi Agihan BAZDA-Kerinci	09 Oktober 2011
15	Heldison	Bendahari BAZDA Kerinci	27 Oktober 2011 06 Februari 2013
16	Thamrin	Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci	28 Oktober 2011
17	Arena. SE	Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci	13 Februari 2010 28 Oktober 2010 13 Desember 2014
18	Hj. Lisnadra Khatib	Ahli Devisi Pengagihan BAZDA-Kerinci	13 Februari 2010
19	Firdaus S.A	Setiausaha BAZDA-Kerinci	18 Februari 2010
20	Akhiaruddin Hamid	Timbalan Ketua 2 BAZDA Kerinci	21 Januari 2013
21	H. Nursaidin	Timbalan Setiausaha BAZDA Kerinci	14 Desember 2014

MUZAKKI

Sumarni (Pegawai MAN Sebukar), dalam temubual dengan penulis, 10 Januari 2013.

Rosna Norma (Petani), dalam temubual dengan penulis, 17 Januari 2013.

Muhammad Faizin (Pegawai Kerajaan), dalam temubual dengan penulis, 17 Januari 2013.

Muhammad Rusdi (Pegawai Kerajaan) dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2013.

Mukhtar (Muzakki MAN Sebukar) dalam temubual dengan penulis, 22, Januari 2013.

Zaini Iskandar (Pegawai Negeri MAN Sebukar), dalam temubual dengan penulis, 22 Januari 2013.

Abidin Rustam (Muzakki), dalam temubual dengan penulis, 23 Januari 2013.

Helmi (Peniaga Barang-barang Bangunan), dalam temubual dengan penulis, 27 Januari 2013.

Misdawati (Pegawai MAN 3 Pendung Talang Genting), dalam temubual dengan penulis 3 Februari 2013.

Arifuddin (Pegawai MAN 3 Pendung Talang Genting), dalam temubual dengan penulis, 3 Februari 2013.

Zakaria Wahab (Muzakki), dalam temubual dengan penulis, 7 Februari 2013.

Junaidah (Muzakki-MTsN Semerah), dalam temubual dengan penulis, 9 Februari 2013.

Hilman (Muzakki) dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2013.

MUSTAHIK

Hasdarni (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2013.

Zuliani (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

Syafrizal Hamid (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

Lahmuddin (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 17 Januari 2013.

Aliarni (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 24 Januari 2013

Mulyadi (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 7 Februari 2013.

Napiyah (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 7 Februari 2013.

Abdul Salis (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 13 Februari 2013.

Ginarto (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2013.

Darmanto (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 15 Februari 2013.

Ria Sandra (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2013.

Mustapa (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 19 Februari 2013.

Marwin (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 19 Februari 2013.

Saleh Umar (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 19 Februari 2013.

Nurhayati (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 22 Februari 2013.

Misnawati (Mustahik), dalam temubual dengan penulis, 22 Februari 2013.